PELAKSANAAN DASAR KESENIAN DI NEGERI KELANTAN DARI TAHUN 1990 HINGGA 2015: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF SIASAH SYAR'IYYAH

MOHD ASRI BIN CHE IBRAHIM

University of Malaya

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2018

PELAKSANAAN DASAR KESENIAN DI NEGERI KELANTAN DARI TAHUN 1990 HINGGA 2015: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF SIASAH SYAR'IYYAH

MOHD ASRI BIN CHE IBRAHIM

TESIS DISERAH
SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN BAGI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2018

University of Malaya

PELAKSANAAN DASAR KESENIAN DI NEGERI KELANTAN DARI TAHUN 1990 HINGGA 2015: ANALISIS MENURUT PERSPEKTIF SIASAH SYAR'IYYAH

ABSTRAK

Prinsip utama dalam pelaksanaan *siasah syar'iyyah* ialah bertindak terhadap sesuatu perkara berdasarkan kemaslahatan dan kebajikan untuk rakyat. Dengan itu, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti kedudukan *siasah syar'iyyah* dan pengamalannya dalam bidang kesenian di negeri Kelantan dari tahun 1990 hingga 2015. Untuk mencapai objektif tersebut, penulis telah meneliti polisi kesenian kerajaan Kelantan dan penerapannya dalam Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998, Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Hiburan)1998 dan Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003. Namun begitu kajian ini lebih berfokus kepada penerapan dasar kesenian dan hiburan mengikut perspektif *siasah syar'iyyah* melalui penguatkuasaan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dengan membuat analisa terhadap program pembaharuan kerajaan Kelantan dalam bidang kesenian dan hiburan. Untuk mencapai tujuan tersebut, penulis telah menggunakan kaedah perpustakaan dan analisis dokumen rasmi seperti surat pekeliling, warta, enakmen dan garis panduan yang dikeluarkan oleh kerajaan Kelantan. Hasil kajian, penulis mendapati pembaharuan yang dilakukan sepanjang tempoh tersebut menepati dengan *siasah syar'iyyah* dan menjadikan aktiviti kesenian dan hiburan di Kelantan yang lebih Islamik. Diharapkan kajian ini dapat menyumbang kepada pengkayaan khazanah budaya Melayu Islam yang bersesuaian dengan syariat serta pembentukan model *siasah syar'iyyah* dalam bidang kesenian dan hiburan yang bertepatan dengan hukum syarak. Semoga kajian ini dapat membantu para pengkaji kesenian pada masa akan datang.

Kata kunci: Siasah syar' iyyah, Kelantan, kesenian, polisi, Hiburan

University of Malaya

THE IMPLEMENTATION OF THE ARTS POLICY IN THE STATE OF KELANTAN FROM 1990-2015: AN ANALYSIS FROM SIASAH SYAR'IYYAH PERSPECTIVE

ABSTRACT

The main principle in the implementation of *siasah syar'iyyah* is to act on such issues based on the easiness and welfare of the people. With that, this study is conducted to determine the implementation of *siasah syar'iyyah* in the area of arts in the state of Kelantan from the year 1990 to 2015. In achieving the objectives, the author has gone through the Kelantan state government's art policies and the application of the entertainment control enactment and the entertainment places 1998, guidelines for culture (entertainment) show 1998 and guideline for entertainment control 2003. However, this study focuses on the infusion of culture and entertainment foundation according to the *siasah syar'iyyah* perspective through the enforcement of entertainment control enactment and entertainment event 1998 by analysing the renewal program of the Kelantan government in the area of culture and entertainment. In achieving the objectives, the author applies the library method and official documentary analysis such as circulars, news, enactment and guidelines published by the state government. From the findings, the author found that the renewal done in the period, conform to the *siasah syar'iyyah* and has made the art and culture activities throughout the duration to be more Islamic. It is hoped that this study can contribute to the enrichment of the Islamic Malay culture that conform to the Islamic teaching and the formation of *siasah syar'iyyah* model in the area of culture and entertainment that is in line with the syaria. It is hopd that this study can help cultural researchers in the future.

Keywords: Siasah syar'iyyah, arts, policy, Kelantan, entertainment

University of Malaya

PENGHARGAAN

Alhamdulilah syukur kepada hadrat ilahi kerana dengan nikmatNya penulis dapat menyiapkan tesis ini. Sekalung budi ditujukan buat penyelia penyelidikan ini, Prof. Madya Dr. Shukeri Mohammad kerana telah banyak meluangkan masa dan memberi tunjuk ajar kepada penulis bagi menyiapkan tesis ini. Tidak lupa juga kepada Dr. Zaidi Abdul Rahman, Dr.Baharuddin Che Pa dan Prof. Lokman Thaib kerana banyak menolong penulis untuk menyiapkan tesis ini. Terima kasih juga kepada tiga orang pemeriksa tesis iaitu Profesor Dr. Ahmad Fauzi Abdul Hamid (USM), Profesor Dr. Mohd.Kamarulnizam Abdullah (UUM) dan Prof. Madya Dr. Siti Arni Bashir (UM) dan semua kakitangan Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Sejuta penghargaan ditujukan kepada Haji Samsuddin Mamat Pengarah Bahagian Perlesenan MPKB-BRI, Hj. Ropein Hassan Pengarah Jabatan Pembangunan Islam MPKB-BRI dan pegawai-pegawai di Unit Penerangan Kerajaan negeri Kelantan, Hj Abdullah Razak selaku Ketua Unit Halaqat Kelantan. Begitu juga Encik Nordin Hussin Pengurus Gelanggang Seni, Puan Rohani Mohd Zain jurulatih makyung Kumpulan Seri Temenggong, Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan dan pegawai-pegawai di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara cawangan Kelantan kerana memberi maklumat tentang perkembangan kesenian di negeri Kelantan dari tahun 1990 hingga 2015.

Terima kasih kepada isteri penulis sendiri iaitu Ainun Afifah bt. Mustapha dan ibu penulis Saodah Binti Hussin kerana banyak membantu dan memberi semangat kepada penulis dalam menyiapkan tesis ini. Begitu juga dengan anak-anak

University of Malaya

kerana sanggup bersabar dengan kesibukan bapanya. Ribuan terima kasih juga kepada Pengarah IPG Kampus Kota Bharu, Ketua Jabatan JAPIM, kakitangan Perpustakaan Universiti Malaya Nilam Puri dan Perpustakaan Tok Kenali IPGKKB kerana memberi kerjasama dan semangat kepada penulis. Tidak lupa juga kepada sahabat-sahabat di Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu kerana memberi kerjasama dan semangat dalam menjalankan penyelidikan ini.

University of Malaya

JADUAL KANDUNGAN

Abstrak …… iii

Abstract ……... iv

Penghargaan …….. v

Jadual Kandungan ……. vii

Senarai Jadual ……... xii

Senarai Simbol dan Singkatan …….. xiii

Senarai Lampiran …….. xiv

Jadual Transliterasi …….. xv

BAB 1 : PENGENALAN

1.1. Pengenalan …….. 1

1.2. Latar Belakang Kajian ……..……. 4

1.3. Permasalah Kajian ……..... 7

1.4. Objektif Kajian…….……. 14

1.5. Skop Kajian ...……..……... 15

1.6. Kepentingan Kajian…… 16

1.7. Sorotan Literatur ……... 18

1.8 Metodologi Kajian ……. 46

1.9 Penyusunan Bab 50

BAB 2: KONSEP SIASAH SYAR'IYYAH DAN KEPENTINGANNYA DALAM KESENIAN

2.1. Pengenalan …….. 52

University of Malaya

2.2. Pengertian *Siasah Syar'iyyah* Menurut Bahasa ……..... 53

2.3. Pengertian *Siasah Syar'iyyah* Menurut Istilah 60

2.4 Peranan Ijtihad Dalam Pelaksanaan *Siasah Syar'iyyah* …… 70

2.4.1. *al-Istislah* …… 71

2.4.2. *Sadd al-Zara'i* …… 73

2.4.3. *al-'Urf* …… 75

2.5. Teori *Maqasid Syariah* Sebagai Tonggak *Siasah Syar'iyyah* ……... 79

2.5.1. *Maslahah Daruriyyah* …… 79

2.5.2. *Maslahah Hajiyyah* …… 85

2.5.3. *Maslahah Tahsiniyyah* …….. 85

2.6. Konsep Kesenian Menurut Pandangan Islam …… 88

2.6.1. Pandangan Ulama Tentang Nyanyian dan Hiburan …… 90

2.6.2. Pandangan Ulama Tentang Alat Muzik …… 96

2.6.3. Pandangan Ulama Tentang Suara Wanita Dalam Hiburan 98

2.7. Kedudukan *Siasah Syariyyah* Dalam Bidang Kesenian dan Hiburan ……. 100

2.7.1. *Siasah Qada'iyyah* 100

2.7.2. *Siasah Maliyyah* 101

2.7.3 *Siasah Kharijiyyah atau Siasah Dauliyyah* 101

2.7.4. *Siasah al-Dusturiyyah* 101

2.8. Kesimpulan …… 103

BAB 3 : PERKEMBANGAN KESENIAN DAN POLISI KERAJAAN KELANTAN SEBELUM DAN SELEPAS TAHUN 1990

3.1. Pengenalan ……... 105

3.2. Bentuk Kesenian Yang Diamalkan Di Negeri Kelantan ……..... 106

109

University of Malaya

3.2.1. Wayang Kulit 111

3.2.2. Makyung 112

3.2.3. Main Puteri 115

3.2.4. Menora 116

3.2.5. Dikir Barat 119

3.3. Keadaan Kesenian dan Hiburan Sebelum Pemerintahan PAS Di Kelantan ……. 123

3.3.1. Polisi Kesenian Sebelum Pemerintahan PAS Di Kelantan …….. 127

3.3.2. Strategi dan Perlaksanaan Polisi Kesenian Sebelum Pemerintahan PAS 131

3.3.3. Mewujudkan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Cawangan ……. Kelantan. 132

3.4. Perkembangan Kesenian Di Kelantan Selepas Tahun 1990 132

3.4.1. Mewujudkan Dasar Kesenian Kelantan …….. 135

3.4.2. Penstrukturan Semula Pusat Penerangan Pelancongan dan Gelanggang… Seni. 144

3.5. Perkembangan Sektor Pelancongan di Kelantan Sebelum dan Selepas ……... Tahun 1990 149

3.6. Kesan Pelaksanaan Dasar Kesenian Terhadap Sektor Pelancongan Di Kelantan . 151

3.7. Pandangan Ahli Politik Terhadap PAS Kelantan..... 153

3.8. Kesimpulan ……

BAB 4 : PELAKSANAAN DASAR KESENIAN DI KELANTAN DARI TAHUN 1990 HINGGA 2015 155

4.1. Pengenalan …….. 156

4.2. Fatwa Jemaah Ulamak Majlis Agama Islam dan Pandangan Kerajaan…….. Negeri Kelantan Berkaitan Dengan Hiburan 165

4.3. Menggubal Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 …… 168

4.4. Mewujudkan Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Hiburan) di Negeri….. Kelantan 1998 172

4.5. Penguatkuasaan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan …… 1998 Terhadap Penggiat Seni di Kelantan 172

University of Malaya

4.5.1. Wayang kulit..... 181

4.5.2. Main Puteri..... 182

4.5.3. Makyung 183

4.5.4. Menora 191

4.6. Penguatkuasaan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998. Dalam Daerah Kota Bharu 195

4.6.1. Perbezaan Antara Enakmen Kawalan Hiburan dan Garis Panduan Hiburan Kelantan Dengan Negeri Lain..... 199

4.6.2. Kelemahan Pelaksanaan Enakmen Kawalan Hiburan Kelantan..... 204

4.7. Bentuk-bentuk Pelaksanaan Dasar Kesenian oleh Kerajaan Kelantan ……. 209

4.8. Kesan Pelaksanaan Enakmen Kawalan Dan Tempat-tempat Hiburan 1998 Terhadap Penggiat Seni Kelantan ……. 215

4.9.Kesimpulan …….

BAB 5 : ANALISIS *SIASAH SYAR'IYYAH* DALAM PELAKSANAAN DASAR KESENIAN DI NEGERI KELANTAN 217

5.1. Pengenalan …….. 218

5.2 Pembentukan Dasar Kesenian Kelantan Selaras Dengan Maqasid Syariah …..... 217

5.3. Penggubalan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan Serta Garis Panduan Persembahan Hiburan 1998 Berdasarkan Nas-nas Syarak … 225

5.4. Menonjolkan Konsep Siasah Syar'iyyah Dalam Program Kesenian …..... 225

5.4.1 Mewujudkan Hiburan Alternatif Berasaskan Nilai–nilai KeIslaman..... 228

5.4.2 Menurup Pusat Hiburan Yang Menjadi Sarang Maksiat dan Gejala Sosial. 230

5.4.3 Mengawal Kesenian Tradisional Supaya Tidak Bertentangan Dengan ..... Islam 231

5.5. Menjadikan Aktiviti Kesenian Sebagai Medan Dakwah..... 235

5.6. Pelaksanaan Dasar Kesenian Meningkatkan Syiar Islam Di Kelantan 238

5.7. Menjaga Maruah Kaum Wanita Melalui Program Kesenian dan Hiburan..... 238

University of Malaya

5.7.1. Kawalan Penglibatan Wanita Dalam Akttiviti Kesenian dan Hiburan 240
5.7.2. Konsert Khas Untuk Wanita ……. 241
5.7.3. Melarang Iklan Hiburan Menggunakan Wanita Tidak Menutup Aurat …... 242

5.7.4. Suara Wanita Sebagai Aurat …… 244

5.8. Membuktikan Keadilan Islam Kepada Golongan Bukan Islam Dalam Bidang Kesenian dan Hiburan …..... 246

5.9. Penggunaan Kaedah Ijtihad Dalam Perlaksanaan Dasar Ksenian Di Kelantan 249

5.10.Program Kesenian di Kelantan Menurut Perspektif *Maqasid Syariah*..... 249

5.10.1.*al- Dharuriyyat*..... 250

5.10.2. *al-Hajiyyat* 251

5.10.3. *al-Tahsiniyyat*..... 251

5.11. Kesan Pelaksanaan *Siasah Syar'iyyah* Kepada Masyarakat Kelantan 253

5.12. Kesimpulan.....

BAB 6 : RUMUSAN DAN CADANGAN 257

6.1 Rumusan…….. 257

6.1.1. *Siasah Syar'iyyah* Digunakan Sebagai Kaedah Pentadbiran …… 260

6.1.2.Penggubalan Garis Panduan Kebudayaan (hiburan) Berdasarkan *Maslahah al- Mu'tabarah* …….. 262

6.1.3. Memasukkan Unsur Kebaikan Dan Menolak Unsur Keburukan Dalam Kesenian Kelantan ……..…….. 265

6.1.4.Program-program Kesenian di Kelantan Berasaskan *Maqasid Syariah* 265

6.1.5.Pelaksanaan Dasar Kesenian Meningkatkan Kerjasama Antara Agensi Kerajaan Negeri ……..……. 266

6.1.6.Pelaksanaan *Siasah Syar'Iyyah* Dalam Bidang Kesenian Dapat Memperbetulkan Persepsi Masyarakat Terhadap Kesenian ……. 268

6.1.7.Pengaruh Luar dan Penggunaan Alat Muzik Dalam Kesenian Di Kelantan…….. 269

6.2 Cadangan …….. 272

6.3 Kesimpulan ……... 274

University of Malaya

BIBLIOGRAFI ……..

SENARAI JADUAL

Jadual 3.1 : Fungsi Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan

Jadual 3.2 : Jadual Aktiviti Kesenian Di Gelanggang Seni Kota Bharu 2014

Jadual 3.3 : Pencapaian Indeks Syariah Malaysia Dalam Pelbagai Bidang

Jadual 3.4 : Kemasukan Pelancongan Tempatan dan Antarabangsa Ke Kelantan Tahun 1984-1998

Jadual 3.5 : Aktiviti Untuk Menarik Pelancong Ke Kelantan Dari Tahun 2000 Hingga 2012

Jadual 3.6: Kemasukan Pelancong Tempatan dan Antarabangsa Ke Kelantan Tahun 2000 Hingga 2012

Jadual 3.7: Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2012 Hingga 2015

Jadual 4.1: Senarai Hiburan Yang Dibenarkan Kerajaan Kelantan

Jadual 4.2: Hiburan Yang Dilarang Di Kelantan

Jadual 5.1: Jumlah Penagih Dadah Di Kelantan

Jadual 5.2: Hari Kebesaran Islam dan Waktu Yang Dibenarkan Berhibur

Jadual 5.3: Unjuran Taburan Kumpulan Wayang Kulit (Aktif)

University of Malaya

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

1.	ADUN	:	Ahli Dewan Undangan Negeri
2.	APU	:	Angkatan Perpaduan Ummah
3.	BPR	:	Badan Pencegah Rasuah
4.	CSR	:	Corporate Social Responsibility
5.	DUN	:	Dewan Undangan Negeri
6.	EXCO	:	Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
7.	AADK	:	Agensi Antidadah Kebangsaan
8.	JAHEAIK	:	Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan
9.	JKKN	:	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
10.	JPP	:	Jabatan Pembangunan Persekutuan
11.	MAIK	:	Majlis Agama Islam Kelantan
12.	MCA	:	Malaysian Chinese Association
13.	MPKB-BRI	:	Majlis Perbandaran Kota Baru - Bandaraya Islam
14.	PAS	:	Parti Islam Semalaysia
15.	PIMP	:	Pan Malayan Islamic Party
16.	PBT	:	Pihak Berkuasa Tempatan
17.	PBB	:	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
18.	PKINK	:	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
19.	PKS	:	Pusat Kajian Strategik
20.	S46	:	Parti Semangat 46
21.	SPR	:	Suruhanjaya Pilihan Raya
22.	SUK	:	Setiausaha Kerajaan Negeri
23.	UMNO	:	United Malays National Organisation
24.	UPEN	:	Unit Perancang Ekonomi Negeri
25.	USM	:	Universiti Sains Malaysia
26.	UPKN	:	Unit Penerangan Kerajaan Negeri
27.	UUK	:	Undang-undang Kecil
28.	WKAB	:	Wayang Kulit Alaf Baharu
29.	YAB	:	Yang Amat Berhormat

University of Malaya

30. YIK : Yayasan Islam Kelantan

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1 : Surat Permohonan Mendapatkan Maklumat

Lampiran 2 : Jadual Program Pemuliharaan Kesenian Negeri Kelantan

Lampiran 3 : Pekeliling Garis Panduan Bagi Majlis-Majlis Rasmi Kerajaan

Lampiran 4 : Pekeliling Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003

Lampiran 5 : Pekeliling Garis Panduan Persembahan Wayang Kulit

Lampiran 6 : Pekeliling Garis Panduan Persembahan Hiburan Dalam Kawasan MPKB

Lampiran 7 : Undang-Undang Kecil Iklan

Lampiran 8 : Enakmen Kawalan Hiburan Dan Tempat-Tempat Hiburan 1998

Lampiran 9 : Garis Panduan Dan Dasar Iklan

Lampiran 10 : Contoh Borang Permohonan Lesen Hiburan MPKB

Lampiran 11 : Buletin Darulnaim Bil.91

Lampiran 12 : Buletin Darulnaim Bil. 155

Lampiran 13 : Persatuan Dikir Barat Kelantan

University of Malaya

JADUAL TRANSLITERASI

EJAAN

Ejaan yang berkaitan dengan perkataan Bahasa Arab dieja mengikut Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi, terbitan Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya bagi tahun 2006.

i : KONSONAN

HURUF ARAB	HURUF LATIN	HURUF ARAB	HURUF LATIN
ء / ا	‘a	ض	d
ب	b	ط	t
ت	t	ظ	z
ث	th	ع	c
ج	j	غ	gh
ح	h	ف	f
خ	kh	ق	q
د	d	ك	k
ذ	dh	ل	l
ر	r	م	m
ز	z	ن	n
س	s	ه	h

University of Malaya

ش	sh	و	w
ص	s	ي	y

ii. VOKAL DAN DIFTONG

VOKAL PENDEK	TRANS LITERASI	VOKAL PANJANG	TRANS LITERASI	DIFTONG	TRANS LITERASI
___ (Fathah)	**a**	آ	**ã**	و ___	**aw**
___ (Kasrah)	**i**	ي	**í**	ي ___	**ay**
و ___ (Dammah)	**u**	و	**ú**	و و ___	uww

iii : EJAAN DAN TRANLITERASI

i. Ejaan akhir perkataan asal yang ditulis dengan "ة" (Ta' Marbutah) dieja mengikut sebutan " ه "

ii. Tanwin dieja tidak mengikut sebutan tetapi mengikut tulisan. Contoh : sur'ah (سرعة)

iii. Alif Lam ditransliterasikansebagai al (sama ada bagi Lam Syamsiyyah atau Qamariyyah) yang dihubungkan dengan kata berikutnya dengan tanda sempang. "a" dalam "al" tidak menerima hukum huruf besar menurut pedoman umum ejaan Bahasa Melayu. Sebaliknya hukum huruf besar terpakai kepada huruf pertama kata berikutnya.

University of Malaya

iv. Istilah sesuatu perkataan yang berasal daripada perkataan Bahasa Arab tetapi sudah menjadi sebutan umum Bahasa Melayu adalah dieja mengikut perkataan Bahasa Melayu. Semua perkataan Arab / Inggeris (bahasa asing) hendaklah di*italic*kan kecuali nama khas.

University of Malaya

BAB 1: PENGENALAN

1.1. Pengenalan

Perkataan *siasah* dalam bahasa Melayu dikenali sebagai politik. Perkataan politik dan siasah membawa pengertian yang hampir sama kerana kedua-duanya telah menjadi sebahagian daripada perbendaharaan bahasa Melayu. Dari segi makna *siasah* juga bererti politik, tetapi *siasah* iaitu meliputi *siasah* perang, kebijaksanaan perang, dan *siasah* berunding: kebijaksanaan berunding untuk mencapai sesuatu maksud. Apabila disebut sebagai ahli *siasah*, ia bererti seseorang yang bijaksana untuk menyampaikan sesuatu maksud[1].

Perkataan *siasah* yang digunakan dalam bahasa-bahasa yang menerima Islam seperti Indonesia dan bahasa Melayu adalah berasal daripada bahasa Arab. Perkataan ini telah diterima sebagai sebahagaian daripada perbendaharaan kata Melayu sejak kedatangan Islam lebih awal daripada perkataan politik yang dibawa oleh penjajah Inggeris dan Belanda.[2] Perkataan *siasah* ini telah dikenali apabila terdirinya kerajaan-kerajaan Islam di Nusantara seperti Pasai, Melaka, Acheh, Demak dan sebagainya.[3] *Siasah syar'iyyah* ataupun dikenali sebagai sains politik merupakan kaedah pemerintahan untuk mendekatkan diri manusia kepada Allah. Ia merupakan ruang kepada pemimpin-pemimpin negara/negeri Islam untuk memberi kebajikan kepada rakyatnya dengan cara yang tidak bertentangan syariat Islam.

Siasah syar'iyyah tidak hanya terhad kepada apa yang disebut oleh syarak, tetapi disyaratkan agar tidak menyalahi nas-nas al-Qur'an, sunnah, ijmak dan kaedah-kaedah

---

[1] Mustafa Haji Daud. (1994). *Pengantar Politik Islam,* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.6 Lihat: H. Zainal Abidin Ahmad. (1977). *Ilmu Politik Islam*, jld.1, Jakarta: Bulan Bintang, hlm.73-76.
[2] Mustafa Haji Daud. (1994). *op.cit.*, hlm.4.
[3] *Ibid.,* hlm.3.

University of Malaya

syarak serta dasar-dasar amnya. Ia muncul bersama kelahiran Islam yang pertama di Madinah yang mana ketika itu dipimpin oleh Rasulullah S.A.W sendiri[4]. Amalan *siasah syar'iyyah* ini dikembangkan lagi konsep dan amalannya pada zaman al-Rasyidin dan zaman selepasnya. Fungsinya amat penting dalam menangani dan menyelesaikan pelbagai masalah semasa yang sentiasa memerlukan tindakan dan jawapan tepat serta bijaksana berdasarkan kesesuaian dan ketepatan dengan syariat Islam yang mulia.

Semua hukum yang diputuskan menerusi *siasah syar'iyyah* adalah tergolong dalam kumpulan hukum-hukum syarak. Ini kerana ia ditentukan menerusi dalil-dalil syarak yang umum seperti mana hukum yang diputuskan melalui *maslahah al-Mursalah* diiktiraf sebagai satu sumber hukum. Semua hukum tersebut memberi peluang kepada para pemerintah kerajaan Islam untuk melaksanakan , kebajikan dan keamanan dalam kehidupan masyarakat. Walau bagaimanapun ia mestilah bebas daripada sikap keterlaluan dan kecuaian serta bersih daripada unsur-unsur yang berbentuk kepentingan . Semua hukum yang diputuskan melalui *siasah syar'iyyah* adalah lebih bersifat fleksibel dan mengikut keadaan setempat.

Sebagaimana yang Kelantan menjadikan agama Islam sebagai asas dan rujukan dalam pentadbirannya rakyat boleh menerima kandungan kitab al-Qur'an yang mengandungi keadilan, kebenaran dan menjelaskan hak-hak kepada semua manusia termasuk bukan Islam. Dengan dasar dan matlamat parti yang berasaskan kepada al-Qur'an dan al-Hadis, maka PAS berusaha untuk melaksanakan syariat Islam di Kelantan. Sebagai sebuah yang mendominasi pemerintahan Kelantan, maka banyak usaha pembangunan dan pendekatan ke arah melaksanakan syariat Islam. Bermula dengan

[4] *Ibid*.

University of Malaya

memperkenalkan "Membangun Bersama Islam" iakemudian diserap secara tegas dalam kesenian Kelantan.[5] Ini kerana kesenian merupakan perkara yang tidak boleh dipisahkan dari kehidupan manusia.

Fokus utama kajian adalah terhadap *siasah syar'iyyah* dengan kesenian yang dilakukan oleh kerajaan negeri Kelantan. Antara kesenian tradisional yang terlibat ialah wayang kulit, makyung, main puteri, menora dan dikir barat. Dalam kajian ini dijelaskan bagaimana perubahan–perubahan yang berlaku sejak awal amalan seni ini sehingga lahir pentadbiran berdasarkan *siasah syar'iyyah* pada zaman pemerintahan Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat di mana dasar kesenian dirombak, diadun dan dilakukan pemanbahbaikan sesuai dengan konsep *siasah syar'iyyah* yang diamalkan kerajaan negeri Kelantan. Kajian ini juga menjelaskan pandangan ulama dan kerajaan negeri terhadap hiburan tradisional.

Selain itu, turut dijelaskan juga tentang matlamat Dasar Kesenian Negeri Kelantan dan penguatkuasaan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 terhadap hiburan tradisional dan moden. Dalam pelaksanaan Enakmen Kawalan Hiburan 1998, penulis mengambil contoh pelaksanaannya dalam Kota Bharu iaitu di bawah Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) Ia merupakan pihak berkuasa tempatan (PBT) yang paling banyak terlibat dengan persembahan kesenian dan menjadi pusat pelancongan di Kelantan berbanding daerah lain. Sebagai contoh, di Kota Bharu terdapat pusat gelanggang seni dan Jabatan Kebudayaan dan

[5] Kebudayaan dan kesenian Islam bermaksud semua amalan kehidupan yang diatur dan dicorakkan oleh panduan hukum, nilai dan akidah Islamiah, yang menjadi pegangan hidup umat Islam. Kebudayaan dan kesenian negeri Kelantan adalah suatu amalan hidup rakyat Kelantan yang berpandukan tradisi, aturan sosial, penerimaan dan persepakatan umum yang diwarisi secara penyesuaian adat resam dan budaya hidup Melayu berpandukan ajaran Islam.

University of Malaya

Kesenian Negara (JKKN) yang dijadikan sebagai pusat persembahan kesenian dan juga terdapat banyak bangunan bersejarah.

Selain dari itu, penulis juga menjelaskan tentang syarat-syarat yang ditetapkan oleh sebelum meluluskan sesuatu pertunjukan hiburan seperti wayang kulit dan dikir barat. Setiap tindakan yang dilakukan kerajaan Kelantan dalam melaksanakan Dasar Kesenian akan dianalisiskan mengikut *siasah syar'iyyah* samping itu ia juga diukur dengan teori *maqasid syariah*. Dalam kajian ini pengkaji mendapati pelaksanaannya telah dijadikan model oleh beberapa pihak lain dalam melaksanakan *siasah syar'iyyah* berkaitan dengan seni dan hiburan.

1.2. LATAR BELAKANG KAJIAN

Negeri Kelantan sangat terkenal dengan kesenian tradisionalnya. Setiap kali diadakan persembahan kesenian ia akan mendapat sambutan yang menggalakan daripada rakyat Kelantan dan pelancong luar contohnya persembahan wayang kulit, main puteri, makyung dan dikir barat. Hiburan yang diamalkan sebelum ini banyak menyalahi dengan nilai-nilai Islam seperti upacara 'buka panggung' sebelum persembahan wayang kulit, main puteri dan makyung. Dikir barat pula dinyanyikan oleh wanita yang tidak menutup aurat, menggunakan perkataan lucah dan mencarut serta berlaku pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan yang membawa kepada gejala sosial dalam masyarakat. Apabila Parti PAS mentadbir Kelantan pada tahun 1990 dan Dato' Nik Abdul Nik Mat menjadi Menteri Besar Kelantan, maka beberapa perubahan besar telah berlaku. Antaranya menjadikan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai panduan utama dalam pentadbirannya. Setiap perubahan telah dan akan dilakukan mestilah mengikut al-Qur'an dan al-Sunnah. Walaupun mempunyai kuasa yang terhad, kerajaan Kelantan berusaha juga untuk

University of Malaya

memenuhi setiap aspek dan ruang yang ada supaya dapat merealisasikan Islam sebagai "ad-Din"[6] antaranya dalam bidang kesenian.

Oleh kerana kesenian dan hiburan di Kelantan banyak unsur negatif seperti syirik, khurafat dan pergaulan bebas, maka Jemaah Fatwa Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) pada tahun 1992 telah mengeluarkan fatwa tentang kesenian tersebut. Walau bagaimanapun ia bersifat terlalu umum terhadap kesenian dan tidak mengkhususkan apakah jenis-jenis hiburan yang dibenarkan atau tidak dibenarkan. Ia juga lebih cenderung kepada mengharamkan semua jenis kesenian yang ada di Kelantan. Keadaan ini telah menimbul banyak masalah kepada Pegawai Perlesenan kerana tidak mempunyai kriteria yang jelas untuk meluluskan sesuatu hiburan[7]. Perkara ini dinyatakan dengan jelas dalam kertas cadangan garis panduan persembahan (hiburan) tersebut sebagaimana berikut:

> *Cadangan untuk mengadakan garis panduan persembahan kebudayaan di Negeri Kelantan timbul ekoran daripada "kegelapan" yang dihadapi oleh pegawai-pegawai pelesenan dalam memberi kelulusan ke atas permohonan untuk mengadakan persembahan kebudayaan di negeri ini.*

Jika diperhatikan kepada matlamat kertas cadangan garis panduan persembahan (hiburan) tadi, maka jelaslah pihak yang bertanggungjawab dalam memberi kebenaran / permit hiburan terutama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) iaitu Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) belum ada suatu garis panduan khas yang menjelaskan tentang jenis-jenis dan ciri-ciri hiburan yang dilarang kerajaan negeri. Di sini juga menunjukkan pihak kerajaan Kelantan sendiri ketika itu belum bersedia sepenuhnya untuk menghapuskan gejala sosial dalam masyarakat dan mengawal hiburan supaya tidak berlawanan dengan

---

[6] (Kertas kerja Timbalan Menteri Besar Kelantan, Haji Abdul Halim Abdul Rahman bertajuk: "*Kelantan Membangun Bersama Islam"*, sempena Simposium Perdana Membangun Bersama Islam, Kota Bharu, pada 23 Oktober 2000).

[7] Mohd Fadli Ghani. (2011). *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam.* Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan, hlm.382.

University of Malaya

ajaran Islam. Tindakan yang diambil sebelum ini hanya berdasarkan kepada pandangan tokoh agama melalui kuliah-kuliah atau ceramah di masjid tanpa membuat penyelidikan khas atau tidak mendengar pandangan para penggiat seni di Kelantan serta pihak yang bertanggungjawab dan mahir tentang kesenian seperti Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN).

Kajian ini juga untuk melihat kaedah pelaksanaan konsep *siasah syar'iyyah* yang dipakai oleh kerajaan Kelantan di samping untuk mengkaji tentang pelaksanaan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dalam bidangkuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terutama di Kota Bharu. Ia meliputi pembaharuan–pembaharuan yang dilakukan disejak dari tahun 1990 hingga 2015 terutama dalam bidang kesenian.

Dalam kajian ini penulis telah memilih Kota Bharu sebagai pusat kajian kerana ia merupakan pusat utama kepada perkembangan kesenian dan pusat pelancongan di Kelantan. Antara pembaharuan melalui *siasah syar'iyyah* ialah menguatkuasakan fatwa Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) berkaitan dengan hiburan, Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998, Garis Panduan Persembahan (Hiburan) 1998. Selain mengkaji tentang peraturan kesenian, kajian ini juga membincangkan tentang program-program hiburan berbentuk dakwah yang diperkenalkan oleh kerajaan Kelantan seperti dikir Sri Halaqat, konsert hiburan khas untuk wanita serta langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam mengawal hiburan dan pergaulan bebas di Kelantan.

University of Malaya

1.3. PERMASALAHAN KAJIAN

Apabila Dato' Nik Abdul Aziz menjadi Menteri Besar Kelantan, beliau telah melakukan beberapa perubahan besar dalam pentadbirannya dengan menjadikan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai panduan utama. Setiap perubahan telah dan akan dilakukan mestilah berdasarkan dua sumber tersebut. Prof. Dr. Zulkifli Muhammad,[8] Naib YDP PAS pernah menjelaskan matlamat parti PAS sebagaimana berikut[9]:

> *Sebagai sebuah parti politik yang berideologi, kita berazam hendak mengisi kemerdekaan itu dengan ideologi kita sendiri, iaitu ideologi Islam atau Islamisme. Kita percaya, dengan Islam atau ideologi Islam sahajalah Negara kita dan ummat kita dapat dibawa ke arah keselamatan dan kebahagiaan yang sebenar-benarnya. Ini bermakna PAS kenalah berikhtiar menjadikan Negara ini pada akhirnya sebagai Negara Islam (Islamic State) dalam erti kata yang sebenar, lebih daripada sebagai sebuah negeri Islam semata-mata (Muslim Country), kerana Islam itu umpamanya telah diakui menjadi agama rasminya dan kerana sebahagian besar penduduknya terdiri daripada orang-orang Melayu Islam….. Di dalam sebuah Negara Islam (Islamic Country) itu sahajalah undang-undang dan peraturan Allah itu akan dapat dilaksanakan sepenuh-penuhnya …….*
>
> *Tugas menegakkan sebuah Negara Islam, yang di dalamnya ideologi Islam dan segala undang-undang di dalamya adalah kewajipan pokok yang harus diperjuangkan oleh tiap-tiap mereka yang bernama Muslim, Lebih-lebih lagi oleh parti Islam seperti PAS…….*

Untuk mencapai matlamat tersebut, kerajaan baharu pimpinan PAS telah membuat beberapa perubahan yang meliputi pentadbiran, pembangunan, sukan, pertanian,

---

[8] Haji Mohd Amin Yaakub. (2001). *Sejarah Pemerintahan PAS Kelantan 1959-1990.* Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik. Menurut Haji Mohd. Amin Yaakub selepas menyampaikan amanat dalam Mesyuarat Perhubungan PAS pada 3hb. Mei 1964, Prof Dr. Zulkifli bertolak balik ke Perak pada petang itu juga untuk menziarahi keluarganya yang uzur. Malangnya, kenderaan yang dipandunya bertembung dengan sebuah Land Rover yang datang dari arah bertentangan (dari Temerloh menuju ke Kuantan) di Batu 4 Jalan Gambang–Kuantan pada jam 7 petang 6hb Mei 1964. Beliau dan isterinya, Ustazah Asiah binti Kamaruddin serta dua orang anak perempuannya cedera parah. Mereka sempat dikejarkan ke Hospital Besar Kuantan.Walau bagaimanapun beliau dan isterinya tidak dapat diselamatkan dan meninggal dunia di Hospital Besar Kuantan pada malam itu juga, iaitu 6hb Mei 1964 bersamaan 24hb Zulhijjah 1383. Jenazah mereka berdua dibawa ke rumah Hj Ismail bin Khatib (saudara kepada Ustaz Khaidir bin Khatib) di Kampung Tanah Putih, Kuantan untuk dimandikan dan dikafankan serta disembahyangkan. Kemudian jenazah kedua-dua suami isteri ini dibawa pulang ke Perak dengan penerbangan udara dari Kuantan ke Ipoh, Perak.

[9] Suara Islam, 15 Mei 1957.

University of Malaya

kemasyarakatan, perundangan dan sebagainya[10]. Bidang kesenian merupakan salah satu bidang yang banyak menimbulkan isu dalam kalangan masyarakat Kelantan kerana Kerajaan Kelantan yang dipimpin oleh Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat telah mengambil langkahmelarang hiburan yang bertentangan dengan Islam sama ada tradisional atau moden dengan tidak mengeluarkan permit persembahan. Dalam hal ini, ada pihak mendakwa peraturan kawalan hiburan yang dilaksanakan kerajaan Kelantan lebih kepada melaksanakan matlamat Parti PAS iaitu *amar maruf dan nahi mungkar* dalam bidang kesenian.[11]

Walaupun berlaku perbincangan antara penggiat seni dengan kerajaan Kelantan tentang larangan tersebut tetapi kebanyakan tok dalang pada masa itu mahu mengekalkan persembahan dalam bentuk asalnya. Sebagai contoh Tok Dalang Hamzah Awang Amat mahu mengekalkan upacara ritual[12] yang terdapat dalam persembahannya kerana dia yakin apa yang dilakukannya tidak melanggar syariat Islam. Bahkan ritual perlu dilakukan terutama apabila mengadakan persembahan secara terbuka dan merata-rata kerana ia sebagai meminta izin dari penghuni atau penunggu di suatu tempat.[13]

Menurut Tok Dalang Hamzah isu patung juga sepatutnya tidak berbangkit kerana jika sifat dan corak yang dipertikaikan, bagaimana pula dengan filem-filem karton yang boleh bercakap, bergerak dan berkelakuan seperti manusia bukankah ia lebih dekat menyerupai manusia. Perkara tersebut tidak berlaku pada wayang kulit malah semua patung ciptaannya sedikit pun tidak menggambarkan rupa bentuk sebenar. Patung itu

---

[10] Muhammad bin Hussin. (1995). *Perubahan dan Cabaran Kerajaan Angkatan Di Kelantan*. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan, hlm.1

[11] Perlembagaan PAS Perkara 6 (8).

[12] Firth, Raymond (1967). *"Ritual and Drama in Malay Spirit Mediumship". Comparative Studies in Society and History*, IX, 190–207.

[13] Ghulan Sarwar Yousof. (t.t). *Angin Wayang: Bibloigrafi Wayang Kulit Yang Unggul Hamzah Awang* Amat. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, hlm. 88.

University of Malaya

hanya imaginasi dan tak ada seorang pun di muka bumi ini yang serupa dengannya dan tiada sesiapa pun yang dapat mengesahkan bahawa watak-watak tersebut pernah wujud ataupun tidak. Beliau mempersoalkan kenapa karton tidak pula ditentang atau dilarang oleh kerajaan negeri sedangkan ia lebih menyerupai manusia?. Hamzah yakin tindakannya tidak melanggar ajaran Islam kerana dia juga belajar[14] sedikit sebanyak tentang ilmu agama.[15]

Langkah kerajaan Kelantan telah menimbul kurang senang dalam kalangan penggiat seni dan peminatnya. Malah dianggap sebagai menyekat hak dan kebebasan para penggiat seni untuk membuat persembahan di Kelantan. Sebagai contoh tindakan kerajaan Kelantan ini membuatkan para penggiat seni tradisional terutamanya sukar untuk mencari makan di Kelantan. Bahkan ada antara mereka seperti Tok Dalang Hamzah, Khatijah Awang (makyung) terpaksa berhijrah ke Kuala Lumpur untuk meneruskan perjuangan memperkenal dan mengekalkan warisan kesenian tadisional ini kepada masyarakat. Manakala Tok Dalang Abdullah Ibrahin dikenali sebagai Dollah Baru Merah dan awak-awaknya terpaksa pergi ke Singapura dan bekerja sebagai buruh kerja besi.[16]

Selain itu, telah berlaku kececohan ihak erkuasa empatan (PBT) melarang para penggiat dan NGO seni dari mengadakan persembahan. Perkara ini telah pun dilaporkan oleh Berita Harian pada 27 Mac 1996.

---

[14] Hamzah juga mempelajar ilmu agama terutama ilmu sufi dengan membaca buku-buku dalam tulisan jawi kerana beliau kurang mahir membaca tulisan rumi. Ilmu ini telah pun diamalkan dalam persembahan main puteri.

[15] *Ibid*.

[16] Dewan Budaya, Oktober 1994. *Wayang Kulit: Marahkan Pijat Bakar Kelambu*. hlm.47.

University of Malaya

Majlis Belia Kelantan (MBK) meminta kerajaan PAS Kelantan dan Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) mengeluarkan garis panduan berhubung tarian dan pertunjukan tradisional yang dibenarkan. Naib Yang Dipertua MBK berkata pihaknya kesal kerana MPKB menghalang persembahan budaya dikir barat di Gelanggang Seni sebelum garis panduan dikeluarkan.

Mereka telah mendesak supaya kerajaan Negeri Kelantan mengadakan suatu garis panduan yang jelas agar semua pihak tahu apakah yang dibenarkan dan apa pula tidak dibenarkan[17]. Atas desakan rakyat dan untuk memudahkan pihak berkuasa (Pegawai Pelesenan) menjalankan tugas pengeluaran lesen dengan berkesan, maka pada tahun 1998 kerajaan Kelantan menggubal Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998, Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003. Enakmen ini bertujuan untuk memperincikan enakmen sebelum ini dengan mengikut bidang kuasa yang diberikan oleh Fatwa Jemaah Ulamak MAIK 1992 dan juga Perlembagaan Malaysia.[18] Pihak Majlis Belia Kelantan (MBK) juga meminta kerajaan PAS Kelantan dan Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) mengeluarkan garis panduan berhubung dengan tarian dan pertunjukan tradisional yang dibenarkan.[19]

Pada 28-30 Jun 1994 pihak Jabatan Kebudayaan dan Pelancongan negeri Kelantan telah mengadakan satu seminar wayang kulit di Kem Kijang Kota Bharu.[20] Seminar ini bertujuan untuk menjelaskan wayang kulit itu tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Dalam seminar ini tiga kertas kerja dibentang oleh pakar sejarah dan ahli

---

[17] Berita Harian pada (29 Februari 1992) melaporkan sebagaimana berikut: "Peraturan larang budaya masih kabur: Kerajaan Kelantan pimpinan PAS diminta mengadakan garis panduan mengenai peraturan mengadakan sesuatu pertunjukan kebudayaan termasuk dikir barat, di negeri ini. Ini berikutan kekeliruan penganjur pelbagai pertunjukan kebudayaan itu, kerana peraturan mengenainya sekarang tidak jelas dan mengelirukan."

[18] *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam*, hlm.335.

[19] Berita Harian, 27 Mac 1996.

[20] Laporan *Seminar Wayang Kulit Negeri Kelantan* anjuran Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan 1994.

University of Malaya

akademik iaitu Abdullah Mohamed[21] (Nakula), Profesor Hashim Yaacob[22] dan Dr. Ghulan Sarwar[23] tanpa seorang wakil pun dari pihak kerajaan Kelantan. Seminar ini tidak memberi kesan sedikit pun terhadap keputusan kerajaaan Kelantan kerana tiada sebarang tindakan susulan daripada pihak berkenaan. Walau bagaimanapun ia merupakan usaha berani daripada pihak Jabatan Kebudayaan dan Pelancongan yang patut dipuji kerana cuba memberi penjelasan kepada kerajaan Kelantan.

Perasaan tidak puas hati terhadap kerajaan negeri Kelantan semakin meningkat kerana pada tahun 2005, apabila tarian makyung atas nama inisiatif Dr. Ghulam Sarwar telah berjaya diterima oleh UNESCO[24] sebagai salah satu khazanah dunia.[25] Malah ada pihak berasa bimbang kerajaan Kelantan menjalankan semangat anti-budaya kerana ia boleh melupuskan semua kesenian tradisional yang wujud pada hari ini. Malah ada juga pihak yang mendakwa kerajaan Kelantan telah memungkiri janjinya semasa pilihan raya tahun 1990 dulu iaitu memberi kebebasan untuk mengadakan persembahan kebudayaan dan kesenian[26].

---

[21] Abdullah b. Mohamad (Nakula). (1994). "Wayang Kulit Sejarah Dan Falsafahnya", (Kertas kerja Seminar Wayang Kulit Negeri Kelantan". Anjuran Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan bertempat di Kem Kijang Jalan PCB, Kota Bharu, Kelantan, pada 28-30 Jun 1994).

[22] Hashim Yaacob. (1994). "Wayang Kulit Dalam Perspektif Islam". (Kertas kerja Seminar Wayang Kulit Negeri Kelantan, anjuran Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan bertempat di Kem Kijang, Jalan PCB, Kota Bharu, Kelantan, 28–30 Jun 1994).

[23] Ghulan Sarwar Yousof "Persembahan Berjamu Dalam Wayang Kulit Siam Di Kelantan". (Kertas kerja Seminar Wayang Kulit Negeri Kelantan, anjuran Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan bertempat di Kem Kijang, Jalan PCB, Kota Bharu, Kelantan, 28–30 Jun 1994).

[24] Rahimidin, Sutung Umar *et al.* (2011). *Makyung: The Mystical Heritage of Malaysia*. Institut Terjemahan Negara dijelaskan bahawa "*The Kelantanese folks increasing disconnection from their heritage-but with UNESCO's proclamation, and the Ministyr of Culture, Arts and Heritages new-found mission to save it, perhaps for Mak Yong, there may be one more day yet in the sun".*

[25] Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN). (2010). *Alam Terbentang Menjadi Guru: Koleksi Ucapan Dr.Rais Yatim*. hlm. 95.

[26]"Sejak menerajui kerajaan Kelantan pada 1990, PAS memperkenalkan beberapa peraturan yang menyekat aktiviti kesenian dan hiburan tradisional rakyat seperti larangan terhadap persembahan wayang kulit dan makyung serta sebarang persembahan hiburan yang melibatkan wanita"

University of Malaya

Pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan juga tidak bersetuju dengan tindakan Dato' Nik Abdul Aziz ini. Malah mereka menunjukkan penentangan dengan menganjurkan persembahan yang diharamkan itu. Di samping itu, mereka juga membuat kenyataan-kenyataan yang berbentuk politik. Walau bagaimanapun, perbincangan atau wacana budaya secara serius dan bersifat ilmiah tidak pernah dianjurkan. Dalam masa yang sama juga, Dr. Rais Yatim, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan berusaha untuk menyubur dan mengembangkannya kembali bukan sahaja di negeri–negeri lain tetapi di negeri Kelantan sendiri. Beliau berusaha untuk membina taman budaya Kelantan dengan kos RM 15 juta bagi mengembalikan dan menghidupkan semula kesenian tradisional warisan negeri seperti permainan makyung dan wayang kulit.[27] Tindakan ini berlawanan dengan hasrat murni kerajaan negeri Kelantan yang ingin mengawal permainan tersebut melalui Enakmen Kawalan Hiburan dan tempat-tempat 1998 kerana bercanggah dengan ajaran Islam dan mengandungi unsur-unsur tahyul.

Togari Yasuka seorang pengkaji dan penggiat seni dari Jepun, kesenian tradisional seperti wayang kulit di Kelantan akan lupus begitu sahaja jika tiada usaha untuk menghidupkannnya di samping wujudnya larangan daripada pihak kerajaan negeri[28]. Perkara in telah pun disiarkan dalam utusan Malaysia pada 30 Disember 2008 seperti di bawah[29]:

---

[27] *Ibid.*

[28] Tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Kelantan dengan mengharamkan wayang kulit adalah berdasarkan kepada Fatwa Jemaah Ulamak MAIK 1992. Fatwa ini telah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia al-Sultan Kelantan pada 5 November 1998. Fatwa ini mempunyai bidang kuasa bertaraf ultra vires, iaitu di luar atau di atas bidang kuasa kerajaan negeri Kelantan, malah ia berada secara langsung di bawah bidang kuasa al-Sultan yang merupakan Ketua Hal Ehwal Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu negeri Kelantan. Dokumen-dokumen perundangan dan peraturan lain adalah digubal oleh DUN (Dewan Undangan Negeri) yang diketuai oleh Menteri Besar. Undang-undang dan peraturan tersebut digubal pada tahun ke lapan PAS memerintah Kelantan. Dokumen-dokumen tersebut digubal adalah berdasarkan kriteria-kriteria yang diberikan oleh Jemaah Ulamak MAIK 1992.

[29] http://dbp.gov.my/lamandbp/main, dipetik pada 4/ Disember 2014

University of Malaya

Jika alasan pengharaman ia dipersembahkan kepada khalayak adalah unsur yang bertentangan dengan Islam, maka sewajarnya perubahan dilakukan. Demikian juga jalan ceritanya yang berkisar dengan kisah Sri Rama dan Sita Dewi atau Hanuman Kera Putih yang merupakan warisan pengaruh Hindu tidak memungkinkan ia mampu menarik perhatian khalayak. Lantaran itu, sudah menjadi kewajaran bahawa mencari kisah dan penceritaan baru yang sesuai dengan keadaan dan khalayak semasa perlu dilakukan. Tentunya, kerajaan negeri yang diterajui Pas perlu memainkan peranan proaktif dalam mencari"bentuk dan rupa" baru yang dikehendaki agar selari dengan tuntutan agama.

Dinsman salah seorang aktivis seni dan terlibat dengan teater makyung juga berasa terkejut dengan tindakan yang diambil kerajaan Kelantan. Beliau yakin bahawa pihak kerajaan negeri tidak mendapat maklumat yang sebenar. Malah pengharaman yang dilakukan itu sebelum diadakan satu perbincangan yang khusus antara penggiat seni dengan kerajaan negeri. Pada pandangan beliau makyung merupakan kesenian unik yang mengandungi pelbagai makna yang tersirat. Tindakan mengharamkan makyung merupakan satu kerugian kepada warisan negeri ini.[30]

Persoalan timbul mengapakah berlaku kekeliruan dalam kalangan masyarakat terhadap dasar pentadbiran negeri sedangkan banyak program berbentuk Islamik dilaksanakan kerajaan Kelantan. Mereka juga tertanya-tanya adakah pentadbiran Kelantan betul-betul mengikut konsep *siasah syar'iyyah* sebagaimana jelaskan oleh pakar-pakar *siasah syar'iyyah* seperti Imam al-Mawardi[31], Ibnu Taimiyyah[32], Ibnu Qayyim[33]dan sebagainya. Di samping itu, rakyat Kelantan juga memerlukan penjelasan

[30] Dinsman (Shamsudin Othman).(2013). Kelantan 22 Tahun Bukti Kejayaan. Kuala Lumpur: Kaab Enterprise. Dinsman dianugerahkan ijazah kehormat Sarjana Persuratan oleh Universiti Utara Malaysia pada 18 Oktober 2008. Sekarang menjadi Presiden Seniman Paksi Rakyat (PAKSI), Sejak Jun 2008.

[31] al-Imam al-Qadhi Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad bin Habib al-Mawardi. (1989). *al-Ahkam al-Sulthaniyyah wa al-Wilayaat al-Diniyyah,* Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

[32] Ibn al-Taymiyyah, Taqiuddin Ibn Ahmad. (1988). *al-Siyasah al-Syar`iyyah fi Islah al-Ra`i wa al-Ra`iyyah*. Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.

[33] Ibn al-Qayyim, 'Abu Abd.Allah Muhammad Ibn Abi Bakr. (1995). *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah*

University of Malaya

daripada kerajaan negeri tentang dasar pentadbiran dan program-program yang telah dan sedang dilaksanakan di Kelantan terutama bidang kesenian. Jadi mereka memerlukan suatu hasil kajian dan penyelidikan yang boleh menyakinkan mereka bahawa parti PAS telah melaksanakan Islam di Kelantan. Ianya kerana kerajaan Barisan Nasional sebelum ini juga mengaku melaksanakan Islam. Sebagai kesimpulan, permasalahan atau isu-isu yang timbul berkenaaan dengan pelaksanaan Dasar Kesenian di Kelantan ialah:

1) Penggiat seni terpaksa berhijrah ke negeri-negeri lain untuk membuat persembahan kesenian mereka.
2) Penggiat seni tiada tempat untuk mengasah bakat mereka. Malah semakin sukar untuk mencari generasi pelapis.
3) Tiada dialog dan perbincangan khusus antara penggiat seni dengan pihak kerajaan negeri tentang kesenian yang dilarang.
4) Pegawai perlesenan tiada maklumat yang jelas tentang ciri-ciri kesenian dan hiburan yang dilarang kerajaan negeri.
5) Tiada pendedahan tentang perubahan yang berlaku dalam kesenian tradisional.

1.4. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini adalah berdasarkan kepada beberapa objektif yang difikirkan penulis sebagai mustahak untuk dikaji.

1) Mengkaji konsep *siasah syar'iyyah* dan peranannya dalam bidang kesenian di negeri Kelantan.
2) Untuk mengetahui perkembangan kesenian dan polisi kerajaan negeri Kelantan dari tahun 1990 hingga 2015.

---

al-Syar`yyah. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

University of Malaya

3) Mengenalpasti penambahbaikan yang dilakukan kerajaan Kelantan dalam bidang kesenian menurut *siasah syar'iyyah*.
4) Menganalisis pelaksanaan dasar kesenian menurut perspektif *siasah syar'iyyah.*

1.5. SKOP KAJIAN

Kajian ini merupakan sebuah kajian dalam bidang pentadbiran Islam. Kajian ini membincangkan tentang aplikasi konsep *siasah syar'iyyah* dalam pelaksanaan dasar kesenian di Kelantan bermula dari tahun 1990 hingga tahun 2015. Ia melibatkan pelaksanaan dasar kesenian, Enakmen Kawalan Hiburan dan tempat-tempat Hiburan 1998 dan Garis Panduan Persembahan Tradisional (Hiburan). Fokus utama dalam kajian ini adalah tentang kesenian yang menjadi hiburan dalam kalangan masyarakat Kelantan seperti wayang kulit, makyung, main puteri, menora dan dikir barat. Kesemua yang tersebut merupakan suatu budaya yang tidak dilupakan di negeri Kelantan. Kajian ini juga turut membincangkan tentang pelaksanaan dasar tersebut melalui PBT seperti Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) kerana ia merupakan pusat kegiatan kesenian di Kelantan. Penulis membataskan kajian ini hanya dari tahun 1990 hingga tahun 2015.

Mengikut Kamus Dewan, seni bermaksud sesuatu karya sama ada sajak, muzik yang dicipta dengan bakat kecekapan ataupun hasil daripada sesuatu ciptaan.[34] Seni juga didefinisikan sebagai sesuatu yang bersifat abstrak, dapat dipandang, didengar dan disentuh oleh jiwa tetapi tidak dapat dinyatakan melalui kata–kata dan bahasa. Dalam penggunaan semasa seni didefinisikan sebagai sesuatu kriteria yang estetika dan ia

[34] *Kamus Dewan*. (1996). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.1245

University of Malaya

meliputi kesusasteraan, muzik, drama, lukisan, binaan, bangunan dan ukiran.[35] Dalam Dasar Kesenian Negeri Kelantan kesenian merangkumi semua persembahan seperti seni muzik, seni lakon, dan seni tari, seni tampalan seperti seni ukir, seni khat, seni bina, lukisan, arca, kraf tangan, dan seni hias, seni sastera, seperti cerpen, sajak, syair, pantun, seloka, gurindam, novel, hikayat dan drama, seni permainan seperti congkak, wau, burung ketitir, seni mempertahankan diri dan lain-lain. Konsep kesenian yang terkandung dalam dasar tersebut sangatlah luas dan meliputi pelbagai bidang. Walau bagaimanapun kajian ini hanya kepada kesenian yang menjadi hiburan dan sudah menjadi budaya dalam kalangan penduduk di Kelantan.

1.6. KEPENTINGAN KAJIAN

Penyelidikan ini mempunyai beberapa kepentingan seperti berikut:

1) Kajian ini akan memberi sumbangan ilmu yang bermakna kepada pengkaji-pengkaji atau pelajar dalam bidang pengajian politik Islam kerana ia merupakan kajian lapangan yang belum diterokai pengkaji lepas. Kajian ini memberi fokus pelaksanaan konsep *siasah syar'iyyah* di negeri Kelantan dan peranannya dalam mengawal kesenian dan hiburan supaya tidak bertentangan dengan kehendak Islam.

2) Kajian ini akan memberi panduan dan sumbangan kepada para pentadbir dan pemimpin negara dalam mengendalikan urusan pentadbiran berasaskan syariat Islam berkenaan dengan dasar kesenian. Ini merupakan kajian lapangan yang melibatkan penguatkuasaan Enakmen Kawalan Hiburan dan

[35] Abdul Rahman Abdullah. (2006). *Sejarah dan Kebudayaan Asia Tenggara Tradisional*. Selangor: Karisma Publications, hlm. 62.

University of Malaya

Tempat-tempat Hiburan 1998, Undang-undang Kecil Iklan, lesen Arak dan sebagainya. Secara tidak langsung kajian ini memdedahkan kepada pentadbir dan pemimpin tentang pelaksanaan dasar kesenian menurut *siasah syar'yyah*.

3) Kajian ini akan mengembangkan ilmu *siasah syar'iyyah* mengikut keadaan semasa di Malaysia. Ini kerana peraturan, tindakan dan keputusan yang dilakukan kerajaan Kelantan berkaitan dengan kesenian mengikut suasana dan keadaan masyarakat di Malaysia.

4) Dapat menambahkan ilmu kepada para pengkaji kesenian. Terutama kepada pengkaji kesenian tradisional kerana kajian ini juga membincangkan tentang syarat-syarat dan garis panduan khas bagi suatu hiburan seperti wayang kulit, makyung dan dikir barat yang bertujuan untuk mengawal kegiatan kesenian. Syarat dan garis panduan tersebut belum wujud lagi dalam negeri-negeri di Malaysia.

5) Mengetengahkan isu-isu atau masalah yang dihadapi oleh penggiat seni. Isu ini akan menjadi asas untuk diteliti oleh pihak pentadbir dan pemimpin dalam melaksanakan dasar kesenian secara efektif dan memberi manfaat kepada semua pihak.

6) Kajian ini menjelaskan kesenian suatu yang sukar dipisahkan dari jiwa manusia. Oleh itu, mana-mana kesenian yang dilarang patut disediakan jalan alternatif supaya jiwa rakyat tidak memberontak kerana kesunyian. Selain itu, satu peraturan dan garis panduan yang menepati *maqasid syariah* perlu

University of Malaya

diadakan untuk dijadikan rujukan pihak berkenaan. Secara tidak langsung ia menjayakan pelaksanaan dasar kesenian yang berdasarkan kehendak Islam.

1.7. SOROTAN LITERATUR

Untuk menjadikan penyelidikan ini lebih bermutu, maka penulis membuat sorotan literatur dalam pelbagai aspek. Antaranya tentang perkembangan dan dasar kesenian yang dilaksanakan di negara-negara luar seperti Turki, Timur Tengah, India dan Jepun melalui buku-buku sejarah yang ditulis oleh penulis-penulis terkenal. Selepas itu, penulis juga membuat rujukan kepada kitab-kitab klasik untuk memahami tentang konsep dan reka bentuk *siasah syar'iyyah* secara umum. Kemudian dalam bentuk yang lebih khusus iaitu konsep *siasa h syar'iyyah* di Malaysia yang ditulis oleh mereka yang pakar dalam bidang berkenaan. Penulis juga mengkaji tentang jurnal-jurnal dan buku-buku yang berkaitan dengan dasar dan perkembangan kesenian di Malaysia. Seterusnya mengkaji jurnal-jurnal dan buku-buku yang ditulis oleh pakar sejarah atau kumpulan penyelidik kesenian di negeri Kelantan.

1.7.1. Perkembangan Kesenian di Negara-Negara Lain

Sebelum membuat kajian tentang perkembangan kesenian di Malaysia, khususnya Kelantan, maka penulis terlebih dahulu mengkaji perkembangan kesenian di negara-negara luar untuk mencari persamaan, perbezaan dan hubungkait dengan kesenian di Kelantan. Penulis telah memilih beberapa buah negara, antaranya:

University of Malaya

1.7.1.1. Mesir dan Timur Tengah

Magdi Wahba dalam kajiannya yang bertajuk *Cultural policy in Egypt* (1972),[36] menyatakan bahawa Mesir negara yang terkenal dengan kesenian. Banyak usaha dilakukan untuk menyelamatkan kesenian di Mesir. Antara usaha kementerian kebudayaan untuk mengekalkan kesenian di Mesir ialah mengadakan *International Festival of Documentary and Short Films* pada tahun 1970 dengan mengenakan bayaran separuh dari harga tiket kepada orang ramai supaya menyertai festival tersebut. Kementerian Kebudayaan juga dicadangkan supaya mengadakan dialog budaya dengan pihak lain untuk saling bertukar-tukar pandangan. Selain itu, Kerajaan Mesir juga bercadang membuka muzium kesenian yang direka oleh sekumpulan arkitek dari Itali dan Mesir di Giza dan *The Roman Amphitheatre* di Iskandariah.

Menurut kajian Magdi Wahba juga teater (drama) bukan kesenian yang dijaga oleh orang Mesir atau Syria. Teater (drama) ini lahir dari kesan pengaruh Barat ke atas negara Arab. Teater di negara Arab kurang popular berbanding dengan teater dari negara barat. Ini menyebabkan para penggiat teater Arab meniru teater dari negara barat. Antara artis yang terkenal dalam bidang teater ialah Ahmad Shawki dan Tawfiq al-Hakim.

Menurut Alī al-Rāʿiy (1979),[37] dalam kajiannya bertajuk *al-Masrah fi al-Wathan al-'Arabiy,* teater (drama) Arab sudah lahir sejak tahun 1847. Teater yang pertama diperkenalkan oleh Marwan al-Nuqas yang judul "al-Bakhīl". Manakala

[36] Magdi Wahba. (1972). *Cultural Policy in Egypt. Studies and Documents on Cultural Policies.* The United Nations Educational, Scientific And Cultural Organization*, Place de Fontenoy,75 Paris-7e.*
[37] al-Rāʿī, Ali. (1979). *al-Masrah fī al-Wathan al-'Arabī*, Kuwait: Alim al-Maʿrifat.

University of Malaya

Shakespeare pula telah membuat teater sebanyak 37 kali, tetapi beliau mengambil teater dari Yunani dan Romawi kuno. Menurut Alī al-Rā‘‘iy juga antara nama popular dalam teater di tanah Arab pada waktu itu ialah Marwan An-Nuqas, Ahmad Abu Khalil al-Qabani, dan Yakub Shunu. Menurut Yakub Shunu untuk menjadikan teater itu menarik minat orang ramai ia mestilah memasukkan pengaruh Perancis dan Itali. Yakub Shunu telah berjaya menerbit 32 buah teater yang menggambarkan situasi dan sosio-budaya di Mesir pada waktu itu.

Shubhi Mahmashony Harimurti (2015),[38] dalam kajiannya mendapati perkembangan kesenian bermula semasa pemerintahan Abbasiah kerana pada zaman tersebut banyak berlaku terjemahan buku-buku dari Yunani ke dalam bahasa Arab. Kebanyakan wilayah Islam pada masa itu seperti Iraq, Mesir, Hijaz dan Syria terlibat secara langsung dalam perkembangan kesenian. Maka kebanyakan alat-alat muzik gitar, kecapi, oud. timpani (tambur atau genderang) seperti yang digunakan di dunia dan Asia Tenggara adalah berasal dari tanah Arab. Ishaq al-Mausili memperkenalkan solmisasi dalam bukunya *Book of Notes and Rhythms dan Great Book of Songs* yang begitu popular di Barat. Ishaq al-Mausili merupakan seorang ahli muzik pada zaman kerajaan Abbasiyah. Ketika berlaku perkembangan kesenian dan penciptaan alat-alat muzik, dunia barat ketika itu masih lagi mundur.

Menurut Farok Zakaria (2011),[39] Tanah Melayu juga terpengaruh dengan perkembangan kebudayaan dan kesenian dari Timur Tengah apabila ada pelajar-

[38] Shubhi Mahmashony Harimurti. (2015). “Seni Pada Masa Pemerintahan Dinasti Abbasiyah Tahun 711–950 Masehi”. *Jurnal Kajian Seni*, 1(2), 194-204.

[39] Farok Zakaria. (2011). *Strengthening islamic cultural heritage of the Malays in Malaysia in the post global society*. In: International Conference on South-East Asia: Art, Cultural Heritage And Artistic

University of Malaya

pelajar Melayu keluar belajar ilmu di Timur Tengah seperti Mekah, Iraq dan Mesir. Secara tidak langsung mereka sudah membawa balik budaya dan kesenian dari Timur Tengah ke Tanah Melayu. Antara pengaruh dari negara Timur Tengah seperti nasyid, hadrah, zikir, boria, ghazal, dikir laba, dikir barat, qasidah dan berzanji/marhaban. Manakala alat-alat muzik pula gabus (gitar Arab), rebana (tamborin Arab), *darbuka*[40] atau dikenali sebagai *drum piala* dan *mizmar*[41].

Menurut kajian Mohamed Ghouse Nasaruddin,[42] serunai yang terdapat di Malaysia dan Indonesia berasal dari Timur Tengah iaitu Palestin. Serunai merupakan alat utama dalam persembahan wayang kulit, gendang silat, makyong mekmulung, menora dan main puteri di Malaysia. Mengikut kajian Encik Kamarudin Yusoff (2017),[43] serunai juga digunakan dalam industri muzik moden terutama lagu yang bercorak irama Malaysia dan kontemporari seperti lagu Semerah Padi ciptaan M. Nasir. Kesimpulannya di sini banyak alat muzik atau hiburan berasal Timur Tengah. Ini menunjukkan bahawa Malaysia juga menerima pengaruh dari Timur Tengah dalam kesenian dan hiburan.

University of Malaya

Relations With Europe/Poland, The Manggha Museum of Japanese Art And Technology 26, Konopnickiej St. Krakow, Poland, 29 Sept - 01 Okt 2011.

[40] Darbuka merupakan alat muzik yang berasal dari Timur Tengah. Darbuka adalah sejenis gendang yang asalnya diperbuat daripada tanah liat dan permukaannya diperbuat dari kulit. Ia juga dikenali sebagai drum piala kerana menyerupai piala. Darbuka moden diperbuat daripada kayu ataupun logam, kulitnya dibuat dari bahan sintetik.

[41] Mizmar merupakan alat muzik yang berasal dari Timur Tengah. Ia dimainkan dengan cara ditiup seperti seruling dan bentuknya hampir sama dengan seruling yang digunakan dalam persembahan dikir barat dan wayang kulit.

[42] Mohamed Ghouse Nasaruddin. (1993). *Kesenian dan Drama Teater Dalam Perspektif Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.3.

[43] Kamarudin Yusoff, *et al.* (2017). "Serunai Kelantan: Fungsi Dan Kesinambungan Nilai Dalam Masyarakat Melayu Kelantan", dalam *Jurnal Sains Sosial, Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu*, Jld. 1 2017, hlm.187-196.

1.7.1.2 Turki

Menurut Mohammad Redzuan Othman (1995),[44] Asia Tenggara banyak menerima pengaruh dalam bidang kebudayaan dan kesenian dari Turki dan negara-negara Timur Tengah. Sebagai contoh seni bina masjid kebanyakannya terpengaruh dengan seni bina dari negara Arab, Parsi, Mesir, Iran, India dan Turki. Tanah Melayu juga mempunyai hubungan yang rapat dengan kerajaan Uthmaniah di Turki sehinggalah jatuhnya kerajaan tersebut ke tangan Mustafa Kamel Ataturk. Walaupun kerajaan Uthmaniah telah jatuh tetapi pengaruh Turki masih kuat di Tanah Melayu. Sebagai contoh Syeikh Tahir Jaluddin dan Sayyid Syeikh al-Hadi dari kumpulan Kaum Muda bersetuju dengan apa yang dilakukan oleh Mustafa Kamel Ataturk sebagai suatu perubahan bagi masyarakat Islam. Mustafa Kamel Ataturk telah memerintah rakyat Turki supaya mengubah budaya berpakaian secara tradisional (Arab) kepada gaya berpakaian moden (Barat) dan pergaulan bebas serta menghapuskan semua institusi keagamaan atau syiar Islam yang wujud sejak sekian lama.[45]

Penulis mendapati walaupun banyak kajian tentang Mesir, Timur Tengah dan Turki tetapi kebanyakannya mengenai sejarah perkembangan kesenian di negara-negara tersebut seperti sejarah perkembangan teater, penggunaan alat-alat muzik, seni bina, seni suara dan sejarah kehidupan ahli seni. Selain itu, banyak juga penulisan tentang hukum mendengar dan menggunakan alat-alat muzik menurut perspektif Islam sama ada melalui kitab ataupun artikel. Namun bagi penulis, kebanyakan penulisan atau kajian terdahulu berbentuk penjelasan

[44] Mohammad Redzuan Othman. (1995). "The Ottoman War With The Europeans (1912-1914): A Paradigm Shift In The Devopment of Malaya Political Thought", *Jebat,* No.3.

[45] Abdul Rahman Haji Abdullah. (1987). *Pemikiran Islam Masa Kini: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.96.

University of Malaya

konsep, hukum dan pandangan ulama tentang penggunaan alat muzik. Kajian yang dilakukan penulis ini amat berbeza sekali dengan kajian terdahulu kerana melibatkan pelaksanaan konsep *siasah syar'yyah,* dasar kesenian dan peraturan kesenian di negeri Kelantan. Kajian penulis juga merupakan kajian semasa dan mengikut suasana pada hari ini. Sebagai contoh alat-alat muzik yang digunakan pada zaman dahulu seperti kecapi dan gabus telah digantikan fungsinya dengan alat-alat muzik moden seperti gitar, manakala gong dan serunai pula digantikan dengan biola.

1.7.1.3. India

R.Raja Krishnan dan M. Rajaantheran (1994) dalam kajian mereka[46] mendapati India merupakan antara negara yang terkenal di dunia dalam bidang kesenian seperti kumpulan boneka *Marionettes* di Rajasthan, wayang kulit di Andara, pembacaan sajak-sajak asal dalam bahasa Urdu, tarian, nyanyian, ukiran dan lain-lain. Malah kesenian memainkan peranan penting dalam menyatupadukan masyarakat di India. Kerajaan Vijayanagar (1509-1529) sangat mengambil berat tentang kebudayaan dan kesenian Hindu sehinggakan seni bina kuil pada zaman tersebut telah mencapai tahap yang tertinggi kerana berdasarkan cita rasa tersendiri. Hal ini dapat dilihat melalui pembinaan *Gopura* atau menara dari ambang pintu serta Mandapa. Kuil *Hazara* dan *Vittalaswani* merupakan antara contoh kecemerlangan seni bina pada zaman Vijayanagar iaitu ketika pemerintahan Krishna Dewa dari tahun 1883 hingga 1896.

[46] R.Raja Krishnan dan M. Rajantheran. (1994). *Pengantar Tamadun India*, Fajar Bakti Sdn. Bhd.

University of Malaya

Bidang kebudayaan dan kesenian di India menjadi maju kerana didukung oleh raja sendiri. Sebagai contoh perayaan *Mahanavani* iaitu perayaan sembilan hari yang diadakan pada setiap Oktober setiap tahun ditanggung oleh raja sepenuhnya. Bahkan kesenian juga digunakan untuk mengagungkan raja-raja mereka. Unsur-unsur *Ramayana* dan *Mahabharata* telah tersebar ke seluruh Asia Tenggara seperti Indonesia, Kemboja, Thailand dan Malaysiaialah melalui seni wayang kulit.[47]Tamadun India sangat kuat dan meluas terutama sekali dalam bidang kesenian seperti binaan, bangunan dan ukiran.[48] Kesan dari ini maka berkembanglah kebudayaan dan kesenian Hindu–Buddha di Asia Tenggara dalam pelbagai bentuk dan ragam.[49]

Menurut Mohd. Taib Osman (1979)[50], walaupun India begitu terkenal dengan seni binaan tetapi kesan daripada peradabannya tidak begitu menonjol sangat di Semenanjung Malaysia. Ia hanya wujud di Kedah dan Utara Perak sahaja. Manakala di Jawa Timur, kesannya dapat dilihat dengan pembinaan Candi Borobodur atau Angkor Wat, Candi Prambanan (Shiwa–Wishnu), Candi Singosari dan patung Ken Debes kerana masih kekal sehingga sekarang.[51] Berdasarkan kajian Azharudin Mohd Dali (2004)[52]pula, India juga dalam seni suara lahirnya penyanyi yang terkenal antaranya Tansen, Ramdas, Abdul Rahim Mirza Khan, Amir Khusraw dan sebagainya. Amir Khusraw merupakan seorang

[47] Mohamed Ghouse Nasuruddin. (2009). *Traditional Malay Theatre*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.3.
[48] Abdul Rahman Abdullah. (2006). *op.cit*., hlm. 62.
[49] *Ibid*.hlm. 18.
[50] Mohd. Taib Osman. (1983). *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 45
[51] *Ibid*.
[52] Azharudin Mohd Dali. (2004). *Tamadun India*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.205.

University of Malaya

pujangga India yang agung yang berasal dari Turki[53]. Nyanyian India juga diminati oleh rakyat Kelantan termasuk para pendikir dan juara dikir barat mungkin kerana alat-alat muzik yang digunakan hampir sama dengan dikir barat.

Berdasarkan kajian penulis, kesemua buku tersebut membincangkan tentang sejarah perkembangan kesenian di India dan pengaruh Hindu di kepulauan Nusantara secara umum sahaja. Penulis mendapati kajian yang dilakukan para penulis terdahulu kebanyakannya tentang kesan pengaruh India ke atas kebudayaan dan kesenian di Tanah Melayu, Jawa Timur, Bali dan Sumatera. Kajian-kajian terdahulu sangat berlainan dengan kajian penulis lakukan. Kajian ini lebih berfokus kepada pembaharuan dasar dan peraturan hiburan di Kelantan. Antara kesenian hiburan yang terlibat dalam kajian penulis seperti wayang kulit, makyung, menora dan main puteri serta dikir barat. Dalam kajian ini penulis mengkaji tentang dasar kerajaan Kelantan dan peraturan persembahan kesenian mengikut *siasah syar'iyyah*.

1.7.1.4 Indonesia

Menurut Heddy Shri Ahimsa-Putera dalam bukunya (2007),[54] telah menjelaskan jenis-jenis kesenian tradisional wujud di beberapa dareah di Indonesia. Antara wayang kulit, makyung, tarian dan teater. Kebanyakan alat-alat kesenian yang digunakan di Riau juga sama dengan alat-alat yang digunakan dalam kesenian di Kelantan, seperti menggunakan tetawak, gong, gendang dan seruling. Di Indonesia juga diwujudkan Undang-undang Dasar 1945 yang

[53] *Ibid*.
[54] Heddy Shri Ahimsa-Putera. (2007). *Masyarakat Melayu dan Budaya Melayu Dalam Perubahan*, Yogyakarta: Balai Kajian dan Pengembangan Budaya Melayu.

University of Malaya

bertujuan mengembangkan kebudayaan nasional Indonesia yang berasaskan kebudayaan lama dan asli. Manakala di Riau pula diwujudkan Balai Kajian Sejarah dan Nilai Tradisional Melayu untuk membangkitkan semula budaya Melayu di Riau.

Pemilihan negara Indonesia sebagai rujukan lebih sesuai kerana ia jiran Malaysia dan merupakan negara yang majoriti penduduknya beragama Islam serta mempunyai kesenian yang hampir sama dengan Malaysia terutama sekali Riau. Riau merupakan antara wilayah yang paling kuat mengamalkan ajaran Islam dan mempunyai nilai kesenian yang hampir sama dengan Kelantan. Dalam kajian Heddy Shri Ahimsa-Putera mendapati sesetengah sebutan bahasa Melayu di Riau hampir sama dengan sebutan masyarakat di Malaysia. Riau juga mempunyai kesenian makyung sebagaimana di Kelantan tetapi makyung di Riau pelakonnya memakai topeng. Peralatan yang digunakan dalam persembahan juga sama sebagaimana makyung di Kelantan.

Walaupun buku ini banyak membincangkan tentang perkembangan kesenian dalam kalangan masyarakat Melayu Riau, tetapi ia sangat berbeza dengan apa yang dikaji oleh penulis. Buku tersebut sedikit pun tidak membincangkan tentang peraturan persembahan kesenian dan amalan *siasah syar'iyyah* dalam pengurusan sebagaimana yang dibincangkan oleh penulis dalam kajian ini. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menfokuskan tentang dasar kesenian dan kaedah pentadbiran kerajaan PAS Kelantan dari tahun 1990 hingga 2015. Kajian sebegini merupakan kajian pertama dan tidak pernah dilakukan oleh pengkaji sebelum ini.

University of Malaya

1.7.2. Reka Bentuk *Siasah Syar'iyyah* Secara Umum

Untuk mendalami tentang *siasah syar'iyyah* penulis telah melakukan sorotan literatur penulisan-penulisan klasik dan moden antaranya:

Pertama: Imam al-Mawardi (364H)[55] melalui kitab *ahkam al-Sulthaniah* menjelaskan bahawa menjadi tanggungjawab rakyat untuk memilih pemimpin dengan syarat-syarat tertentu. Beliau juga turut menjelaskan tentang tanggungjawab pemimpin terhadap negara termasuk tanggungjawab menjaga hak-hak rakyat mereka. Beliau juga turut membincangkan tentang pengurusan harta kerajaan dan pelaksanaan hukum Islam. Perbincangan dalam kitab ini hanyalah tentang tanggungjawab pemimpin negara tanpa menyentuh nilai kesenian. Ini menunjukkan bahawa ia tidak sama dengan apa yang akan penulis kaji setakat ini.

Kedua: Imam Ibn Taymiyyah (728H) melalui kitabnya *al-Siyasah al-Syar'iyyah fi Islah al-Ra'i wa al-Ra'iyyah*[56]. Dalam kitab ini beliau telah menggambarkan bahawa *siasah* sebagai kaedah mentadbir negara dan tangungjawab seorang pemimpin dalam pengurusan harta negara. Beliau juga menjelaskan tentang tanggungjawab pemimpin untuk melaksanakan perintah Allah seperti melaksanakan hudud. Penulis mendapati sebahagian besar kitab ini membincangkan tentang panduan rakyat untuk memilih pemimpin umat negara mereka. Kedua-dua kitab klasik tersebut tidak menyatakan dengan jelas tentang konsep *siasah syar'iyyah*. Ia hanya membincangkan tentang kaedah pemilihan pemimpin, syarat-syarat untuk dilantik sebagai pemimpin, tanggungjawab

[55] al-Imam al-Qadhi Abu al-Hasan 'Ali bin Muhammad bin Habib al-Mawardi. (1989). *al-Ahkam al-Sulthaniyyah wa al-Wilayaat al-Diniyyah,* Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

[56] Ibn al-Taymiyyah, Taqiuddin Ibn Ahmad. (1988). *al-Siyasah al-Syar`iyyah fi Islah al-Ra`i wa al-Ra`iyyah*. Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.

University of Malaya

pemimpin, pengurusan harta kerajaan dan kewajipan melaksanakan perintah Allah.

Ketiga: Jasser Auda (2008)[57] melalui bukunya *Maqasid Syariah As Philosophy of Islamic Law: A System Approach* telah menekankan tentang perlunya perubahan dalam bidang *maqasid syariah* supaya sesuai dengan perubahan zaman. Beliau telah mengemukan tafsiran atau istilah baru bagi teori *maqasid syariah* seperti menjaga keturunan ditukarkan kepada menjaga keluarga, menjaga nyawa[58] pula ditukarkan kepada pemiliharaan maruah dan jaminan hak-hak asasi manusia. Buku ini tidak menyentuh langsung tentang dasar dan kesenian sebagaimana kajian yang penulis lakukan.

Keempat: Dr. Yusuf al-Qaradawi (2011)[59] pula telah mengetengahkan metodologi *siasah syar'iyyah* dalam bentuk yang baru melalui bukunya *al-Siyasah al-Syar'iyyah fi Dau' Nusus al-Syari'ah wa Maqasidiha*. Beliau telah menghuraikan konsep *siasah syar'iyyah* secara mendalam. Dalam buku ini beliau turut menjelaskan tentang pengamalan *maslahah* dalam masyarakat yang sentiasa berubah mengikut suasana masa dan tempat. Walau bagaimanapun ia tidak menyentuh tentang kesenian sebagaimana yang ingin dikaji oleh penulis.

---

[57] Jasser Auda. (2008). *Maqasid al-Shariah as philosophy of Islamic law: a systems approach*. International Institute of Islamic Thought (IIIT).

[58] *Ibid.*

[59] Yusuf al-Qaradawi. (2011). *al-Siyasah al-Syar'iyyah fi Dau' Nusus al-Syari'ah wa Maqasidiha.* Kaherah: Maktabah al-Wahbah.

University of Malaya

1.7.3. Reka Bentuk *Siasah Syar'iyyah* di Malaysia

Selepas mengkaji kitab-kitab klasik dan moden tentang teori *siasah syar'iyyah* yang ditulis oleh sarjana Islam luar negara, penulis pula kepada buku-buku yang ditulis di Malaysia antaranya:

Pertama: Lukman Thaib (1998)[60] melalui bukunya *Politik Menurut Perspektif Islam*, buku ini banyak membincangkan tentang asas-asas pembentukan negara Islam, syarat-syarat yang perlu dipatuhi untuk dilantik sebagai ketua negara, tugas-tugas dan peranan ketua negara. Buku ini juga membincangkan tentang hubungan negara Islam dengan negara-negara luar. Ia tidak menyentuh sedikit pun tentang dasar kesenian dan hiburan sebagaimana yang dikaji oleh penulis.

Kedua: Abdul Hadi Awang (2011)[61] pula dalam bukunya *Taktik dan Strategi Berpolitik Gaya Khulafa Ar-Rasyidin* telah menghuraikan contoh-contoh pelaksanaan *siasah syar'iyyah* yang dilakukan oleh khulafa al-Rashidin untuk mempertahankan negara Islam dan menyebarkan dakwah. Secara tidak langsung ia menyentuh tentang dasar pemerintahan yang dilaksanakan dalam sebuah negara Islam. Walau bagaimanapun buku ini tidak menyentuh sedikit pun tentang perkembangan kesenian yang berlaku pada zaman tersebut.

---

[60] Lukman Thaib merupakan Profesor di Jabatan Siasah Syar'iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

[61] Abdul Hadi Awang merupakan Naib Ketua Kesatuan Ulama' Sedunia.Beliau juga pernah dinobatkan sebagai Menteri Besar Terengganu pada tahun 1999 hingga 2004. Beliau dikenali sebagai tokoh ilmuan yang banyak memberi sumbangan dan percambahan idea-idea semasa. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda (B.A) Syariah daripada Universiti Islam Madinah dan ijazah Sarjana (M.A) Siasah Syar'iyyah daripada Universiti al-Azhar, Mesir.

University of Malaya

Ketiga: Asyraf Wajdi Dusuki dan Nurdianawati Irwani Abdullah (2007)[62] pula kajian bertajuk *Maqasid al-shari'ah, Maslahah and corporate social responsibility (CSR)*. Artikel ini membincangkan tentang pelaksanakaan teori *maqasid syariah* dan kepentingan maslahah dalam tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility)*. Walaupun *maqasid shari'ah* (objektif shari'ah) bersifat kekal sepertimana hukum asalnya, tetapi kini perlu disesuaikan dengan perubahan zaman dan situasi pada hari ini terutama sekali dalam bidang ekonomi, perniagaan dan politik. Antara peranan penting *maqasid syariah* dan maslahah dalam CSR (*corporate social responsibility)* tidak mengandungi unsur-unsur kemudaratan kepada individu, masyarakat dan negara. Artikel ini menunjukkan *maqasid shariah* dan maslahah berperanan dalam menjaga kebajikan ummah dan dalam masa yang perlu mengikut perkembangan semasa.

Keempat: *Da'wah Resurgence And Political Islam In Malaysia* (2014)[63]. Artikel ini hanya membincangkan tentang sejarah perkembangan parti politik terutama UMNO dan PAS. Ia juga membincangkan tentang pendekatan dakwah antara dua parti tersebut. Artikel ini juga menyentuh tentang dasar–dasar Islamisasi yang diamalkan oleh kerajaan Malaysia. ia tidak menyentuh tentang dasar atau perkembangan kesenian. Khususnya peraturan yang dikenakan terhadap pertunjukan kesenian di Kelantan sepertimana yang akan dikaji oleh penulis.

1.7.4. Pengaruh Cuaca dan Geografi Mempengaruhi Unsur Kesenian Sesebuah negara

[62] Asyraf Wajdi Dusuki dan Nurdianawati Irwani Abdullah. (2007). Maqasid al-Shari'ah, Maslahah and Corporate Social Responsibility. *The American Journal of Islamic Social Sciences (AJISS),* 24(1),25-45.

[63] Abu Dardaa Mohamad, *et. al*. (2014). Da'wah Resurgence And Political Islam In Malaysia, *Procedia – Social and Behavioral Sciences,*140, 361–366.

University of Malaya

Pertama: Mengikut Ibnu Khaldun (2004)[64] dalam kitabnya *al-Muqaddimah,* faktor geografi boleh mempengaruhi bidang sosial, ekonomi, kebudayaan dan kesenian di sesuatu tempat. Mereka yang tinggal di kawasan yang berbukit atau kawasan kering dengan sendirinya akan cuba membentuk masyarakat, ekonomi, kebudayaan dan kesenian yang tersendiri kerana cita rasa dan perasaan mereka turut berubah mengikut keadaan sekeliling. Perubahan persekitaran ini menyebabkan amalan kebudayaan dan kesenian bagi sesuatu kaum akan berbeza dengan kaum yang lain.

Kedua: Mengikut Ibn al-Qayyim (1995)[65] al-Jauziah dalam kitabnya *'Ilam al-Muaqiin* perbezaan zaman dan keadaan menyebabkan sesuatu hukum antara negara akan berbeza contoh membayar zakat mestilah berdasarkan kepada makanan utama kepada sesebuah negara seperti gandum. Hal ini sangat berbeza sekali dengan Malaysia mana penduduknya beras sebagai makanan utamanya. Perbezaan sedemikian turut berlaku kepada bidang sosial dan budaya di mana-mana negara.

Ketiga: Mahmood Zuhdi Abdul Majid (2010)[66]dalam bukunya *Transformasi Fikah Kontemporari* berpandangan hukum atau pandangan ulama pada zaman silam perlu dinilai semula kerana zaman dan keadaan sudah banyak berubah. Lebih-lebih lagi pada zaman sains dan teknologi. Beliau juga berpendapat pada zaman sekarang ruang untuk ulama kontemporari melakukan ijtihad semakin mudah kerana sudah banyak penyelidikan telah dibuat oleh ahli akademik.

[64] Ibn Khaldun. (t.t). *al-Muqadimah*. Kahirah: Dar al-Khaldun.
[65] Ibn al-Qayyim, 'Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Abi Bakr. (1995). *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Syar`iyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
[66] Mahmood Zuhdi Abdul Majid. (2010). *Transformasi Fikah Semasa*, Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.

University of Malaya

Apabila terdapat penyelidikan dan kajian, maka sudah tentu banyak perkara baharu dijumpai dan memerlukan kepada pandangan ulama semasa kerana ia tidak diputuskan oleh ulama-ulama terdahulu seperti dalam bidang kesihatan dan perbankan. Dengan ini jelaslah perubahan geografi menyebabkan berlaku perubahan sosial dalam sesebuah masyarakat. Perubahan ini disebabkan beberapa faktor, antaranya kepadatan penduduk, perpindahan masyarakat dari satu tempat ke tempat lain, keadaan ekonomi yang semakin stabil, peningkatan pendapatan isi rumah bidang perindustrian serta kemajuan sains dan teknologi.[67]

Keempat: Menurut Mohd. Taib Osman (1983)[68] dalam bukunya yang bertajuk *Bunga Rampai Kebudayaan Melayu* mengakaui bahawa latar belakang sejarah dan hubungan sosial antara Malaysia dengan negara-negara jiran seperti Indonesia dan Thailand boleh mempengaruhi perkembangan kebudayaan dan kesenian di Malaysia. Antara contoh wayang kulit, dikir barat dan seni bina pada sesebuah bangunan.

1.7.5. Pelaksanaan Dasar-dasar Awam di Malaysia

Selain daripada mengkaji tentang teori *siasah syar'iyyah*, penulis juga mengkaji tentang perkembangan dasar di Malaysia melalui beberapa buah buku terkenal seperti:

Pertama: *Dasar Awam Di Malaysia* oleh Wan Azmi Ramli (1993)[69] buku ini banyak tentang dasar-dasar yang wujud di Malaysia secara umum. Namun ia tidak membincangkan tentang peraturan kesenian secara khusus sebagaimana

[67] Zulham Wahyudani. (2015). "Perubahan Sosial Dan Kaitannya Dengan Pembagian Harta Warisan Dalam Perspektif Hukum Islam" dalam *Jurnal Ilmiah Islam Futura* Vol. 14. No. 2,166-189.
[68] Mohd. Taib Osman. (1983). *op.cit.,*hlm. 45.
[69] Wan Azmi Ramli. (1993). *Dasar Awam Di Malaysia.* Kuala Lumpur: Golden Centre Sdn. Bhd.

University of Malaya

yang ingin dibincangkan oleh penulis dalam kajian ini. Dengan ini kajian yang dilakukan penulis tentang kesenian sangat berbeza sekali dengan kajian terdapat dalam buku tersebut.

Kedua: Ahmad Atory Hussin (2008)[70] dalam bukunya *Pembentukan Polisi Awam*, membincangkan tentang dasar atau polisi awam bagaimana ia boleh dikaitkan dengan isu nasional, negeri dan tempatan. Dalam buku ini lebih banyak membincangkan tentang idea yang dicetuskan oleh sarjana tetapi ia disesuaikan dengan pentadbiran di Malaysia secara umum. Buku ini tidak menyentuh langsung tentang pentadbiran Islam, *siasah syar'iyyah* dan kesenian Islam sebagaimana yang hendak dibincangkan oleh penulis nanti. Manakala Anuar Din pula melalui *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu* (2008), menjelaskan tentang konsep kebudayaan, kesenian dan amalan masyarakat Melayu yang mengandungi ritual. Namun ia tidak menyentuh langsung tentang penguasaan undang-undang atau peraturan persembahan. sangat berbeza sama sekali dengan kajian yang dilakukan oleh penulis.

Ketiga: *Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971*. Dasar ini merupakan rujukan asas dan panduan kepada pembentukan Kelantan sebelum ia diselarikan mengikut prinsip Islam. Walaupun dinamakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan tetapi isi kandungan di dalamnya banyak membincangkan tentang kesenian. Dasar Kesenian yang digubal oleh kerajaan Kelantan juga telah dibuat penambahbaikan dan diselaraskan dengan *maqasid syariah*. Ini menjadikan dasar kesenian di

[70] Ahmad Atory Hussin. (2008). *Pembentukan Polisi Awam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn Bhd.

University of Malaya

Kelantan lebih menepati dengan *maqasid syariah* berbanding dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan.

1.7.6. Perkembangan Kesenian di Malaysia

Pertama: Abdullah Yusof dan Awerman Bidin (2008)[71], dalam kajiannya terhadap *Perkembangan Seni Muzik Dalam Peradaban Islam di Nusantara*, mendapati kesenian tidak boleh dipisahkan dari jiwa manusia. Oleh itu, ia perlu digunakan dalam penyebaran dakwah Islam kepada masyarakat di nusantara. Walau bagaimanapun kajian beliau hanya bertumpu kepada penggunaan alat muzik dan sejarah perkembangannya. Ini amat berbeza dengan kajian ini kerana memberi tumpuan khas pelaksanaan dasar dan peraturan hiburan secara khusus di Kelantan.

Kedua: Abdul Rahman Hj. Abdullah (1989)[72] pula dengan bukunya *Sejarah dan Kebudayaan Asia Tenggara Tradisional* banyak membincangkan tentang perkembangan pengaruh agama Hindu dan Buddha dalam pentadbiran, sosial, ekonomi, kebudayaan, kesenian, bahasa dan sastera masyarakat di Asia Tenggara. Ia juga membincangkan tentang sejarah kedatangan Islam ke Asia Tenggara dan kesan kemasukan Islam kepada masyarakat di Asia Tenggara dalam bidang-bidang tersebut. Buku ini juga menyentuh tentang perkembangan kesenian tradisional di Asia Tenggara seperti wayang kulit.

[71] Abdullah Yusof dan Awerman Bidin. (2008). Perkembangan Seni Muzik Dalam Peradaban Islam di Nusantara. *Journal of Al-Tamaddun*, *3*, 48-67.

[72] Abdul Rahman Hj. Abdullah. (1989). *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd.

University of Malaya

Ketiga : A. Aziz Deraman (2010)[73] dalam bukunya *Wacana Peradaban Malaysia* membincangkan tentang peranan yang perlu dimainkan oleh rakyat Malaysia untuk mempertahankan Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971 yang menjadi asas kepada . Beliau turut membincangkan tentang perlunya dasar tersebut dinilai semula supaya sesuai dengan perkembangan semasa. Dalam buku ini, penulis tidak membincangkan kesenian tradisional secara khusus. Tetapi ia banyak membincangkan tentang kepentingan mempertahankan Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Buku ini juga tidak menyentuh langsung tentang penguatkuasaan peraturan hiburan dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia atau badan bukan kerajaan (NGO).

Keempat : Mohamed Ghouse Nasuruddin (2009)[74], pula membincangkan teater yang ada di Malaysia seperti wayang kulit, makyong, menora, main puteri, mekmulung, jikey dan bangsawan. Perbincangannya adalah secara menyeluruh tentang teater tersebut termasuklah cara-cara persembahan, pakaian pelakon, lagu-lagu dan alat-alat muzik yang digunakan. Beliau turut menyediakan teks-teks dialog dan bacaan yang dilafazkan oleh pelakon-pelakon utama teater tersebut. Namun beliau tidak tentang perkara atau unsur khurafat atau syirik yang terdapat dalam persembahan teater tersebut pada pandangan Islam. Begitu juga dengan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan negeri.

1.7.7. Kajian Tentang Pentadbiran Negeri Kelantan

[73] A. Aziz Deraman. (2010). *Wacana Peradaban Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
[74] Mohamed Ghouse Nasuruddin. (2009). *Traditional Malay Theatre*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

University of Malaya

Setelah melakukan sorotan literatur terhadap kajian-kajian klasik dan buku-buku umum, maka penulis beralih pula kepada kajian ilmiah dan jurnal tentang pentadbiran negeri Kelantan. Antara rujukan tersebut ialah:

Pertama: Mohd Azhar Abdullah (2012) "*Peruntukan Dan Penguatkuasaan Terhadap Kesalahan Kesusilaan Di Bawah Bidangkuasa Kerajaan Tempatan:Kajian Menurut Undang-Undang Kecil, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam"*[75]. Kajian ini hanya tertumpu kepada tentang kesalahan kesusilaan di bawah bidang kuasa kerajaan tempatan. Pertama : Kesalahan peniaga Islam yang tidak menutup aurat dan peniaga yang bukan Islam berpakaian kurang sopan. Kedua: Kesalahan kurang sopan di taman-taman. Kajian ini juga membincangkan tentang bidang kuasa MPKB setelah berada di bawah dasar Membangun Bersama Islam dan tindakan-tindakan yang terhadap pesalah tatasusila seperti tidak menutup aurat dan perbuatan kurang sopan. Penulis mendapati kajian ini tidak membincangkan tentang konsep *siasah syar'iyyah* dan pelaksanaannya secara terperinci terhadap tindakan yang dilakukan oleh MPKB-BRI kepada pesalah tatasusila.

Kedua: Shukeri Mohamad (2009),*"Penerimaan Masyarakat Terhadap Pelaksanaan Siasah Syar'iyyah Di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 Hingga 2000: Dalam Kawasan Majlis Daerah Kota Bharu, Kelantan"*[76]. Tesis ini hampir sama dengan kajian penulis tetapi dalam beberapa perkara. Antaranya kajian tersebut banyak melibatkan pandangan masyarakat daerah Kota Bharu

[75] Mohd Azhar Abdullah. (2012). "Peruntukan Dan Penguatkuasaan Terhadap Kesalahan Kesusilaan Di Bawah Bidangkuasa Kerajaan Tempatan:Kajian Menurut Undang-Undang Kecil, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam". (Thesis Phd Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya).

[76] Shukeri Mohamad. (2009), "Penerimaan Masyarakat Terhadap Pelaksanaan Siasah Syar'iyyah Di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 Hingga 2000: Dalam Kawasan Majlis Daerah Kota Bharu, Kelantan". (Thesis Phd Jabatan Siasah Syar'iyyah, Universiti Malaya).

University of Malaya

sahaja, perbincangannya juga tentang pelaksanaan *siasah syar'iyyah* di Kelantan dari tahun 1990 hingga 2000 tanpa memberi tumpuan khusus terhadap mana-mana dasar .

Ketiga: Ismail Yusoff (2009) [77]., *"Pemikiran dan Perjuangan Islam dan Politik Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat 1964-2004"* Tesis ini banyak membincangkan tentang penglibatan Nik Abdul Aziz dalam bidang politik sejak dari usia mudanya iaitu tahun 1964 sehingga tahun 2004 sebagai Kelantan. Kajian ini juga banyak membincangkan tentang pembaharuan yang dilakukan oleh Nik Abdul Aziz sepanjang mentadbir negeri Kelantan. Ianya boleh dijadikan rujukan oleh penulis tentang perubahan-perubahan yang dilakukan sepanjamg pemerintahan beliau selaku menteri besar. Walau bagaimanapun, tesis ini menyentuh secara langsung tentang dasar kesenian di Kelantan terutama sekali tentang amalan *siasah syar'iyyah* yang diamalkan oleh Kelantan.

Keempat: Jan Stark (2004)[78] pula dalam kajiannya menghuraikan model pentadbiran yang dilakukan parti PAS apabila memenangani pilihanraya umum pada tahun 1990 di negeri Kelantan dan tahun 1999 di negeri Terengganu. Jan Stark menjelaskan bahawa parti PAS istiqamah berjuang untuk menjadikan Malaysia ini sebagai negara Islam walaupun menghadapai tentangan daripada UMNO. Antara perjuangan Parti PAS ialah untuk melaksanakan hudud di Kelantan. PAS juga berjuang menentang penyelewengan dalam tadbir urus negara seperti rasuah dan ketirisan dalam melaksanakan sesuatu projek

[77] Ismail Yusoff. (2009). *"Pemikiran dan Perjuangan Islam dan Politik Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat 1964-2004"*. (Tesis Phd Jabatan Sejarah Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

[78] Jan Stark. (2004). Constructing an Islamic model in two Malaysian states: PAS rule in Kelantan and Terengganu. *SOJOURN: Journal of Social Issues in Southeast Asia*, *19*(1), 51-75.

University of Malaya

pembangunan. Di Kelantan PAS memperkenalkan dasar'Membangun Bersama Islam' dan menjadikan tiga teras utama dalam pentadbiran negeri iaitu ubudiah, mas'uliah, itqaan.

Kelima: Haryati Hassan (2003)[79], *Wanita Kelantan dan Pelacuran Satu Kes Kajian Di Kota Bharu 1950an – 1970".* Tesis ini pula mengkaji tentang penglibatan wanita Kelantan dalam aktiviti . Kajian ini lebih kepada membincangkan faktor-faktor yang menyebabkan wanita di Kelantan terjebak dengan gejala sosial masa itu seperti kemiskinan, perceraian dan kurang ilmu agama. Kajian ini juga tidak menyentuh secara khusus tentang kesenian seperti dikir barat, wayang kulit, makyung dan menora. Dengan ini ia sangat berbeza dengan apa yang akan dikaji oleh penulis nanti.

Keenam: Muhammad Syukri Salleh (2000),[80] kajiannya bertajuk *PAS dan Islamisasi di Kelantan,* telah mengkaji tentang persepsi rakyat Kelantan terhadap kerajaan PAS dan program Islamisasi yang dilaksanakan di Kelantan. Kajian ini dilakukan sebelum piliharaya umum pada tahun 1999. Menurut kajian beliau banyak program Islamisasi dilaksanakan oleh kerajaan PAS. Kaedah yang digunakan dalam pembangunan ini dipanggil 'atas ke bawah' (*top-down*) iaitu perancangan dan pelaksanaan dibuat dari atas iaitu bermula dari pemerintah sebagaimana yang diamalkan di negeri-negeri lain. Hasil kajian beliau mendapati 76.1% responden berpandangan kerajaan PAS lebih Islamik berbanding dengan kerajaan Barisan Nasional. Dalam bidang pentadbiran pula, kerajaan PAS masih

[79] Haryati Hassan. (2003). "Wanita Kelantan dan Pelacuran Satu Kes Kajian Di Kota Bharu 1950an–1970". (Tesis Phd Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia).
[80] Muhammad Syukri Salleh.(2000). 'PAS dan Islamisasi di Kelantan', *Pemikir*, bil 21, hlm.161-186.

University of Malaya

terikat dengan wawasan dan strategik pembangunan lima tahun kerajaan Persekutuan. Kerajaan PAS juga tidak mempunyai kuasa ke atas jabatan atau agensi-agensi Persekutuan yang berfungsi di negeri tersebut. Keadaan begini menimbulkan kerumitan kepada kerajaan PAS untuk melaksanakan program-program Islamisasi di Kelantan. Walaupun banyak program Islamisasi dilaksanakan tetapi rakyat Kelantan boleh berubah bila-bila masa kepada parti lain kerana program yang dilaksanakan menyebabkan rakyat tidak mempunyai rasa kepunyaan dan kerajaan Kelantan sendiri pula tidak mempunyai plan induk pembangunan berteraskan Islam yang jelas.

Ketujuh: Muhammad Syukri Salleh (1999)[81] mengkaji tentang sejarah pemerintahan PAS di Kelantan pada 1959 hingga tahun 1978. Majoriti penduduk Kelantan adalah orang Melayu Islam dan kebanyakan mereka memilih parti PAS. Manakala di Terengganu pula PAS hanya memerintah pada tahun 1959 hingga 1962 sahaja. Selepas itu Kelantan diperintah pula oleh Barisan Nasional iaitu dari 11Mac 1978 hingga Oktober 21 Oktober 1990 hanya dapat bertahan (selama 12 tahun). Pada Pilihanraya Umum Oktober 1990 Kelantan sekali lagi dirampas oleh parti PAS yang ketika itu bergabung dengan parti lain dengan menggunakan nama Angkatan Perpaduan Ummah (APU) sehingga sekarang iaitu lebih 27 tahun. Dalam kajian ini disentuh tentang perubahan bentuk kepimpinan dalam parti PAS. Pada zaman Dato Asri Muda kepimpinannya lebih berbentuk nasionalis. Pada tahun 1983 kepimpinan parti PAS diketuai oleh Haji Yusuf Rawa. Maka bermulalah kepimpinan ulama dalam parti PAS. Kemudian dipimpin pula oleh presiden PAS Dato' Fadzil Noor, Abdul Hadi Awang dan Menteri

[81] Muhammad Syukri Salleh. (1996). *Establishing an Islamic state: Ideals and realities in Kelantan, Malaysia*.

University of Malaya

Besar Kelantan Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai Mursidul Am. Kajian ini banyak menyentuh tentang sejarah, matlamat perjuangan parti PAS di Kelantan dan kepentingan kuasa untuk menegakkan perundangan Islam. Kajian ini sedikit pun tidak membincangkan tentang dasar kesenian sebagaimana yang dikaji oleh penulis.

Kelapan: Ab. Rahman Ismail (1999), "*Pembentukan Polisi Awam dan Perkembangan Politik di Kelantan: Satu Kajian Terhadap Persepsi UMNO dan PAS*[82]" Tesis ini hanya membincangkan tentang polisi-polisi awam dan perkembangan politik di Kelantan tanpa menyentuh mana-mana dasar pentadbiran secara terperinci terutama sekali dasar kesenian. Dalam kajian ini juga banyak membincangkan tentang perbandingan antara pentadbiran zaman UMNO dan PAS sahaja, tanpa membincangkan tentang perkembangan kesenian di Kelantan.

Kesembilan: Muhammad Syukri Salleh dan Osman Md. Yusoff, (1997) *"The Poor People's Perception Of Poverty And Its Implication On The Realization Of Islamic Development In Kelantan, Malaysia"*[83] Artikel ini mengkaji persepsi orang miskin terhadap faktor kemiskinan dan strategi pembangunan Islam di Kelantan. Kajian ini juga berfokus kepada strategi pembangunan Islam, khususnya di Kelantan satu-satu Islam di Malaysia, yang diketuai oleh Parti Islam SeMalaysia (PAS). Hasil kajian ini menyimpulkan bahawa pelaksanaan strategi pembangunan Islam di Kelantan kurang berjaya kerana tidak dapat

[82] Ab. Rahman Ismail. (1999). "Pembentukan Polisi Awam dan Perkembangan Politik di Kelantan: Satu Kajian Terhadap Persepsi UMNO dan PAS" (Tesis Phd, Fakulti Ekonomi, Universiti Malaya).

[83] Muhammad Syukri Salleh dan Osman Md. Yusoff. (1997). "The Poor People's Perception Of Poverty And Its Implication On The Realization Of Islamic Development In Kelantan, Malaysia", *Humanomics*, Vol. 13 Issue:3, pp.215-244.

University of Malaya

melaksanakannya dengan baik. Selain dari itu, tidak ada usaha bersungguh-sungguh daripada pihak kerajaan Kelantan untuk menyebarkan maklumat dan nilai-nilai Islam seperti dasar *Membangun Bersama Islam*. Sehingga kini, masih ramai lagi rakyat Kelantan tidak memahami Dasar Membangun Bersama Islam.

1.7.8. Kajian-kajian Tentang Kesenian Tradisional Kelantan

Penulis mendapati banyak kajian tentang kesenian tradisional di Kelantan sama ada melalui pengkaji sejarah Kelantan atau pengkaji-pengkaji semasa. Antara kajian tersebut ialah:

Pertama: William R. Roff (1974)[84] pula dalam kajiannya mendapati rakyat Kelantan dahulu sangat miskin dan kebanyakan mereka bekerja sebagai petani, nelayan dan pekebun kecil. Mereka mempunyai banyak masa lapang terutama selepas menuai padi atau ketika menunggu tanaman mengeluarkan hasil. Manakala nelayan pula mereka mempunyai masa lapang apabila tiba musim tengkujuh kerana tidak berani keluar ke laut untuk mencari ikan. Untuk memenuhi masa terluang itu mereka akan mencari hiburan tradisional seperti layang-layang, gasing, rebana, kertok, berlaga ayam dan sebagainya. Pada waktu malam pula mereka akan mencari hiburan seperti dikir barat, makyung dan wayang kulit. Kajian ini mendapati hiburan tradisional di Tanah Melayu banyak mengandungi unsur Hindu dan Buddha terutama dalam wayang kulit. Kesan kepercayaan Hindu dan Buddha masih berkekalan walaupun Islam telah tersebar secara meluas di Tanah Melayu terutama di Kelantan.

[84] William R. Roff (pnyt.). (1974). *Kelantan: Religion, Society and Politics In a Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. Lihat juga: Raybeck, D. (1992). The Coconut-Shell Clock: Time And Cultural Identity. *Time & Society*, 1(3), 323-340. Lihat juga: Frits A.Wagner. (1959). *Indonesia: The Arts Of An Island Group*, Methuen: London, hlm.145-160.

University of Malaya

Kedua: Manning Nash (1974)[85] pula mengkaji tentang sosio-ekonomi masyarakat Melayu dalam kalangan penduduk di sekitar Bandar Pasir Mas, Kelantan. Penulis mendapati kajian ini banyak menyentuh tentang kegiatan ekonomi di Bandar Pasir Mas dan kawasan tepi Sungai Kelantan. Beliau juga mengkaji tentang reka bentuk rumah orang Melayu terutama di kampung Tasik Berangan, Pasir Mas. Kajian ini mendapati majoriti masyarakat Melayu di sana mendapat pendidikan agama daripada guru-guru pondok sekitar Pasir Mas. Kebanyakan mereka didedahkan dengan ilmu akidah dan fardu ain seperti rukun imam dan rukun Islam sebagai asas sebelum mempelajar ilmu-ilmu lain. Kajian ini hanya menyentuh sedikit sahaja tentang perkembangan kesenian tradisional seperti wayang kulit mungkin kerana masyarakat di Pasir Mas lebih berminat belajar di pondok-pondok daripada mengikuti kesenian yang mengandungi unsur-unsur khurafat.

Ketiga: Clive S. Kessler (1978)[86] pula dalam bukunya banyak menyentuh tentang perkembangan agama Islam di Kelantan dan peranan pondok dalam mendidik masyarakat Kelantan. Masyarakat Kelantan sangat taat dengan ajaran Islam. Pandangan atau nasihat guru-guru pondok dijadikan panduan, malah mereka djadikan antara tempat rujukan utama pada masa itu. Selain itu, buku ini juga membincangkan perkembangan ekonomi dalam kalangan rakyat Kelantan berdasar kumpulan etnik. Ramai orang Melayu pada masa itu terlibat sebagai petani, pekebun kecil, nelayan dan peniaga kecil-kecilan di pekan. Manakala orang Cina pula terlibat dalam bidang perniagaan di bandar dan pekan.

[85]Manning Nash. (1974). *Peasant citizens: politics, religion, and modernization in Kelantan, Malaysia* (No. 31-36). Ohio University, Center for International Studies.

[86] Clive S. Kessler. (1978). *Islam and Politics in Malay State : Kelantan 1838-1969*, Ithaca dan London: Cornell University Press.

University of Malaya

Kebanyakan masyarakat Kelantan masih berpegang kepada cara hidup tradisi, jadi mereka yang berketurunan raja sememangnya dipandang tinggi dan mulia oleh masyarakat pada masa itu. Kessler mengakui bahawa agama Islam memainkan peranan utama dalam perkembangan politik di negeri Kelantan. Rakyat Kelantan tidak mudah terpengaruh dengan mana-mana parti yang tidak berasaskan Islam. Antara parti politik yang wujud pada masa itu Pan Malayan Islamic Party (PIMP) atau PAS, UMNO, dan Parti Negara. Buku ini tidak menyentuh secara mendalam tentang kesenian tradisional sebaliknya hanya banyak membincangkan tentang perkembangan agama, politik dan ekonomi di Kelantan.

Keempat: Jacqueline Sunetra Fernando (1996) [87] dalam kajiannya yang bertajuk *Lagu Menghadap Rebab in the Mak Yong Theatre of Kelantan and South Thailand: an interpretive musical analysis* berfokus kepada lagu mengadap rebab dalam persembahan makyung yang terdapat di Kelantan, Terengganu, Narathiwat dan Patani Thailand bermula pada November 1992 hingga September 1994. Di samping mempelajari cara bermain rebab, kajian ini mendapati setiap persembahan tradisional seperti makyung, wayang kulit dan main puteri mempunyai upacara yang sama iaitu dimulai dengan upacara "Lagu mengadap rebab". Upacara ini bertujuan menjaga para penonton dari diganggu oleh makhluk halus dan menarik minat penonton supaya menunggu sampai tamat persembahan. Antara lagu yang dinyanyikan dalam persembahan makyung ialah *Lagu Sedayung Pakyung* dan *Lagu Sedayung Makyung*.

[87] Jacqueline Sunetra Fernando. (1996). *Lagu menghadap Rebab in the Mak Yong theatre of Kelantan and South Thailand: an interpretive musical analysis* (Doctoral dissertation, Universiti Malaya). Lihat juga: Firth, Raymond. (1967). *"Ritual and Drama in Malay Spirit Mediumship". Comparative Studies in Society and History*, IX, 190–207.

University of Malaya

Kelima: Abdullah b. Mohamad (Nakula) (1991),[88] yang mengkaji tentang asal usul wayang kulit, main puteri dan makyung mendapati ia banyak mengandungi epik-epik agung seperti *RamayanaMahabharata*. Pada asalnya ia adalah ritual semata-mata, tetapi dalam masa yang sama ia juga merupakan hiburan kerana mengandungi unsur-unsur drama, nyanyian dan sebagainya. Wayang kulit mengalami perubahan bentuk dan isi apabila dipengaruhi oleh unsur-unsur Hindu. Cerita wayang kulit sebelum ini adalah berdasarkan kepada mitos nenek moyang, tetapi kini dicedok daripada cerita epik *Ramayana* dan *Mahabharata.*

Keenam: *Kajian Mengenai Sejauh mana Penerimaan Masyarakat Kelantan Terhadap Pementasan Seni Wayang Kulit Sebagai Suatu Bentuk Hiburan* (2008)[89], yang dilakukan Institut Penyelidikan Universiti Teknologi MARA, Shah Alam mendapati masih ramai lagi anak-anak muda yang berminat untuk mengikuti persembahan wayang kulit dan berharap ia diaktifkan semula oleh kerajaan. Ramai responden berpandangan upacara pembukaan panggung atau lagu mengadap rebab ketika permulaan persembahan wayang kulit tidak memberi kesan kepada akidah para penonton. Kajian kuantitatif ini melibatkan responden pelbagai peringkat seperti pelajar, kakitangan awam dan penggiat seni. Kajian ini sangat berlainan dengan kajian yang dilakukan oleh pengkaji sendiri. Kajian ini tidak membincangkan tentang peraturan-peraturan persembahan yang ditetapkan oleh kerajaan Kelantan.

---

[88] Abdullah b. Mohamad (Nakula). (28-30 Jun 1994). "*Wayang Kulit Sejarah Dan Falsafahnya*", (Kertas kerja Seminar Wayang Kulit Negeri Kelantan pada 28-30 Jun 1994. Anjuran Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan bertempat di Kem Kijang Jalan PCB, Kota Bharu, Kelantan.) Lihat: Abdullah Mohamed (Nakula). (1991). "Akademi Seni Tengku Temenggung: Satu Aspek dari Sejarah Sosial Kelantan, 1879-1935", dalam Dato' Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh, *Warisan Kelantan X*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, hlm. 91-92.

[89] Kajian ini dilakukan oleh Moniza Abdullah, Rozana Raoh dan Wan Salwana Wan Sulaiman. (2008). Institut Penyelidikan Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor.

University of Malaya

Ketujuh: Azmi Mohd Nasir (2011)[90] telah mengkaji unsur-unsur nasihat dalam kesenian dikir barat. Beliau mendapati dikir barat banyak mengandungi unsur-unsur nasihat. Selain dari itu, ia juga mengandungi unsur-unsur keagamaan, kempen kesihatan, keselamatan, kejiranan dan pendidikan. Namun dalam dikir barat juga terdapat unsur-unsur lucah dan cinta terutama sekali sebelum pemerintahan Parti PAS di Kelantan iaitu tahun 1990. Selepas tahun tersebut persembahan dikir barat telah mengalami perubahan kerana kerajaan Kelantan telah menetapkan beberapa peraturan bagi kelulusan permit persembahan dikir barat. Walau bagaimanapun, kajian tersebut tidak membincangkan tentang peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan Kelantan.

1.7.9. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan penulis mendapati kebanyakan penyelidikan tidak menyebut dan membincangkan tentang konsep *siasah syar'iyyah* yang berkaitan dengan kesenian secara terperinci kebanyakan perbincangannya berbentuk teori *siasah syar'iyyah* yang diamalkan pada zaman awal pemerintahan Islam, sejarah perkembangan kesenian serta pengaruh agama terhadap perkembangan kesenian. Walau bagaimanapun, ada juga kajian-kajian tentang pelaksanaan *siasah syar'iyyah* dalam bidang kesenian pada zaman sekarang tetapi umum. Mereka juga tidak membincangkan tentang peraturan hiburan seperti syarat-syarat kelulusan lesen hiburan atau permit yang ditetapkan oleh mana-mana (PBT) atau kerajaan negeri .

[90] Azmi Mohd Nasir. (2011). Aspek Nasihat dalam Dikir Barat. Dalam Abdullah Zakaria Ghazali. (Ed.). *Warisan Kelantan xxv.* Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

University of Malaya

Dengan demikian, penulis mengambil inisiatif untuk mengkaji tentang pelaksanaan konsep *siasah syar'iyyah* dalam bidang kesenian di negeri Kelantan dari tahun 1990 hingga 2015. Bagi penulis ini merupakan suatu kajian lapangan yang belum dilakukan oleh mana-mana pengkaji sebelum ini. ia menjadi suatu penemuan baharu dalam dunia akademik khususnya dalam bidang *siasah syar'iyyah* dan kesenian.

1.8. METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian yang digunakan penulis untuk menyiapkan kajian ini berpandukan kepada beberapa buah buku rujukan utama[91]. Di antara metodologi yang digunakan dalam kajian ini ialah seperti berikut:

1.8.1. Metod Pengumpulan Data.

Penulis telah menggunakan beberapa metod untuk mengumpul data yang diperlukan. Di antaranya:

1.8.1.1. Metod Historis

Metod ini merupakan satu kaedah untuk menentukan pendapat yang paling tepat mengenai sesuatu kajian. Di antara tujuan metod ini digunakan ialah untuk mendapatkan maklumat tentang konsep *siasah syar'iyyah* dan amalannya

[91] Antara buku rujukan utama untuk metogologi kajian:

1) Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod.* Perak: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
2) Siti Uzairiah Mohd Tobi. (2017). *Kajian Kualitatif Dan Analisis Temubual*. Kuala Lumpur: Aras Publisher.
3) Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, teori dan Praktis*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
4) Morohaini Mohd Yusoff. (2013). *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian.* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
5) Noraini Ideris. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan,* Penerbit: MC Graw Hill.

University of Malaya

pada zaman Rasulullah SAW dan para khalifah al-Rasyidin dan asas utama kepada amalan *siasah syar'iyyah* dalam dasar kerajaan negeri Kelantan. Selain itu, ia digunakan untuk menganalisis pelaksanaan *siasah syar'iyyah* pada awal pemerintahan kerajaan Islam dengan amalan *siasah syar'iyyah* yang dilaksanakan pada zaman sekarang terutama bidang kesenian.

Kajian ini juga berdasarkan sumber-sumber dalam bentuk tulisan yang dikemukakan oleh ahli politik, ahli akademik, pemikir-pemikir dan para cendekiawan Islam sama ada yang terdahulu ataupun yang terkini. Kaedah komparatif juga digunakan untuk membuat penganalisaan data dan sumber yang didapati. Kaedah ini sangat penting terutama semasa membuat penganalisaan dan penelitian untuk menentukan pendapat yang paling kuat dan *rajih* dalam sesuatu masalah yang khilaf dalam kalangan ulama seperti bermain alat muzik dan suara wanita.

1.8.1.2. Metod Dokumentasi dan Perpustakaan

Metod di atas menjadi keutamaan hampir semua bahagian kajian. Metod ini berkaitan dengan pengumpulan data-data yang diperolehi melalui kajian dokumen-dokumen yang ada kaitan dengan masalah yang dikaji. Di antara dokumen-dokumen tersebut seperti:

1) Fatwa Jemaah Ulama MAIK (Majlis Agama Islam Kelantan) 1992.
2) Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998.
3) Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Hiburan) Negeri Kelantan 1998.

University of Malaya

4) Garis Panduan Persembahan Hiburan Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam.
5) Dasar dan Pengeluaran Lesen Kedai Menjual Minuman Keras dan Meminum Arak di Tempat Awam Di Negeri Kelantan.
6) Dasar Pemasangan Iklan Banting Dan Sepanduk Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam 2013.

Selain dari itu dokumen–dokumen awam terbitan kerajaan negeri seperti buletin, majalah, buku-buku dan akhbar-akhbar turut digunapakai dalam penyelidikan ini. Pada keseluruhannya metod ini digunakan sebagai sumber bertulis dan terjamin keasliannya. Pada keseluruhannya metod ini digunakan dalam setiap bab. Penulis telah menggunakan metod ini untuk mendapatkan bahan rujukan bagi bab dua, tiga dan empat. Ia membantu penulis mendapatkan maklumat yang lengkap dan tepat. Pengumpulan data juga dibuat melalui beberapa buah perpustakaan utama seperti:

1) Perpustakaan Utama Universiti Malaya.
2) Perpustakaan EXCO Kerajaan Kelantan.
3) Perpustakaan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK).
4) Perpustakaan Tok Kenali, Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu.
5) Perpustakaan Pusat Islam Jabatan Agama Islam.
6) Perpustakaan Akademi Pengajian Islam, Nilam Puri.
7) Perpustakaan Awam Negeri Kelantan.
8) Perpustakaan Institut Kefahaman Islam Malaysia.
9) Arkib Negara cawangan Kelantan.
10) Perpustakaan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri.

University of Malaya

1.8.1.3. Metod Temubual

Penulis telah menggunakan metod ini bagi mendapatkan maklumat-maklumat untuk menganalisa yang ada dalam bab tiga, empat dan lima. Penulis juga menemubual dengan beberapa orang informan yang difikirkan boleh memberi keterangan dan pandangan berhubung dengan tajuk kajian ini. Mereka terdiri daripada ahli politik dari Barisan Nasional, Badan Berkanun seperti Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), Ketua Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan, Pengarah Bahagian Pelancongan, Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara cawangan Kelantan dan penggiat seni. Informan lain yang ditemubual untuk mendapat maklumat telah dilampirkan di bahagian akhir kajian ini.

1.8.2.Metod Analisa Data.

Iaitu cara membuat kesimpulan dengan melakukan perbandingan data yang diperolehi. Segala data, fakta dan pendapat yang berautoriti dikumpulkan perbandingan dan kesimpulan. Penulis telah menggunakan tiga kaedah untuk menjelaskan perkara ini. Di antaranya ialah:

1.8.2.1.Metod Deduktif

Iaitu pola berfikir yang dicari dengan berpijak pada dalil untuk sampai kepada dalil yang khusus. Penulis menggunakan kaedah ini untuk menganalisa data melalui pola berfikir untuk mencari suatu pembuktian dan kesimpulan

University of Malaya

dengan berpandukan kepada dalil-dalil yang umum terhadap perkara yang khusus. Metod ini selalu digunakan oleh penulis terutama dalam bab kedua dan . Ini adalah dengan tujuan merumuskan segala pandangan ulama, terutamanya mengenai konsep *siasah syar'iyyah* dan amalannya dalam pemerintahan kerajaan Islam.

1.8.2.2. Metod Induktif

Iaitu pola berfikir yang mempunyai pembuktian melalui perkara yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil bersifat umum. Kaedah ini telah banyak digunakan oleh penulis dalam dalam bab kedua, iaitu ketika membincangkan tentang konsep *siasah syar'iyyah* dan amalannya semasa zaman perkembangaan Islam. Ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa sistem pemerintahan berasaskan *siasah syar'iyyah* sudah dijelaskan oleh al-Qur'an dan al-Hadis tetapi bentuk pelaksanaannya sahaja berbeza kerana faktor perubahan masa dan sosio-budaya masa kini.

1.9. Penyusunan Bab

Kajian ini mempunyai enam bab semuanya. Pada bab pertama penulis membincangkan tentang metodologi penulisan yang mengandungi pengenalan. Dalam pengenalan ini diterangkan perbezaan antara siasah dikenali sebagai politik dengan *siasah syar'iyyah*. Dalam bab ini juga dijelaskan tentang latar belakang kajian dan permasalahan kajian yang menjadi faktor utama kepada penyelidikan ini. Seterusnya dibincangkan juga objektif kajian, skop kajian, kepentingan kajian dan metodologi kajian yang digunakan. Pada bab kedua pula dibincangkan tentang konsep *siasah syar'iyyah* menurut padangan ulamak, peranan ijtihad dalam pelaksanaan *siasah*

University of Malaya

syar'iyyah, teori maqasid syariah, konsep kesenian menurut pandangan Islam dan amalan *siasah syar'iyyah* yang digunapakai sekarang.

Dalam bab ketiga pula penulis mengkaji tentang perkembangan kesenian dan polisi kerajaan Kelantan sebelum dan selepas tahun 1990 hingga tahun 2015, iaitu bermula zaman pemerintahan Barisan Nasional hingga pemerintah PAS di Kelantan. Kajian meliputi bentuk-bentuk kesenian dan strategik yang dilaksanakan oleh kedua-dua kerajaan yang telah dan sedang memerintah negeri Kelantan.

Bab keempat pula dibincangkan tentang pelaksanaan dasar kesenian di negeri Kelantan dengan penguatkuasaan enakmen kawalan hiburan dan garis panduan persembahan hiburan. Penulis turut mengkaji tentang sejauhmana penguatkuasaan enakmen tersebut dapat mengawal kesenian di Kelantan dengan membuat analisa secara terperinci dalam bab kelima. Pada bab akhir kajian, penulis membuat rumusan dan mengemukakan beberapa cadangan yang mungkin boleh diambil perhatian oleh pihak berkenaan pada masa akan datang.

University of Malaya

BAB 2: KONSEP *SIASAH SYAR'IYYAH* DAN KEPENTINGANNYA DALAM KESENIAN

2.1. Pengenalan

Siasah syar`iyyah merupakan satu ilmu yang berkaitan dengan melaksanakan tugas sebagai *khalifah* Allah di muka bumi ini.[1] Ia adalah tugas asasi dijadikan dan dihidupkan manusia di dunia ini. Pada hakikatnya, tugas ini bukan sekadar mentadbir urusan manusia tetapi berkaitan dengan bagaimana hendak menjadikan manusia boleh ditadbir oleh sebuah pentadbiran yang berasaskan kepada undang-undang dan peraturan syariat Islam supaya mereka taat kepada Allah.

Siasah syar'iyyah merupakan suatu kaedah pemerintahan yang dibenarkan oleh Allah s.w.t. kepada pimpinan negara-negara lslam yang menjadikan al-Qur'an dan Sunnah al-Nabawiyah sebagai sumber perlembagaannya. Ia wujud semasa kerajaan lslam yang pertama di Madinah al-Munawwarah yang dipimpin sendiri oleh baginda Nabi Muhammad SAW. Kaedah pemerintahan ini telah diterima pakai pada zaman pemerintahan khulafa' al-Rasyidin dan zaman selepasnya. Sebagaimana yang diketahui, pemerintahan hanyalah cara dan bukannya matlamat. Ia merupakan satu *wasilah* untuk menegakkan perintah Allah dan melaksanakan amanahnya bagi membawa rahmat ke seluruh alam.[2] Berdasarkan demikian, maka *siasah syar'iyyah* merupakan *wasilah* untuk melaksanakan perintah Allah di muka bumi ini. Sebagaimana firman Allah :

ٱلَّذِينَ إِن مَّكَّنَّٰهُمۡ فِي ٱلۡأَرۡضِ أَقَامُواْ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُاْ ٱلزَّكَوٰةَ وَأَمَرُواْ
بِٱلۡمَعۡرُوفِ وَنَهَوۡاْ عَنِ ٱلۡمُنكَرِۗ وَلِلَّهِ عَٰقِبَةُ ٱلۡأُمُورِ

---

[1] Ulama telah mentakrifkan Khilafah sebagai :"نيابة عن الرسول الله صلى الله عليهم وسلم في حراسة الدين وسياسته الدنيا به"
(Menggantikan Rasulullah S.A.W. dalam menjaga agama dan mentadbir dunia dengannya)

[2] Abd. Jalil Borhan, *Konsep Siasah dan Pelaksanaannya Dalam Konteks Malaysia*. (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pelaksanaan Siasah Syar'iyyah Dalam Konteks Masa Kini: Isu dan Cabaran, anjuran Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), di Auditorium Pujangga KUIM, Melaka, pada 21hb. Februari 2013).

University of Malaya

Maksudnya: *"Mereka yang kami berikan kekuasaan di muka bumi, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, menyuruh kepada makruf dan mencegah daripada mungkar dan kepada Allah kembali segala urusan."*

surah al-Haj (17): 41

Kaedah pemerintahan ini telah pun dilaksanakan pada zaman Rasulullah S.A.W dan khulafa' al-Rashidin. Metodologi *siasah syar'iyyah* yang menjadi landasan dan sandaran dalam sebarang tindakan pemerintahan negara menjadikan hukum Islam berkembang pesat dan kaya dengan kaedah penyelesaian kepada berbagai persoalan semasa. Khazanah hukum Islam juga telah banyak memberi sumbangan kepada *siasah syar'iyyah* terutamanya dalam perkembangan hukum Islam. Dengan demikian, topik perbincangan tentang *siasah syar'iyyah* dalam kalangan para *fuqaha'* ialah mengenai sistem, peraturan dan undang-undang yang diperlukan di dalam mengurus sesebuah negara bertepatan dengan asas-asas agama bagi menjamin tercapainya kemaslahatan untuk manusia, menunaikan segala keperluan mereka dan menjauhkan mereka daripada kemudaratan dunia dan akhirat.[3]

2.2. Pengertian *Siasah Syar'iyyah* Menurut Bahasa

Siasah Syar'iyyah adalah dua kalimah yang bercantum, iaitu kalimah "*Siasah*" (سياسة) dan "*Syar'iyyah*" (شرعية). Perkataan siasah berasal daripada bahasa

[3] 'Abd al-Wahab Khallaf . (1987). *As-Siyasah al-Syar'iyyah wa Nizam al-Daulah al-Islamiyyah fi al-Syu'un al-Dustuniyyah wa al-Kharijiyyah wa al-Maliyyah,* Beirut: Muassasah al-Risalah, hlm.7. صرف الامام على الرعية منوط بالمصلحة ertinya: Tindakan pemerintah terhadap rakyat hendaklah berdasarkan maslahah. Lihat: al-Fadani.(1996 M/ 1417 H). *al-Fawa'id al-Janiyyah,* Beirut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah, cetakan kedua, Juz.2, hlm, 123. Lihat: Al-Zarqa. (1996). *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*. Damshiq: Dar al-Qalam, cetakan keempat, hlm.309.

University of Malaya

Arab sebagaimana yang ditegaskan oleh al-Miqrizi di dalam bukunya *al-Khutat* seperti berikut:[4]

"ويقال ساس الأمر سياسة بمعنى قام به...."

Maksudnya : *Dikatakan mempunyai dasar dalam erti kata yang dilakukan.*

Siasah didefinisikan sebagai melakukan sesuatu yang mendatangkan kebaikan kepada pihak yang dipimpin.[5] Mengikut al-Miqrizi, pengertian ini kemudiannya berkembang sehingga membawa erti apa saja peraturan yang bertujuan untuk menjaga tatasusila, kepentingan dan sistem hidup.

Ibn Manzur telah menolak pendapat yang mengatakan perkataan tersebut adalah berasal daripada *Farsi* atau *Monghol.* Mengikut Ibn Manzur, perkataan *siasah* itu berasal dari kata dasar '*sawasa'* (سوس) atau '*sasa'* (ساس)*'yasus* (يسوس) dan *siasatan* (سياسة).[6] Secara umumnya jika ia difokuskan kepada binatang ia akan membawa maksud sebagai: '*menjaga atau menternak'*. Jika ia digunakan pada manusia ia memberi erti 'menjaga dan mentadbir urusan mereka'.[7] Dari segi istilah pula, *siasah* ditakrif sebagai:[8] (القيام على شيء بما يصلحه) iaitu melaksanakan sesuatu berdasarkan kepada maslahah.

---

[4] Ghalib 'Abd. Al-Kafi al-Qurasyi. (1983). *al-Awlawiyyat al-Faruq al-Siasiyyah*, hlm. 47.

[5] Muhammad b. Jalal al-Din Ibn Manzur. (1967). *Lisan al-'Arab,* jld.6. Beirut: Dar al-Fikr, hlm.108, Muhammad Ibn Abi Bakr, al-Razi. (1992). *Mukhtar al-Sihah*, Beirut: Dar al-Bashair al-Islamiyyah, hlm.135. Lihat: Muradha al-Zabidi *Taj al-'Arus*, jilid 4, hlm.169

[6] *Ibid.*

[7] Irfan al-Bustani. (1956). *Munjid al-Thulab*, Kaherah: Dar al-Falah, hlm. 341 Lihat juga: Qamus al-*Mustalahat al-Siasiyyah*, hlm. 267, Lihat : Dr. Yusof al-Qaradhawi. (2011). *al-Siasah al-Syar'iyyah Fi Dau Nusus al-Syari'ah wa Maqasiduha,* Kaherah: Maktabah Wahbah, hlm. 28-29.

[8] Murtadha al-Zabidi. (1966). *Taj al-'Arus,* Beirut, jld 2, hlm. 169.

University of Malaya

Siasah atau politik merupakan satu ilmu dan seni kemahiran yang mengandungi dasar-dasar dan undang-undang khas.[9] Ia merupakan ilmu kerana mempunyai prinsip dan disiplin yang tertentu sehingga terbentuknya "ilmu politik'.[10] Politik juga dikatakan sebagai satu kemahiran kerana dalam realiti perlaksanaannya tidak terhad semata-mata untuk melaksanakan undang-undang yang bersifat teori dan tidak juga pada perlaksanaan sebenar kekuasaan / kekuatan. Ia menuntut kepada kemahiran tertentu yang hanya diperolehi melalui pengalaman dan pengetahuan setelah menghadapi beberapa kaedah praktikal.[11]

Menurut 'Abd al-Wahab al-Khallaf, *siasah* atau politik pada pandangan Islam ialah menjaga urusan umat di dalam dan luar negara dengan cara dan metod yang tidak menyalahi syariat Islam.[12] Konsep politik Islam juga memahami kaedah syarak mengikut prinsipnya dan pelaksanaannya perlu bijaksana mengikut situasi dan realiti yang harus dipraktikkan dan ketegasan yang sewajarnya pada sesuatu tempat.[13] Politik Islam tidak menyentuh perkara prinsip dan hukum-hukum yang didalilkan. Politik Islam hanya melibatkan cara pelaksanaan hukum supaya lebih cermat, bijaksana dan adil supaya dapat menghadapi perkara baru yang muncul dalam masyarakat. Ia perlu diterjemahkan dengan pelaksanaan hukum Allah yang membawa kepada kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Sebagai contoh, pada zaman pemerintahan Saidina Umar, beliau tidak menjalankan hukuman hudud ke atas pencuri kerana zaman itu mengalami kemelesetan

---

[9] ان السياسة علم وفن, فهى علم, لما لها من مبادئ وقوانين خاصة تشكل فى مجموعها "علم السياسة".

[10] Khalid 'Ali Muhammad al-Ambari. (2004). *Fiqh al-Siasah al-Syar'iyyah Fi Dhau' al-Qur'an wal al-Sunnah wa Aqwal salaf al-Ummah,* hlm.10.

[11] Razi, Muhammad Ibn Abi Bakr al-, (1992), *Mukhtar al-Sihah*, Beirut: Maktabah Lubnan, hlm. 267.

[12] 'Abd al- Wahab Khallaf. (1987). *op.cit.*, hlm.17.

[13] Abdul Hadi Awang. (2007). *Islam dan Demokrasi*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributor Sdn.Bhd.hlm. 50.

University of Malaya

ekonomi. Keadaan demikian menyebabkan upah yang diberikan tidak berpatutan dan negeri dalam keadaan menghadapi ancaman musuh. Ia ditukar kepada hukuman *ta'zir* yang diluluskan melalui ijtihad.[14] Bagi Ibnu Taymiyyah, *siasah* terbahagi kepada dua bahagian, pertama *siasah* yang adil, iaitu yang menepati dengan hukum syarak, dan kedua pula *siasah* yang zalim yang diharamkan oleh syarak.[15]

2.2.1.Penggunaan Kalimah *Siasah* Dalam Perbendaharaan Islam

Dr. Yusuf al-Qardhawi menjelaskan tiada kalimah *siasah* disebut di dalam al-Qur'an walaupun sekadar ambilan (أشتقاق) dari perkataan '*sasa'* (ساس)' *yasusu* (يسوس) dan *siasatan* (سياسة) tersebut. Apa yang penting di sini ialah mesti difahami bahawa istilah yang diterima pakai dalam kamus perbendaharaan Islam yang tiada pun disebut dalam al-Qur'an. Contohnya, kalimah akidah dan fadhilat. Kedua-duanya tiada disebut di dalam al-Qur'an, tetapi diterima pakai penggunaannya di dalam ilmu-ilmu Islam.[16]

Walaupun begitu, al-Qur'an menyebut perkataan-perkataan yang menunjuk dan menceritakan perihal berkaitan politik seperti kalimah *al-Mulk* yang bererti penghakiman manusia, suruhan dan larangan serta kepimpinan dalam urusan mereka. Ia datang dalam bentuk dan uslub yang berbeza-beza, antara pujian dan celaan. Ada disebut kerajaan adil dan zalim, kerajaan syura dan diktaktor.[17]

---

[14] *Ibid.*, hlm.52.
[15] Taqi al-din Ibn Ahmad, Ibn al-Taymiyyah. (1988). *al-Siyasah al-Syar`iyyah fi Islah al-Ra`i wa al-Ra`iyyah,* Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah, hlm. 4 & 5.
[16] Dr.Yusuf al-Qardhawi. (1992). *al-Din wa al-Siasah*, Damsyik: Dar al-Syuruk, hlm. 30.
[17] *Ibid.*

University of Malaya

Namun begitu perkataan *siasah* ada terdapat dalam beberapa perbendaharaan iaitu:

1) Penggunaan pertama bagi perkataan *siasah* secara *isytiqaq* / ambilan ialah melalui hadis Rasulullah yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah (r.a):[18]

كانت بنو اسرائيل تسوسهم الانبياء.كلما هلك نبي خلفه نبي. وانه لا نبي بعدى وسيكون خلفاء ويكثرون.. قالو ا : ما تأمرنا فقال اوفوا يعة الاول فالاول ثم اعطوهم حقهم. فان الله ساءل عما استرعاهم

(رواه البخارى)

Maksudnya: *Bani Israil adalah kaum yang dipimpin oleh para nabi. Apabila seorang nabi itu meninggal, maka digantikan dengan nabi yang lain. Dan sesungguhnya tidak ada nabi selepasku dan akan ada khalifah yang banyak. Meraka (para sahabat) bertanya: Apakah yang Rasulullah nak perintahkan kepada kami? Rasulullah menjawab setelah membaiah khalifah yang pertama maka berikanlah hak mereka kerana sesungguhnya Allah akan menanya mereka tentang orang yang dipimpinnya.*

Al-Qistillani dan al-Imam al-Nawawi mengatakan perkataan (تسوسهم الانبياء) bermakna para nabi adalah pemimpin bagi orang-orang Yahudi sebagaimana setiap pemimpin negara lain mengurus rakyat mereka.[19]

[18] *Sahih al-Bukhari.* (1400H). No. Hadis 6216, Kaherah: Dar al-Salaf, cetakan pertama, hlm.3455.
[19] Zainal Abidin Ahmad. (1977). *Ilmu Politik Islam*, Jakarta: Bulan Bintang, hlm.30.

University of Malaya

2) Kata-kata Sahabat

Pertama:

عن المستظل بن حصين قال خطبنا عمر بن الخطاب فقال قد علمت ورب الكعبة متى تهلك العرب, فقام اليه رجل من المسلمين فقال : متى يهلكون يا أمير المؤمنين؟ قال : حين يسوس أمرهم من لم يعالج أمر الجاهلية ولم يصحب الرسول صلى الله عليه وسلم.[20]

Maksudnya : *Dari al-mustadzil Ibn Hushain : Umar Ibn Khattab berkhutbah kepada kami katanya:"Demi tuhan kaabah, telah aku tahu bilakah Arab akan menempah kehancuran". Seorang lelaki muslim bangun lalu bertanya:"Bilakah mereka akan menempah kehancuran?" Umar menjawab : "Saat urusan mereka ditadbir siasah oleh orang yang tidak mendalami (selok belok) jahiliyyah dan tidak pernah bersama Rasulullah s.a.w."*

Kedua:

عن المستظل بن حصين قال على : يا أهل الكوفة ! والله لتجدن في أمر الله ولتقاتلن على طاعة الله أو ليسوسنكم أقوام أنتم أقرب الى الحق منهم فليعذبنكم ثم ليعذبهم.[21]

Maksudnya*: Dari al-Mustadzil Ibn Hushain: Berkata Saidina Ali :"Wahai rakyat Kufah, Demi Allah kamu mesti berkelahi dalam urusan Allah dan kamu mesti berperang demi ketaatan kepada Allah ataupun (jika tidak) kamu pasti ditadbir siasah oleh puak yang kamu adalah lebih dekat kepada al-Haq berbanding mereka. (Jika begitu) Allah pasti menyeksa kamu, kemudian Allah pasti menyeksa mereka juga.*

[20] Ibn Abi Syaibah. (t.t). *Al-Musannaf li Ibn Abi Syaibah*, *Bab al-hajj*, No. Hadis 33139, jld 22, Beirut: Dar Qurtubah.

[21] Abd. al-Wahab al-Najar. (t.t). *al-Khulafa al-Rasyidun*. Kaherah: Dar al-Thurath, hlm.434

University of Malaya

Ketiga:

قول عمرو بن العاص لأبي موسى الأشعري فى وصف معاوية : اني وجدته ولي عثمان الخليفة المظلوم والطالب بدمه, الحسن السياسة, الحسن التدبير.[22]

Maksudnya: *Kata-kata Amru Ibn al-Ash kepada Abi Musa al-As'ari mengenai Muawiyah: Sesungguhnya aku melihatnya (Muawiyah) setia kepada 'Uthman, khalifah yang dizalimi penuntut darahnya (qisas), ahli siasah yang baik dan ahli tadbir yang baik.*

Para ulama fekah ketika menulis dalam bidang ini biasanya menggandingkan perkataan *siasah* dengan *syar'iyyah*. Perkataan *siasah* digunakan dalam pelbagai konteks. Namun semuanya tidak terkeluar dari satu mesej dan pengertian asasnya (تَدْبِيرُ الشَّيءِ وَالقِيَامُ عليه بِمَا يُصْلِحُهُ) iaitu melakukan sesuatu tindakan yang menguntungkan atau mendatangkan kebaikan sama ada dengan cara memimpin,[23] menjaga keperluan atau membantu dan sebagainya.[24]

[22] Imam al-Thabari. (1976). *Tarikh al-Thabari*, Kaherah: Dar al-Fikr, jld.5, hlm. 68.
[23] 'Abd al- Rahman Taj. (1415H). *al-Siyasah al-Syar'iyyah wa al-Fiqh al-Islami,* Kaherah: Dar al-Salam,, hlm.13-14.
[24] Ibn Manzur, Muhammad b. Jalal al-Din, (1967). *Lisan al-'Arab,* Jld.6. Beirut: Dar al-Fikr, hlm.108.

University of Malaya

2.3. Pengertian *Siasah Syar'iyyah* Mengikut Istilah

Para ulama telah memberi pelbagai takrif tentang *siasah syar'iyyah*, antaranya ialah:

Pertama:

Ibnu 'Aqil mengungkapkan *siasah syar'iyyah* sebagai:[25]

"السِّيَاسَةُ ما كَانَ فِعْلاً يكونُ مَعَهُ النَّاسُ أَقْرَبَ اِلَى الصَّلاَحِ وَأَبْعَدَ عَنِ الفَسَادَ، وإِنْ لَمْ يَضَعْهُ الرَّسُوْلُ وَلاَ نَزَلَ بِهِ وَحْيٌ"

Maksudnya: *"Siasah syar'iyyah ialah apa-apa tindakan (kerajaan) yang membawa manusia kepada kebaikan dan menjauhkan mereka daripada keburukan, sekalipun tidak ditetapkan oleh Rasulullah dan tidak terdapat dalam wahyu yang diturunkan."*

Kedua:

Sementara Ibnu Najim pula mentakrifkan sebagai:

"فِعْلُ الشَّيءِ مِنَ الحاَكِمِ لِمَصْلِحَةٍ يَرَاهَا وإِنْ لَمْ يَرِدْ بِهَذَا دَلِيْلٌ جُزْئِيٌّ"

Maksudnya: *"Sesuatu tindakan yang diiambil oleh pemerintah, yang pada pandangannya boleh menjaga kepentingan umum, sekalipun tidak terdapat dalil yang khusus mengenainya."*

Ketiga:

Ibnu Khaldun berpendapat bahawa *siasah syar'iyyah* merupakan mekanisme untuk menjalankan pentadbiran negara dan pelaksanaan hukum-hukum, merancang dan meminda peraturan dan undang-undangnya. Beliau berpendapat bahawa kerajaan yang berasaskan kepada ketentuan syariat akan menzahirkan tuntutan sosial masyarakat yang harmonis, sejahtera dan berkeadilan

[25] 'Abd.al-Rahman Taj. (1415H). *op-cit*, hlm.13-14. Lihat Wan Zahidi Wan Teh. (2002). *Pelaksanaan Siasah Syar'iyyah Dalam Pentadbiran Kerajaan,* JAKIM, hlm. 9.

University of Malaya

sebagaimana yang dihasratkan dari penurunan syariat. Sekiranya pemerintah atau sultan mengabaikan syariat sebagai sistem politik dalam pentadbirannya, maka kehidupan masyarakat dan negara akan terancam dengan kehidupan yang tidak stabil, harmoni dan mewujudkan perbalahan kaum. Dengan itu, Ibnu Khaldun berpendapat *siasah syar'iyyah* sebagai peraturan kerajaan yang selaras dengan ketentuan syariat dan peraturan yang dijalankan kepada masyarakat yang dapat memenuhi kehendak *syariah Islamiyyah.*[26]

Keempat:

Ibnu al-Qaiyim pula berpendapat *siasah* yang adil itu tidak boleh disifatkan sebagai bercanggah dengan nas al-Qur'an dan al-Hadis. Malah katanya, ia adalah sebahagian dari syariat juga. Kata beliau lagi apa yang disebut sebagai *siasah* itu hanyalah istilah sahaja. Sedangkan pada hakikatnya ia adalah keadilan Allah dan RasulNya yang boleh difahami melalui tanda-tanda yang ada. Tambahnya lagi, sesiapa saja yang peka terhadap syariat dan tahu bahawa ia bertujuan melaksanakan kebaikan untuk manusia, maka mereka akan sedar bahawa *siasah* yang adil itu adalah sebahagian daripadanya.[27]

Kelima:

Syeikh 'Abd al-Rahman Taj menyifatkan *siasah syar'iyyah* sebagai kaedah fiqh yang berubah-ubah mengikut keadaan, masa dan persekitaran. Ia berubah kerana faktor persekitaran. Beliau menggunakan istilah *fiqh al-Maran* atau *fiqh al-Mutaharrik* iaitu fiqh yang mengikut perjalanan semasa (fiqh fleksibel) bagi memenuhi keperluan yang baru dan yang berbagai-bagai kerana faktor perkembangan masyarakat dan individu. Beliau membahagikan *siasah* kepada dua

[26] 'Abd. al-Rahman Ibu Khaldun. (t.t). *al-Muqadimmah*, Beirut: Dar al- Khaldun, hlm.302-311.
[27] *Ibid.*

University of Malaya

bahagian iaitu *siasah wadha'iyyah* dan *siasah syar'iyyah*. Syeikh 'Abd al-Rahman Taj telah merumuskan tentang *siasah syar'iyyah* sebagaimana berikut:

> تدبر بها السياسة الشرعية إذن هي الأحكام التي تنظم بها مرافق الدولة, و شئون الأمة, مع مراعاة أن تكون متفقة مع روح الشريعة, نازلة على لو لم يدل عليها شيء من أصولها الكلية, محققة أغراضها الاجتماعية و النصوص التفصيلية الجزئية الواردة في الكتاب أو السنة[28]

> *"Apa yang dimaksudkan dengan siasah syar'iyyah ialah peraturan-peraturan yang bertujuan untuk menyusun agensi-agensi negara dan mentadbir hal ehwal umat dari segi pemerintahan, perundangan, kehakiman, kekuasaan, pelaksanaan dan hubungan antarabangsa, Ia mestilah tidak bertentangan dengan roh syariat serta dapat mencapai matlamat menjaga kepentingan rakyat, sekalipun peraturan-peraturan tersebut tidak terdapat dalil tentangnya secara terperinci dalam al-Qur'an dan as-Sunnah".*

Menurut Syeikh 'Abd al-Rahman Taj siasah syar'iyyah juga boleh berubah-ubah kerana faktor persekitaran selagimana ia tidak bercanggah dengan nas yang tetap. Walaupun begitu, bukanlah maksud di sini, setiap muslim boleh menukar hukum-hukum syariat dengan mendatangkan syariat yang lain, bukan syariat dari Allah dan RasulNya. Ini kerana di sana terdapat hukum-hukum zanni (hukum-hukum yang kurang jelas) yang tidak terdapat nas yang tetap dan tidak ada ijmak yang membolehkan para ulamak membuat keputusan dengan qarinah seperti yang ditetapkan oleh syariat. Hukum-hukum tersebut adalah hukum yang boleh berubah-ubah kerana faktor yang dinyatakan oleh ulamak fiqh dalam kitab-kitab mereka, malahan ada pendapat yang mengharuskannya bertentangan dengan nas yang tetap bersandarkan maslahah khas dan maslahah darurat (maslahah al-daruri)[29].

---

[28] 'Abd al-Rahman Taj. (1415H). *op.cit.*, hlm.12.
[29] *Ibid.*

University of Malaya

Keenam:

‘Abd al-Wahab Khallaf memberi definisi *siasah syar‘iyyah* sebagai suatu ilmu yang menghuraikan tentang sistem dan undang-undang pentadbiran negara Islam bertepatan dengan dasar Islam. *Siasah syar‘iyyah* juga mengatur pentadbiran awam dalam pemerintahan bagi memenuhi kemaslahatan (kebaikan) dan menolak kemudaratan selama mana ia tidak melampaui batasan syariat dan prinsip umum. Walaupun ianya tidak selaras dengan pandangan para imam *mujtahidin.*[30]

Dengan kata lain, ia mengikut jejak langkah ulama *salaf* dalam menjaga kemaslahatan dan perkembangan semua peristiwa. Yang dimaksudkan mengatur urusan umum dalam pemerintahan ialah sesuatu yang berupa tuntutan kehidupan dari segi peraturan, sama ada dari segi undang-undang, kewangan, hukum, kehakiman, lembaga eksekutif, hubungan dalam negeri atau hubungan antarabangsa. Oleh itu, mengatur semua urusan tersebut, teori dan dasar-dasarnya serta membuat peraturan-peraturan yang sesuai dengan prinsip syariat dinamakan sebagai *“siasah syar‘iyyah”.*[31]

Beliau membahagikan ruang lingkup *siasah syar‘iyyah* ini kepada tiga bidang utama iaitu *Siasah Qada’iyyah, Siasah Maliyyah dan Siasah Kharijiyyah.* Dengan ini setiap sistem mempunyai hukum-hakam serta peraturan yang tersendiri yang dinamakan *siasah syar‘iyyah* jika mengambil makna perkataan ini dari maksud yang lebih luas.[32] Berdasarkan kepada pengertian tadi, boleh

[30] ‘Abd al-Wahab Khallaf. (1987). *op.cit.*, hlm. 17.
[31] *Ibid.*
[32] ‘Abd al-Rahman Taj. (1415 H). *op.cit.* , hlm.12

University of Malaya

disimpulkan bahawa *siasah syar'iyyah* digunakan dalam dua perkara seperti berikut:[33]

Pertama: *Siasah Syar'iyyah* Sebagai Metod Atau Kaedah Pemerintahan Negara.[34]

Ia bermaksud mengendalikan urusan pemerintahan negara mengikut landasan syarak, sama ada berpandukan al-Qur'an, al-Sunnah atau ijtihad bagi menjamin kepentingan rakyat.[35] Ia merangkumi seluruh aspek pemerintahan negara seperti politik, pentadbiran, kewangan, kemasyarakatan dan sebagainya.

Kedua: *Siasah Syar'iyyah* Sebagai Metod Penentuan Hukum

Di bawah bidang kuasa kerajaan Islam atau pemimpin yang diberi mandat dalam perkara yang tidak dinyatakan secara terang oleh nas-nas syarak (al-Qur'an dan al-Sunnah).[36] Sehubungan dengan itu, ramai dalam kalangan ulama mazhab Hanafi telah mempopularkan istilah *siasah* sebagai metod hukum, ketika membicarakan berkenaan hudud dan takzir. Mereka menyatakan bahawa khilafah diberi mandat oleh syarak (mandat *siasah*) untuk memilih atau mengenakan hukum tertentu ke atas penjenayah apabila mengulangi kesalahan sama yang menimbulkan gangguan keselamatan orang ramai.[37]

---

[33] Shukeri Mohamad. (1999). *Siasah Syar'iyyah dan Kedudukannya Sebagai Metod Penentuan Hukum* dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya. hlm. 101.
[34] http://mahmoodzuhdi.com, 6 Oktober 2010.
[35] Shukeri Mohamad. (1999). *op.cit.,* hlm.103.
[36] *Ibid.*
[37] *Ibid.*

University of Malaya

Terdapat sedikit perbezaan dalam kalangan ulama dari segi kaedah dan rujukan untuk melaksanaan *siasah*. Ada sebahagian daripada mereka menyatakan *siasah syar'iyyah* itu ialah apabila kerajaan menggunakan kaedah ijtihad [38] dalam menangani isu-isu tertentu. Manakala sebahagian yang lain pula merujuk kepada penggunaan kaedah maslahah dalam urusan pentadbiran.[39] Malah ada juga dalam kalangan mereka yang meluaskan maksudnya kepada semua aktiviti kerajaan Islam yang meliputi hukum-hukum yang diambil terus daripada al-Qur'an dan Sunnah dan yang diputuskan melalui kaedah ijtihad.[40]

Walaupun pada zahirnya didapati berlaku perbezaan rujukan dalam kalangan para ulama atau pemerintah semasa melaksanakan *siasah syar'iyyah*, tapi sebenarnya ia adalah sama sahaja kerana mereka masih menggunakan sumber dan kaedah penentuan hukum yang sama.[41] Apa yang penting di sini mestilah difahami bahawa *siasah syar'iyyah* itu tidak hanya terhad kepada apa yang disebut oleh syarak, tetapi disyaratkan agar ia tidak menyalahi teks al-Qur'an dan hadis, ijmak, dan kaedah-kaedah syarak serta dasar-dasar amnya.[42] Walau bagaimanapun, terdapat seorang sarjana Islam yang bernama 'Abd al-Atwah dan muridnya Dr. 'Abd al-Ghalib al-Qurasyi yang membataskan konsep *siasah* ini kepada perlaksanaan ijtihad sahaja.[43]

---

[38] Ijtihad ialah menggembeling usaha secara bersungguh–sungguh bagi mencari hukum hakam dalam perkara yang tidak dijelaskan oleh al-Qur'an dan hadis atau dalam perkara yang tidak ada dalil.

[39] 'Abd al-Wahab Khallaf. (1987). *op.cit.*, hlm. 7.

[40] Abu Abd.Allah Muhammad Ibn Abi Bakr al-Qayyim. (1995). *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al- Siyasah al-Syar`iyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm. 11.

[41] Shukeri Mohammad, "*Siyasah Syar`iyyah Dalam Membentuk Gagasan Fiqh Masyarakat Majmuk"* dalam Simposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam Dalam Negara Islam, pada 23–24 Disember 2009 /6-7 Muharram 1431.

[42] Khalid 'Ali Muhammad al-Anbari. (2008). *Fiqh al-Siasah al-Syar'iyyah fi Dhau al-Qur'an wal al-Sunnah wal Aqwal Salaf al-Salah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm. 3.

[43] 'Abd al-Al 'Atwah. (1993). *al-Madkhal ila al-Siyasah al-Syar`iyyah*, Jami'at al-Imam Muhammad bin Sa'ud al-Islamiyyah, Riyadh, hlm. 44, Lihat: 'Abd al-Ghalib 'Abd al-Kafi al-Qurasyi. (1983). *Awwaliyyat al-Faroq al-Siyasiyyah*, Riyadh: Maktabah al-Haramain, hlm.51.

University of Malaya

Berdasarkan takrif-takrif di atas, dapat difahami bahawa *konsep siasah syar'iyyah* ini sebagai metod pentadbiran negara seperti dasar/polisi, perancangan strategi, pendekatan dan tindakan serta langkah-langkah dalam semua sektor kerajaan bagi menjamin kepentingan rakyat dengan syarat ia tidak bercanggah dengan prinsip Islam.[44] Ia juga adalah sebagai metod pengeluaran hukum bagi pemerintah Islam. Dengan itu, para pemerintah atau pun hakim-hakim mempunyai kuasa yang luas dalam menguatkuasakan sebarang peraturan dan larangan untuk menjaga kepentingan umum. Perkara yang dianggap boleh memelihara kepentingan umum itu mestilah berasaskan pandangan dan penilaian pemerintah atau hakim-hakim sendiri.

Mengikut Syed Hawa, setiap keputusan dan dasar yang dibuat mengikut kerangka *siasah syar'iyyah* sudah tentu mengandungi semangat ataupun langkah-langkah bagi mencapai keadilan dan kemaslahatan masyarakat.[45] Hal demikian telah pun ditekankan oleh Ibnu Najim dalam takrifnya, (لمصلحة يراها)[46] "*Kerana sesuatu kepentingan umum mengikut pandangannya"*. Sebagai contoh dalam bidang pengurusan dan pentadbiran, *siasah syar'iyyah* boleh juga digunakan oleh para penggubal dan pelaksana dasar untuk membuat sesuatu keputusan yang tidak dibincangkan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Selain dari itu, dalam konteks

---

[44] Shukeri Mohamad. (2009). *"Penerimaan Masyarakat Terhadap Pelaksanaan Siasah Syar`iyyah yang di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 hingga 2000: Kajian Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan"* Tesis Ph.D, Jabatan Siasah Syar`iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm. 69-70. Lihat: Mohammed Syed al-Hawa. (1982). *Punishment in Islamic law,* Indianapolis American Trust Publications. hlm 23

[45] Mohammed Syed al-Hawa. (1982). *op.cit.,*hlm 23

[46] Suatu tindakan dari pemerintah berdasarkan kemaslahatan yang difikirkannya terhadap perkara yang tiada nas secara khusus dalam perkara yang sifatnya tidak kekal dengan kedudukan yang satu bahkan berubah-ubah mengikut perubahan tempat, keadaan, zaman dan kepentingan.

(فعل الشيئ من الحاكم لمصلحة يراها فيما لم يرد فيه نص خاص، وفى الأمور التّى من شأنها ألا تبقى على وجه واحد، بل تتغير وتتبدل لتغير الظروف والأحوال والأزمان والأمكنة والمصالح(

Lihat Ahmad,'Abd al-'Ali. (1993). '*Utwah, al-Madkhal 'ila al-Siyasah al-Syar'iyyah*. Riyadh : Jami'at al-Imam Muhammad bin Sa'ud al-Islamiyyah, hlm.52-53.

University of Malaya

pentadbiran *siasah syar'iyyah* juga berperanan dalam perlantikan para pegawai yang beramanah, berwibawa, berilmu dan layak memegang sesuatu tanggungjawab.[47]

Kaedah ini sangatlah berguna kerana ia memberi kelonggaran kepada pengurus dan pentadbir untuk membuat sesuatu keputusan yang pelbagai dan luas skopnya dalam tugas-tugas seharian mereka.[48] Walau bagaimanapun, mereka disyaratkan supaya membuat sesuatu keputusan itu untuk kepentingan umum, tidak mengikut hawa nafsu dan demi kepentingan kelompok. Apatah lagi jika sesuatu keputusan itu untuk kepentingan peribadi.[49] Apa yang penting ialah sesuatu perancangan yang ingin dilaksanakan atau keputusan yang akan diambil itu mestilah tidak bertentangan dengan al-Qur'an dan al-Sunnah.

Syeikh 'Abd al-Rahman Taj telah membawa beberapa contoh supaya umat Islam mendapat gambaran yang sebenar tentang pensyariatan *siasah syar'iyyah*. Antaranya :[50] Syariat Islam menjaga perbezaan keadaan dengan memberi rukhsah. Perkara ini diharuskan kepada mereka ketika berada dalam medan peperangan dan kesakitan. Mereka dibenar meninggalkan sebahagian besar dari rukun-rukun sembahyang. Rukhsah ini bertujuan menghilangkan kesusahan dan kesukaran dalam melaksanakan ibadat.

1. Keadaan manusia pada hari ini banyak berubah jika dibandingkan dengan awal-awal Islam. Pada zaman sekarang telah banyak berlakunya kerosakan dan tersebarnya penyakit-penyakit sosial dalam masyarakat yang memerlukan usaha-usaha untuk mengatasinya. Keadaan ini banyak mempengaruhi dalam

[47] Wan Liz Wan Umar. (1990). *Pengurusan Islam Abad 21:Resolusi Pengurusan Untuk Keunggulan Sektor Awam Dan Korporat*. Utusan Publications & Distributers Sdb Bhd, hlm 59.
[48] *Ibid.*
[49] http://mahmoodzuhdi.com, 6 Oktober 2010.
[50] Syeikh 'Abd al-Rahman Taj, *op-cit* , hlm.15

University of Malaya

mengeluarkan hukum Islam. Sebagai contoh, hukum mengambil saksi yang adil dalam perbicaraan sesuatu kes. Ulama Fekah telah membuat ketetapan bahawa apabila tidak ada seorangpun yang betul-betul adil mengikut ketetapan syarak, hendaklah ambil dalam kalangan mereka yang kurang melakukan perkara keji supaya tidak hilang maslahah, hak-hak dan hukum-hukum.[51] Berdasarkan kepada perkara tersebut, patutlah diperluaskan penggunaan *siasah* disebabkan banyaknya berlaku perubahan nilai sosial dan akhlak dalam masyarakat.

2. Hukum-hukum *siasah syar'iyyah* sebagaimana yang kita dapati banyak menggunakan kaedah-kaedah seperti :

رفع الحرج ومبدء الحكم بالعدل والتواصى بالخير والشورى

Maksudnya: *Diangkat sesuatu kesusahan dengan memulakan hukuman dengan adil dan berpesan dengan perundingan yang baik*

Kaedah tersebut banyak memberi peluang kepada para pemimpin Islam untuk melaksanakan *siasah syar'iyyah* dalam kehidupan umat Islam kini.[52]

Di sini menunjukkan peranan *siasah syar'iyyah* amat penting dalam menangani dan menyelesaikan masalah-masalah semasa yang sentiasa muncul yang memerlukan kepada jawapan yang tepat dan bijaksana dengan mengambil kira kesesuaian dan ketepatannya dengan kehendak Syariah lslam yang mulia. Sudah tentu pihak yang berautoriti dalam menentukan hukum-hukum menerusi *siasah syar'iyyah* iaitu para

[51] Abdul Aziz Sa'id .(1980). "The Use and Abuse of Democracy in Islam", dalam *International Human Right.* New York : Human Right Publishing Group, hlm.69.
[52] Syeikh 'Abd al-Rahman Taj, *op-cit* , hlm.74-77.

University of Malaya

ulama dan pemimpin-pemimpin kerajaan lslam yang memiliki keupayaan berijtihad dalam menangani isu-isu yang berlaku.[53] Ijtihad mestilah dilakukan oleh para sarjana Islam dan cerdik pandai yang ahli dalam ilmu al-Qur'an, hadis serta kaedah-kaedah hukum syarak. Sarjana Islam dan cerdik pandai itu juga mestilah bersifat adil, berakhlak mulia dan beramanah dengan ilmu.[54]

Gabungan pemimpin dan para sarjana Islam yang berakhlak mulia mampu membuahkan ijtihad yang membentuk politik yang berpandukan petunjuk Allah.[55] Kebanyakan ulama memutuskan bahawa tindakan ini dilakukan oleh para khalifah atau menteri-menteri dalam urusan pentadbiran negara.[56] Ia terdiri daripada para pegawai kerajaan yang mendapat mandat hukum seperti hakim-hakim, gabenor, pegawai penguatkuasa *muhtasib* dan lain-lain pemegang jawatan eksekutif.[57] Mengikut Kurdi Ali, *siasah syar'iyyah* mestilah dilakukan oleh pemerintah atau pemimpin yang mahir tentang dasar-dasar dan peraturan dalam Negara.[58]

Walaupun teras utama dalam pelaksanaan *siasah syar'iyyah* ialah untuk menjaga *maslahah* atau kepentingan umum tetapi ia berbeza mengikut suasana dan keadaan masyarakat setempat. Dengan demikian pelaksanaannya mestilah mengikut mentaliti

---

[53] YB Datuk Fadzil Mohd Nor, *Konsep Kepimpinan Dalam Parti Islam SeMalaysia* dalam YB Haji Haron
Taib. (2000). *Model Kerajaan Islam*, Dewan Ulama PAS Pusat,hlm.2.

[54] Abdul Hadi Awang. (2007). *Islam dan Demokrasi*, kuala Lumpur: PTS Publications & Distributor Sdn.Bhd, hlm.47.

[55] *Ibid*, hlm. 50

[56] Zainuddin Ibn Nujaim,. (t.t). *al-Bahr al-Ra'iq Syarh Kanz al-Daqa'iq,* Beirut: Dar al-Kutub al-Islamiyyah, juz 5, hlm.11, Muhammad Amin, Ibn 'Abidin.(1996*). Hasyiah Radd al-Muhtar `Ala al-Durr al-Mukhtar,* Beirut: Dar al-Fikr, juz 4, hlm. 15, Abu al-Hassan Óli Ibn Khalil, Al-Tarablusi (t.t), *Mu`in al-Hukkam Fima Yataraddad Baina al-Khasmain min al-Ahkam,* Beirut: Dar al-Fikr, hlm.169, Ibrahim Syamsuddin, Ibn Farhun .(1301H). *Tabsirah al-Hukkam fi Usul al-'Aqdiah wa al-Ahkam,* Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, juz 2, hlm.104, Sulaiman Ibn Omar Ibn Muhammad, al-Bujairimi. (1956). *Hasyiah al-Bujairimi 'ala al- Manhaj al- Musammah al-Tajrid linaf`i al-'Ibad ala Syarh Minhaj al-Tullab,* Kaherah: Matbaah Mustafa al-Babi wa Auladih, juz 2, hlm. 178, Dr. Rizq al-Zalbani. (t.t). *Mudhakkirah fi al-Siyasah al-Syar`iyyah***,** Jami`ah al-Azhar: Matba'ah al-Syarq, hlm.19.

[57] Shukeri Mohammad *"Siyasah Syar`iyyah Dalam Membentuk Gagasan Fiqh Masyarakat Majmuk" op.cit,*hlm.4.

[58] Mohd Kurdi 'Ali. (1946) . *Aqwaluna Wa Af'aluna*. Kaherah: Dar al-Mukhtar al-Islami, hlm.244.

University of Malaya

dan realiti semasa dan setempat seperti keadaan di Malaysia.[59] Malaysia kini memerlukan sesuatu yang berbeza dengan keperluan penduduk di negara-negara lain kerana budaya, tradisi dan adat masyarakatnya amat berbeza sekali dengan masyarakat di negara lain terutama di Timur Tengah. Timur Tengah dipengaruhi oleh Rom dan Parsi manakala Malaysia pula dipengaruhi oleh budaya India dan Cina.[60] Antara perbezaan yang paling ketara sekali di negara Malaysia ialah kewujudan masyarakat yang berbilang kaum.[61] Oleh kerana Islam sebagai agama yang sempurna dan sesuai pada setiap zaman, maka Islam telah memberi jalan penyelesaian kepada pemimpin-pemimpin umat Islam untuk mengamalkan *siasah syar'iyyah*. Dengan penggunaan konsep *siasah syar'iyyah* dan *maqasid shariah* akan menjadikan setiap pandangan atau ijtihad ulama kontemporari lebih sesuai dengan masyarakat di Malaysia.

2.4. Peranan Ijtihad Dalam *Siasah Syar'iyyah*

Berdasarkan kepada perbincangan tentang konsep *siasah syar'iyyah* sebelum ini, didapati ia merupakan kaedah pemerintahan dan pentadbiran negara yang berlandaskan kepada ijtihad untuk mendapat kebaikan, kemaslahatan, kebajikan dan menolak sebarang kerosakan kepada rakyat yang diperintah. *Siasah syar'iyyah* juga merupakan mekanisme hukum Islam yang diharuskan kepada pihak kerajaan Islam menggunakannya bagi menangani dan menyelesaikan permasalahan baharu yang tidak dijelaskan oleh nas-nas syarak secara langsung. Dengan demikian, maka nyatalah *siasah syar'iyyah* itu merupakan mekanisme bagi pihak kerajaan dalam mentadbir negara. Walau bagaimanapun, ia merupakan sesuatu yang mencabar kerana melibatkan

[59] Shukeri Mohamad. (1999). *op.cit.*, hlm.118.
[60] Mohd Noor Deris. (2000). Keterikatan Maslahah Sebagai Sumber Hukum Dengan Kepentingan Semasa Dan Setempat Di Malaysia, dalam *Fiqh Malaysia Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm. 138.
[61] *Ibid.*

University of Malaya

kepentingan umum seluruh rakyat atau kestabilan negara dari segi politik, ekonomi, keselamatan dan sebagainya.

Oleh kerana *siasah syar'iyyah* melibatkan perkara yang tidak dijelaskan oleh nas secara langsung, maka ia hendaklah berlandaskan kepada ijtihad yang diterima oleh syarak. Sekiranya amalan siasah yang dilaksanakan itu tidak mengikut kaedah-kaedah ijtihad yang dibenarkan oleh syarak, maka siasah tersebut tidak lagi dianggap sebagai *siasah syar'iyyah*. Hal ini menunjukkan betapa besarnya peranan ijtihad dalam perlaksanaan *siasah syar'iyyah*. Menurut Yusuf al-Qaradhawi, semua perkara *daruriyyat*, *hajiyyat* dan *tahsinat* adalah terbuka kepada para pemimpin untuk melakukan amalan ijtihad.[62] Antara kaedah-kaedah ijtihad yang digunakan dalam amalan *siasah syar'iyyah* adalah:[63]

2.4.1. *al-Istislah*

Al-Istislah ialah mengeluarkan hukum-hukum syarak berdasarkan kaedah *masalih al-mursalah*. *Masalih al-mursalah* pula bermaksud *maslahah* yang menyokong *maqasid al-syari'ah* tetapi tidak dinaskan oleh syarak secara langsung dalam penerimaan atau penolakannya. Kedudukan *al-istislah* sebagai kaedah ijtihad diterima oleh mazhab-mazhab Islam secara dasarnya, cuma skop penggunaannya sahaja yang berbeza. Mohd Sa'id Ramadan al-Buthi menegaskan bahawa pembinaan hukum syarak berdasarkan kepada istislah sudah menjadi persepakatan sejak zaman para sahabat lagi sehinggalah

[62] Yusuf al-Qaradhawi. (1977). *Khasa'is 'Ammah al-Islam*. Kaherah; Maktabah Wahbah, hlm. 203.
[63] Penulis hanya membincang tiga kaedah ijtihad sahaja supaya perbincangan ini tidak terlalu panjang.

University of Malaya

imam-imam mazhab. Perbezaan yang berlaku hanyalah pada nama sahaja sama ada menggunakan nama *al-istislah, ijtihad*, dan *qiyas* atau al-istihsan dan '*urf*.[64]

Contoh pelaksanaan *al-Istislah*: Tindakan menyalin semula al-Qur'an pada zaman 'Uthman Affan (r.a.) dan dihantar ke seluruh wilayah. Kemudian diarahkan *mashaf* lain dibakar. Tindakan ini tiada *nas* yang nyata tetapi adalah berasaskan memelihara kemaslahatan umat Islam agar tidak berpecah. Kerana maslahah kesatuan umat sesuatu yang dituntut oleh Islam berdasarkan kepada firman Allah yang berbunyi:

وَٱعۡتَصِمُواْ بِحَبۡلِ ٱللَّهِ جَمِيعٗا وَلَا تَفَرَّقُواْ

Maksudnya: *"Hendaklah kamu berpegang teguh dengan tali Allah dan janganlah kamu berpecah belah."*

Ali 'Imran (2): 103

Contoh kedua pula tindakan Saidina 'Umar (r.a.) mengambil *kharaj* dari tanah Iraq dan Syam dengan tidak menjadikannya sebagai *ghanimah* yang sepatutnya dibahagikan kepada tentera. Tindakan ini berdasarkan kepada maslahah negara dan umat untuk menambah pendapatan negara, bagi menampung keperluan golongan tertentu yang tidak mampu seperti balu-balu *syuhada'* dan anak-anak yatim. Ia juga berdasarkan kepada firman Allah S.W.T :

وَلَا تُؤۡتُواْ ٱلسُّفَهَآءَ أَمۡوَٰلَكُمُ ٱلَّتِي جَعَلَ ٱللَّهُ لَكُمۡ قِيَٰمٗا وَٱرۡزُقُوهُمۡ فِيهَا
وَٱكۡسُوهُمۡ وَقُولُواْ لَهُمۡ قَوۡلٗا مَّعۡرُوفٗا ٥

Maksudnya: *Dan janganlah kamu serahkan kepada orang-orang yang belum Sempurna akalnya harta (mereka yang ada dalam kekuasaanmu) yang dijadikan Allah sebagai pokok kehidupan. Berilah mereka belanja*

[64] Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti. (1966). *Dawabit al-Maslahah fi al-Shari'ah al-Islamiyyah,* Damsyiq, hlm. 385.

University of Malaya

dan pakaian (dari hasil harta itu) dan ucapkanlah kepada mereka kata-kata yang baik.

(Surah al-Nisa'(5): 5

Kedudukan *al-Istislah* sebagai kaedah ijtihad ini diterima oleh pelbagai mazhab. Namun mereka berselisih dalam skop penggunaannya sahaja. Bagi al-Syafi'i dan sebahagian daripada mazhab Hanafi, *al-Istislah* diambil secara sederhana sahaja manakala Imam Malik menggunakannya secara meluas dalam segala bidang.[65] Mereka juga bersepakat bahawa jika *istislah* itu membawa kepada maslahah *kuliyyah* dan tidak bertentangan dengan nas-nas syarak, maka ia diterima sebagai mekanisme hukum.[66]

2.4.2. *Sadd al-Zara'i* (سد الذرائع)

Sadd al-Zara'i ialah mengeluarkan hukum syarak mengikut kaedah menutup saluran kerosakan, walaupun saluran itu pada asalnya harus. Namun begitu ia pernah diperluaskan penggunaannya kepada membuka jalan-jalan ke arah kebaikan dan sesuatu yang bermanfaat.[67] Ini bererti, walaupun tidak ada nas al-Qur'an dan al-Sunnah yang melarang sesuatu perkara, kerajaan boleh mengambil tindakan menyekat sesuatu perkara bagi tujuan menjamin kebaikan rakyat dan negara. Begitu juga dalam hal-hal yang berbentuk saluran atau arahan yang memberi kebaikan umum.[68] Terdapat banyak contoh *sadd al-Zara'i* yang disebut dalam al-Qur'an dan al-Sunnah. Begitu juga daripada tindakan para sahabat. Antara contoh yang dibawa oleh Syeikh 'Abd. al-Rahman Taj sebagai

[65] Abu Ishak al-Syatibi. (1988). *al-I'tisam*. Beirut: Dar al-Fikr, hlm. 351.
[66] Shukeri Mohamad. (1999). *op.cit*,. hlm.113-114.
[67] Dr.Muhammad Hisyam al-Burhani. (1985). *Sadd al-Zara'i fi al-Syariah al-Islamiah*. Beirut: Dar al-Fikr hlm. 52-56.
[68] Shukeri Mohamad. (1999). *op.cit*., hlm.113.

University of Malaya

panduan, Allah melarang orang Islam mencaci tuhan-tuhan orang kafir, supaya mereka tidak mencaci Allah dengan marah dan geram. Firman Allah:

وَلَا تَسُبُّوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِن دُونِ اللَّهِ فَيَسُبُّوا اللَّهَ عَدْوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ ۗ
كَذَٰلِكَ زَيَّنَّا لِكُلِّ أُمَّةٍ عَمَلَهُمْ ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّهِم مَّرْجِعُهُمْ فَيُنَبِّئُهُم بِمَا كَانُوا
يَعْمَلُونَ

Maksudnya: *Dan janganlah kamu mencaci tuhan-tuhan yang mereka sembah selain dari Allah, kalau tidak mereka akan mencaci Allah dengan marah dan bodoh.*

surah al-An'am (7):108

Sebenarnya mengutuk tuhan-tuhan lain selain dari Allah adalah harus, tetapi perbuatan seperti itu akan membawa keburukan yang besar di mana golongan kafir akan marah dan akan mengambil tindakan mengutuk Allah secara membabi buta. Walaupun ada *maslahah*, tetapi Allah melarang perbuatan itu kerana *mafsadah*nya lebih besar. Kaedah *sadd al-Zara'i* ini sebenarnya dapat memberikan satu kekuatan dan kemantapan kepada kerajaan Islam dalam soal pentadbiran dan pengurusan kerana mampu menghalang segala perkara buruk dan negatif daripada mengancam kestabilan negara atau masyarakat. Mengikut kaedah ini, pihak kerajaan dapat menyekat segala ruang faktor ke arah berlakunya kerosakan, maksiat, jenayah, gejala sosial dan sebagainya.[69] Apabila kerajaan berjaya menghalang sumber dan faktor kemungkaran, maka kejadian buruk tidak akan mudah berlaku, kerana ia dikawal rapi pada peringkat awal. Sekiranya perkara buruk itu masih berlaku juga, kerajaan boleh bertindak tegas dengan mengenakan tindakan undang-undang. Jika masih ada lagi kumpulan atau orang melakukan perkara yang dilarang ketika mana kerajaan telah menutup pintu-pintu

[69] *Ibid*.

University of Malaya

kejahatan, maka mereka itu dari golongan yang benar-benar jahat dan mengancam keselamatan dan keamanan negara.[70]

2.4.3. *al -'Urf* (العرف)

Pengertian '*Urf* adalah "sesuatu yang telah menjadi kebiasaan oleh manusia untuk mematuhinya dalam urusan kehidupan harian sehingga sebati dengan mereka serta menjadi suatu perkara yang lumrah.[71] Dengan kata lain *'urf* merupakan sesuatu yang tidak ditetapkan oleh nas syarak dari segi suruhan atau tegahannya dari awal lagi. Sebaliknya, amalan dan kebiasaan itu berlaku dalam suatu masyarakat dan diterima baik dalam kalangan masyarakat yang baik dan normal.[72]

Ini menunjukkan bahawa *'urf* juga merupakan suatu asas yang penting dan diterima sebagai salah satu sumber dalam hukum Islam. Maka setiap *'urf* yang positif seperti menutup aurat, kebersihan dan sebagainya patut diambil sebelum melakukan ijtihad. Manakala *'urf* atau budaya yang bertentangan dengan maslahah atau membawa kepada keburukan seperti bohong, judi, meminum arak dan hiburan perlu ditolak walaupun dalam masa yang sama ia tidak memberi kesan terhadap pembinaan hukum baharu.[73] Dengan kata lain *'urf* itu mestilah tidak bertentangan dengan nas syarak iaitu tidak menghalalkan apa yang diharamkan atau mengharamkan apa yang dihalalkan oleh syarak.[74]

---

[70] *Ibid*.

[71] Najm al-din Sulaiman al-Tufi. (1993). *Risalah fi Ri'ayah al-Maslahah*. Kaherah: Maktabah al-Bananiyah, h.16. Abu Sannah. (1949). *al-'Urf wa al-'Adah Fi Ra'y al-Fuqaha'*, Kaherah, h. 32.

[72] Shukeri Mohamad. (2006). "Nilai–nilai Budaya Tempatan Sebagai Asas Pembinaan Siasah Syar'iyyah" dalam *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm. 397

[73] *Ibid*.

[74] Wahbah al-Zuhayli. (1986). *Usul al-Fiqh al-Islami*, jld 2, Beirut: Dar al-Fikr hlm. 830.

University of Malaya

Oleh kerana *siasah syar'iyyah* ini bergantung kepada ijtihad. Dengan itu, semua hukum yang diputuskan menerusi *siasah syar'iyyah* juga digolongkan sebagai hukum syariah. Ini kerana ia ditentukan menerusi dalil-dalil syariah yang umum sepertimana ia diputuskan melalui *al-Maslahah al-Mursalah* yang diguna pakai sebagai salah satu sumber hukum. Oleh itu, penggunaan istilah *al-Hukum al-Siasah al-Syar'iyyah* yang terdapat dalam kitab-kitab berkenaan adalah penggunaan istilah biasa dan tidak berubah kandungan dan struktur hukum-hukum tersebut walaupun hukum-hukum yang diputuskan melalui *siasah syar'iyyah* berlaku perubahan.

Oleh kerana *siasah syar'iyyah* berlandaskan kepentingan umum yang diistilahkan oleh para fuqaha' sebagai *Masaleh al-Mursalah*, iaitu kepentingan yang tidak diperakui secara jelas dan tidak pula dinafikan[75] oleh al-Qur'an dan al-Sunnah. Lantaran itu, para fuqaha'menggariskan syarat-syarat tertentu bagi memenuhi objektif *siasah syar'iyyah* sebagai mekanisme hukum, mengawal sebarang penyelewengan, eksploitasi dan penyalahgunaan kuasa yang membawa kehancuran kepada kerajaan Islam. Mengikut para fuqaha' kepentingan seperti ini perlu dilengkapi sekurang-kurang tiga syarat sebelum ia diterima sebagai asas pembinaan hukum. Antaranya ialah :

a) *Siasah syar'iyyah* hendaklah berlandaskan usul-usul atau kaedah yang diterima oleh syarak seperti *al-istihsan, al-istislah, maqasid al-syari'iyyah, sad al-zariah, tahqiq al-manat al-khas* dan sebaginya.
b) *Siasah syar'iyyah* tidak boleh berlandaskan pemikiran bebas daripada dalil-dalil syarak atau mengikut hawa nafsu. *Siasah* itu hendaklah adil mengikut petunjuk syarak.
c) *Siasah syar'iyyah* tidak membawa penderhakaan kepada Allah.

[75] Abd al-Wahab Khallaf (1987), *op-cit*.hlm. 32-40.

University of Malaya

d) Ia tidak bercanggah dengan tujuan asas syariat Islam atau dengan mana-mana nas dari al-Qur'an dan al-Hadis atau mana-mana ijmak ulama.

e) Hendaklah tujuan memenuhi kepentingan umum dan bukan hanya segelintir masyarakat sahaja. Ini kerana tindakan pemimpin terikat dengan kemaslahatan rakyat.

f) Ia mestilah suatu kepentingan yang cukup jelas dan tidak diragui oleh semua pihak terutama bagi mereka yang menilainya.

g) Ia diputuskan oleh pemerintah Negara[76] dan kerajaan Islam yang menjadikan Al-Qur'an dan Al-Sunnah sebagai perlembagaannya. Kerajaan bukan Islam atau orang perseorangan tidak berhak menjadikan *siasah syar'iyyah* sebagai saluran untuk mengeluarkan hukum-hukum tersebut.

Semua perkara yang disebut tadi perlu dititikberatkan ketika melaksanakan sesuatu hukum yang berlandaskan *siasah syar'iyyah*. Tujuannya untuk mempastikan bahawa sesuatu kepentingan yang akan menjadi asas kepada hukum berkenaan tidak menjejaskan kepentingan yang lebih utama darinya. Kalau tidak, hukum seperti itu tidak boleh diterima sebagai satu ketentuan yang bersifat menjamin kepentingan masyarakat.

Menurut 'Abd al-Rahman Taj, *siasah syar'iyyah* adalah *siasah* yang adil dan ia diasaskan atas keyakinan iman bahawa sumber utamanya adalah wahyu dan al-Sunnah. Oleh itu, peraturan dan hukum yang dikehendaki oleh umat dikira *siasah syar'iyyah* apabila ia menepati dua perkara iaitu:

[76] Lukman Thaib . (1998). *Politik Menurut Perspektif Islam*, Selangor: Synergymate Sdn. Bhd, hlm. 9.

University of Malaya

a) Bertetapan dengan nilai serta etika syariah yang bersandarkan kaedah dan asasnya seperti kaedah muhkamat bukan hukum-hukum yang tetap yang tidak menerima perubahan, walaupun berbeza umat dan zaman.

b) Tidak bertentangan secara jelas dengan dalil-dalil syariat yang jelas seperti yang telah ditetapkan kepada orang ramai sepanjang zaman dan keadaan.

Apabila sesuatu keputusan atau dasar yang telah diputuskan oleh pihak atasan atau pemimpin berdasarkan kepada *siasah syar'iyyah*, maka ia hendaklah dipatuhi oleh rakyat atau kakitangan bawahan. Ini adalah autoriti yang dianugerahkan oleh Allah kepada para pemimpin Islam yang melaksanakan syariah Allah[77] sebagaimana dalam FirmanNya:

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha mendengar lagi Maha melihat.*

(Surah al-Nisa' (5):58

[77] Wan Liz Wan Umar . (1996). Pengurusan Islam Abad ke 21: Revolusi Pengurusan Untuk Keunggulan Sektor Awam dan Koporat, Kuala Lumpur: Utusan Pubilications & Distributors Sdn.Bhd, hlm 79.

University of Malaya

Mengikut Sa'id Hawa setiap keputusan dan dasar yang diputuskan oleh kerajaan melalui *siasah syar'iyyah* sudah semestinya mengandungi semangat atau langkah-langkah menuju kepada keadilan dan kemaslahatan untuk masyarakat[78].

2.5. Teori *Maqasid Shari'ah* Sebagai Tonggak *Siasah Syar'iyyah*

Bagi ulama silam seperti Imam al-Haramay, al-'Izz al-Din, al-Qarafi, al-Ghazali, Ibnu Taymiyyah dan termasuk juga al-Syatibi[79] telah bersepakat bahawa maslahah terbahagi kepada tiga bahagian iaitu:[80]

2.5.1. *Maslahah Daruriyyah*

Kesemua kepentingan ini dianggap sebagai keperluan asasi setiap manusia, di dalam kehidupan bermasyarakat. Seandainya salah satu daripada keperluan ini tidak dipenuhi, maka tiada ertinya lagi bagi kehidupan manusia. Ketiadaannya juga boleh menyebabkan berlakunya kepincangan hidup manusia di dunia dan kehilangan nikmat yang abadi[81] serta mengalami kesiksaan di akhirat nanti. Sebarang perkara dan tindakan yang mencabul kelima-lima perkara ini dianggap sebagai *mafsadah.*[82] Dengan kata lain ia melibatkan soal hidup atau mati. Maslahah ini terdiri daripada beberapa teori *maqasid shariah* yang mengandungi perkara berikut:[83]

---

[78] Mohammed S.el-Hwa. (1982). *Punishment In Islamic Law*, Indianapolis, American Trust Publications, hlm. 116.

[79] 'Abd al-Ilah al-Qasimi. (2010). *Madhal 'am lidirasah Maqasid al-Syari'ah*. Dar al-Kalimah lil Nasry wal al-Tauzie', hlm.58

[80] *Ibid.*

[81] Muhammad Mustafa Shalabi. (1981). *Ta'lil al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiah, cet.2, hlm. 282.

[82] Al-Ghazali. (1993). *al-Mustasfa,* Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi, Beirut, Juz.1, hlm. 311.

[83] 'Abd al-Ilah al-Qasimi. (2010). *op.cit,* hlm. 59-62. Imam al-Ghazali telah memasukkan 'kebebasan dan keadilan' dalam maqasid peringkat *dharuriyyat*.

University of Malaya

2.5.1.1. Menjaga Agama

Menjaga agama Islam merupakan suatu kewajipan ke atas umat Islam. Dengan itu, Islam mewajibkan umatnya supaya mengucapkan dua kalimah syahadah, solat, zakat, puasa, haji dan sebagainya. Matlamat dari arahan Allah ini supaya manusia mendapat kebahagiaan di dunia dan akhirat. Ini menunjukkan bahawa syariat Allah adalah untuk kemaslahatan dan kebaikan manusia.[84] Untuk menjaga agama Islam, Allah mewajibkan umat Islam melaksanakan jihad, memerangi murtad, mengharamkan bid'ah dan anasir-anasir yang boleh membawa kepadanya.[85]

2.5.1.2. Menjaga Nyawa

Islam merupakan agama yang sangat mengambil berat tentang nyawa manusia. Malah Islam juga mengharamkan pembunuh sesama manusia tanpa sebab yang dibenarkan, sebagaimana yang dinyata oleh hadis berikut:

لَا يَحِلُّ دَمُ امْرِئٍ مُسْلِمٍ إِلَّا بِإِحْدَى ثَلَاثٍ النَّفْسُ بِالنَّفْسِ وَالثَّيِّبُ
الزَّانِي وَالْمُفَارِقُ لِدِينِهِ التَّارِكُ لِلْجَمَاعَةِ

Maksudnya: *"Tidak halal darah seorang muslim (tidak boleh dibunuh), kecuali dengan salah satu di antara tiga sebab iaitu jiwa dengan jiwa, orang tua yang berzina (dibunuh dengan dirajam),orang yang murtad meninggalkan agamanya dan jama'ahnya"*

Untuk menjaga nyawa manusia, Allah telah memfardhukan hukum hudud dan qisas supaya manusia takut untuk melakukan sebarang jenayah dan pembunuhan. Dengan pelaksanaan hukum hudud dan qisas ini, nyawa manusia akan selamat dan terjaga kerana hukum tersebut dapat menanam

[84] Ibn'Ashur. (1998) . *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah,* (Sunt). Muhammad al-Tahir al-Misawi, *al-Bashir li al-Intaj al-'Ilmi*, Beirut: Dar al- Salam, Cetakan Pertama, hlm.65.
[85] *Ibid.*

University of Malaya

rasa takut dalam diri manusia untuk melakukan jenayah. Bagi Imam Muhammad Thahir ibnu 'Asyur pelaksanaan hukum hudud dan qisas merupakan jalan yang terakhir dan ia merupakan langkah yang paling rendah dalam menyelamatkan nyawa manusia. Beliau menjelaskan:[86]

> *Memelihara nyawa seseorang ini bukan hanya dengan menetapkan hukumam qisas semata-mata, malah kita dapati hukuman qisas itu sendiri adalah kaedah yang terlemah dalam memelihara nyawa kerana ia boleh menyebabkan kehilangan seseorang. Sebenarnya kaedah pemeliharaan yang terpenting adalah dengan mengawal sesuatu sebelum berlaku kebinasaan."*[87]

Bagi penulis pelaksanaan hukum hudud dan qisas itu merupakan suatu langkah untuk melahirkan rasa takut atau gerun kepada mereka yang ingin melakukan jenayah. Selain itu, hukum tersebut hanya melibatkan jenayah yang sangat berat iaitu melibatkan kehilangan nyawa seseorang. Lagi pun sepanjang pelaksanaan hukum hudud dan qisas di negara-negara Islam pada hari ini hanya beberapa orang sahaja dikenakan tindakan berdasarkan hukum tersebut, berbanding dengan hukuman bunuh berdasarkan undang-undang bukan hudud dan qisas yang dilaksanakan di seluruh dunia pada hari ini. Hukum hudud dan qisas ini mempunyai ruh untuk mencegah masyarakat daripada melakukan jenayah. Hal ini dapat diperhatikan pada firman Allah dalam ayat berikut:

وَٱلسَّارِقُ وَٱلسَّارِقَةُ فَٱقْطَعُوٓا۟ أَيْدِيَهُمَا جَزَآءًۢ بِمَا كَسَبَا نَكَٰلًا مِّنَ ٱللَّهِ
وَٱللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ

Maksud: *Lelaki dan perempuan yang mencuri hendaklah kamu potong tangan kedua-duanya sebagai balasan, ia adalah suatu pencegahan dari Allah Taala.*

---

[86] Ibnu 'Asyur, Muhammad Thahir. 2001. *Maqasid al-Syari'ah al-Islamiyah*. Jordan: Dar al-Nafais hlm.30-35.

[87] http://dar-diyalna.blogspot.my/2012/04/pemeliharaan-nyawa.html, 20 Mei 2018.

University of Malaya

Surah al-Ma'idah (6): 38

2.5.1.3. Menjaga Akal

Islam juga sangat mengambil berat berkenaan akal fikiran manusia. Segala perlakuan yang boleh memudharatkan fikiran manusia seperti mengambil minuman keras, dadah dan perkara yang boleh memudharatkan adalah diharamkan. Hal ini telah pun dijelaskan oleh al-Qur'an seperti berikut:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِنَّمَا ٱلۡخَمۡرُ وَٱلۡمَيۡسِرُ وَٱلۡأَنصَابُ وَٱلۡأَزۡلَٰمُ رِجۡسٞ
مِّنۡ عَمَلِ ٱلشَّيۡطَٰنِ فَٱجۡتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ٩٠ إِنَّمَا يُرِيدُ ٱلشَّيۡطَٰنُ
أَن يُوقِعَ بَيۡنَكُمُ ٱلۡعَدَٰوَةَ وَٱلۡبَغۡضَآءَ فِي ٱلۡخَمۡرِ وَٱلۡمَيۡسِرِ وَيَصُدَّكُمۡ عَن
ذِكۡرِ ٱللَّهِ وَعَنِ ٱلصَّلَوٰةِۖ فَهَلۡ أَنتُم مُّنتَهُونَ ٩١

Maksudnya: *Hai orang-orang yang beriman, Sesungguhnya meminum arak, berjudi, berkorban untuk berhala, mengundi nasib dengan panah adalah termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat kejayaan. Sesungguhnya syaitan itu ingin menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dan menghalang kamu dari mengingati Allah dan sembahyang; Maka berhentilah kamu (dari mengerjakan pekerjaan itu).*

Surah al-Mai'dah (6): 90

Oleh yang demikian, segala persembahan kesenian yang melibatkan pengambilan bahan-bahan terlarang seperti arak dan dadah adalah dilarang sama sekali oleh Islam kerana boleh menghilangkan fikiran yang waras dan membawa kepada perlakuan yang dilarang oleh Islam seperti membunuh, merompak, mencuri dan merogol.

2.5.1.4. Menjaga Keturunan

University of Malaya

Islam juga telah mewajibkan supaya menjaga keturunan. Bagi menjaga keturunan, Islam telah mensyariatkan perkahwinan kerana melalui perkahwinan ini nafsu manusia dapat dikawal daripada melakukan perkara yang dilarang seperti merogol dan membunuh sebagaimana yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini. Melalui perkahwinan juga pandangan manusia akan lebih terjaga dari melihat perkara yang diharamkan dan boleh menjerumuskan manusia ke arah melakukan maksiat seperti merogol. Hal ini dijelaskan dalam firman Allah Ta 'ala seperti mana berikut:

قُلْ لِلْمُؤْمِنِينَ يَغُضُّوا مِنْ أَبْصَارِهِمْ وَيَحْفَظُوا فُرُوجَهُمْ ذَٰلِكَ
أَزْكَىٰ لَهُمْ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا يَصْنَعُونَ

Maksudnya: *Katakanlah (wahai Muhammad) kepada orang lelaki yang beriman supaya mereka menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang perkara haram) dan memelihara kehormatan mereka. Yang demikian itu lebih suci bagi mereka; sesungguhnya Allah Ta'ala amat mengetahui tentang apa yang mereka kerjakan.'*

Surah al-Nur (13): 30

2.5.1.5. Menjaga Harta

Untuk menjaga harta, Islam menyuruh umatnya supaya menjaga harta mengikut ketetapan yang dijelaskan melalui al-Quran dan al-Sunnah. Antaranya dengan cara menghindari perkara yang boleh membawa perbalahan dan memudaratkan orang lain.[88] Pembahagian harta pusaka mengikut panduan dari Allah ini akan memberikan hak kepada mereka yang benar-benar berhak atas sesuatu harta peninggalan dan mengelak dari

[88] Ibnu'Ashur. (1998). *op.cit.,* hlm. 239.

University of Malaya

berpindah milik kepada orang yang tidak berkenaan. Islam juga menyuruh umat Islam yang melakukan pinjaman kewangan dan sebagainya hendaklah menulis tentang pinjaman tersebut supaya tidak berlaku pergaduhan di kemudian hari.

Islam juga mengharamkan perbuatan mencuri dan merompak harta orang lain. Bahkan Islam telah menetapkan hukuman khas bagi kesalahan mencuri dan merompak iaitu hukuman hudud.[89] Selain dari itu, mati kerana mempertahankan harta dari dirompak juga dikira sebagai mati syahid. Apabila kita perhatikan kepada teori *maqasid syariah* tadi, nyatalah ia bertujuan mengawal dari berlakunya kerosakan dalam masyarakat. Apabila semua urusan agama dan kepentingan rakyat dibina atas maslahah-maslahah ini, maka segala urusan individu dan masyarakat akan berjalan dengan baik.[90]

2.5.2. *Maslahah Hajiyyah*

Iaitu sesuatu yang diperlukan oleh manusia untuk mewujudkan kemudahan dan kelapangan ketika menjalankan tugas dalam kehidupan. Walaupun ia tidak sampai kepada tahap keperluan asasi yang boleh menyebabkan kebinasaan hidup manusia, tetapi ia diperlukan bagi mengelakkan kesusahan hidup di dalam masyarakat.[91] Mengikut Ibnu 'Ashur, sebahagian besar daripada perkara harus dalam muamalat berada dalam kategori *hajiyyah*.[92]

---

[89] 'Abd. Ilah al-Qasimi. (2010). *op.cit.*, hlm. 63

[90] Hasan Haji Ahmad, "Maqasid Syari'ah : Konsep dan pengaruhnya Dalam Pembentukan Hukum" Dalam Abdul Karim Ali dan Raihanah Azahari(ed). (1999). *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Yang Membangun,* Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, hlm.3-64.

[91] Ibnu 'Ashur . (1998*). op.cit*., hlm.63.

[92] *Ibid.*

University of Malaya

2.4.3. *Maslahah Tahsiniyyah*

Merupakan keperluan untuk menjaga kehormatan hidup manusia yang melibatkan kemuliaan akhlak dan adat yang baik. Di samping sebagai sesuatu yang mencantikkan kehidupan atau tujuan seperti memakai wangi-wangian, pakaian kemas dan rumah yang cantik.[93] Mengikut Ahmad al-Raisuni, maqasid shariah ialah matlamat-matlamat yang ingin dicapai oleh syariat untuk kepentingan umat manusia.[94] Manakala *siasah syar'iyyah* merupakan suatu tindakan daripada pemimpin untuk menjaga kebajikan rakyatnya dan menghindarkan mereka dari perkara yang tidak diingini walaupun tindakan tersebut tidak dinyatakan oleh al-Qur'an dan al-Hadis. *Siasah syar'iyyah* juga bertujuan melaksanakan matlamat *maqasid shari'ah* yang berteraskan (جلب المصالح) iaitu mendatangkan kemaslahatan dan (درء المفاسد) menolak sebarang kerosakan kepada manusia.

Mendapatkan manfaat dan menjauhi mudarat ini merupakan matlamat utama manusia demi menjaga kepentingan diri dan mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat nanti. *Maqasid shariah* merupakan tujuan Allah menurunkan syariat kepada manusia untuk menjaga agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.[95] Walau bagaimanapun maslahah ini tidak akan tercapai sekiranya umat Islam tidak mempunyai kuasa pentadbiran dalam sesebuah negeri atau negara. Menurut Imam al-Shatibi, selain untuk memelihara kemaslahatan atau kepentingan manusia dalam menjalani kehidupan di dunia, *maqasid shariah* juga bertujuan untuk

---

[93] *Ibid*.

[94] Ahmad al-Raisuni . (1992). *Nazariyyat al-Maqasid I'nda al-Imam al-Syatibi,* Beirut: al-Maahad al-'Alami li al-Fikr al-Islami, hlm.13

[95] 'Abd Malik 'Abd Mujid Bakr al-Jaburi. (2008). al-'alaqah Bina al-Siasah al-Syar'iyyah wa maqasid al-Shari'ah, dalam *Majalah Jamiah Takrik lil 'ulum al-Islamiyyah*. Bil. 6, hlm.383.

University of Malaya

memelihara kepentingan manusia selepas kematian mereka.[96] Ini membuktikan bahawa kedatangan Islam merupakan rahmat kepada manusia sekalian alam sebagaimana firman Allah :

وَمَآ أَرۡسَلۡنَٰكَ إِلَّا رَحۡمَةٗ لِّلۡعَٰلَمِينَ

Maksudnya : *Kami tiada mengutuskan engkau(Ya Muhammad), melainkan menjadi rahmat untuk semesta alam.*

(al-Anbiya'(17): 107

Walau bagaimanapun, Islam telah menetapkan setiap sesuatu tindakan itu mestilah mengikut batas-batasnya iaitu perintah dan larangan Allah S.W.T. Walaupun usaha mencari manfaat dan menjauhi mudarat ini adalah dalam kehidupan manusia dituntut oleh Islam. Namun ia mestilah selari dengan ketetapan nas dan *maqasid shariah.*[97] Pematuhan kepada *maqasid shariah* terutama dalam ijtihad amat penting untuk memastikan segala keperluan, kehendak dan aspirasi kehidupan manusia dapat dipelihara selaras dengan kehendak syarak.[98] Terdapat banyak kaedah feqh dibina untuk mencapai *maslahah* dalam kehidupan manusia.[99] Antaranya:

1) تصرف الامام على الرعية منوط بالمصلحة
Tindakan pemimpin ke atas rakyat berdasarkan kemaslahahatan

2) درء المفاسد اولى من جلب المصالح
Menolak keburukan lebih utama daripada mencari kebaikan

3) الضرورات تبيح المحظورات
Kemudharatan mengharuskan perkara dilarang

---

[96] Abu Ishaq al-Syatibi . (1999). *al-Muwafaqat Fi Usul al-Shariah*, Dar-al-Ma'rifah, Beirut, Jil. 1, hlm. 351
[97] Ahmad al-Raisuni. (2010). *Madhal 'ila Maqasid al-Shari'ah*, Kaherah: Dar al-Kalimah lil Nasr Wa-Tauzi', hlm.78.
[98] *Ibid.*
[99] Ibnu'Ashur. (1998). *op.cit.*, hlm.239.

University of Malaya

4) اذا تعارض مفسدتان روعى اعظمهما ضررا بارتكاب اخفهما

Apabila bertembung dua kemudharatan, diambil kira kemudaratan yang paling ringan

Jika diperhatikan kepada kaedah yang pertama dan kedua di atas, maka jelaslah *siasah syar'iyyah* mempunyai hubungan yang kuat dengan *maqasid shariah* khususnya dalam maslahah kepada umat manusia. Imam al-Syatibi dan Imam al-Ghazali telah bersepakat bahawa *maqasid shariah* perlu dititik beratkan dalam berijtihad untuk mengeluarkan hukum, penyelesaian masalah dan membuat sebarang keputusan. Sebarang ijtihad oleh pemimpin, ulamak atau pihak berkenaan juga mestilah berasaskan kepada *maslahah* kerana semua urusan agama dan keduniaan dibina berdasarkannya. Ini menunjukkan *maqasid shariah* adalah satu keperluan bagi seorang mujtahid ketika mengeluarkan pendapat terutama apabila terdapat perbezaan pandangan.[100] Dengan menjaga maslahah tadi, barulah urusan individu dan masyarakat boleh berjalan dengan baik dan sempurna.

2.6. Konsep Kesenian Menurut Pandangan Islam

Mengikut *Kamus Dewan*, seni bermaksud sesuatu karya sama ada sajak, muzik yang dicipta dengan bakat kecekapan ataupun hasil daripada sesuatu ciptaan.[101] Seni juga didefinisikan sebagai sesuatu yang bersifat abstrak, dapat dipandang, didengar dan disentuh oleh jiwa tetapi tidak dapat dinyatakan melalui kata-kata dan bahasa. Dalam penggunaan semasa, seni didefinisikan sebagai sesuatu kriteria yang estetika dan ia meliputi kesusasteraan, muzik, drama, lukisan, binaan, bangunan dan ukiran.[102] Menurut Sidi Gazalba, kesenian adalah sebahagian daripada kebudayaan yang

[100] 'Abd al-Ilah al-Qasimi . (2010). *op.cit.,* hlm. 9-12.
[101] *Kamus Dewan* (Edisi ke Tiga). (2000). Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 1245.
[102] Abdul Rahman Abdullah. (2006). *Sejarah dan Kebudayaan Asia Tenggara Tradisional*, Selangor: Karisma Publications, hlm. 62.

University of Malaya

dicetuskan oleh sesuatu kelompok manusia kerana setiap kelompok masyarakat mempunyai fitrah semulajadi yang cinta kepada seni yang dapat menyenangkan hati melalui pancaindera yang lima.[103] Malah manusia juga dikatakan sebagai makhluk seni yang cinta kepada sesuatu yang selamat, memuaskan dan memberi kepuasan melalui pancaindera rasa.[104]

Mengikut pandangan barat, tiada kaitan dan hubungan antara seni dengan agama.[105] Hal demikian kerana mereka mengamalkan dasar pengasingan antara perkara dunia atau pemerintahan dengan urusan agama.[106] Walau bagaimanapun, seni masih dianggap sebagai sesuatu yang ideal dan berkait dengan moral. Definisi yang paling sesuai bagi penulis ialah seni sebagai suatu perasaan indah yang terkandung dalam jiwa manusia, kemudian dizahirkan melalui pendengaran, penglihatan dan pergerakan.

Dari segi tujuan, seni boleh dibahagikan kepada dua bahagian iaitu seni untuk seni dan seni untuk masyarakat. Seni untuk seni tujuannya hanyalah untuk berseni sahaja dan orang yang mencipta seni ini bebas dengan tujuan masing-masing sama ada ia mengandungi unsur baik atau jahat. Manakala seni untuk masyarakat pula mempunyai tujuan tertentu. Malah, ia mestilah difahami oleh masyarakat berkenaan sama ada berkaitan dengan kemasyarakatan, politik dan akhlak. Dalam pembentukan kesenian Islam, kerangka dasarnya mestilah menyeluruh dan meliputi aspek-aspek akhlak, iman, matlamat keagamaan dan falsafah kehidupan manusia. Kesenian Islam merupakan satu proses pendidikan yang bersifat positif mengikut kaca mata Islam, menggerakkan

[103] Dr. Sidi Gazalba. (1983). *Pandangan Islam Tentang Seni.* Kuala Lumpur: Pustaka Antara, hlm. 30-35.
[104] *Ibid.*
[105] http://ii.islam.gov.my/articles/seniislam/pengenalan.php. Jumaat 7 September 2018.
[106] Wan Ismail Bin Wan Jusoh. (1999). *Koleksi Ucapan Rasmi YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat, Menteri Besar Kelantan*. Kota Bharu, Kelantan: Dian Darul Naim Sdn. Bhd.hlm.431.

University of Malaya

semangat, memimpin batin dan membangunkan akhlak,[107] sebagaimana dinyatakan oleh Profesor Dr. Mohd Kamal Hassan sebagaimana berikut:[108]

> *Dalam perspektif Islam, penghasilan seni dan sastera adalah bertujuan antara lain meninggikan apresiasi manusia tentang semua nilai yang baik, murni dan diredai oleh Allah s.w.t. Dan seni dan sastera yang tinggi nilainya ialah yang boleh mendorong ke arah pencapaian tingkat ketaqwaan, kemakrufan, kesolehan, dan budi yang lebih mantap. Ia harus bersifat demikian kerana manusia yang penciptaannya tidak diberi peranan lain selain daripada peranan pengabadian kepada tujuan-tujuan ilahi dan kekhilafahan dunia atas nama Allah"*

Selain itu, seni juga mestilah bersifat *''amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* iaitu menyuruh berbuat baik dan mencegah daripada melakukan kemungkaran serta membangunkan akhlak masyarakat. Semua aktiviti kesenian manusia mestilah bertujuan mendapat keredhaan Allah. Kesenian juga hendaklah dijadikan sebagai jalan untuk meningkatkan ketaqwaan kepada-Nya. Di sini jelaslah perbezaan antara seni Islam dengan bukan Islam ialah dari segi niat atau tujuan nilai akhlak yang terkandung dalam sesuatu kesenian.[109] Walaupun setiap perkara yang dihasilkan oleh manusia dikatakan sebagai seni, tetapi bagi kesenian Islam tidak semua perkara yang dihasilkan oleh masyarakat tadi dikira sebagai kesenian Islam kerana ia perlu memiliki ciri-ciri dan nilai keIslaman.[110] Walaupun seni merupakan salah satu unsur yang disumbangkan oleh manusia tetapi Allah melarang penciptaan seni yang melampaui batas.

Kesenian merupakan sebahagian daripada kebudayaan. Malah agama Islam sendiri pun mengandungi unsur-unsur kebudayaan. Islam juga diturunkan mengikut fitrah, naluri atau keperluan asasi manusia yang ingin kepada keselamatan dan

---

[107] Sidi Gazalba. (1983). *op.cit.,* hlm. 35.

[108] Mohd Hassan. (1981). Konsep keindahan dalam Islam dan hubungannya dengan seni dan sastera: suatu pandangan umum. *Islamiyyat*, *3*(81), 39-50.

[109] *Ibid*.

[110] Ahmad Kamal Abdullah . (1990). *Kesenian Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 90.

University of Malaya

kesenangan. Dengan itu, Islam tidak menghalang mana-mana hiburan kepada umatnya kecuali hiburan tersebut melanggar syariat Islam. Kesenian ini terbahagi kepada empat bahagian iaitu seni suara, seni gerak, seni rupa dan permainan tradisional. Kesemua kesenian ini berada di bawah bidang kebudayaan. Antara seni-seni yang menjadi fokus utama dalam kajian ini ialah seperti dikir barat, wayang kulit, main puteri, makyong dan menora. Kesemua kesenian ini merupakan hiburan di Kelantan sejak dari dahulu hingga sekarang.

2.6.1 Pandangan Ulama Tentang Nyanyian dan Hiburan

Dalam perbincangan ini penulis hanya membincangkan secara ringkas sahaja berkenaan pandangan ulama tentang nyanyian dan penggunaan alat-alat muzik dalam hiburan. Sebagaimana yang diketahui, nyanyian yang disertai muzik yang menggunakan alat ataupun tanpa alat merupakan satu masalah yang sering dibahas sejak dahulu lagi.[111] Walau bagaimanapun, para ulama telah bersepakat bahawa semua bentuk nyanyian atau lagu yang mengandungi unsur-unsur yang tidak baik, bertentangan dengan syariat Islam dan membawa kepada berlakunya maksiat adalah haram**.** Mereka juga bersetuju bahawa nyanyian dibolehkan dalam majlis perkahwinan, hari raya dan hari-hari kebesaran Islam untuk menunjukkan suasana kegembiraan.[112] Ini menunjukkan bahawa tidak semua nyanyian atau lagu adalah tidak bermanfaat, kerana ada sesetengah lagu banyak mengandungi hikmah, nasihat dan semangat patriotik. Malah ada juga sesetengah lagu bersifat doa dan dakwah. Dengan kata lain, hiburan juga bergantung kepada tujuan dan niat seseorang. Walau bagaimanapun, mereka

[111] Yusuf al-Qardhawi. (1998). *Fatwa-fatwa Semasa*, Sulaiman Ibrahim (Terj), Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn Bhd. hlm. 197.
[112] Yusuf al-Qaradhawi. (1998). *al-Halal wal al-haram fi al-Islam,* Kaherah: Dar al-Salam, hlm. 42.

University of Malaya

berbeza pendapat (*khilaf*) tentang hukum nyanyian pada hari atau peristiwa yang selain dari hari-hari tersebut.

Pendapat Pertama:

Pendapat pertama daripada Ibnu Hazm, al-Ghazali dan Yusuf al-Qardhawi[113] menyatakan bahawa nyanyian itu adalah harus. Syeikh Wahbah Zuhaili menaqalkan kata-kata Imam Al Fakihani; "Tidak aku ketahui daripada Kitab Allah mahupun sunnah suatu hadis yang sahih dalam pengharaman hiburan-hiburan malah ia adalah zahir dan umum ayat yang boleh ditakwil tanpa dalil-dalil yang qat'ie". Antara dalil-dalil yang menunjukkan bahawa nyanyian berserta alat-alat muzik adalah diharuskan termasuklah:

1) Firman Allah dalam Surah al-'Araf ayat ke 157:

وَيُحِلُّ لَهُمُ ٱلطَّيِّبَٰتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيۡهِمُ ٱلۡخَبَٰٓئِثَ ....

Maksudnya : *Dan ia menghalalkan bagi mereka segala benda yang baik, dan mengharamkan bagi mereka segala benda buruk.....*

Mengikut kaedah usul fiqh, asal sesuatu perkara adalah mubah (harus) sehingga datangnya dalil pengharaman. Perkara yang sudah thabit pengharamannya tidak boleh diingkari lagi pengharamannya, namun perkara yang diikhtilafkan, sesebuah golongan tidak boleh mengilzamkan yang lain supaya berpegang dengan satu-satu pendapat. Maqasid syariah mengatakan bahawa Islam tidak pernah mengharamkan suatu yang baik melainkan ia membolehkannya,

[113] Ahmad Sharifuddin Mustapha Mohd Zain Mubarak. (Dakwah Melalui Muzik Dan Nyanyian: Satu Perbincangan Seminar Serantau Dakwah Dan Kesenian Universiti Kebangsaan Malaysia pada 7 - 8 Ogos 2006).

University of Malaya

sebagai rahmat kepada ummah untuk kebaikan jiwa-jiwa dan akal manusia.[114]

2) Hadis nabi yang bermaksudnya:

> *Dari 'A'isyah* r.a. baginda berkata: *'Pada suatu hari Rasulullah masuk ke tempatku. Di sampingku ada dua gadis perempuan hamba yang sedang mendendangkan nyanyian (tentang hari) Bu'ats (Bu'ats adalah nama salah satu benteng untuk al-Aws yang jaraknya kira-kira dua hari perjalanan dari Madinah. Di sana pernah terjadi perang yang dahsyat antara kabilah Aus dan Khazraj tepat 3 tahun sebelum hijrah. Dalam riwayat Muslim ditambah dengan menggunakan rebana). (Kulihat) Rasulullah SAW berbaring tetapi dengan memalingkan mukanya. Pada saat itulah Abu Bakar masuk dan ia marah kepada saya. Katanya: 'Di tempat Nabi ada seruling syaitan?' Mendengar seruan itu, Nabi lalu menghadapkan mukanya kepada Abu Bakar seraya bersabda: 'Biarkanlah keduanya, hai Abu Bakar!' Tatkala Abu Bakar tidak memperhatikan lagi maka saya suruh kedua-dua hamba perempuan itu keluar. Waktu itu adalah hari raya di mana orang-orang Sudan sedang (menari dengan) memainkan alat-alat penangkis dan senjata perangnya (di dalam masjid)...'*[115]

3) Hadis

أَنَّهَا زَوَّجَتِ امْرَأَةً إِلَى رَجُلٍ مِنَ الأَنْصَارِ فَقَالَ النَّبِيُّ (ص):
يَا عَائِشَةُ مَا كَانَ مَعَكُمْ مِنْ لَهْوٍ فَإِنَّ الأَنْصَارَ يُعْجِبُهُمُ اللَّهْوُ

Maksudnya : *Bahawa dia pernah mengahwinkan seorang wanita dengan seorang laki-laki dari kalangan Ansar. Maka Rasulullah s.a.w. bersabda: 'Hai 'Aisyah, tidak adakah padamu hiburan (nyanyian) kerana sesungguhnya orang-orang Ansar suka dengan hiburan (nyanyian),'*[116]

---

[114] http://dicc-eac.blogspot.com/2012/02/hukum-hiburan-dalam-islam.html Jumaat 7 September 2018

[115] *Sahih al-Bukhari*, Hadis No. 949, 925. Lihat juga Sahih Muslim, Hadis No. 829 dengan tambahan lafaz: (وَلَيْسَتَا مُغَنِّيَتَيْنِ) 'Kedua-duanya (perempuan itu) bukanlah penyanyi'). Dalam riwayat lain Imam Bukhari menambahkan lafaz (يَا أَبَا بَكْرٍ إِنَّ لِكُلِّ قَوْمٍ عِيْدًا وَ هذَا عِيْدُنَا) *Wahai Abu Bakar, sesungguhnya tiap bangsa punya hari raya. Sekarang ini adalah hari raya (umat Islam)*. Lihat *Sahih al-Bukhari*, Hadis No. 509, 511).

[116] *Sahih al-Bukhari* Hadis No. 5162. Lihat juga: Muhammad bin 'Ali bin Muhammad bin 'Abd Allah al-Syaukani, *Nail al-Authar*, Kaherah: Dar al-hadith, Jilid VI, hlm. 187.

Berdasarkan kepada ayat dan hadis-hadis di atas, maka jelaslah hukum nyanyian diharuskan dalam Islam kerana Rasulullah tidak melarang nyanyian dilakukan ketika majlis perkahwinan. Ini menunjukkan nyanyian itu dibenarkan dalam Islam kecuali berlaku percampuran bebas antara lelaki dan wanita, perjudian dan melibatkan minuman yang memabukkan. Hal ini menunjukkan bahawa nyanyian itu dibolehkan tetapi dalam acuan dan batasan yang dibenarkan oleh Islam.[117]

Sheikh Mahmud Shaltut bekas Sheikh al-Azhar pula berpendapat bahawa mendengar suara indah dan merdu sama ada daripada binatang, manusia atau apa-apa alat atau kecenderungan untuk mempelajari sesuatu daripadanya merupakan keinginan untuk memenuhi tuntutan naluri. Selama mana nyanyian itu tidak melalaikan daripada kewajipan agama, bersesuaian dengan nilai akhlak dan bersesuaian pula dengan kedudukannya, maka ia diharuskan.[118]

Walaupun muzik juga merupakan perkara asasi bagi jiwa manusia tetapi penggunaannya dalam hiburan mestilah mengambil kira keadaan setempat dan sensitiviti masyarakat. Islam tidak menghalang sesuatu yang selari dengan fitrah manusia dan diterima oleh adat atau

---

[117] Salah satu sebab mengapa dalam Daulah 'Abbasiyyah didirikan banyak sekolah muzik adalah kerana kepakaran menyanyi dan bermuzik menjadi salah satu syarat bagi pelayan (hamba), pengasuh, dayang-dayang di istana dan di rumah pegawai negara ataupun di rumah para hartawan untuk mendapatkan pekerjaan. Kerana itu telah menjadi suatu keharusan bagi para pemuda dan pemudi untuk mempelajari muzik.

[118] Mahmud Shaltut, *al-Fatawa*. (1960). Kaherah, Dar al-Syuruk, hlm.88. Dr. Ahmad al-Syarbashi telah menghimpunkan semua fatwa ulama dalam bukunya berkenaan hukum mendengar muzik dan nyanyian. Beliau membuat kesimpulan fatwa Syeikh Mahmud Syaltut adalah di pertengahan yang adil di antara ulama yang mengharamkan dan ulama yang mengharuskan mendengar muzik dan nyanyian. Lihat: Ahmad al Syarbashi. (1992). *Yasalunaka 'an al-Din wa al-Hayah*, Beirut:Dar al-Jil, Jld 3, hlm. 231.

University of Malaya

cara hidup bagi sesuatu masyarakat.[119] Yusuf al-Qardhawi juga berpandangan hukum seni muzik pada asalnya bersifat harus[120] tetapi boleh berubah kepada hukum-hukum lain seperti haram apabila melanggar batas-batas syariat.[121]

Pendapat Kedua:

Kumpulan ini berpendapat hukum nyanyian adalah haram berdasarkan beberapa dalil. Antaranya ayat 6 dari surah al-Lukman:

وَمِنَ ٱلنَّاسِ مَن يَشْتَرِي لَهْوَ ٱلْحَدِيثِ لِيُضِلَّ عَن سَبِيلِ
ٱللَّهِ بِغَيْرِ عِلْمٍ وَيَتَّخِذَهَا هُزُوًا أُو۟لَٰٓئِكَ لَهُمْ عَذَابٌ مُّهِينٌ

Maksudnya: *Dan ada di antara manusia: orang Yang memilih serta membelanjakan hartanya kepada cerita-cerita dan perkara-perkara hiburan yang melalaikan; Yang berakibat menyesatkan (dirinya dan orang ramai) dari ugama Allah dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan; dan ada pula orang yang menjadikan ugama Allah itu sebagai ejek-ejekan; merekalah orang yang akan beroleh azab yang menghinakan.*

Yusuf al-Qardawi berpendapat tidak semua nyanyian itu *lagha* kerana ia mempunyai hukum tersendiri dan bergantung kepada niat penyanyinya. Niat yang baik boleh mengubah hiburan menjadi suatu ibadat kepada Allah. Manakala niat buruk pula boleh merosakkan amalan berbentuk ibadat tetapi pada hakikatnya terdapat sifat riya'. Orang yang mendengar nyanyian tanpa niat sama ada ibadat mahupun untuk maksiat, maka ia *lagha* yang dimaafkan.[122]

---

[119] Yusuf al-Qaradhawi.*(1997). Fatawa al-Mu'asirah,* Albaz Publishing & Distribution Sdn Bhd.
[120] Yusuf al-Qardhawi, (2011) *Fiqh al-Ghina' wal al-Mausiqi fi al-Dau al-Qur'an wal al-Sunnah*, Kaherah: Maktabah al-Wahbah, hlm.81.
[121] *Ibid.* hlm 13.
[122] Yusuf al-Qardhawi, (2011), *op.cit*., hlm. 54

University of Malaya

Dalam hal ini penulis berpendapat nyanyian adalah harus sepertimana pendapat Yusuf al-Qaradhawi. Beliau telah membuat kesimpulan bahawa hukum nyanyian adalah harus kerana berdasarkan kepada kaedah syarak yang menegaskan kesemua perkara duniawi pada asalnya adalah harus (الاصل في الاشياء الاباحة) kecuali terdapat nas-nas yang sahih yang mengatakan ia adalah haram. Hadis-hadis yang digunakan oleh mereka yang mengharamkannya mempunyai banyak kelemahan. Pendapat ini diperkukuhkan lagi dengan pandangan Imam Abu Bakr Ibn al-'Arabi yang mengatakan tiada satu dalil pun di dalam al-Quran mahupun al-Sunnah yang mengharamkan nyanyian. Bahkan banyak hadis sahih yang membenarkan aktiviti nyanyian itu. Malah hadis mahupun ayat yang digunakan oleh pendapat kaum kedua untuk membuktikan pengharamannya adalah batil dari segi *sanad* dan *i'tiqad* sama ada berdasarkan nas atau takwil.[123]

2.6.2. Pandangan Ulama Tentang Alat Muzik

Para ulama berselisih pendapat[124] juga berhubung dengan penggunaan alat-alat muzik dalam hiburan seperti serunai, gendang *(tobla)* dan *duff*. Sebahagian ulama menghukumkannya sebagai harus.[125] Golongan Madinah, Zahiriyah dan Sufi mengharuskan nyanyian walaupun dengan menggunakan alat-alat muzik

[123] Abu Bakr Ibn al-'Arabi . (1980). *Ahkam al-Quran*, Beirut: Dar al-Risalah, Jld 3, hlm. 1053-1054.

[124] Penulis hanya menyebut secara ringkas sahaja untuk mengelak perbahasan menjadi terlalu panjang dan terkeluar dari fokus utama.

[125]Yusof al-Qaradhawi berpendapat hadis-hadis yang berkaitan pengharaman alat muzik tertentu kesemuanya tidak terlepas dari kecacatan. Ini kerana isu muzik mula dibahaskan di zaman sahabat dan tabi'in. Maka hukum alat muzik (baik dari alat atau penghasilan komputer) itu harus dan keharusannya bergantung kepada penggunaannya. Kecualilah alat muzik itu menjadi lambang kefasikan dan dinisbahkan kepada agama tertentu menurut pandangan uruf (budaya setempat). Lihat perbincangan lanjut dalam: Yusuf al-Qardhawi. (2011). *Fiqh al-Ghina' wal al-Mausiqi fi al-Dau al-Qur'an wal al-Sunnah*,
Kaherah: Maktabah Wahbah, hlm.81- 100.

University of Malaya

seperti kecapi dan serunai.[126] Mengikut Imam al-Ghazali,[127] nyanyian adalah harus selagi tidak melanggar syariat. Malah tiada keterangan yang jelas dari sunnah Rasulullah S.A.W melarang penggunaan alat-alat muzik dalam nyanyian. Ini menunjukkan bahawa instrumen muzik yang baik tidak dilarang oleh Islam. Sekiranya nyanyian dan hiburan itu bersih daripada unsur haram, maka hukum mendengarnya adalah harus. Adapun hiburan yang dilarang oleh Islam adalah hiburan yang menjadikan pendengar dan penonton turut bersekongkol dengan kumpulan-kumpulan pemabuk, penzina dan ahli maksiat.[128] Oleh itu mendengar nyanyian dan muzik yang bercampur dengan perkara haram adalah haram kerana sudah dijelaskan dalam hadis seperti mana hadis di bawah:

لَيَشْرَبَنَّ أُنَاسٌ مِنْ أُمَّتِي الْخَمْرَ يُسَمُّونَهَا بِغَيْرِ اسْمِهَا تَغْدُوعَلَيْهِمِ الْقِيَانُ وَ تَرُوحُ عَلَيْهِمِ الْمَعَازِفُ

Maksudnya : *Segolongan dari umatku akan minum khamr tetapi dengan menyebutkan dengan nama lain, dan mereka akan didatangi oleh para penyanyi wanita keliling beserta pemain muzik dengan alat-alat instrumennya.'*[129]

Imam al-Ghazali menegaskan bahawa Imam al- Syafi'e juga mengatakan sepanjang pengetahuannya tidak ada seorang pun dari para ulama Hijaz yang benci mendengar nyanyian dan suara alat-alat muzik kecuali apabila mengandungi hal-hal yang tidak baik iaitu perkara yang bertentangan dengan syarak.[130]

---

[126] *Nail al-Authar*, *op.cit*., hlm. 187.
[127] al-Ghazali, *Ihya 'ulum al-Din*, jld.2, hlm.271
[128] *Ibid.* Lihat juga: Hj. Abd. Ghani Samsudin, Ishak Hj. Sulaiman, Dr. Engku Ismail Ibrahim, "Seni Dalam Islam", Intel Multimedia & Publication, P.J, 2001, hal. 34-39.
[129] Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-Asqalani, *Fath al-Bari*, Kaherah: Dar al- Rayan, Jilid 10, hlm.55.
[130] 'Abd. al-Rahman Al-Jazari. (t.t). *al-Fiqh 'Ala al-Madzahib-II Arba'a* , Jilid II, Dar al-Hadis, hlm. 42-44.

University of Malaya

Pada pendapat Sheikh Mahmud Shaltut, mendengar dan bermain alat muzik adalah sama hukumnya dengan merasa makanan yang lazat, menghidu bau yang harum, melihat pemandangan yang cantik atau mencapai pengetahuan yang tidak diketahui. Semuanya memberi kesan untuk menenangkan fikiran apabila jasmani penat dan memberi kesan dalam memulihkan semula tenaga. Fuqaha' terdahulu telah membenarkan penggunaan seni muzik apabila mempunyai tujuan yang sesuai seperti muzik iringan ke medan perang, haji, perkahwinan dan hari kebesaran Islam[131]. Mengikut fuqaha' Hanafi, muzik yang dilarang ialah sekiranya bercampur dengan majlis yang terdapat arak, penyanyi perempuan yang mengghairahkan, unsur-unsur fasiq, perzinaan dan berhala. Beliau juga memberi amaran kepada sesiapa yang berani melarang sesuatu perkara yang tidak jelas dilarang oleh Allah.[132]

Malangnya industri muzik yang ada pada hari ini telah dikuasai oleh Barat yang mempunyai niat jahat terhadap Islam terutama para remajanya. Apabila industri muzik diterajui oleh barat, maka umat Islam perlulah berhati-hati kerana unsur-unsur yang diketengahkan oleh mereka bertujuan melalaikan manusia, kemudian membawa mereka kepada perkara maksiat. Akhirnya akan menjadikan manusia lupa kepada agama Islam. Industri muzik barat juga memperkenalkan pelbagai jenis muzik yang melampau seperti *heavy metal, rap, rock, super dance* dan lain-lain yang bertentangan dengan fitrah manusia.[133]

Ini menggambarkan hiburan barat tadi bertentangan dengan konsep hiburan dalam Islam yang bertujuan memberi sedikit kerehatan kepada jiwa

[131] *Ibid,* hlm. 40
[132] *Ibid.*
[133] Ishak Hj Sulaiman. (2006). *Perkembangan Baru Seni Muzik Di Malaysia Dan Hubungannya Dengan Hukum Islam* dalam Md. Saleh Hj. Md.@ Hj. Ahmad(ed). Hukum Islam dan Budaya Tempatan. Kuala Lumpur : Universiti Malaya, hlm.239-263

University of Malaya

manusia. Pendapat ulama yang mengharamkan nyanyian adalah sangat tepat dan sesuai dengan hiburan yang dibawa oleh barat kerana melibatkan pergaulan bebas, melalaikan dan wujudnya unsur-unsur yang bertentangan dengan Islam.

2.6.3. Pandangan Ulama Tentang Suara Wanita Dalam Hiburan

Berhubung dengan suara wanita pula, mengikut Wahbah Zuhaili kebanyakan ulama berpendapat suara wanita dalam keadaan biasa bukanlah aurat.[134] Sebagai contoh, suara umahatul mukminin tidak dikira aurat kerana mereka merupakan guru kepada umat Islam setelah wafat Rasulullah SAW. Sekiranya suara wanita merupakan aurat, nescaya sukarlah isteri-isteri Baginda untuk menyampaikan ilmu yang diterima kepada para sahabat baginda dan umat Islam. Jika ingin berbicara dengan lelaki maka wanita tidak perlu berada di belakang tabir atau perlu kepada orang tengah. Dia dibenar berbicara terus.[135] Namun begitu, menurut Timbalan Menteri Besar, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah berkata, bagaimanapun mereka perlu patuh kepada beberapa peraturan ditetapkan, yang mana majlis tersebut bukanlah program bersifat hiburan dan nyanyian.[136]

Menurut ulama Syafi'iyah pula, dibolehkan mendengar suara wanita menyanyi sekiranya aman dari fitnah.[137] Adapun wanita yang menyanyi dengan suara lembut dan mendayu-dayu di hadapan kaum lelaki ajnabi (asing) maka ia

---

[134] Wahbah al-Zuhaili. (1996). *al Fiqh al- Islami wa Adillatuh*, Beirut: Dar al-Fikr, Jld.1, hlm.647.
[135] Buletin IKTISAD, *Wanita: Suara Wanita Berlagu*, Edisi Khas 2013, hlm.22-23.
[136] http://www.sinarharian.com.my/nasional/kelantan-tak-halang-wanita-mengacara-majlis-1.818116. 7 September 2018
[137] Shihabuddin Abu al-'Abbas (t.t). Hasyiah Qalyubi wa 'Umairah, Kaherah: Dar Ihya al-Kutub al-'Arabiyyah, Jld. I, hlm.177

University of Malaya

dihukum sebagai aurat. Hukum ini berdasarkan kepada ayat 32 surah al-Ahzab yang bermaksud :

> *Maka janganlah kamu wahai wanita, merendahkan (melunakkan) suaramu kerana dibimbangi orang yang berpenyakit di hatinya akan berniat jahat kepadamu,maka bercakaplah hanya dengan kata-kata yang baik (kandungan dan kelakuan).*

Para ulama tafsir berpendapat suara wanita yang dilagukan adalah termasuk dalam kategori kecantikan yang tidak wajar dipertonton dan diperdengarkan kepada lelaki bukan mahram. Larangan ini bermaksud haram bagi kaum wanita melembutkan suaranya apabila bercakap dengan kaum lelaki. Imam Qurtubi berpandangan suara wanita tersebut akan menyebabkan hati orang munafiq dan ahli maksiat berfikiran jahat.[138]

Sebagai kesimpulan, suara wanita dalam keadaan biasa bukanlah aurat. Namun sekiranya dinyanyikan secara lunak dan mendayu-dayu di hadapan kaum lelaki bukan mahram, maka ia dihukumkan sebagai aurat. Manakala suara kanak-kanak wanita yang belum baligh atau dinyanyikan khas untuk para wanita, maka hukumnya adalah harus. Berdasarkan ayat tersebut juga jika diadakan pertandingan nyanyian atau nasyid yang melibatkan kaum wanita di khalayak ramai hukumnya adalah haram walaupun mereka menyanyikan lagu-lagu dakwah. Melainkan nyanyian itu untuk kaum wanita sahaja dan di tempat yang tertutup. Sebagai contoh kumpulan nasyid Mawaddah pernah membuat persembahan nasyid dengan penonton hanya di kalangan perempuan.[139] Begitu juga nyanyian wanita dalam media sosial seperti Youtube, facebook dan video adalah dilarang

---

[138] Abu ‘Abdillah Muhammad Ibn Ahmad al-Qurṭubi. (1990). *al-Jami' Li Ahkam al-Qur’an*, Beirut: Dar al-Hadith jld.14, hlm.227. Lihat: Abu al-Fida' Ismail bin Umar bin Katsir. (1999). *Tafsir Ibnu Kathir,* Sa‘udi: Dar Tayibah lil Nasyri wa al-Tauzie, Jld.3, hlm.483.

[139] ukhwah.com/ukhwah/viewtopic.php?topic=2053&forum=33

University of Malaya

oleh agama. Sekalipun mesejnya baik dan berunsur dakwah kerana ia tetap boleh menimbulkan gangguan di dalam hati kaum lelaki.[140]

2.7. Kedudukan *Siasah Syar'iyyah* Dalam Bidang Kesenian dan Hiburan

Berdasarkan kepada definisi *siasah* dari segi bahasa dan istilah tadi, maka dapatlah diputuskan bahawa *siasah syar'iyyah* meliputi hubungan antara rakyat dengan rakyat, rakyat dengan negara, dan negara dengan negara dan dalam pelbagai bidang lagi. Memandangkan skop *siasah* adalah luas, maka para ulama seperti imam al-Mawardi, Ibnu Taimiyyah dan Abd. Wahab al-Khalaf telah membahagikan *siasah syar'iyyah* kepada beberapa bahagian. Antaranya ialah:

2.7.1. *Siasah Qada'iyyah*

Iaitu sebuah badan perundangan Islam yang diberikan kuasa untuk berusaha memahami nas-nas asas yang datang dari Allah, seterusnya melaksanakannya. Mereka juga diberi kuasa untuk menggubal undang-undang terhadap perkara semasa yang baru berlaku. Dalam usaha menggubal undang-undang itu, badan perundangan (legislatif) hendaklah mengambil kira soal kemaslahatan dan keperluan yang akan dihasilkan dari pelaksanaan undang-undang tersebut.

2.7.2. *Siasah Maliyyah*

Dikenali juga dengan pengurusan kewangan iaitu ilmu yang berkaitan dengan mengatur segala kemasukan dan pengeluaran wang negara untuk kemaslahatan umum tanpa menghilangkan hak individu atau menafikannya.

[140] *Ibid.*

University of Malaya

Kewangan negara perlu dikawal supaya ia mendatang kemaslahatan bagi sesebuah negara seperti kestabilan ekonomi dan keamanan kepada penduduk.[141]

2.7.3. *Siasah Kharijiyyah* atau *Siyasah Dauliyah*

Dikenali sebagai politik antarabangsa (foreign policy). Ketua negara berperanan dalam membuat dan mengekalkan hubungan dengan negara luar.

2.7.4. *Siasah al-Dusturiyyah*

Iaitu siasah yang mengawal perundangan negara supaya selaras dengan kehendak Islam, pembahagian kuasa, dasar-dasar kerajaan dan hak-hak rakyat.[142]

Berdasarkan kepada pembahagian ini, *siasah* mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan kehidupan manusia. Apabila urusan melibatkan kehidupan sesama manusia, manusia dengan masyarakat dan masyarakat dengan negara, maka timbulah suatu kesenian dan budaya baharu dalam masyarakat dan negara. Sebagaimana telah pun berlaku pada zaman awal perkembangan Islam kerana banyak berlaku pembukaan negara baharu. Hubungan ini dapat difahami melalui firman Allah:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن ذَكَرٖ وَأُنثَىٰ وَجَعَلۡنَٰكُمۡ شُعُوبٗا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓاْ .....

Maksudnya :*Hai manusia, Sesungguhnya kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenali.*

Surah al-Hujrat (26):13

---

[141] ʻAbd. Allah Muhammad Muhammad al-Qadhi. (1990). *Siyasah As-Syar'iyah baina al-Nadariyah wa al-Tadbiq.* Dar al-Kutub al-Jam'iyah al-hadith. hlm 881

[142] A. Djazuli. (2003). *Fiqh Siyasah Implementasi Kemaslahatan Umat Dalam Rambu-Rambu Syariah*, Bandung: Prenada Media Grup, hlm 7.

University of Malaya

Ayat ini menunjukkan manusia ini dijadikan berbangsa-bangsa dan berkabilah untuk masing-masing mengenali di antara satu sama lain. Apabila berlaku percampuran dan pergaulan dalam kalangan mereka tadi, maka akan berlakulah percampuran kesenian, budaya dan adat dalam kalangan umat tersebut. Apabila berlaku percampuran di antara mereka, maka ia memerlukan kepada pengawasan, kawalan dan undang-undang untuk menjaga keselamatan, kebajikan dan hak-hak mereka seperti hak untuk mengamal kebudayaan dan kesenian. Dengan kata lain, mereka memerlukan suatu kuasa pemerintahan untuk menjaga mereka supaya dapat hidup dalam keadaan aman damai. Kuasa pentadbiran yang menjaga kemaslahatan manusia inilah dinamakan sebagai *siasah syar'iyyah*.

Sebagaimana diketahui, *siyasah syar'iyyah* bertujuan untuk melaksanakan maqasid shariah iaitu yang terkandung di dalam perkara yang berkaitan dengan *jalb al-masalih* (mendapatkan kemaslahatan kepada manusia) dan *dar al-mafasid* (menghilangkan kemudaratan daripada mereka). Maqasid shariah adalah tujuan Allah menurunkan syariat Islam kepada manusia bagi menjaga agama, jiwa, akal, nasab dan harta. Syariat Islam tidak akan dapat disampai dan ditegakkan dalam kehidupan manusia melainkan dengan kuasa pemerintahan, terutamanya perkara yang berkaitan dengan pelaksanaan undang-undang dan sistem hidup dalam seluruh aspek kehidupan manusia.[143]

Jika dilihat kepada objektif kerajaan Kelantan menggubal Dasar Kesenian dan Enakmen Kawalan Hiburan dan tempat-tempat Hiburan 1998 adalah selari dengan matlamat *siasah syar'iyyah* yang telah dikemukakan oleh ulama-ulama siasah seperti

[143] Abd Jalil Borham."Konsep Siyasah Syar`Iyyah Dan Pelaksanaannya Dalam Konteks Malaysia". Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pelaksanaan Siyasah Syar`iyyah Dalam Konteks Masa Kini: Isu Dan Cabaran, anjuran Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) di Auditorium Pujangga KUIM, Melaka pada 21hb. Februari, 2013.

University of Malaya

Ibnu Najim, Abdul Rahman Taj dan Abd. Wahab Khalaf. Antara objektif dasar tersebut ialah untuk menjadikan kesenian sebagai wadah untuk mendekatkan manusia kepada Allah melalui kesenian, mengawal masyarakat dari pergaulan bebas terutamanya semasa hiburan dan menghapuskan amalan syirik dan khurafat dalam kesenian dan hiburan yang boleh merosakkan akidah umat Islam. Berdasarkan objektif tersebut jelaslah ia bertujuan menjaga kemaslahatan ummah.

2.8. Kesimpulan

Hasil dari perbincangan ini penulis mendapati para ulamak memberi pelbagai takrif tentang *siasah syar'iyyah*. Walaupun begitu, mereka masih bersepakat bahawa *siasah syar'iyyah* merupakan ijtihad dalam bidang politik untuk maslahah umat dan menolak kemudaratan walaupun ia tidak selaras dengan pendapat imam mujtahidin. Ia merupakan kuasa yang diberikan kepada pemerintah untuk melakukan sesuatu tindakan atau membuat keputusan bagi kepentingan umum walaupun ia tidak ada dalil yang khusus mengenainya asalkan tidak bertentangan dengan mana-mana prinsip syariat Islam. Selain dari itu, *siasah syar'iyyah* juga dikenali sebagai metod/mekanisme hukum Islam yang diharuskan kepada pihak kerajaan Islam untuk menggunakannya bagi menangani dan menyelesaikan perkara baharu yang tidak dijejaskan oleh nas-nas secara langsung.

Walau bagaimanapun, *siasah syar'iyyah* ini bukanlah suatu kelonggaran kepada para pemerintah untuk melakukan sesuatu tindakan mengikut kemahuan mereka. Mereka sebenarnya perlu bertindak atas dasar kepentingan ummah (maslahah). *Siasah syar'iyyah* dipakai secara khusus dalam perkara yang memerlukan ijtihad. Manakala pemakaian secara umum pula meliputi seluruh ruang lingkup pentadbiran dan

University of Malaya

pengurusan negara sama ada melibatkan nas atau ijtihad. Oleh itu, apabila membicarakan *siasah syar'iyyah*, persoalan utama yang perlu disentuh ialah kerajaan, pemimpin, dan metod penentuan hukum/peraturan berdasarkan landasan yang ditetapkan Islam (melalui nas dan ijtihad).

Oleh kerana itu, ia merupakan ikhtisas pihak kerajaan. Justeru sebarang ijtihad atau fatwa tidak rasmi dikeluarkan oleh mana-mana individu/mujtahid tidak dinamakan *siasah syar'iyyah*, sebaliknya dipanggil sebagai *hukum ijtihadi*. Pemakaian *siasah syar'iyyah* atau kuatkuasanya adalah tertakluk kepada syarat-syarat dan garis panduannya. Ini bertujuan supaya mandat dan keharusannya tidak disalahgunakan untuk kepentingan pihak tertentu sehingga menimbulkan fitnah.

Penulis mendapati segala usaha kerajaan Kelantan ini merupakan suatu tindakan *siasah syar'iyyah* kerana ia bertujuan melahirkan insan yang bermoral dan beretika selaras dengan objektif dan panduan dalam Islam. Dalam pada itu, tindakan yang dilakukan oleh kerajaan negeri juga merupakan suatu kawalan kepada kakitangan kerajaan dan rakyatnya terhadap tingkah laku, akhlak dan pekerjaan mereka. Usaha

University of Malaya

kerajaan Kelantan ini dapat menyelamatkan wanita daripada menjadi mangsa ekspolitasi golongan sekular dan kapitalis.[144]

[144] Mohd Asri Bin Che Ibrahim. (2005). "Pelaksanaan Sistem Syura Dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 Hingga 1995", (Disertasi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), hlm.83.

University of Malaya

BAB 3 : PERKEMBANGAN KESENIAN DAN POLISI KERAJAAN KELANTAN SEBELUM DAN SELEPAS TAHUN 1990

3.1 Pengenalan

Negeri Kelantan terkenal dengan pelbagai nama. Antara nama yang termasyhur ialah Serambi Mekah,[1] Tanah Serendah Sekebun Bunga, Tanjung Pura, Negeri Cik Siti Wan Kembang dan Negeri Tadahan Wahyu. Ini menggambarkan Kelantan sebagai sebuah negeri yang unik berbanding dengan negeri lain. Kelantan Darul Naim[2] merupakan sebuah negeri yang mempunyai berbagai-bagai keunikan[3]. Antara keunikan negeri Kelantan ialah melahirkan tokoh yang terkenal dalam pelbagai bidang seperti tokoh politik, sasterawan[4], budayawan, penggiat seni ukir kayu, dan juga tokoh agama.[5] Rakyat Kelantan juga terkenal dengan kepelbagaian hobi yang mempunyai nilai seni yang tinggi.[6] Walaupun Kelantan terkenal dengan kesenian, ia masih dalam keadaan bercampur dengan unsur syirik, khurafat, pergaulan bebas dan banyak kumpulan dikir barat yang menggunakan bahasa lucah.

Apabila kerajaan Kelantan telah diambil alih oleh Parti PAS dalam Pilihanraya 1990, maka langkah pertama oleh kerajaan PAS adalah untuk menghapuskan amalan kesenian yang bertentangan dengan Islam. Antara langkah terawal yang dilakukan oleh kerajaan PAS Kelantan ialah memperkenalkan Dasar Kesenian negeri Kelantan. Dasar tersebut digubal untuk mengawal kegiatan kesenian yang banyak bercampur aduk

---

[1] Gelaran Serambi Mekah dinukil orang sejak zaman dahulu sehingga sekarang kerana peranannya sebagai pusat penyebaran Islam yang subur di Nusantara selepas Acheh.

[2] Nama timangan Darul Naim ini telah diisytiharkan dengan rasminya pada 1916 oleh Sultan Muhammad ke-4, Nama tersebut telah disyorkan oleh Mufti Haji Ahmad Mahir.

[3] Alias Mohamad (1984). *Gerakan Sosial Dan Politik Kelantan*, Kuala Lumpur: Insular Pulishing House, hlm.24.

[4] Negeri Kelantan sebenarnya ialah pusat perkembangan kesu sasteraan yang ulung, memandangkan menurut fakta penyelidikan yang telah dibuat, ternyata khazanah ilmu dan sastera di negeri itu banyak sekali, baik yang berpusat di istana dan pondok mahupun dalam masyarakatnya sendiri. Ternyata sastera lama sejak Hikayat Isma Dewa Pekerma Raja, sehingga karya Syeikh Nuruddin al-Raniri abad ke-17 terdapat di Kelantan (Rencana Pengarang, Dewan Sastera, Ogos 1972). hlm. 37.

[5] Alias Muhammad (1984). *op.cit*., hlm. 27.

[6] Berita Harian, 11 Mei 2011, *"Orang Kelantan Kuat Politik, Suka Berhijrah*" oleh Anuar Hussin.

University of Malaya

dengan perkara khurafat, syirik dan maksiat. Pembentukan dasar ini merupakan usaha mendukung cita-cita untuk membentuk dan membangunkan manusia ke arah kebenaran dan keadilan yang berasaskan prinsip al-Qur'an dan al-Sunnah[7] yang telah dijadikan sebagai asas pentadbiran negeri ini. Usaha tersebut juga bertujuan untuk memastikan bidang kesenian adalah selaras dengan kehendak dasar *Membangun Bersama Islam.*

Kerajaan Kelantan telah mengambil peluang daripada perkembangan kesenian di Kelantan untuk memajukan sektor pelancongan kerana ia dapat meningkatkan ekonomi negeri Kelantan dan memberi peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat. Selain itu, perkembangan industri kesenian dan pelancongan itu turut memberi ruang kepada kerajaan Kelantan untuk memperkenalkan ciri-ciri pelancongan Islam kepada para pelancong dari dalam dan luar Kelantan. Berdasarkan perkembangan aktiviti kesenian dan industri pelancongan di Kelantan, penulis mendapati perkembangan ini bergantung pada dasar pemerintahan dan kehendak masyarakat setempat. Walau bagaimanapun, dasar pemerintahan memberi kesan yang lebih besar terhadap perkembangan kesenian dan pelancongan di Kelantan berbanding faktor lain.

3.2. Bentuk Kesenian Yang Diamalkan Di Negeri Kelantan

Kelantan merupakan negeri yang berjiran dengan wilayah selatan Thailand yang dahulunya dikenali sebagai negeri Patani Darul Salam. Dari segi sejarah, Kelantan mempunyai hubungan sejarah yang sangat akrab dengan Kesultanan Melayu Patani yang didukungi oleh Kesultanan Melayu Islam.[8] Kesultanan Melayu Kelantan

---

[7] *Dasar-dasar Kerajaan Negeri Kelantan.* (2005). Pusat Kajian Strategik, Jilid 4, hlm. 24.

[8] Omar Farouk Bajunid. (1989). *Warisan Kesenian Kelantan.* Kuala Lumpur: Asrama Za'ba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, hlm. 40.

University of Malaya

mempunyai pertalian darah[9] dengan Kesultanan Melayu Patani dan juga Kesultanan Melayu Negeri Champa. Setelah Kesultanan Melayu Patani dikhianati oleh pihak Siam dan British maka ia telah didominasi pula oleh Thailand. Negeri Pattani telah dipecahkan kepada beberapa wilayah kecil yang terdiri daripada Yala (Jala), Narathiwat (Menara), Pattani dan Songkla (Senggora). Di bawah perjanjian British-Siam pada tahun 1948, geografi pemerintahan selatan Siam telah dipisahkan.[10] Kelantan diletakkan di bawah Kerajaan Melayu, manakala negeri Patani di bawah Kerajaan Thailand.

Memandangkan negeri Kelantan berjiran dengan Siam, dan berhubung pula dengan masyarakat Acheh, maka berlakulah percampuran amalan kesenian dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan. Percampuran kesenian ini dapat dilihat melalui amalan kesenian tradisional seperti wayang kulit, makyung, main puteri, menora dan dikir barat. Kebanyakan unsur kesenian tersebut terpengaruh dengan unsur Hindu dan Buddha yang tentu sekali mengandungi amalan syirik dan khurafat. Dalam kajian tentang kesenian di Kelantan ini, penulis mendapati ia terbahagi kepada tiga jenis sepertimana berikut:[11]

1) Melibatkan Manusia

Sebagai contoh dalam persembahan makyung, tarian, silat dan Dikir Barat, semua pemainnya terdiri daripada manusia. Dalam Makyung, pemainnya pula terdiri daripada orang perempuan kecuali dua orang lelaki kelakar. Tarian sudah tentu daripada manusia, begitu juga silat dan Dikir Barat.

---

[9] Nik Mohamed bin Mohd Salleh. (1985). "*Perkembangan Pendidikan Atau Pengajian Islam di Negeri Kelantan"*. dalam *Warisan Kelantan* IV, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, Kota Bharu: United Selangor Press Sdn.Bhd, hlm. 100.

[10] Alias Muhamad. (1977). *op.cit.*, hlm. 20.

[11] Hamidah binti Yaacob. (1998). Hiburan Tradisional Kelantan dalam *Warisan Kelantan*. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, hlm. 54.

University of Malaya

2) Melibatkan Manusia Dan Benda Atau Alat.

Dalam sesuatu persembahan ini, manusia dan alat adalah sama penting nilainya, sekiranya tiada salah satu daripadanya, maka permainan itu tidak menjadi. Hiburan jenis ini berbentuk permainan yang dicipta oleh masyarakat dahulu bagi mengisi masa lapang. Alat yang digunakan juga dicipta oleh mereka sendiri. Dengan kata lain, ia dihasilkan melalui daya kreatif dan inovatif masyarakat berkenaan. Antara permainan yang terlibat seperti rebana, kertok, layang-layang, selampit, gasing dan wayang kulit.

3) **Melibatkan Haiwan Sahaja**

Manusia pula hanya sebagai peminat atau pemerhati. Antara permainannya ialah perlawanan belaga lembu, burung ketitir dan menyabung ayam.

Dalam kajian ini, penulis hanya membincangkan tentang beberapa jenis kesenian tradisional Kelantan, seperti wayang kulit, makyung, main puteri dan dikir barat kerana ia merupakan kesenian dan juga hiburan yang paling terkenal dalam kalangan masyarakat Kelantan. Selain itu, kesenian tersebut juga telah menimbulkan pelbagai persoalan tentangnya sama ada kepada rakyat Kelantan sendiri ataupun pelancong dari luar Kelantan, terutama sekali apabila kerajaan PAS Kelantan menggubal Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998. Sebelum memulakan perbincangan tentang kesenian di Kelantan, di sini penulis akan membincangkan dahulu tentang sejarah perkembangan dan pelbagai jenis kesenian tersebut.

University of Malaya

3.2.1. Wayang kulit

Di Malaysia terdapat beberapa jenis wayang kulit. Antaranya wayang kulit Kelantan, Wayang kulit Purwa (Jawa),[12] Wayang kulit Gedek (Kedah) dan Wayang kulit Jawa.[13] Wayang kulit Kelantan juga dikenal sebagai wayang kulit Siam. Menurut Dalang Awang Lah dan Tok Dalang[14] Jusoh Hassan, wayang kulit Siam ialah wayang kulit yang dipersembahkan di Siam (Thailand) dalam bahasa Siam dan juga dalam dialek Melayu Selatan Thailand. Ia juga dikenal dengan wayang kulit Gedek.[15] Wayang kulit selalu diadakan sama ada untuk berhibur dalam kalangan penduduk setempat atau untuk merayakan sesuatu perayaan seperti Hari Keputeraan Sultan Kelantan.[16]

Sebelum pertunjukan wayang kulit dimulakan, suatu upacara kenduri untuk menyembah guru harus dilakukan, sebagai suatu acara untuk membuka panggung[17]. Upacara ini memerlukan peralatan seperti beras pulut, pulut kunyit, telur ayam, bertih, benang, dua tapak sireh pinang (satu untuk guru dan satu lagi untuk upacara kenduri tersebut), rokok daun, kemenyan, tepung dadar tawar dan buah keras.[18] Sebidang kain putih yang dikenal sebagai 'kelir' digunakan

---

[12] Frits A.Wagner. (1959). *Indonesia: The Arts Of An Island Group*. Methuen: London, hlm. 132–135.

[13] Hassan Othman. (2004). *Wayang Gedek Warisan Kesenian Melayu*. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia, hlm. 1.

[14] Di Kelantan terdapat ramai tok dalang wayang kulit yang terkenal. Antaranya ialah Saman, diikuti oleh anak muridnya, iaitu Ya'akob yang meninggal dunia sebelum Perang Dunia Kedua. Awang Lah bin Pandak yang berasal dari kampung Mesira, Morak, Tumpat Kelantan, terkenal hingga ke Patani dan Terengganu. Awang Lah adalah antara orang yang mampu mempersembahkan "cerita Maharaja Wana" sepenuhnya yang berdasarkan epik *Ramayana* dan merupakan asal-usul himpunan cerita wayang kulit. Selepas itu, tok dalang yang paling masyhur di Kelantan selepas Awang Lah meninggal dunia ialah tok dalang Hamzah Awang Amat, iaitu anak muridnya. Beliau dinobatkan sebagai Seniman Negara pada tahun 1993.

[15] Muhammad Dain bin Othman. (2011). *The Kelantan Malay Traditional Shadow*, Selangor: Publisher Mahmanis Enterprise, hlm.3.

[16] Omar Farouk Bajunid. (1989). *op.cit*., hlm 41.

[17] Ghulan Sarwar Yousof. (1994). "*Persembahan Berjamu Dalam Wayang Kulit Siam Di Kelantan*". (Kertas kerja Seminar Wayang Kulit Negeri Kelantan, anjuran Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan bertempat di Kem Kijang, Jalan PCB, Kota Bharu, Kelantan, 28–30 Jun 1994).

[18] Mohamed Ghouse Nasuruddin. (2009). *Traditional Malay Theatre*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 14.

University of Malaya

sebagai layar.[19] Cerita yang dibawa oleh tok dalang yang mengetuai persembahan itu biasanya diambil daripada epik Hindu[20] yang terkenal, iaitu *Ramayana*[21] dan *Mahabrata.*[22]

Patung-patung yang dicipta mewakili watak-watak penting dalam epik tersebut. Walau bagaimanapun, kadang-kadang ada juga tok dalang menyanyikan lagu mengikut peristiwa dan keadaan semasa. Antara tok dalang yang terkenal dalam bidang wayang kulit Siam di Kelantan ialah Awang Lah bin Pandak yang berasal dari kampung Mesira, Tumpat, Kelantan. Usahanya kemudian diteruskan lagi oleh muridnya, Hamzah Awang Amat yang dipilih sebagai pemenang Anugerah Seni Negara pada tahun 1993.[23] Hamzah Awang Amat telah membuat persembahan wayang kulit hampir seluruh dunia dan dijadikan tempat rujukan buat penyelidik universiti tempatan dan luar negara.[24]

---

[19] *Ibid.*

[20] Solehah Ishak. (2008). *Seni Teater* dalam Anuar Din, *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 185.

[21] *Ramayana* dihasilkan oleh Valmiki dan mengandungi 24,000 seloka. Epik ini dihasilkan antara tahun 200 S.M. hingga 200 M. Ia merupakan karya sejarah. Epik ini juga mengandungi unsur-unsur mitos, legenda, dan dongeng. Karya ini juga dianggap *Dharmasastra* kerana mengandungi prinsip-prinsip abadi (*sanatana dharma*). Ia juga mengandungi ketatanegaraan, pentadbiran, etika peperangan, nilai-nilai etika dan moral.

[22] Epik *Mahabharata* disusun oleh Vyasa. Pada asalnya epik ini mengandungi 24,000 seloka, dan kemudiannya berkembang dan menjadi 100,000 seloka. Karya ini merupakan satu-satunya puisi yang terpanjang di dunia. Mahabharata juga mengandungi mitos, legenda, dongeng dan moral dengan tujuan memberi pengajaran kepada pembaca. Selain unsur-unsur tadi, ia juga menceritakan tentang kehidupan masyarakat, ekonomi, politik dan agama. Dalam bidang agama, konsep *Trimurti* diberi penekanan, iaitu Brahma, Vishnu dan Shiva menjalankan tiga fungsi utama Tuhan iaitu mencipta, memelihara dan memusnahkan dunia. Maklumat *Ramayana* dan *Mahabharata* boleh dilihat dalam: Sivachandralingam Sundara Raja dan Ayadurai Letchumanan. (2005). *Tamadun Dunia*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti, hlm. 538–539.

[23] Ghulan Sarwar Yousof (t.t). *Angin Wayang: Biografi Dalang Wayang Kulit Yang Unggul*. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, hlm. 6–7.

[24] Muhammad Dain Othman. (2011). *op.cit.,* hlm 2–26.

University of Malaya

3.2.2. Makyung

Makyung merupakan taridra Melayu yang menggabungkan drama romantik, gerak tari, nyanyian dan komedi.[25] Ada pendapat yang mengatakan drama tari ini berasal dari Kelantan dan ada juga pendapat yang mengatakan ia berasal dari Patani.[26] Perkataan Makyung mungkin berasal dari *Mak Hiang,*[27] iaitu semangat ibu padi yang dipuja oleh segolongan masyarakat di negeri Kelantan ketika zaman dahulu. Upacara ini dipercayai dapat meningkatkan hasil tanaman padi mereka. Makyung biasanya dimainkan oleh gadis-gadis jelita yang beraksi sebagai lelaki dan wanita kecuali pemain muzik dan tukang lawak sahaja yang dimainkan oleh orang lelaki.[28]

Manakala ceritanya pula ialah dongeng dan khayal seperti cerita Dewa Muda, Anak Raja Gondang, Bongsu Sakti, Raja Tangkai Hati dan Dewa Sakti.[29] Persembahan makyung dimulakan dengan nyanyian lagu 'Mengadap Rebab',[30] iaitu lagu pemujaan dan 'pembuka panggung'.[31] Antara alat muzik yang digunakan dalam persembahan ini ialah rebab, serunai, dua buah gendang dan dua buah gong. Lagu ini diiringi dengan tarian lembut oleh penari-penari khas. Selepas tarian 'Mengadap Rebab' barulah cerita makyung dilakonkan.[32] Kebiasaannya persembahan ini dilakukan pada jam 8.30 malam dan berakhir

---

[25] Mohd. Ghouse Nasuruddin. (1994). *Tarian Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 33.

[26] Teew, A. dan Wyatt D.K. (1970). "*The Story of Patani", Bibliotheca Indonesia*. Vol. 5, The Hague: Martinus Nijhoft, hlm. 186. Lihat: Zakaria Ariffin. (1990). *Mengenal Budaya Bangsa*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 1.

[27] Hardwick, P. A. (2013). *Embodying the divine and the body politic: Mak Yong performance in rural Kelantan, Malaysia*. In Performance, popular culture, and piety in Muslim Southeast Asia (pp. 77–103). Palgrave Macmillan US.

[28] Solehah Ishak. (2008). *op.cit*., hlm. 182.

[29] Zakaria Ariffin. (1990). *op.cit.*, hlm. 1.

[30] Rahimidin, Sutung Umar *et al*. (2011). *Makyung: The Mystical Heritage of Malaysia*. Institut Terjemahan Negara, hlm. 4-15.

[31] A. S. Shafii. (2009). *Management Of Commercial Makyung Kelantan.*

[32] Raja Iskandar Raja Halid. (2015). *The Malay Nobat: A History Of Encounters, Accommodation And Development.* (Doctoral dissertation, King's College London).

University of Malaya

lewat malam. Kesenian ini masih boleh ditonton di Gelanggang Seni Kota Bharu atau di premis persendirian.

Antara kumpulan makyung yang terkenal dan masih aktif di negeri Kelantan ialah Kumpulan Seri Temenggong.[33] Pengasas utama kepada kumpulan makyung Seri Temenggong ialah Primadona Khatijah Awang.[34] Beliau telah dinobatkan sebagai Seniman Negara yang ke-4 pada tahun 1999 selepas Hamzah Awang Amat (wayang kulit). Kemudian kumpulan Seri Temenggong ini diambil alih oleh Saari Bin Abdullah, manakala jurulatih utamanya Puan Rohani Mohd Zain.[35] Menurut Puan Rohani,[36] kumpulan Seri Temenggong ini diuruskan sendiri oleh ahli keluarganya sejak beberapa tahun lalu dan kini berpindah ke Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara di Tanjung Chat, Kota Bharu. Menurut Encik Maarof Seman, kumpulan Seri Temenggong merupakan salah satu kumpulan makyung yang didaftarkan di bawah UNESCO pada tahun 2005.[37]

3.2.3. Main Puteri

Main Puteri adalah merupakan salah satu permainan tradisi dalam kebudayaan masyarakat Melayu Kelantan. Kebiasaannya permainan Main Teri adalah bertujuan pengubatan semangat dan kejiwaan yang digunakan dalam masyarakat Melayu Kelantan-Pattani atau lebih dikenali pesakit angin / 'pelepas

[33] Pusat latihan mak yong di alamat 864-U, Jalan Padang Penjara, Cabang Tiga, Pengkalan Chepa, 16100 Kota Bharu, Kelantan. Kini sudah berpindah ke JKKN di Tanjung Chat, Kota Bharu.

[34] Khatijah Awang adalah emak saudara kepada Puan Rohani Mohd Zain. Beliau dilahirkan pada 13 Ogos 1941 di Kampung Kubur Kuda, Kota Bharu, Kelantan. Belajar makyung daripada ibu mertuanya, iaitu Che Kemal Che Muhammad juga merupakan seorang primadona diraja pada ketika itu.

[35] Puan Rohani Mohd Zain seorang bekas penari Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Beliau merupakan seorang tenaga jurulatih utama makyung bagi kumpulan Seri Temenggong di Taman Maktab, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan. Beliau bertugas sebagai jurulatih utama makyung di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Kelantan semenjak 2008 sehingga 2017.

[36] Temubual penulis dengan Puan Rohani binti Mohd Zain pada 1/11/2017.

[37] Temubual dengan Encik Maroof bin Seman pada 23/1/2018.

University of Malaya

angin' yang dihidapi oleh pesakit. Upacara Main Puteri dianggotai oleh dua watak utama iaitu Tuan Puteri dan Tok Minduk yang bermain rebab dan diiringi oleh paluan gendang ibu dan anak.

Sebelum majlis dimulakan, ia dimulai dengan bacaan doa selamat yang menampilkan Tok Puteri mempersiapkan diri sambil membaca doa tertentu manakala Tok Minduk yang dibantu oleh anggota oleh 10 atau 11 orang anggota akan mengiring main puteri dengan iringan tiupan serunai dan pukulan rebab, gendang ibu, gendang anak, gedombak ibu, gedombak anak, tetawak dan canang, sebelum bertih dan beras kunyit ditabur ke empat penjuru ruang. Kebiasaannya rawatan diadakan pada sebelah malam, ada kalanya dalam tempoh dua atau tiga jam, malah berlarutan hingga pagi.[38]

Para pengkaji, khususnya orientalis barat telah mengakui main puteri sebagai salah satu rawatan untuk pesakit jiwa[39] yang mana menunjukkan bahawa mainan alat-alat muzik, tarian dan nyanyian dalam persembahan main puteri dapat merawat masalah jiwa seseorang.[40] Main puteri masih lagi aktif di Kelantan dan Terengganu sebagai perubatan alternatif.[41] Menurut Puan Rohani, main puteri juga mengandungi upacara pembuka dan penutup panggung yang perlu diadakan setiap kali persembahan.[42] Main Puteri juga merupakan

[38] Mohamed Ghouse Nasuruddin, 'Seni Persembahan Tradisi Menjelang Awal Abad ke-21', Siri Syarahan Pelantikan Profesor 1994/Bil. 6 Pada 24 September 1994, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

[39] Firth, Raymond. (1967). "Ritual and Drama in Malay Spirit Mediumship". *Comparative Studies in Society and History*, IX, 190–207.

[40] Hashim Awang dan Zaleha Abu Hassan. (1985). "Main Peteri: Suatu Teknik Etnopsikoterapi Masyarakat Melayu Kelantan" dalam *Kelantan Dalam Perspektif Sosio-Budaya Kumpulan Esei*, Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir Yusuf (peny), Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

[41] Temubual penulis dengan Puan Rohani binti Mohd Zain pada 1/11/2017.

[42] *Ibid.*

University of Malaya

animisme,[43] iaitu kepercayaan bahawa setiap benda di bumi ini seperti kawasan tertentu, gua, pokok atau batu besar mempunyai semangat yang mesti dihormati supaya ia tidak mengganggu manusia. Malah ia boleh menyelamatkan mereka daripada gangguan semangat dan roh jahat. Semangat ini juga dikenal dengan pelbagai nama, antaranya jin, mambang, roh, datuk, tuan dan penunggu. Kadangkala semangat ini juga dianggap roh mereka yang telah meninggal.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Ghulan Sarwar Yousof berkenaan persembahan wayang kulit dan main puteri yang dilakukan oleh Hamzah Awang Amat,[44] penulis mendapati bahawa upacara 'buka panggung dan tutup panggung' adalah sama bagi ketiga-tiga jenis persembahan tradisional, iaitu wayang kulit, makyung dan main puteri. Upacara ini dilakukan dengan penuh adat dan tradisi, bermula dengan membaca *Bismillah-hi-Rahman ni Rahim*[45] dan diikuti dengan beberapa potong ayat daripada al-Qur'an. Kemudian disusuli dengan beberapa mentera yang ditujukan kepada para anbia, wali-wali Allah dan makhluk-makhluk halus.[46]

Menurut Ghulan Sarwar Yousof, mentera dan doa bertujuan untuk mengelakkan sebarang gangguan makhluk halus, menjaga penonton daripada sampukan serta menambat hati penonton supaya terus menonton persembahan tersebut sehingga tamat.[47] Selepas itu kenduri kecil dan sedikit jamuan diadakan

[43] Main Puteri kini telah berubah dan merupakan satu bentuk hiburan. Namun begitu, kerajaan Kelantan telah menapis permainan ini, suatu permainan atau hiburan yang boleh memesongkan akidah atau permainan berunsur perubatan dan jelas mempengaruhi perspektif masyarakat Kelantan.

[44] Profesor Madya Ghulam Sarwar Yousof mengenali Hamzah Awang Amat dan memulakan kajian tentang wayang kulit pada tahun 1974. Pada masa itu, beliau merupakan salah seorang tenaga pengajar seni Wayang Kulit Kelantan di Universti Sains Malaysia. Beliau memperoleh Doktor Falsafah dari sebuah universiti di Hawaii pada tahun 1976. Tesis beliau berkenaan makyung merupakan tesis yang pertama tentang teater tradisi Melayu yang dilakukan di universiti tersebut.

[45] Temubual penulis dengan Puan Rohani binti Mohd Zain pada 1/11/2017.

[46] Ghulan Sarwar Yousof (t.t), *op.cit*., hlm. 82.

[47] *Ibid*.

University of Malaya

sebagai menghargai makhluk tersebut kerana terlibat dalam persembahan tadi. Akhir sekali, upacara penutup panggung (secara ringkas) diadakan dengan tujuan untuk menolak bala dan berterima kasih kerana dapat mengawal persembahan dengan baik.[48]

3.2.4. Menora

Menora juga merupakan persembahan taridra yang melibatkan tarian, lakonan, nyanyian dan lawak jenaka. Kebiasaannya pelakon-pelakon menora ini terdiri daripada kalangan orang bukan Islam.[49] Tarian menora ditarikan oleh watak-watak, iaitu Pak Sidul sebagai watak utama, Pak Tolol, para penari dan pemuzik. Para penarinya memakai pakaian yang dinamakan ceropong, iaitu mahkota yang dipakai di atas kepala dan sama bentuknya dengan bentuk piramid atau 'kun'. Bajunya bersayap, dihiasi dengan manik, ada ekor dan sayap sandang. Beberapa gelang perak dan tembaga dipakai di tangan, manakala di hujung jari pula dipakaikan cerangai yang seakan-akan kuku panjang.[50]

Menora juga mengandungi acara 'buka panggung'. Upacara pemujaan dan jampi serapah ini dilakukan oleh seorang ketua dan dibantu oleh penolongnya. Bahasa yang digunakan ialah bahasa Siam.[51] Dalam upacara buka panggung, tiga batang lilin dihidupkan di atas kain puteh, kemenyan dibakar dan jampi serapah pula dibaca. Beras putih ditabur di sekitar panggung dengan diikuti bunyi muzik yang dibunyikan serentak. Menurut Encik Maarof, persembahan menora masih lagi wujud di Kelantan tetapi ia dibuat wat-wat

---

[48] *Ibid.*
[49] Ghulan Sarwar Yousof (t.t). *op.cit*., hlm. 81.
[50] Brennan, C. (2001). Religion, cultural identity and Kelantan's Dikir Barat. *The Australian journal of anthropology*, 12(3), 302–311.
[51] Ghulan Sarwar Yousof (t.t). *op.cit*., hlm. 84.

University of Malaya

Siam, terutamanya di Tumpat dan Bachok, Kelantan. Semua ahli kumpulan menora ini terdiri daripada orang bukan Islam.[52]

3.2.5. Dikir Barat

Dikir barat ialah suatu permainan tradisional[53] yang paling digemari oleh masyarakat Melayu di Kelantan.[54] Ia wujud dalam kalangan masyarakat biasa di kampung-kampung dan pinggir bandar.[55] Dalam persembahan dikir barat terdapat satu kumpulan yang diketuai oleh seorang Tukang Karut[56] dan Tok Juara[57]. Mereka akan mengarut sambil berbalas-balas pantun, diikuti oleh awak-awak[58] sebagai suara latar yang kuat dan lantang.[59]

Dikir barat ini boleh dipersembahkan sebagai hiburan ataupun dipertandingkan. Permainan ini biasanya dimainkan oleh masyarakat pada musim menuai padi dan juga di majlis perkahwinan. Pertandingan selalunya diadakan oleh persatuan belia tempatan, badan kerajaan ataupun pihak tertentu untuk mengutip wang. Dikir barat ialah permainan yang baharu jika

---

[52] Temu bual dengan Encik Maarof Seman di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kelantan pada 23 Januari 2018.

[53] Glimpses of Kelantan (t.t). hlm. 362.

[54] Azmi Mohd Nasir. (2011). Aspek Nasihat dalam Dikir Barat, dalam Abdullah Zakaria Ghazali. (Ed.). *Warisan Kelantan xxv*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, hlm. 153.

[55] Van Den Aardweg and Marjolijn Ragnhild. (2006). "*The Fading Shadow of Wayang Kulit, Versus the Noise of Dikir Barat Political Islam, Ethnicity and Cultural Environment in Kelantan, Malaysia*." Persidangan Seni Budaya dan Warisan di Abad 21, 3–5.

[56] Tukang karut merupakan orang yang paling penting dalam satu-satu pasukan dikir barat. Tugas Tukang Karut yang paling penting ialah berpantun dan bersyair. Pantun-pantun dan syair itu didendangkan dengan cara spontan mengikut seleranya. Maka idea-idea, isi-isi puisi itu, bahasa dan persoalan akan dikemukakan tanpa berfikir dua kali.

[57] Tok Juara merupakan orang kedua penting dalam satu pasukan Dikir Barat. Tugasnya ialah berdikir sebelum Tukang Karut mengarut. Hanya kadangkala Tok Juara juga terpaksa mengarut, iaitu di waktu Tukang Karut belum tiba (biasanya di awal permainan), tetapi masanya tidaklah lama. Tok Juara berdikir sambil duduk di sepanjang permainan, tetapi Tukang karut berdendang sambil berdiri.

[58] Awak-awak ialah kumpulan orang berdikir dalam satu-satu permainan Dikir barat. Kebiasaannya awak-awak ini terdiri daripada muda-mudi belasan tahun. Secara praktiknya, orang dewasalah yang lebih lazim menjadi awak-awak. Gelaran awak-awak ini adalah sempena nama kumpulan nelayan yang turut ke laut di dalam sebuah perahu, di bawah jagaan seorang ketua yang dipanggil sebagai "Jeragan". Jadi, keadaan ini disesuaikan dengan pelakon awak-awak dalam permainan dikir barat yang di bawah jagaan ketua mereka, Tok Juara.

[59] www.Kelantandarulnaim.com.

University of Malaya

dibandingkan dengan teater tradisional lain. Perkembangan dikir barat cukup pesat kerana sering menerima perubahan bentuk persembahannya dari semasa ke semasa mengikut perkembangan zaman.[60]

Perkataan dikir ialah hasil dua kombinasi seni, iaitu dikir dan pantun atau dikir dan karut. Pengertian "Karut" itu sendiri adalah daripada istilah mengarut dalam bentuk pantun atau syair. Oleh itu, dikir barat, dikir karut, dikir pantun dan dikir syair semua sama ertinya. Walau bagaimanapun, di Kelantan dikir ini lebih terkenal sebagai dikir barat, manakala di Selatan Thai pula dikir karut. Menurut sejarah, dikir barat dikatakan berasal dari tiga tempat, iaitu[61]:

1) Berasal dari Selatan Siam[62]

Ada yang mengatakan dikir barat[63] yang lebih terkenal dengan nama dikir karut dibawa dari Negeri Siam ke Negeri Kelantan.[64] Di Selatan Siam, ia dikenal sebagai dikir karut. Memandangkan perkataan karut ini bererti tidak benar, maka masyarakat Kelantan memanggilnya dengan nama dikir barat. Menurut orang Kelantan, perkataan "barat" ini pula bermakna Selatan Siam. Ini tidak dapat dinafikan kerana pada suatu ketika dahulu, Negeri Kelantan ini pernah diperintah oleh Kerajaan Siam.[65] Rakyat daripada kedua-dua buah negeri ini selalu berulang-alik dan dengan secara langsung, dikir ini dibawa ke sini dan diterima pula

---

[60] *Ibid.*
[61] Dollah Tok Deh. Lihat: https://www.youtube.com/watch?v=Vpm7QHZI3mo, 8 Oktober 2013.
[62] *Ibid.*
[63] Farok Zakaria. (2011). *Strengthening Islamic Cultural Heritage of the Malays in Malaysia in the Post-global Society*. In: International Conference on South-East Asia: Art, Cultural Heritage And Artistic Relations With Europe/Poland, The Manggha Museum of Japanese Art And Technology 26, Konopnickiej St. Krakow, Poland, 29 Sept–01 Okt 2011.
[64] Farok Zakaria. (2011). *Strengthening Islamic Cultural Heritage of the Malays in Malaysia in the Post-global Society*. In: International Conference on South-East Asia: Art, Cultural Heritage And Artistic Relations With Europe/Poland, The Manggha Museum of Japanese Art And Technology 26, Konopnickiej St. Krakow, Poland, 29 Sept–01 Okt 2011.
[65] Omar Farouk Bajunid. (1989). *op.cit*., hlm. 1.

University of Malaya

oleh masyarakat. Ketika dibawa ke Kelantan, ia berbentuk dikir dan di sana juga ditambah dengan pantun-pantun dan diubah suai dari segi persembahan dan loghatnya, sesuai dengan keadaan sekeliling dan suasana tempatan.

2) Berasal dari Pulau Tebu

Ada pandangan mengatakan bahawa dikir barat ini berasal dari Pulau Tebu kerana pengasasnya ialah Husain Mok Nab Combong berasal dari sana.[66] Sewaktu beliau memperkenalkan dikir barat, ramai orang menganggap dikir barat sebagai satu hasil seni yang baharu kerana iramanya boleh disesuaikan dengan irama sedia ada seperti rebana Besar.

3) Berasal daripada Ciptaan Pak Leh Tapang[67]

Apabila memperkatakan dikir barat, nama Pak Leh Tapang tidak boleh dilupakan. Ramai orang mengenali beliau kerana dikir barat. Pak Leh Tapang atau nama sebenarnya, Haji Mat Salleh bin Hj. Ahmad berasal dari Kampung Tapang,[68] Kota Bharu. Beliau telah mengakui sendiri yang dikir barat ini sebenarnya berasal dari Selatan Siam. Beliau telah mengubahkan permainan ini dengan menambahkan pantun-pantun dalamnya. Jadi, sebelum dikir barat dibawa ke Kelantan, ia berbentuk dikir tanpa pantun.[69]

Semasa pemerintahan Jepun, beliau pernah dipanggil untuk meriwayatkan sesuatu dengan cara berpantun. Masa itu juga ada satu

[66] *Jasman Ahmad dan Siti Mariam Daud. (1996). Dikir Barat.* Selangor: Penerbit Serimas, hlm. 4.
[67] Dollah Tok Deh. Lihat: https://www.youtube.com/watch?v=Vpm7QHZI3mo, 8 Oktober 2013.
[68] *Ibid.*
[69] *Ibid.*

University of Malaya

kumpulan berdikir yang diketuai oleh Jaffar Wakaf Mek Zainab yang memperkenalkan dikir barat di kampungnya. Awak-awaknya terdiri daripada orang Melayu Barat (Selatan Siam). Mereka melagukan lagu-lagu yang dibawa dari Selatan Siam dan Pak Leh Tapang pula mengubah lagu tersebut dan menambahkan pantun-pantun untuk menyedapkan lagi dikir barat.[70]

4) Berasal dari Bangkat, India

Ada juga pendapat yang menyatakan dikir barat ini berasal dari Bangkat, iaitu sebuah tempat di India. Di Bangkat, dikir ini dipersembahkan untuk memuja dewa-dewa Hindu. Kemudian ia dibawa dari India ke Siam, dan seterusnya ke Kelantan. Bentuk asal dikir ini hanyalah terdiri daripada nyanyian dan awak-awak sahaja.[71]

3.3. Keadaan Kesenian dan Hiburan Sebelum Pemerintahan PAS di Kelantan

Kelantan bukan sahaja terkenal dengan perkembangan ilmu agama tetapi ia juga terkenal sebagai *Paris of Malaya* kerana begitu banyak pusat maksiat meskipun Kelantan pada masa itu mashyur dengan kewujudan institusi pondok.[72] Ini adalah disebabkan sekitar tahun 1950, telah wujud di Kota Bharu dan kawasan pinggir bandar beberapa pusat hiburan dan permainan yang berunsur maksiat dan bertentangan dengan Islam.[73] Kewujudan pusat maksiat dan hiburan ini menjadikan Kota Bharu juga terkenal

---

[70] *Ibid.*

[71] Omar Farouk Bajunid. (1989). *op.cit*., hlm. 1.

[72] Salahuddin Abdullah. (2010). *Sejarah PAS Kelantan (1959–1978) Langkah-langkah Menuju Mardhatillah*. Kota Bharu: Percetakan Zulrahim Sdn. Bhd, hlm. 18. Lihat juga: Haryati Hasan. (2014). Kegiatan Ekonomi Di Kelantan 1950-An Hingga 1970-an. *Jurnal Perspektif*, 6(3), 98-110.

[73] Peristiwa ini berlaku sebelum pemerintahan PAS di Kelantan. Parti PAS telah mengambil alih pemerintahan Kelantan daripada Parti Perikatan pada tahun 1959 hingga 1978. Pada pilihanraya Umum 1982, Barisan Nasional menang dan kembali memerintah Kelantan sehingga pilihanraya umum 1990.

University of Malaya

dengan 'kehidupan malam' *(night life)* seperti bandar lain. Antara tempat hiburan di Kelantan ialah:

1) **Taman Hiburan Biaritz *(Biaritz Amusement Park)* di Wakaf Siku.**[74]

Tempat ini dimiliki oleh sebuah keluarga atasan. Di situ, terkumpul semua jenis permainan dan hiburan, seperti wayang kulit, dan tari-menari (joget moden dan dansa ala Barat).[75] Tempat ini juga turut menyediakan pelayan dan penyanyi yang sentiasa bersedia untuk memberi khidmat seks kepada pengunjungnya. Tempat maksiat ini terletak di dalam kawasan berpagar atas tanah kepunyaan YBM Tengku Sri Maharaja Tengku Mohd Hamzah bin YTM Raja Dewa Long Zainal Abidin (bekas Menteri Besar Kelantan) yang juga ayahanda kepada Tengku Razaleigh Hamzah. Kawasan ini terletak di simpang empat Wakaf Siku (kini lampu isyarat Wakaf Siku, Kota Bharu). Taman hiburan ini akhirnya lumpuh dan ditutup pada sekitar tahun 1964 atau 1965.[76]

2) Panggung Wayang Gambar Lido di Jalan Tengku Semarak.

Di sini banyak menayangkan filem produk *Shaw Brothers,* dan terletaknya panggung Sultanah yang kemudiannya diubah menjadi panggung Rex di Jalan Tok Hakim, menayangkan filem Cathay dan lain-lain. Begitu juga panggung Rani dan panggung Meena yang memainkan pelbagai jenis filem tempatan mahupun luar negara.

---

[74] Tindakan kerajaan PAS Kelantan mengharamkan Biariz Park/Show Wakaf Siku pada mulanya mendapat tentangan daripada Penasihat Undang-Undang Kerajaan yang dihantar oleh Kerajaan Pusat dengan alasan kerajaan negeri boleh didakwa oleh Syarikat Biariz Park atas kerugiannya dan mungkin terpaksa dibayar oleh Kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, kerajaan Kelantan tetap berkeras dan sanggup membayar ganti rugi jika didakwa oleh pihak yang berkenaan.

[75] Hj. Mohd Amin Yaakub. (1999). *Sejarah Pemerintahan PAS Kelantan: 1959–1990*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik, hlm. 21.

[76] Salahuddin Abdullah. (2010). *op.cit*., hlm. 17.

University of Malaya

3) Kawasan Perumahan di Sebelah Hulu Istana Balai Besar

Terkenal sebagai kawasan pelacuran sejak zaman sebelum perang sehinggalah kawasan ini diambil oleh pihak berkuasa untuk mendirikan kompleks Buluh Kubu, Pasar Siti Khatijah dan lain-lain. Begitu juga dengan Resort Pantai Cinta Berahi (Pantai Cahaya Bulan), pada asalnya sebuah pusat perkelahan dan pelancongan tetapi dijadikan sebagai pusat pesta hiburan dengan pelbagai bentuk permainan.[77] Di situ juga tempat diadakan istiadat puja pantai. Acara ini dilakukan dengan menyembelih kerbau putih ataupun dikenal sebagai kerbau Balar. Kepala atau mana-mana bahagian kerbau ini dihanyutkan ke laut untuk dihadiahkan kepada hantu-hantu laut atau jembalang supaya tidak mengganggu nelayan yang menangkap ikan di laut.[78]

Memandangkan terdapat terlalu banyak amalan syirik, khurafat, perjudian, pelacuran dan perbalahan dalam kalangan penduduk di Kelantan, sebaik sahaja parti PAS memerintah Kelantan pada tahun 1959,[79] tugas utama PAS ketika itu adalah untuk membasmi amalan bertentangan Islam, usaha yang ditinggalkan oleh pihak kerajaan setelah sekian lama dikuasai oleh penjajah British dan Parti Perikatan (UMNO, MCA, dan MIC).[80] Pada masa itu, PAS terpaksa mempergiatkan lagi aktiviti dakwah kepada masyarakat dan terpaksa menambah peruntukan kewangan bagi melantik Pegawai Mubaligh di seluruh negeri dan tanah jajahan. Para pegawai ini diletakkan di bawah jagaan Pentadbiran Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan dan tugas

[77] *Ibid.*
[78] *Ibid*.
[79] Dalam Pilihan Raya Umum pada 20hb. Jun 1959, Parti PAS telah memenangi 28 daripada 30 kerusi Dewan Undangan Negeri Kelantan.
[80] Hj. Mohd Amin Yaakub. (1999). *op.cit*.

University of Malaya

mereka adalah untuk membanteras fahaman syirik dan mungkar atas dasar *Amar Makruf dan Nahi Mungkar.*[81]

Walau bagaimanapun, usaha dakwah ini terbantut apabila PAS mengalami kekalahan dalam pilihan raya umum pada tahun 1978.[82] Bermula dari tahun 1978 pentadbiran negeri Kelantan berpindah lagi kepada Barisan Nasional. Sepanjang pemerintahan Barisan Nasional di Kelantan dari tahun 1978 hingga 1990, banyak gejala maksiat, pelacuran dan amalan yang bertentangan Islam seperti wayang kulit, makyung, menora masih diamalkan dalam masyarakat Kelantan.

Apabila Angkatan Perpaduan Ummah (APU)[83] mengambil alih pemerintahan Kelantan daripada kepimpinan Barisan Nasional pada tahun 1990, perkembangan bidang kesenian adalah sederhana dan kebanyakan hiburan tradisional juga masih bercampur-gaul dengan perkara khurafat dan syirik kerana kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak banyak melakukan perubahan terhadap kesenian di Kelantan melainkan hanya mengikut kehendak Dasar Kebudayaan Kebangsaan sahaja. Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) pula pada masa itu hanya memberi tumpuan untuk memperkenalkan kesenian tradisional, tempat bersejarah serta tempat menarik untuk dilawati di Kelantan tanpa usaha membanteras perkara syirik dan khurafat dalam masyarakat.

---

[81] *Ibid.*

[82] Dalam Pilihan Raya Umum tahun 1978, Parti PAS hanya mampu memenangi dua kerusi sahaja daripada tiga puluh kerusi yang dipertandingkan. Barisan Nasional pula memenangi 23 kerusi, manakala BERJASA sebanyak 11 kerusi. Dengan itu, PAS telah menjadi parti pembangkang di Dewan Undangan Negeri Kelantan setelah memerintah selama hampir lapan belas tahun. Antara faktor kekalahan PAS (1). Timbul rasa tidak puas hati parti dan para penyokong PAS kepada Dato' Mohd Asri. Beliau disifatkan sebagai Nasionalis Kanan dan telah menerima pelawaan Parti Perikatan untuk menubuhkan kerajaan campuran di Kelantan (2). Parti PAS telah ditolak keluar daripada gabungan Barisan Nasional pada 13 hb. Disember 1977.

[83] Angkatan Perpaduan Ummah ini terdiri daripada Parti PAS, Parti Semangat 46, HAMIM dan BERJASA.

University of Malaya

3.3.1. Polisi Kesenian Sebelum Pemerintahan PAS Di Kelantan

Ketika pemerintahan Barisan Nasional di Kelantan, Dasar Kebudayaan Kebangsaan dijadikan sebagai rujukan utama dalam membangunkan bidang kesenian. Walaupun pada zahirnya Dasar Kebudayaan Kebangsaan dilaksanakan, tetapi penekanannya lebih kepada bidang kesenian.[84] Menurut Encik Nazali bin Wahab,[85] Pegawai Kebudayaan, Unit Penyelidikan dan Pembangunan, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kelantan (JKKN), polisi kesenian yang diguna pakai pada masa pemerintahan Barisan Nasional sebelum ini dan pada masa ini adalah sama sahaja, iaitu berdasarkan Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971. Unsur utama dalam dasar ini:

1) Berteraskan Kebudayaan Rakyat Asal Rantau Ini.

Rantau ini terdiri daripada Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei, Thailand, Kampuchea dan lain-lain. Rantau ini ialah pusat pemancaran, pengembangan dan warisan Kebudayaan Melayu zaman-berzaman. Hal ini adalah berdasarkan keagungan tamadun Melayu yang berpusat di Melaka dan penggunaan Bahasa Melayu sebagai bahasa perhubungan antarabangsa (lingua franca). Kebudayaan serantau ini diambil kira berdasarkan penggunaan Bahasa Melayu, kedudukan geografi, pengalaman sejarah, kekayaan alam, kesenian dan nilai keperibadian. Selain itu, budaya Melayu hari ini merupakan cara hidup, lambang identiti serta asas ukuran keperibadian bagi lebih 200 juta umat manusia kerana menggunakan bahasa yang sama.

---

[84] Wan Azmi Ramli. (1993). *Dasar Awam Di Malaysia.* Kuala Lumpur: Golden Centre Sdn. Bhd., hlm. 152–155.

[85] Temubual dengan Encik Nazali bin Wahab, bertempat di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) cawangan Kelantan, pada 23 Januari 2018.

University of Malaya

2) Unsur Kebudayaan Lain Yang Sesuai Dan Wajar Boleh Diterima.

Kebudayaan sesuatu yang dinamik, sentiasa berubah-ubah melalui proses penyerapan dan penyesuaian secara berterusan. Unsur budaya Cina, India, Arab, Barat dan lain-lain yang sesuai boleh dipertimbangkan dalam pembentukan kebudayaan kebangsaan selagi tidak bercanggah dengan perlembagaan, prinsip-prinsip Rukun Negara dan kepentingan nasional serta agama Islam sebagai agama rasmi persekutuan.

3) Islam Menjadi Unsur Yang Penting Dalam Pembentukan Kebudayaan Kebangsaan.

Agama atau kepercayaan kepada Tuhan merupakan unsur penting dalam proses pembangunan negara serta pembentukan rakyat berakhlak dan berperibadi mulia.

Matlamat utama dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang diguna pakai kerajaan Barisan Nasional di Kelantan sebelum tahun 1990 dan sehingga kini adalah seperti berikut:[86]

1) Mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara melalui kebudayaan.
2) Memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan yang bercambah daripada kebudayaan kebangsaan.
3) Memperkayakan dan mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosio-ekonomi.

[86] Wan Azmi Ramli. (1993). *op.cit.* hlm. 152–155.

University of Malaya

Encik Mohd Radzi Bin Yusof berpendapat[87]dasar yang diperkenalkan oleh kerajaan PAS kini tidak jauh bezanya dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan, kecuali larangan tentang percampuran antara lelaki dengan perempuan dan larangan persembahan kesenian dan hiburan yang mengandungi unsur khurafat dan syirik seperti wayang kulit, makyung dan menora. Menurut Encik Mohd Radzi, beliau sentiasa memastikan setiap persembahan kebudayaan, kesenian dan hiburan di Kelantan mematuhi Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998, terutamanya dalam mengawal pergaulan bebas dan unsur mitos. Apabila persembahan kebudayaan, kesenian dan hiburan diadakan di negeri lain seperti kempen Tahun Melawat Kelantan, peraturan tersebut sukar dipatuhi kerana suasana berlainan.

Pandangan Encik Mohd Radzi adalah bertepatan dengan Perintah-Perintah Am, Perkara 6, Bahagian Etika Pakaian, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, bahawa kakitangan kerajaan hanya diberi pilihan untuk menutup aurat.[88] Apabila pihak kerajaan memberi kelonggaran kepada penjawat awam, pasti mereka memilih untuk tidak menutup aurat kerana tiada penguatkuasaan. Apabila kakitangan kerajaan sendiri tidak menutup aurat, maka orang ramai juga akan mengikut gaya mereka untuk tidak menutup aurat di mana-mana sahaja mereka berada. Masalah aurat ini juga telah menjadi polemik apabila ada badan bukan kerajaan (NGO) yang seringkali mempertikai peraturan menutup aurat dalam kalangan wanita Islam.[89] Ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan menutup aurat pada masa sebelum

[87] Temubual dengan Encik Mohd Radzi bin Yusof Artis Budaya di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) cawangan Kelantan, pada 4 Julai 2016.

[88] Perintah-Perintah Am, Perkara 6, Bahagian Etika Pakaian, Peraturan–peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 yang berkuatkuasa pada 15 Disember 1993.

[89] Naziree Md.Yusof . (2006). "Toleransi Beragama dan Kesesuaian Hukum Murtad di Malaysia", dalam *Jurnal Kanun*, 18(1), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 8.

University of Malaya

pemerintahan PAS adalah terlalu longgar. Semasa pemerintahan parti PAS, undang-undang menutup aurat dan berpakaian sopan telah diwartakan di bawah MPKB-BRI, iaitu sehingga tahun 2004 terdapat sebanyak lapan undang-undang kecil yang telah diwartakan, iaitu:[90]

1) Undang-undang Kecil Tred Perniagaan, Perniagaan dan Perindustrian MPKB (Pindaan) 2002, di bawah seksyen 27A yang berkuatkuasa pada 3 Januari 2002.
2) Undang-undang Kecil Pengawalan dan Penyeliaan Establisymen Makanan MPKB (Pindaan) 2003, di bawah seksyen 4A yang berkuatkuasa pada 25 September 2003.
3) Undang-undang Kecil Penjaja MPKB (Pindaan) 2003, di bawah seksyen 13 A yang berkuatkuasa pada 25 September 2003.
4) Undang-undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut MPKB (Pindaan) 2003, di bawah seksyen 3 B yang berkuatkuasa pada 25 September 2003.
5) Undang-undang Kecil Rumah Tumpangan MPKB 1989 (Pindaan) 2003, di bawah seksyen 24 A yang berkuatkuasa pada 25 September 2003.
6) Undang-undang Kecil Tempat Letak Persendirian 1987 (Pindaan) 2004 MPKB di bawah seksyen 9 A yang berkuatkuasa pada 20 Mei 2004.
7) Undang-undang Kecil Pasar MPKB (Pindaan) 2004 di bawah seksyen 11 A yang berkuatkuasa pada 20 Mei 2004.

[90] Mohd Azhar Abdullah dan Raihanah Abdullah "Peruntukan Undang-undang Aurat Dan Pakaian Sopan Menurut Bidang Kuasa Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam: Satu Huraian", dalam *Jurnal Syariah*, Jil. 18, Bil. 2 (2010), hlm. 361-400.

University of Malaya

8) Undang-undang Kecil Kedai Dobi MPKB 1990 (Pindaan) 2004 di bawah seksyen 11 A yang berkuatkuasa pada 20 Mei 2004.

Oleh yang demikian, bagi mengelakkan sebarang pertikaian MPKB-BRI menyelaraskan peruntukan aurat dalam kesemua lapan Undang-Undang Kecil berkaitan aurat, sebagai contoh dalam Undang-undang Kecil Tred Perniagaan, Perniagaan dan Perindustrian MPKB (Pindaan) 2002, di bawah seksyen 27A yang berkuatkuasa pada 3 Januari 2002 sebagaimana berikut;

> *"Pemegang lesen semasa menjalankan tred, perniagaan atau perindustriannya, jika ia wanita Islam memastikan dirinya dan semua pekerja wanitanya yang beragama Islam memakai pakaian menutup aurat dan jika pemegang lesen dan pekerja wanitanya bukan beragama Islam, hendaklah memakai pakaian sopan"*

3.3.2. Strategi Dan Pelaksanaan Polisi Kesenian Sebelum Pemerintahan PAS

Strategi dan pelaksanaan polisi kesenian di negeri Kelantan semasa pemerintahan Barisan Nasional dari tahun 1978 hingga tahun 1990 adalah seperti berikut:[91]

1) Pemulihan, pemuliharaan dan pembangunan kebudayaan ke arah memperkukuh asas Kebudayaan Kebangsaan melalui usahasama penyelidikan, pembangunan, pendidikan, pengembangan dan perhubungan budaya.[92]
2) Meningkat dan mengukuhkan kepimpinan budaya melalui usaha membimbing dan melatih peminat, mendukung dan menggerakkan

[91] Wan Azmi Ramli. (1993). *Dasar Sosial Di Malaysia.* Kuala Lumpur: Golden Centre Sdn. Bhd., hlm. 152.
[92] Lihat *Lampiran 2*

University of Malaya

kebudayaan seluas-luasnya sebagai jentera pembangunan yang berkesan.

3) Mewujudkan komunikasi yang berkesan ke arah kesedaran kebangsaan, kenegaraan dan nasionalisme Malaysia.
4) Memenuhi keperluan sosial budaya.
5) Meninggikan taraf dan mutu kesenian.

Sepanjang pemerintahan Barisan Nasional di Kelantan, banyak usaha dilakukan untuk mengembangkan kesenian tradisional seperti wayang kulit, dikir barat dan makyung kepada masyarakat, sama ada dalam mahupun luar negara. Antara usahanya ialah kerjasama dengan pihak Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang untuk melatih para pelajar seni wayang kulit.

Program ini diketuai oleh Ghulam Sarwar Yousof kerana pada masa itu beliau merupakan salah seorang tenaga pengajar seni Wayang Kulit Kelantan di Universiti Sains Malaysia. Beliau mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan Tok Dalang Hamzah Awang Amat kerana membuat penyelidikan tentang wayang kulit Kelantan sebagai tajuk PhD beliau. Pada masa yang sama, pihak USM sendiri menghantar para pelajar untuk mempelajari ilmu wayang kulit dengan Tok Dalang Hamzah di kampungnya, iaitu Mesira, Tumpat, Kelantan. Setelah kematian Tok Dalang Hamzah, program ini terhenti. Hal ini berlaku kerana mengikut Mat Rasid Mat Hassan,[93] Tok Dalang Hamzah tidak mempunyai anak murid yang sehebat dirinya. Walau bagaimanapun, pertunjukan wayang kulit di Kelantan masih lagi diadakan kerana wujudnya dalang lain seperi Dalang Yusof Hassan (Che Wa) dan Dalang Muhammad

[93] Temubual dengan Mat Rasid Mat Hassan pada 18/1/ 2018. Beliau merupakan sepupu kepada Hamzah Awang Amat.

University of Malaya

Daim Othman (Pak Daim). Menurut Encik Kamaruddin Yusof, persembahan wayang kulit Pak Hamzah masih menggunakan cara lama, iaitu mengandungi bacaan mentera dan upacara pembuka pengguna yang mengandungi unsur-unsur animisme.[94]

Sebelum parti PAS mengambil alih pemerintahan negeri Kelantan, banyak usaha dilakukan untuk mempromosikan kesenian tradisional Kelantan seperti wayang kulit, main puteri dan makyung kepada masyarakat dalam dan luar negara. Pak Hamzah dan kumpulan Sri Setia dipilih untuk membuat persembahan di luar negara. Pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang dikelola oleh Tan Sri Sheppard, UNESCO dan beberapa agensi luar negara sering kali menghantar Tok Dalang Hamzah ke beberapa negara Eropah seperti Perancis, England, Itali, Sepanyol, Portugal, Yugoslavia, Austria dan Belgium, serta Amerika Syarikat, Singapura dan juga Pakistan.[95] Selain itu, beliau juga diundang khas untuk memberi ceramah dan mengadakan persembahan wayang kulit di universiti terkenal seperti Universiti Simon Fraser, Darlingo Art Society, Muzium Horniman di Crystal Palace dan Institut Komanwel di Kensington.[96]

Selepas tahun 1993, usaha mempromosikan kesenian tradisional Kelantan semakin berkurangan. Perkara ini mungkin disebabkan dasar yang digunakan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan sangat berbeza dengan polisi yang diamalkan oleh kerajaan Kelantan. Pada awal pemerintahan PAS, usaha mempromosikan hiburan tradisional adalah kurang sekali kerana ia

[94] Temubual dengan Encik Kamaruddin Yusof Pensyarah dan Aktivis Seni di Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu pada 23 Januari 2018.
[95] Muhammad Daim Othman. (2011). *op-cit*, hlm. 32.
[96] Ghulan Sarwar Yousof (t.t). *op.cit*., hlm. 42.

University of Malaya

lebih mempromosikan segala pembaharuan yang dilakukan oleh kerajaan PAS seperti Pasar Besar Siti Khadijah, Ihya Ramadhan, pengajian pondok, pesta wau antarabangsa, pertandingan burung ketitir, sekolah-sekolah agama dan makanan tradisional Kelantan. Malah pada waktu itu, isu wayang kulit menjadi perbahasan hangat di Kelantan. Kerajaan Kelantan melarang wayang kulit, dikir barat, makyung dan main puteri sehingga pihak berkenaan sanggup mengubah kaedah persembahan, iaitu tanpa upacara buka panggung dan tutup panggung.

Tindakan kerajaan Kelantan ini membuatkan para penggiat seni tradisional terutamanya sukar untuk mencari rezeki di Kelantan. Bahkan ada antara mereka seperti Tok Hamzah, Khatijah Awang (makyung) terpaksa berhijrah ke Kuala Lumpur untuk meneruskan perjuangan memperkenal dan mengekalkan warisan kesenian tradisional ini kepada masyarakat.

Apabila kerajaan Kelantan berkeras dengan membenarkan pertunjukan kesenian tradisional di Kelantan, maka Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan mengambil langkah memelihara dan menggalakkan seni hiburan dengan meminda Anugerah Seni Negara dan Anugerah Seni Peringkat Negeri dengan menjadikannya acara tahunan dan bukannya acara dua tahun sekali bermula tahun 2004. Maka ramailah penggiat seni mendapat Anugerah Seni Negara, Anugerah Jaya Budaya dan Anugerah Seni Kelantan. Antara penerimanya ialah Tok Dalang Hamzah Awang Amat (Anugerah Seni Negara), Khatijah Awang sebagai penggiat seni makyung (Anugerah Seni Negara) dan

University of Malaya

juga Seman Mamat yang terkenal sebagai Seman Wau Bulan (Anugerah Seni Kelantan).[97]

3.3.3. Mewujudkan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Cawangan Kelantan

Antara inisiatif kerajaan Pusat dalam menjaga dan mengembangkan kesenian Kelantan adalah dengan mewujudkan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Cawangan Kelantan di Tanjung Chat, Kota Bharu pada tahun 2000. Pusat ini bertujuan untuk menghidupkan kembali hiburan tradisional di Kelantan melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian cawangan negeri Kelantan. Jabatan ini diberi peranan untuk menghidupkan semua jenis hiburan tradisional di Kelantan kerana bimbang berlaku kepupusan permainan/hiburan tradisional[98] setelah Parti PAS memerintah Kelantan terutamanya setelah wujud fatwa daripada Majlis Agama Islam Kelantan terhadap hiburan tradisional dan penguatkuasaan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998. Antara fungsi Jabatan Kebudayaan dan Kesenian ini adalah seperti berikut:[99]

1) Mengekalkan dan mengembangkan kebudayaan dan kesenian.
2) Memperbanyakkan aktiviti seni budaya ke segenap lapisan masyarakat.
3) Menyebarkan maklumat seni budaya kepada orang awam dan luar negara.
4) Menyediakan kemudahan prasarana seni dan budaya yang kondusif dan khidmat nasihat kepada masyarakat.

[97] Ismail Yusoff. (2015). *Tuan Guru Nik Abdul Aziz: Pemikiran Agama dan Politik*. Kedah: Penerbit Universti Utara Malaysia, hlm. 254
[98] Temubual dengan Encik Mohd Radzi Bin Yusof selaku Artis Budaya pada 4 Julai 2016.
[99] Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan berada di Tanjung Chat, Kota Bharu, Kelantan.

University of Malaya

5) Meningkatkan pembangunan produk seni budaya ke arah gagasan 1 Malaysia.

Menurut Encik Nazali Wahab,[100] Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) telah mengadakan beberapa program latihan bagi para pelatih yang juga merupakan pelapis untuk memberi kemahiran dalam sesuatu bidang kesenian. Antara bidang yang dilatih adalah seperti dikir barat, makyung, menora dan main puteri. Barisan tenaga pengajar pula diambil daripada mereka yang berpengalaman. Bagi dikir barat, jurulatih seperti Megat Nordin (arwah) dan Dollah Tok Deh, manakala makyung pula dilatih oleh Puan Rohani Mohd Zain daripada Kumpulan Seri Temenggung. Setiap pelatih akan dibayar gaji dan elaun oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

3.4. Perkembangan Kesenian di Kelantan Selepas Tahun 1990

Apabila PAS mengambil alih pemerintahan Kelantan, beberapa perubahan[101] dalam dasar kerajaan Kelantan telah dibuat terutamanya dalam bidang kesenian dan pelancongan. Antara tindakan kerajaan PAS dalam membangunkan semua bidang kesenian di Kelantan ialah:

3.4.1. Mewujudkan Dasar Kesenian Kelantan

Selaras dengan semangat untuk menjadikan Kelantan dan rakyatnya "Membangun Bersama Islam" secara menyeluruh dan bagi melahirkan manusia

[100] Temubual dengan Encik Nazali bin Wahab, *op-cit.*

[101] Siti Norlizaiha Harun, Zuraini Md Ali and Rodiah Zawawi (2011). The Changing Image And Identity Of Kota Bharu, Kelantan. Malaysia: From Cultural City To Islamic City. *International Journal of Social Planning and Development,* 1, 75–80.

University of Malaya

yang bertakwa kepada Allah, maka pihak Kerajaan Kelantan telah mewujudkan Dasar Kesenian. Dasar ini juga bernaung di bawah *Dasar Membangun Bersama Islam* sebagaimana dasar-dasar lain. Dasar Kesenian negeri Kelantan digubal kerana:[102]

1) Kesenian ialah satu cabang aktiviti kehidupan manusia dan perjalanannya perlu diiktiraf oleh Islam kerana ia memainkan peranan yang lebih besar dan menyeluruh, bukan sebaliknya.
2) Keindahan kesenian dan penghayatan seharusnya membawa manusia mengenal kehebatan dan keagungan Allah bukan bertujuan untuk memenuhi kehendak nafsu sahaja.
3) Penghayatan terhadap keindahan kesenian perlu mematuhi satu peraturan yang selari dengan kehendak syariah, iaitu tidak berlaku percampuran antara lelaki dengan perempuan.
4) Amalan kesenian yang bercanggah dengan syariat perlu dihapuskan.
5) Kesenian perlu dijadikan instrumen dakwah, khususnya dalam menyelesaikan gejala sosial dalam kalangan remaja.
6) Dapat mendukung cita-cita untuk membentuk dan membangun manusia ke arah kebenaran dan keadilan yang berasaskan prinsip al-Quran dan al-Sunnah.[103]

Kerajaan Kelantan telah menggariskan beberapa matlamat utama dalam Dasar Kesenian supaya tidak berlawanan dengan syariat Islam, antaranya:[104]

1) Melahirkan insan yang bertakwa kepada Allah melalui kesenian sebagai wadah pengantaraan.[105]

[102] Kamaruzzaman Yusuf dan Wan Abdul Rahman Wan Ab.Latif. (2011). Memartabatkan Syariah, dalam *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik, hlm. 206.
[103] *Dasar-dasar Kerajaan Negeri Kelantan Darul Naim*. (2005). *op.cit*., hlm. 24.
[104] *Ibid.*

University of Malaya

2) Memelihara, menyelaras dan mengekalkan warisan budaya bangsa yang tidak bercanggah dengan Islam.
3) Membangunkan ummah yang cintakan seni dan budaya yang berasaskan Islam.
4) Menjadikan produk budaya yang boleh menjana sumber ekonomi rakyat.
5) Sebagai satu wadah untuk menangani masalah sosial, integrasi kaum dan penggalak sektor pelancongan.

Kerajaan Kelantan juga telah memasukkan beberapa prinsip utama dalam Dasar Kesenian Negeri Kelantan yang digubal agar kesenian di Kelantan tidak terkeluar daripada landasan Islam. Antara prinsip tersebut tersebut ialah:[106]

1) Kesenian mestilah berlandaskan Islam bermula dengan niat, jenis ekspresi dan tujuan menuju ke arah mencapai keredhaan Allah.
2) Kesenian sama ada dari dalam atau luar negeri, boleh diterima pakai asalkan selari dan selaras dengan prinsip Islam.
3) Kesenian lain yang bukan berasaskan prinsip Islam boleh diamalkan oleh sesuatu kaum dengan syarat tidak disertai oleh orang Islam.
4) Semua perancangan dan pelaksanaan projek mestilah berasaskan ciri-ciri kesenian tempatan yang selari dengan Islam.[107]
5) Wanita dan lelaki hendaklah diasingkan dalam sebarang kegiatan kesenian. Wanita tidak boleh dijadikan sebagai alat tontonan lelaki.

---

[105] Sebagai contoh, Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah menubuhkan pasukan Dikir Barat sebagai kempen mencegah amalan rasuah dalam kalangan masyarakat semasa Karnival Kebudayaan Kelantan pada 15 Ogos 1996.
[106] *Dasar-dasar Kerajaan Negeri Kelantan*.(2005). *op.cit*, hlm. 25.
[107] Sebagai contoh Badan Pencegah Rasuah (BPR) telah menubuhkan pasukan Dikir Barat sebagai kempen mencegah amalan rasuah dalam kalangan masyarakat semasa Karnival Kebudayaan Kelantan pada 15 Ogos 1996.

University of Malaya

6) Segala amalan yang bercanggah dengan syarak dalam aktiviti kesenian mestilah dihapuskan dan digantikan dengan amalan yang sesuai dengan kehendak agama.

3.4.2. Penstrukturan Semula Pusat Penerangan Pelancongan dan Gelanggang Seni

Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) telah ditubuhkan pada tahun 1979. Walau bagaimanapun, pada 1 hb. April 1994 ia telah diambil alih oleh kerajaan negeri Kelantan daripada pengurusan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kalantan (PKINK). Keputusan ini dibuat dalam mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan yang bersidang pada 20 Mac 1994.[108] Mulai 1 Januari 1995, ia dikenal sebagai "Bahagian Pelancongan, Kebudayaan dan Sukan" serta bertanggungjawab kepada Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri. Maka Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) kini bernaung di bawah Bahagian Pelancongan, Kebudayaan dan Sukan.

Pusat Pelancongan dan Gelanggang Seni memainkan peranan yang sangat penting kepada perkembangan kesenian di Kelantan, khususnya dalam pemerintahan PAS. Ini adalah disebabkan kedua-dua organisasi ini merupakan organisasi yang banyak membantu dalam melaksanakan program kesenian Negeri Kelantan. Antara peranan utama Pusat Penerangan Pelancongan adalah sebagaimana dalam Jadual 3.1 di bawah:

[108] Kertas Analisa Ke Atas Cadangan menyerahkan pengurusan Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan kepada pentadbiran negeri Kelantan, Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kelantan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, hlm. 2.

University of Malaya

Jadual 3.1: Fungsi Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan

Bil	Pelancongan	Bil	Kebudayaan
1.	Melaksanakan kerja-kerja penggalakkan pelancongan	1.	Mengumpul data kedatangan pelancong ke Gelanggang Seni
2.	Mengatur program promosi di dalam dan luar negara	2.	Memastikan aktiviti kebudayaan dan kesenian berterusan
3.	Mengadakan penerbitan dan cenderahati kenangan untuk tarikan pelancong	3.	Menjadikan gelanggang seni sebagai pusat kesenian dan kebudayaan Negeri Kelantan
4.	Menyimpan data rekod kedatangan pelancong		

Sumber: *Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan 2014*

Bagi mengawasi agar kesenian yang dipertontonkan tidak melanggar syarat-syarat yang ditetapkan kerajaan negeri, Pusat Penerangan Pelancongan telah membuat jadual persembahan dan aktiviti di Gelanggang Seni secara khas untuk para pelancong sama ada dari dalam atau luar negeri yang ingin melihat hiburan tradisional Kelantan secara langsung. Jadual 3.2 merupakan satu contoh jadual yang telah diatur oleh Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan. Berdasarkan aktiviti tersebut, maka nyatalah kerajaan Kelantan membenarkan persembahan tradisional seperti wayang kulit dan main puteri di tempat yang dikhaskan sahaja seperti Gelanggang Seni,[109] manakala makyung masih dibekukan lagi.

[109]Temubual dengan En. Nordin Bin Hussin, Pengurus Gelanggang Seni pada 22/12/2014 di Pusat Penerangan Pelancongan, Negeri Kelantan.

University of Malaya

Jadual 3.2 : Jadual Aktiviti Kesenian di Gelanggang Seni Kota Bharu Tahun 2014

HARI	PETANG	ACARA	MALAM	ACARA
SABTU	3.30–5.30	Rebana Gasing Ubi	9.00–11.00	Persembahan Tradisional
ISNIN	3.30–5.30	Silat Tari Demo Buat Wau Congkok	9.00–11.00	-
RABU	3.30–5.30	Kertok Gasing Pangkah Pencak Silat	9.00–11.00	Wayang Kulit

Sumber: *Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan 2014*

Menurut Encik Nordin Hussin, Pengurus Gelanggang Seni Kota Bharu, setakat ini terdapat dua belas kumpulan wayang kulit yang berdaftar dengan Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan, sama ada mempunyai panggung atau tidak mempunyai panggung. Bagi Tok Dalang yang tidak mempunyai panggung, mereka bebas untuk membuat persembahan dengan mana-mana kumpulan yang diminati. Gelanggang Seni juga menganjurkan tarian campuran yang melibatkan kaum lelaki dan perempuan tetapi dengan syarat mestilah berpakaian sopan.

Selain itu, Pusat Penerangan Pelancongan turut mempromosikan kesenian Kelantan ke negeri lain. Kumpulan dikir barat pula sering dijemput untuk membuat persembahan di tempat lain untuk memperkenalkan kesenian Kelantan. Kumpulan dikir barat yang membuat persembahan di Gelanggang Seni dibayar dengan RM500.00 setiap kumpulan, manakala bagi persembahan di

University of Malaya

luar seperti di majlis perkahwinan, mereka akan dibayar sebanyak RM 1000.00 satu kumpulan.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Negeri Takiyuddin Hassan[110] peraturan-peraturan yang dilaksanakan oleh kerajaan bukan bererti kerajaan Kelantan menolak dan tidak menghargai kesenian tradisional tersebut. Sebaliknya, Kerajaan Negeri mahu persembahan kesenian itu diadakan di tempat tertutup seperti di Gelanggang Seni supaya dapat mengelak dari berlakunya percampuran lelaki dan wanita, malah amat sesuai untuk tontonan pelancong. Usaha ini bertepatan dengan Dasar Kesenian Negeri Kelantan yang menghendaki setiap amalan kesenian yang bercanggah dengan hukum syarak mestilah dihapuskan dan digantikan dengan amalan-amalan yang sesuai dengan dasar Islam.[111]

Datuk Haji Md. Alwi ahli dewan undangan negeri Kot Lanas berpendapat segala perubahan yang dilakukan oleh kerajaan PAS di Kelantan telah pun dilakukan oleh kerajaan Barisan Nasional dan ia lebih baik dan syumul berbanding dengan pembaharuan yang dilakukan kerajaan PAS di Kelantan. Kenyataan ini dibuktikan dengan Indeks Syariah Malaysia (ISM) yang diperkenalkan pada 10 Februari 2015 dan telah dijelaskan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom dalam Dewan Negara, pada hari Selasa 13 Disember 2016 sebagaimana berikut jadual 3.3 berikut:

[110] Ucapan YB. Dato' Takiyuddin Hassan sempena sambutan rombongan Majlis Kebudayaan Negeri Kedah pada 1 dan 2 Februari 2010 di Pusat Penerangan Pelancongan, Kota Bharu, Kelantan.
[111] Dasar-dasar Kerajaan Negeri Kelantan. (2005). *op.cit*., hlm. 41.

University of Malaya

Jadual 3.3: Pencapaian Indeks Syariah Malaysia Dalam Pelbagai Bidang

Bidang	**Skor Peratus**
Perundangan	87.19
Politik	79.19
Ekonomi	65.27
Pendidikan	82.49
Kesihatan	73.92
Kebudayaan	66.47
Prasarana & Persekitaran	62.31
Sosial	68.52

Sumber: Laporan Dewan Negara, Parlimen Ketiga Belas, Penggal Keempat Mesyuarat Ketiga, Selasa,13 Disember 2016.

Menurut Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir, walaupun Indeks Syariah Malaysia baharu sahaja dilaksanakan, tetapi skor indeks yang diperolehi dalam pelbagai bidang berada pada tahap yang baik.[112] Segala kelemahan yang dikenalpasti telah dan sedang dibuat penambahbaikan supaya menepati dengan kehendak Islam. Walaupun tindakan yang dilakukan oleh Kerajaan Persekutuan sudah baik tetapi perlu ditingkatkan lagi dalam beberapa aspek seperti pergaulan bebas dan aurat.

Bagi penulis sekiranya pelaksanaan Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971 sudah mencapai tahap yang memuaskan iaitu 66.47 %, maka pelaksanaan dasar kesenian Kelantan boleh mencapai tahap lebih baik lagi kerana ia mengandungi *sad al-Zara'i* iaitu ada usaha mencegah sebelum berlaku perkara yang dilarang oleh syarak seperti melarang percampuran lelaki dan perempuan semasa persembahan hiburan dan

[112] Laporan Dewan Negara, Parlimen Ketiga Belas, Penggal Keempat Mesyuarat Ketiga, Selasa 13 Disember 2016.

University of Malaya

menghapuskan perkara syirik serta khurafat dalam kebudayaan dan kesenian. Dalam pada itu, dasar kesenian Kelantan juga merupakan dasar yang diubahsuai dari Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971 supaya lebih menepati dengan *maqasid shariah.* Berdasarkan kepada dokumen-dokumen kajian dan pemerhatian penulis jelas menunjukkan bahawa matlamat dasar kesenian Kelantan lebih baik berbanding dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971.

Sebagai kesimpulan kepada perbincangan tentang polisi kesenian pada zaman pemerintahan Barisan Nasional sebelum tahun 1990 dengan zaman pemerintahan PAS selepas tahun 1990, penulis mendapati beberapa perbezaan, antaranya:

1) Tiada Garis Panduan Khas Untuk Mengawal Kesenian

Ini adalah disebabkan pada zaman pemerintahan Barisan Nasional, kesenian tidak mempunyai garis panduan khas. Ia hanya berpandu pada Dasar Kebudayaan Nasional yang terlalu umum dan undang-undang kawalan hiburan yang diperkenalkan oleh penjajah, terutamanya *Theatres and Place Of Public Amusement Enactment No.47/1936* (Enakmen Panggung Wayang dan Tempat Hiburan Awam 1936). Oleh itu, program kesenian yang diadakan hanyalah untuk hiburan semata-mata, tanpa mengira hiburan tersebut mengandungi unsur-unsur khurafat, syirik, lucah, judi dan pergaulan bebas. Pada awal pemerintahan 1990, Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat membekukan kebenaran persembahan dikir barat kerana ia telah disalahgunakan oleh pihak tertentu kerana mengandungi unsur tidak sihat[113] seperti lagu-lagu lucah[114]

[113] Ucapan YAB Menteri Besar Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat berucap merasmikan Pesta Wau Antarabangsa di Seri Tujuh 1993.

[114] Antara lagu-lagu lucah ialah *Apam bakar, Mek kena belaki, Jenab punggung besar, Kesah seorang wanita nafsu besar dan dadah.*

University of Malaya

serta berlaku percampuran antara lelaki dengan perempuan semasa persembahan.

Semasa Kerajaan Barisan Nasional juga tidak digubal enakmen atau garis panduan khas tentang hiburan di Kelantan, sebaliknya hanya menggunakan undang-undang sedia ada sahaja, iaitu Enakmen Panggung Wayang dan Tempat Hiburan Awam 1936, malah fatwa khas tentang hiburan daripada Majlis Agama Islam Kelantan juga masih belum tersedia. Fatwa berkenaan hiburan tradisional ini walaupun terlalu umum hanya dikeluarkan pada 17 Oktober 1992, iaitu setelah bertukarnya pemerintahan Kelantan daripada Barisan Nasional kepada Parti PAS. Ini menunjukkan bahawa pada masa itu, tiada panduan khusus yang digubal untuk mengawal aktiviti kesenian di Kelantan, walaupun unsur utama dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan ialah agama Islam.

Berdasarkan pemerhatian penulis, kerajaan PAS yang ada pada hari ini lebih bersungguh-sungguh dalam mengawal aktiviti kesenian di Kelantan dengan menggubal Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998, Garis Panduan Persembahan (hiburan) 1998, Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003. Sebagai contoh, Pertubuhan Nisa' Kelantan telah menganjurkan program Nisa' Talent Time di Kelantan Trade Centre, iaitu sebuah program untuk mencari bakat penyanyi dalam kalangan wanita. Program ini dihadiri oleh Alyah, isteri Datuk Ramli MS dan Noor Hasliah Abu Hasan, iaitu penyanyi lagu 'Sesal Separuh Nyawa'. Pertandingan ini dikendalikan oleh kaum wanita. Bermula dengan peserta nyanyian, petugas pentas, rakaman video kamera dan penonton semuanya ialah golongan wanita yang terlibat.

University of Malaya

Selain itu, ia diserikan lagi dengan persembahan artis popular, iaitu Nora Arifin dan Rosemaria Abdul Hamid.[115] Banyak lagi program hiburan yang melibatkan wanita sahaja akan dijelaskan dalam bab lima nanti.

2) Tiada Pencegahan Terhadap Unsur Khurafat, Syirik Dan Pendedahan Aurat Dalam Aktiviti Kesenian

Penulis mendapati program hiburan tradisional dan moden di Kelantan pada zaman pemerintahan Barisan Nasional sangat bebas. Ini adalah disebabkan masih banyak lagi amalan khurafat dan syirik diamalkan di Kelantan, seperti wayang kulit, main puteri, makyung, sabung ayam, perjudian, loteri dan pelacuran, khususnya di bandar Kota Bharu. Ini menggambarkan bahawa kerajaan Barisan Nasional yang memerintah Kelantan pada masa itu tidak begitu mengambil berat tentang perkara yang bertentangan agama Islam. Malah boleh dikatakan langsung tiada larangan terhadap pengiat seni wayang kulit, makyung dan menora, walaupun mengandungi unsur khurafat. Ini menunjukkan mereka tidak menjadikan syariat Islam sebagai panduan utama dalam mengawal kesenian di Kelantan walaupun salah satu unsur utama dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan menyebut:

> *"Islam menjadi unsur yang penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan. Agama atau kepercayaan kepada tuhan merupakan unsur penting dalam proses pembangunan negara serta pembentukan rakyat berakhlak dan berperibadi mulia".*[116]

Menurut Encik Rapein Hassan tidak ada sebarang Undang-Undang Kecil (UUK) untuk mencegah pendedahan aurat pada zaman pemerintahan Barisan

[115] HarakahDaily, 19/11/2017.
[116] Wan Azmi Ramli. (1993). Dasar Awam Malaysia. Kuala Lumpur: Golden Centre Sdn. Bhd, hlm. 80.

University of Malaya

Nasional di Kelantan sebelum ini.[117] Kebanyakan amalan kesenian pada zaman tersebut dikekalkan atau dibiarkan sebagaimana yang diamalkan sebelum ini, walaupun ia menyalahi syariat seperti dalam wayang kulit dan makyung, pergaulan bebas, pendedahan aurat dalam kalangan wanita[118] dan kata-kata lucah dalam persembahan dikir barat. Keadaan ini menjadikan amalan kesenian tadi bercampur-aduk dengan perkara khurafat dan syirik.

Walaupun pada hakikatnya Islam merupakan unsur yang penting dalam Dasar Kebudayaan Kebangsaan,[119] pelaksanaan *amar maaruf dan nahi mungkar* tidak berlaku sama sekali. Hal ini telah dinyatakan oleh YB Tuan Haji Zainuddin b. Mohamed Nor, Adun Tendong, ketika persidangan Dewan Undangan Kelantan 13 hb. April 1992, sebagaimana berikut:[120]

> *Parti Umno Baru, walaupun telah memerintah negeri Kelantan selama 12 tahun, jelas dan nyata kepada rakyat telah gagal untuk melaksanakan hukum-hukum Islam, telah gagal untuk melaksanakan cita-cita Islam, unsur-unsur perjudian dan tempat-tempat maksiat tidak dipedulikan oleh mereka yang bertanggungjawab. Kedai-kedai judi berada di mana-mana sahaja. Kita juga dapati kedai-kedai toto dan kedai-kedai empat nombor ekor. Tetapi, alhamdulillah setelah kerajaan Angkatan Perpaduan memerintah negeri Kelantan ini yang telah meletakkan Islam sebagai Ad-Deen dalam kita menghadapi rakyat dalam pilihanraya, banyak sudah dilaksanakan perkara-perkara yang kita janjikan dalam pilihanraya, terutama sekali berkenaan Islam di negeri Kelantan.*

Situasi ini sangat berbeza pada hari ini kerana kerajaan Kelantan melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), iaitu MPKB-BRI telah banyak mewujudkan

---

[117] Penulis mendapati pihak MPKB-BRI melaksanakan peraturan menutup aurat melalui lapan undang-undang kecil. Penjelasan seterusnya dalam Bab Lima.

[118] Temubual dengan Encik Rapein Hassan Pengarah Jabatan Pembangunan Islam Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam (MPKB-BRI) pada 29/11/16.

[119] Wan Azmi Ramli (1993). *Dasar Sosial Di Malaysia.* Kuala Lumpur: Golden Centre Sdn. Bhd., hlm. 152–155.

[120] Penyata Rasmi Persidangan Kali Yang Pertama Bagi Tempoh Penggal Yang Ketiga, Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 13hb. April 1992.

University of Malaya

Undang-Undang Kecil untuk menjaga aurat. Ini menunjukkan polisi pentadbiran pada masa PAS adalah lebih tegas dari segi *amar maaruf dan nahi mungkar*, di samping kebolehannya menyelamat hiburan tradisional daripada kepupusan. Selain itu, kerajaan PAS pada hari ini telah melaksanakan kembali Undang-Undang Kecil Taman Majlis Perbandaran Kota Bharu 1986 yang telah diluluskan pada 18 Disember 1986[121] dengan kerjasama MPKB-BRI dalam membanteras gejala sosial di taman permainan dan rekreasi.[122]

3) Mengutamakan Kesenian Tempatan Sahaja

Kebanyakan kesenian yang diambil kira dan dipromosikan pada masa itu hanyalah yang bersangkutan budaya tempatan dan adat kemelayuan sahaja. Manakala budaya lain seperti budaya kaum Cina dan Siam kurang ditonjolkan. Ini menunjukkan bahawa zaman kerajaan Barisan Nasional banyak mempromosikan kesenian berasaskan nilai kemelayuan yang asli, walaupun ada juga kesenian dalam kalangan masyarakat Cina di Kelantan seperti wayang Kok Seng dan Pak Su.

3.5. Perkembangan Sektor Pelancongan di Kelantan Sebelum dan Selepas Tahun 1990

Pada zaman pemerintahan Barisan Nasional, Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan (TIC) hanya berperanan untuk menarik seramai mungkin pelancong berkunjung ke Kelantan. Pada masa itu, tiada usaha untuk mewujudkan peraturan persembahan kesenian, lebih-lebih lagi memperkenalkan konsep pelancongan bercirikan keislaman. Oleh kerana tiada peraturan khas untuk kesenian pada masa itu, maka

[121] Warta Kerajaan, Akta Kerajaan Tempatan 1976, Kn.P.U.44. (Undang-undang Kecil Taman Majlis Perbandaran Kota Bharu 1986).
[122] *Ibid.*

University of Malaya

berlakulah persembahan dikir menggunakan bahasa lucah. Begitu juga dengan wayang kulit, makyung dan menora masih lagi mengandungi unsur-unsur syirik serta khurafat.

Tindakan ini berbeza sekali dengan kerajaan PAS kini, iaitu mengutamakan pengjagaan syariat walaupun tindakan ini boleh menjejaskan hasil pelancongan, sebagaimana yang disebutkan dalam dasar kesenian Kelantan, iaitu *"Amalan kesenian yang bercanggah dengan syariat perlu dihapuskan"*. Jadi mana-mana kesenian tradisional seperti menora dan makyung yang mengandungi unsur-unsur menyalahi syariat terpaksa dilarang daripada dipertontonkan kepada khalayak ramai walaupun telah ditentang oleh sesetengah pihak. Ini menunjukkan perbezaan polisi yang sangat jelas antara dua pentadbiran berlainan di Kelantan.

Perkembangan kesenian sebelum tahun 1990 adalah sederhana sahaja jika dibandingkan dengan tahun-tahun selepasnya. Perkembangan industri pelancongan pada zaman pemerintahan Barisan Nasional sangat lemah malah ia tidak dapat membantu membangunkan ekonomi Kelantan. Kelembapan industri pelancongan ini dapat dilihat melalui statistik kemasukan para pelancong di Kelantan sebelum tahun 1990. Perkara ini terbukti melalui Jadual 3.4. di bawah:

University of Malaya

Jadual 3.4.: Kemasukan Pelancong Tempatan dan Antarabangsa ke Kelantan Tahun 1984–1998



Sumber: *Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan 1998*

Jadual 3.4 di atas menunjukkan kemasukan pelancong ke Kelantan adalah sederhana sahaja walaupun pada masa itu kerajaan Kelantan dipimpin oleh Barisan Nasional dan masih menggunakan Dasar Kebudayaan Kebangsaan, malah dikatakan lebih mesra dengan perkembangan kesenian di Kelantan. Sebagai contoh dari tahun 1985 hingga 1988, purata kemasukan pada tempoh tersebut hanya 54,000 sahaja. Manakala semasa pemerintahan PAS, kemasukan pelancong sangat menggalakkan. Sebagai contoh, dari tahun 1990 hingga 1995, purata kemasukan pelancong ke Kelantan pada tahun tersebut adalah 164,000.[123]

Ini menunjukkan pemerintahan PAS berjaya menarik pelancong ke Kelantan walaupun pada tempoh tersebut kerajaan Kelantan mengeluarkan beberapa peraturan seperti larangan menjual minuman keras, menggalakkan pakaian Islam, peraturan hotel, peraturan hiburan dan lain-lain. Perubahan yang dilakukan di Kelantan boleh menarik

[123] Ismail Yusoff. (2015). *Tuan Guru Nik Abdul Aziz: Pemikiran Agama dan Politik.* Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

University of Malaya

masyarakat luar Kelantan untuk berkunjung ke Kelantan. Dengan kata lain, data di atas membuktikan bahawa dasar Islam pimpinan Dato' Nik Aziz tidak memberi kesan negatif terhadap industri pelancongan, sebaliknya menambah bilangan para pelancong ke Kelantan.[124]

Apabila Parti PAS menerajui Kelantan banyak perubahan dan peraturan yang diperkenalkan, khususnya berkaitan dengan kesenian. Walaupun pelbagai peraturan dikuatkuasakan terhadap hiburan dan kesenian di Kelantan, namun industri pelancongan di Kelantan menjadi semakin maju dan berkembang. Antara usaha kerajaan untuk menggalakkan pelancongan adalah dengan mengaktifkan kembali program kesenian di Kelantan, terutamanya di Gelanggang Seni Kota Bharu dan mengisytihar tahun melawat Kelantan serta memperkenalkan beberapa program baharu seperti Ihya' Ramadhan sepanjang bulan Ramadan. Antara program kesenian yang disediakan untuk menarik para pelancong ke Kelantan sebagaimana dalam Jadual 3.5.

Jadual 3.5 : Aktiviti untuk Menarik Pelancong ke Kelantan dari Tahun 2000 hingga 2012

Bil	Program	Tempat
1.	Ihya' Ramadhan	Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV
2.	Pesta Batik Antarabangsa Kelantan	Kota Bharu
3.	Pertandingan kuih muih tradisional, makanan laut	Gelanggang Seni
4.	Pertandingan Ayam Serama Kebangsaan dan ASEAN	Pasar Minggu Kraf dan Flora, Pengkalan Chepa
5.	Pertandingan Dikir Barat ASEAN	Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV
6.	Pameran Seni Lukis Kelantan	Muzium Kelantan
7.	Pertandingan Seni Suara Burung Ketitir Antarabangsa Kelantan	Lubok Jong, Pasir Mas
8.	Karnival Seni Budaya 7 Fastival	Perkarangan Stadium Sultan

[124] *Qiadah*, Muharam-Rabiul Awal 1435H, Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), hlm. 27.

University of Malaya

	Batik, Songket dan Kraf	Muhammad IV
9.	Jamboree Volkswagen	Dataran Lembah Sireh
10.	Pesta Wau Antarabangsa Kelantan	Pantai Genting Tumpat
11.	Kelantan International Bike Week TMK @12	Perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV
12.	Festival Makanan dan Buah-buahan Antarabangsa Kelantan	Dataran Cintawangsa, Kuala Krai
13.	Ekspo Cheng Ho	Perkarangan Stadium
14.	Pameran dan Pertandingan Fotografi Produk Pelancongan Negeri Kelantan	Kampung Kraftangan

Jadual 3.6 : Kemasukan Pelancong Tempatan dan Antarabangsa ke Kelantan dari Tahun 2000 hingga 2012



Sumber: *Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan Tahun 2013*

Jika diperhatikan menurut Jadual 3.6 pula, didapati jumlah kemasukan pelancong ke Kelantan semakin meningkat, terutamanya pada tahun 2007. Jika dibandingkan, kemasukan pelancong pada tahun 2007 dengan tahun 2000 dan 2001, amat jelas sekali bahawa para pelancong, sama ada dari dalam atau luar negara, semakin minat untuk berkunjung ke Kelantan. Dalam tempoh ini, sudah pasti para pelancong dari dalam dan luar negara ingin melihat perubahan yang dilakukan oleh kerajaan PAS

University of Malaya

sama ada dalam bidang pentadbiran, pembangunan, pelancongan dan kesenian. Para pelancong berkunjung ke Kelantan bukan semata-mata ingin melihat kraftangan, persembahan kebudayaan dan permainan tradisional, tetapi mereka juga ingin melihat amalan agama dalam kalangan rakyat Kelantan kerana Kelantan juga terkenal dengan gelaran Serambi Mekah.[125] Hasan Harun juga berpendapat perlunya usaha memperkuat dan mengembangkan kebudayaan Kelantan yang bertunjangkan nilai-nilai Islam supaya Kelantan menjadi model dan tumpuan dunia, khususnya umat Islam.[126]

3.6. Kesan Pelaksanaan Dasar Kesenian terhadap Sektor Pelancongan di Kelantan

Dengan pengambilalihan Bahagian Pelancongan, Kebudayaan dan Sukan, usaha untuk mempromosikan Kelantan kepada para pelancong dari dalam dan luar negara dapat ditingkatkan. Usaha ini terbukti sangat berjaya kerana kedatangan para pelancong sama ada dari dalam ataupun luar negara semakin meningkat saban tahun. Jadual 3.4 di atas menunjukkan antara tentatif program yang telah dirancang oleh Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan untuk menarik minat pelancong berkunjung ke Kelantan.

Penulis mendapati pelaksanaan Dasar Kesenian ini dapat membantu meningkatkan pendapatan kerajaan Kelantan dan memberi peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan. Ketika pembentangan Belanjawan 2003, Dato' Nik Abdul Aziz telah menjelaskan pada tahun 2000 bahawa Kelantan telah menerima kemasukan pelancong berjumlah 2.76 juta orang, meliputi 2.23 juta pelancong domestik dan seramai 527,969 pelancong antarabangsa. Kemasukan pelancong ini telah menjana pendapatan berjumlah

[125] Ucapan Menteri Besar Kelantan, Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat sempena Majlis Perasmian Pelacaran Tahun Melawat Kelantan 1998, pada 19 Jamadil Awal 1418 bersamaan 21 September 1997.
[126] Hassan Harun. (1997). *Rakyat Dinamik, Negeri Semakin Ketinggalan*. DD. Media Consult Sdn. Bhd, hlm. 181.

University of Malaya

RM864.13 juta kepada ekonomi negeri Kelantan[127]. Bagi mengekalkan kehadiran pelancong ke Kelantan, maka kerajaan negeri mengadakan program tahunan seperti Karnival Kebudayaan, Karnival Membeli-belah serta program keagamaan seperti Ihya' Ramadhan.[128]

Bagi memperkukuhkan bidang pelancongan di negeri Kelantan, pada 27 Disember 2010, Unit Perancangan Negeri Kelantan (UPEN) telah mengadakan Bengkel Kajian Semula Dasar Pelancongan Negeri Kelantan. Matlamat utama bengkel ini adalah untuk menetapkan fokus dan hala tuju pelancongan Negeri Kelantan bagi tempoh 5 tahun (2011–2015). Antara tujuan bengkel tersebut adalah untuk menjajar semula dan menyusun keutamaan aktiviti selaras dengan Rancangan Malaysia ke-10 (RMK-10) dan NKEA mengikut perspektif Islam.[129]

Dalam Persidangan Kali Kedua Bagi Tempoh Kelima Dewan Undangan Negeri Kelantan Kedua Belas, Dato' Takiyuddin Hassan, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan menjelaskan bahawa keunikan politik di negeri Kelantan merupakan faktor kedatangan pelancong sama ada dari dalam atau luar negara untuk melihat dengan lebih jelas tentang dasar serta tempat berlakunya pelbagai aktiviti politik. Selain itu, kedatangan individu ke negeri ini termasuk pemimpin daripada parti lain untuk mengadakan perjumpaan, rapat umum serta perhimpunan yang secara tidak langsung membawa pelancong lain untuk turut serta, malah segelintir daripada mereka juga ada yang tertarik dengan gelaran Serambi Mekah.[130]

---

[127] Ucapan Belanjawan 2003 oleh YAB. Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdil Aziz Bin Nik Mat, Menteri Besar Kelantan, Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Kesepuluh, hlm. 23.
[128] *Ibid.*
[129] Buletin SUK, Edisi November– Disember 2010, Bil.5. hlm. 22.
[130] Buletin Darul Naim, 1–31 Julai 2012, Bil.131. hlm. 5.

University of Malaya

3.7. Pandangan Ahli Politik Terhadap Kerajaan PAS Kelantan

Kerajaan PAS mendakwa mereka mentadbir Kelantan lebih baik berbanding dengan kerajaan Barisan Nasional sebelum ini kerana dasar pemerintahan berdasarkan al-Qur'an, Sunnah, ijmak dan qias malah telah mewujudkan dasar kesenian Kelantan. Walau bagaimanapun Datuk Haji Md. Alwi Che Ahmad Adun Kok Lanas, berpendapat kerajaan Kelantan yang ada sekarang tidak mampu untuk melaksanakan pentadbirannya dengan baik kerana kekurangan kewangan. Kelantan mengalami kekurangan dana untuk mengurus dan mencatatkan defisit setiap tahun sejak 2012. Defisit ini ditampung oleh Kerajaan Persekutuan melalui pelbagai pemberian. Hasil Kerajaan Negeri Kelantan juga tidak mampu menampung perbelanjaan mengurus. Jadual 3.7 di bawah menunjukkan kewangan negeri Kelantan yang semakin lemah.

Jadual 3.7: Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan Bagi Tahun 2011 Hingga 2015

Bil	Butiran	Tahun				
		2011 (RM Juta)	2012 (RM Juta)	2013 (RM Juta)	2014 (RM Juta)	2015 (RM Juta)
1	Akaun Hasil Disatukan	- 438.43	- 508.21	-585.90	-636.37	-722.12
2	Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	1.87	27.70	36.16	39.67
3	Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:	672.90	633.84	638.92	674.76	741.86
	i) Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	80.95	81.81	76.50	668.06	734.86
	ii) Kumpulan Wang Pembangunan	-195.46	-283.26	-370.96	-433.92	-496.93
	iii) Kumpulan Wang Amanah Awam	410.05	481.43	577.59	70.56	81.41
	iv) Akaun Deposit	377.36	353.86	355.78	370.05	422.52
Jumlah		**234.47**	**127.59**	**80.71**	**74.55**	**59.41**

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Kelantan

Tiap-tiap tahun kerajaan Kelantan terpaksa memohon bantuan daripada kerajaan Pusat untuk membayar gaji dan emolumen kakitangan kerajaan. Memang tidak dinafikan bahawa kerajaan Pusat perlu memberi perbelanjaan mengurus kepada kerajaan negeri apabila ada permohonan untuk demikian. Usaha murni kerajaan Pusat ini kadang-kadang cuba dinafikan oleh pihak tertentu, malah ada antara pemimpin yang mengatakan kerajaan Pusat menganaktirikan Kelantan. Sedangkan sejak dari tahun 2006 hingga tahun 2017 kerajaan Pusat memperuntukan sejumlah RM14.69 bilion kepada Kelantan.[131] Peruntukan ini sangat besar berbanding dengan cukai yang dipungut dari Kelantan. Ini menunjukkan kerajaan Pusat masih membantu kerajaan Kelantan walaupun berbeza fahaman politik.

Dato' Ibrahim Ali bekas Ahli Parlimen Bebas dan Presiden Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) berpendapat kebanyakan pemimpin-peminpin kerajaan Kelantan terdiri daripada golongan agamawan, jadi mereka kurang mahir dalam bidang pengurusan dan ekonomi. Mereka sembunyikan kelemahan mereka dengan menyalahkan pihak lain dan menutup kelemahan mereka dengan menggunakan unsur agama. Kerajaan Kelantan juga lemah untuk menarik pelabur-pelabur datang ke Kelantan. Kelemahan ini sering ditutup dengan alasan kerajaan Kelantan tidak diberi royalti minyak untuk membangunkan negeri itu.[132]

[131] Intipati dari ucapan Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak sempena program "Sepetang Bersama Bersama NGO Kelantan di Kota Bharu pada 28/1/2018.

[132] http://www.astroawani.com/berita-politik/pas-kelantan-tidak-bertanggungjawab-ibrahim-ali-152107. 12/3 /2018.

University of Malaya

3.8. Kesimpulan

Setelah diteliti secara keseluruhannya, ternyata kesungguhan kerajaan Kelantan untuk melaksanakan *Dasar Membangun Bersama Islam* dalam bidang kesenian di negeri Kelantan telah berjaya dilaksanakan. Kesenian di bawah pemerintahan kerajaan PAS telah dijelmakan dalam bentuk baharu yang lebih mengikut kehendak syarak. Walau bagaimanapun, masyarakat di Kelantan masih lagi dapat menikmati hiburan kesenian dengan meriahnya. Walaupun pihak kerajaan Kelantan mengadakan pelbagai bentuk peraturan dan syarat sebelum meluluskan lesen atau permit persembahan hiburan, namun sambutan masyarakat dan minat pelancong kepada kesenian di Kelantan masih boleh meningkat. Kenyataan ini dibuktikan dengan peningkatan jumlah kedatangan pelancong asing ke Kelantan setiap tahun.

Hal ini juga menunjukkan bahawa Kerajaan Kelantan pada hari ini lebih berani untuk melakukan perubahan dalam bidang kesenian di Kelantan dengan mengadakan pelbagai peraturan untuk memastikan kesenian itu tidak mengandungi unsur-unsur syirik dan khurafat. Kerajaan juga sanggup menghadapi kekurangan punca pendapatan dalam bidang pelancongan akibat dari menutup semua pusat hiburan. Apa yang penting kepada kerajaan Kelantan ialah menyelamatkan akidah ummah dan melaksanakan *amar ma'ruf dan nahi mungkar* terhadap kesenian walaupun ia boleh mengurangkan pendapatan kerajaan negeri. Berdasarkan pembaharuan yang dilakukan dalam kesenian ini, maka nyatalah kerajaan Kelantan lebih yakin dan berani dalam melaksanakan perintah Allah.

Berdasarkan kepada program yang diperkenalkan, penulis yakin kerajaan Kelantan berusaha menjadikan dasar kesenian lebih bertepatan dengan prinsip *siasah syar'iyyah* kerana ia berupa tindakan untuk kemaslahatan ummah iaitu mencegah

University of Malaya

masyarakat terutama rakyat Kelantan dari perkara yang boleh merosakkan agama, diri dan negara dan pada masa yang sama untuk menjadikan kesenian sebagai jalan mendekatkan diri manusia kepada Allah. Penggubalan dasar kesenian ini termasuk dalam kumpulan *Siasah al-Dusturiah* sebagaimana yang dibincangkan dalam bab dua sebelum ini.

University of Malaya

BAB 4 : PELAKSANAN DASAR KESENIAN DI NEGERI KELANTAN DARI TAHUN 1990 HINGGA 2015

4.1. Pengenalan

Kelantan terkenal sebagai negeri yang mempunyai pelbagai kebudayaan dan kesenian. Selepas Pilihanraya Umum 1990 telah berlaku perubahan besar dalam politik Kelantan apabila Angkatan Perpaduan Ummah (APU) yang terdiri daripada Parti PAS, Parti Semangat 46, Hamim dan Berjasa telah Berjaya memerintah Kelantan. Dengan pertukaran pemerintahan ini, maka banyaklah dasar telah diubah supaya dapat mengikut kehendak dan matlamat kerajaan baharu itu. Mereka telah memperkenalkan *Dasar Membangun Bersama Islam* yang telah dipersetujui bersama. Sebaik sahaja Nik Abdul Aziz[1] dilantik menjadi Menteri Besar Kelantan, beliau telah mengisytiharkan bahawa kerajaan di bawah kepimpinannya akan memperkenalkan sistem pentadbiran Islam di negeri Kelantan[2] dengan menggunakan slogan "Membangun Bersama Islam"(MBI).[3] Ini bermakna Kerajaan PAS Kelantan menjadikan al-Quran dan Sunnah sebagai sumber utama dalam pemerintahan dan pentadbiran negeri.[4] PAS ingin menjadikan kerajaan negeri Kelantan ini sebagai contoh kepada matlamat utama penubuhan Parti PAS di

---

[1] Dato' Nik Abdul Aziz telah diberi pengiktirafan oleh The Royal Islamic Strategic Studies Center dengan menyenaraikan nama beliau di tangga ke 42 dari 500 tokoh Islam yang terkemuka di dunia. Ia diterbitkan dalam buku "The 500 Most Influential Muslims in World" tahun 2009. Beliau dipilih kerana memiliki kemampuan untuk mempengaruhi keadaan manusia dan mampu membawa perubahan dalam kehidupan orang ramai. Lihat: Harakahdaily November 2009. Dato' Nik Abdul Aziz telah meninggal dunia pada 12/2/2015 akibat penyakit kanser Prostat di rumahnya di kampung Pulau Melaka, Kota Bharu Kelantan dalam usia 84 tahun.

[2] Fasa l6 dalam Perkara 2 Perlembagaan PAS dengan jelas menyatakan bahawa memperjuangkan Islam sebagai akidah yang sekaligus menjadi ideologi pokok bagi menegak keadilan serta kemajuan dalam segala bidang termasuk bidang politik, sosial, ekonomi dan pendidikan.

[3] Dalam pilihan raya 1990 PAS memilih manifesto "*Membangun Bersama Islam*, manakala Semangat 46 pula "*Selamatkan Malaysia*, iaitu menyelamatkan Malaysia daripada perbuatan rasuah dan penindasan terhadap rakyat. Lihat: Berita Harian, 6 Oktober 1990.

[4] Muhamad Husain. (1996). *Perubahan dan cabaran Kerajaan Angkatan Di Kelantan*. Kota Bharu:Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan. Lihat juga: Panel Pengkaji Sejarah Pusat Penyelidikan PAS. (1999). *PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan*. Selangor: Angkatan Edaran Ent Sdn. Bhd, hlm. 24.

University of Malaya

Malaysia ini iaitu memperjuangkan cita-cita Islam dalam masyarakat dan urusan pemerintahan negara.[5]

Tujuan Parti PAS ditubuhkan adalah untuk memartabatkan Islam. PAS sebagai sebuah parti politik dan dakwah yang mempunyai matlamat jangka panjang untuk melihat kemurnian Islam dapat dilaksanakan dalam kehidupan masyarakat Islam, keadilan Islam dapat dihayati dan kecantikan Islam dapat dipraktikkan dalam kehidupan umat manusia. Dengan kata lain perjuangan PAS adalah untuk menzahirkan Islam di bumi Malaysia dan menjadikan agama Islam sebagai *ad-den*. Apabila PAS berjaya memerintah Kelantan, maka ia merupakan suatu tempat yang terbaik untuk PAS menzahirkan matlamat partinya di samping melaksanakan apa yang dituntut oleh Allah kepada manusia seperti melaksanakan syariat Islam dalam pemerintahan.

4.2. Fatwa Jemaah Ulama Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) dan Pandangan Kerajaan Negeri Berkaitan Dengan Hiburan

Fatwa Jemaah Ulama Majlis Islam Kelantan mengenai hiburan telah diluluskan pada 17 Oktober 1992. Fatwa ini telah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia al-Sultan Kelantan pada 5 November 1992. Fatwa ini mempunyai bidang kuasa bertaraf *ultra vires*, iaitu di luar atau di atas bidang kuasa kerajaan negeri Kelantan, malah ia berada secara langsung di bawah bidang kuasa al-Sultan yang merupakan Ketua Hal Ehwal Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu negeri Kelantan.[6] Kandungan fatwa tersebut ialah:[7]

---

[5] Perlembagaan PAS–ceraian kedua dari fasal Dua.

[6] Mohamamed Anwar Omar Din. (2011). "Menyuburkan Sosiobudaya", dalam Mohd Fadli Ghani (ed). *Dua Dekad Membangun Bersama Islam*. Kelantan: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan, hlm. 349.

[7] Muhammad Shukeri Muhammad. (1993). *Himpunan fatwa-fatwa Mufti Kerajaan Negeri Kelantan*. Kelantan: Majlis Agama Islam Kelantan dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, jld. 1

University of Malaya

1) Tidak mengandungi kepercayaan, ucapan bacaan dan perbuatan yang berunsur syirik, kufur, keji, lucah, dan maksiat yang bercanggah dengan akidah syariah dan tatasusila Islam.
2) Tidak menjadi upacara keagamaan atau unsur keperibadian mana-mana agama selain dari Islam.
3) Tidak mengandungi undur-unsur kufur seperti pemujaan roh, semangat, hantu syaitan, jin dan tempat-tempat yang dianggap keramat seperti kubur dan sebagainya.
4) Tidak mengandungi unsur-unsur penghinaan, celaan, fitnah, perkelahian, pergaduhan, dan memecah belah perpaduan ummah.
5) Tidak merosakkan nyawa, akal, keturunan, tubuh badan, dan harta benda individu dan awam.
6) Tidak mengandungi unsur-unsur sihir dan penipuan.
7) Tidak mengandungi unsur-unsur perjudian atau pertaruhan yang berlaku padanya untung rugi.
8) Tidak dipertunjukkan oleh lelaki bersama perempuan yang bercampur aduk tanpa batas atau dipertunjukkan oleh perempuan yang mendedahkan aurat atau lelaki yang menyerupai perempuan.
9) Tidak mengganggu ketenteraman rumah ibadat Islam dan masyarakat awam.
10) Tidak mengandungi unsur penyiksaan kepada binatang-binatang atau merosakkan tumbuh-tumbuhan kecuali dengan yang dihalalkan oleh syariat Islam.
11) Tidak mendorong kepada melakukan perbuatan syirik, kufur, mungkar, maksiat, pergaduhan dan merosakkan harta benda individu dan awam.
12) Tidak melekakan daripada melaksanakan tanggungjawab terhadap Allah, diri sendiri, keluarga, masyarakat atau umat.

University of Malaya

Kalau diperhatikan kepada tarikh kelulusan tersebut, maka jelaslah pelaksanaan kawalan dan peraturan terhadap kesenian dan hiburan di Kelantan menggunakan Fatwa Jemaah Ulama MAIK 1992 bersama *Theatres and Place Of Public Amusement Enactment No. 47/1936* (Enakmen Panggung Wayang dan Tempat Hiburan Awam 1936 [N.M.B]. En. 47/1936. Pada masa tersebut Enakmen Panggung Wayang dan Tempat Hiburan Awam No.47/1936 masih digunakan kerana ketika itu hanya dokumen tersebutlah dokumen yang paling wibawa bagi membolehkan pihak berkuasa mengeluarkan lesen.[8] Walau bagaimanapun isi kandungan enakmen zaman kolonial itu hanyalah mengenai lokasi tempat/premis sesuatu persembahan boleh dibenarkan, pihak yang diberi kuasa untuk meluluskan lesen bagi mengadakan hiburan, fee (cukai), denda, hal ehwal keamanan dan keselamatan awam, individu dan harta. Mengikut Dr. Haji Nik Mohd Azlan Abd. Hadi Timbalan Pengarah MAIK,[9] walaupun fatwa tersebut daripada MAIK tetapi ia tidak mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan terhadap kesalahan-kesalahan dalam bidang kesenian dan hiburan seperti wayang kulit, makyung, dikir barat, main puteri dan konsert moden seperti karaoke, disko, kelab malam, snooker dan lain-lain.

Memandangkan persembahan kesenian tradisional di Kelantan banyak mengandungi unsur syirik dan khurafat seperti upacara 'buka panggung dan tutup panggung', dan MAIK pula tidak mempunyai kuasa untuk bertindak, maka kerajaan Kelantan bertanggungjawab untuk menyelamatkan akidah umat Islam dan mengawal gejala sosial dalam masyarakat dengan menggubal Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dan Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Hiburan) di negeri Kelantan 1998. Ia merupakan suatu langkah untuk memperkasakan fatwa MAIK

[8] Mohd Fadli Ghani (ed).(2011). *op.cit.*, hlm. 349.
[9]Temubual dengan Dr. Nik Mohd Azlan Abd. Hadi Timbalan Pengarah MAIK pada 24 September di MAIK.

University of Malaya

di Kelantan. Enakmen ini lebih terperinci berbanding enakmen sebelumnya, malah masih dalam bidang kuasa yang diberikan oleh Jemaah Ulama MAIK 1992 dan juga Perlembagaan Persekutuan Malaysia.[10]

Kerajaan Kelantan mengambil peranan untuk menjaga kemaslahatan rakyat Kelantan dengan membetulkan persepsi masyarakat bahawa kesenian adalah sebahagian daripada Islam dan perlu membuat perubahan agar selari dengan kehendak Islam di samping tidak merosakkan nilai dan mutu keseniannya. Selain itu, ia bertujuan untuk memberi kesenangan pihak berkuasa terutama pegawai perlesenan menjalankan tugas dengan lebih berkesan, maka pada tahun 1998 Kerajaan Kelantan menggubal Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dan Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Hiburan) di negeri Kelantan 1998.

Berdasarkan kepada tindakan yang dilakukan kerajaan Kelantan tadi, maka ia merupakan langkah permulaan kepada pelaksanaan *siasah syar'iyyah* dalam bidang kesenian di Kelantan. Tindakan kerajaan Kelantan mengawal kesenian dan hiburan juga termasuk dalam konsep *siasah syar'iyyah* sebagaimana dibincangkan dalam bab dua sebelum ini, terutama konsep yang diutarakan Ibnu Najim yang berbunyi: *"Sesuatu tindakan yang diiambil oleh pemerintah, yang pada pandangannya boleh menjaga kepentingan umum, sekalipun tidak terdapat dalil yang khusus mengenainya".*[11] Selain itu, peraturan persembahan hiburan samaada kesenian tradisional atau moden sebelum ini sangat longgar, maka ia perlu dikaji semua supaya menepati dengan konsep *maqasid shariah* sebagaimana dibincangkan dalam bab dua sebelum ini. Di sini penulis akan menjelaskan pandangan Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) secara khusus tentang

[10] *Ibid.*
[11] Ibn al-Qayyim, 'Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Abi Bakr. (1995). *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siyasah al-Syar`iyyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.hlm 33..

University of Malaya

hukum hiburan tradisional serta tindakan daripada kerajaan negeri Kelantan terhadap kesenian tersebut.

4.2.1 Wayang Kulit

Jemaah Ulama MAIK menfatwakan mana-mana kegiatan yang mengandungi kepercayaan, ucapan, bacaan dan perbuatan yang berunsur syirik, kufur, keji, lucah dan maksiat yang bercanggah dengan akidah shariah dan tatasusila Islam, menjadi upacara keagamaan atau unsur keperibadian mana-mana agama selain dari Islam dan mengandungi unsur-unsur kufur seperti pemujaan roh, semangat, hantu, syaitan, jin dan tempat-tempat yang dianggap keramat seperti kubur dan sebagainya haram. Sekiranya disandarkan kepada fatwa Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), maka permainan wayang kulit dalam bentuk asalnya adalah haram.

Bagi Kerajaan Kelantan lesen/permit untuk persembahan wayang kulit dalam bentuk asalnya tidak boleh dikeluarkan. Pertimbangan boleh dibuat sekiranya perkara pokok yang menyebabkan ia diharamkan dapat diubahsuai supaya tidak bercanggah dengan hukum Islam iaitu menghapuskan upacara "buka panggung" dan "penutup panggung", tidak membawa cerita berunsur keagamaan dan ketuhanan bukan Islam seperti epik Hindu-Buddha,[12] tidak ada jampi-jampian dan tidak ada sebarang bentuk "pemujaan" dan "menurun" baik terhadap sebarang unsur makhluk halus mahupun watak wayang kulit itu sendiri. Sekiranya kebenaran diberikan maka hendaklah dirujuk semula dan tertakluk kepada fatwa yang akan dikeluarkan oleh Jemaah Ulama MAIK kemudiannya.

[12] Kessler, C.S. (1974). Muslim Identity and Political Behaviour in Kelantan. Dalam Roff (ed) *Kelantan, Religion, Society and politics in a Malay state,* hlm.272-313.

University of Malaya

Persembahan tersebut harus dipantau agar tidak terkeluar dari fatwa yang dikeluarkan oleh Jemaah Ulama MAIK.

Dato' Nik Abdul Aziz melarang wayang kulit kerana ia membawa cerita-cerita dari kitab *Mahabrata* dan *Ramayana*[13] serta mengadakan upacara berjamu dalam persembahan.[14] Encik Kamaruddin Yusof pula berpendapat bahawa terdapat tiga faktor wayang kulit itu diharamkan. *Pertama*: upacara buka panggung dan penutup panggung. *Kedua*: mengandungi unsur-unsur Hindu-Buddha dan *Ketiga:* menjadikan patung sebagai alat perantaraan untuk berhubung dengan makhluk halus.[15] Bagi kerajaan Kelantan upacara tersebut perlu dihapus terus dari persembahan kerana meminta bantuan selain dari Allah adalah syirik dan melanggar akidah Islam yang perlu dibanteras.

4.2.2. Makyung

Jemaah Ulama MAIK menfatwakan mana-mana kegiatan yang mengandungi kepercayaan, ucapan bacaan dan perbuatan yang berunsur syirik, kufur, keji, lucah dan maksiat yang bercanggah dengan akidah, syariah dan tatasusila Islam, menjadi upacara keagamaan atau unsur keperibadian mana-mana agama selain dari Islam dan mengandungi unsur-unsur kufur seperti pemujaan roh, semangat hantu syaitan, jin dan tempat-tempat yang dianggap keramat seperti kubur dan sebagainya adalah haram. Sekiranya disandarkan

[13] Van Den Aardweg and Marjolijn Ragnhild. (2006). "*The Fading Shadow of Wayang Kulit, Versus the Noise of Dikir Barat Political Islam, Ethnicity and Cultural Environment in Kelantan, Malaysia*." Persidangan Seni Budaya dan Warisan di Abad 21, 3–5.

[14] Ismail Yusoff. (2015). *Tuan Guru Nik Abdul Aziz: Pemikiran Agama dan Politik*. Kedah: Universiti Utara Malaysia, hlm.207.

[15] Temubual Encik Kamaruddin Yusof di Institut Pendidikan Guru Kampus Kota Bharu pada 23 Januari 2018.

University of Malaya

kepada fatwa Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) ini, maka permainan makyung yang ada pada hari ini haram.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), pada 30 Ogos 1994 telah menjelaskan sebagaimana berikut: Permainan makyung mengandungi unsur-unsur yang bertentangan dengan tuntutan agama Islam dengan adanya pergaulan lelaki dan perempuan, kata-kata tidak sopan dan bertentangan dengan nilai kesopanan. Oleh itu, jawatankuasa ini berpendapat permainan makyung tidak boleh diberi kebenaran. Soal membayar niat dengan permainan makyung tidak diharuskan syarak kerana berniat/ bernazar hanya diharuskan kepada perkara kebajikan.[16]

Kerajaan Kelantan pula berpandangan lesen/permit untuk persembahan makyung dalam bentuk asalnya tidak boleh dikeluarkan.[17] Pertimbangan boleh dibuat sekiranya perkara pokok yang menyebabkan ia diharamkan itu dapat diubahsuai supaya tidak bercanggah dengan hukum Islam. Antaranya tidak ada pelakon wanita, tidak ada upacara "mengadap rebab", tidak ada jampi-jampian, tidak ada sebarang bentuk "pemujaan" dan "menurun", tidak ada penari wanita dan tidak ada unsur dewa dewi dalam penceritaan dan penyebutan nyanyiannya.[18] Sekiranya kebenaran diberikan hendaklah dirujuk semula dan tertakluk kepada fatwa yang akan dikeluarkan oleh Jemaah Ulama MAIK kemudiannya. Persembahan tersebut haruslah dipantau agar tidak keluar dari fatwa yang dikeluarkan oleh Jemaah Ulama MAIK.

---

[16] Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Hiburan) di Negeri Kelantan 1998.
[17] Temu bual dengan Puan Rohani Mohd Zain pada 1/11/ 2017.
[18] Muhammad Dain bin Othman. (2011). *The Kelantan Malay Traditional Shadow*. Selangor: Publisher Mahmanis Enterprise, hlm. 162-170.

University of Malaya

4.2.3. Main Puteri

Fatwa daripada Jemaah Ulama MAIK berhubung dengan persembahan main puteri secara khusus belum ada lagi. Larangan terhadap kesenian ini berdasarkan kepada fatwa yang dikeluarkan pada tahun 1992 walaupun ia agak umum. Ini kerana dalam persembahan ini mengandungi unsur-unsur syirik dan khurafat. Bagi kerajaan Kelantan lesen/permit untuk main puteri tidak patut diberikan terutama apabila ia bertujuan mengadakan persembahan depan khalayak umum dalam kawasan Majlis Daerah/Jajahan dan Majlis Perbandaran kerana mengandungi unsur syirik.[19]

Main puteri susah untuk dikawal kerana ia suatu acara perubatan. Main puteri masih wujud lagi di kampung-kampung di Kelantan dan Terengganu. Keinginan untuk berubat dengan kaedah main puteri ini bermula apabila hospital tidak berjaya mengesan penyakit dihadapi oleh seseorang, maka mereka memilih untuk berubat secara tradisional iaitu main puteri.[20]

4.2.4. Menora

Jemaah Ulama MAIK telah memutuskan bahawa menora adalah haram dipersembahkan oleh orang Islam kerana mengandungi unsur-unsur syirik dan khurafat.[21] Kerajaan Kelantan berpandangan lesen/permit untuk pertunjukan menora tidak boleh dikeluarkan bagi penganjur dalam kalangan orang Islam/Melayu. Walau bagaimanapun, lesen/permit mengenainya boleh dipertimbangkan apabila permohonan tersebut daripada orang bukan Islam/Melayu untuk tujuan menyambut hari kebesaran dan keagamaan dalam

[19] Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Hiburan) di Negeri Kelantan 1998.
[20] Temu bual dengan Puan Rohani Mohd Zain pada 1/11/ 2017.
[21] Menora telah diisytihar sebagai warisan dunia oleh UNESCO pada tahun 2005.

University of Malaya

kalangan masyarakat berkenaan.[22] Menurut Encik Nazli Wahab[23] persembahan menora masih wujud di Kelantan terutama dalam wat-wat Siam di Tumpat. Semua pelakonnya terdiri daripada orang bukan Islam kecuali pemain muzik. Mengikut Encik Nazli adalah sukar untuk melatih seseorang menguasai alat muzik secara khusus, maka pemain muzik menora terpaksa melibatkan orang Islam. Latihan menora di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kelantan juga dikendalikan oleh jurulatih keturunan Siam.

4.2.5. Dikir Barat

Jemaah Ulama MAIK menfatwakan persembahan dikir barat yang bercampur antara lelaki dengan perempuan di luar batas syarak dan yang mengandungi kata-kata lucah, mencela, memaki hamun, unsur-unsur syirik dan fitnah, hukumnya adalah haram. Kerajaan Kelantan berpandangan lesen/permit persembahan dikir barat boleh dipertimbangkan tetapi dengan bersyarat iaitu pegawai pelesen hendaklah mendapatkan perakuan daripada pihak penganjur yang ingin mengadakan persembahan tersebut dan memantaunya untuk memastikan tidak ada percampuran antara wanita dengan lelaki yang mengambil bahagian dalam sesuatu persembahan. Lagu-lagu yang dipersembahkan hendaklah tidak mengandungi kata-kata lucah, mencela, memaki hamun, unsur-unsur syirik dan fitnah.[24]

---

[22] Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Hiburan) di Negeri Kelantan 1998.

[23] Temubual Encik Nazli Wahab, Pegawai Kebudayaan Unit penyelidikan dan Pembangunan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kelantan pada 23/1/2018.

[24] Temubual dengan Encik Mohd Zain Ismail (lebih dikenali dengan nama Jean Andoro) salah seorang Juara Dikir Barat terkenal di Kelantan pada 30/1/2018. Beliau menjelaskan persembahan dikir barat semasa kerajaan PAS sekarang sudah banyak berubah berbanding dikir barat pada masa dahulu. Sebelum pemerintahan PAS dikir barat melibatkan kaum wanita sebagai juara. Secara tidak langsung berlaku pergaulan bebas dan unsur-unsur lucah. Dikir barat sekarang digunakan sebagai nasihat, kempen kesihatan, berjiran, kasih kepada negara dan agama.

University of Malaya

4.3. Menggubal Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998[25]

Selain daripada mewujudkan Dasar Kesenian, kerajaan Kelantan juga turut menyediakan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dan garis panduan persembahan kebudayaan (Hiburan) di negeri Kelantan 1998[26] supaya amalan kebudayaan dan kesenian di Kelantan dapat diselarikan dengan *Dasar Membangun Bersama Islam* di samping tidak melanggar syariat Allah. Penggubalan enakmen dan garis panduan persembahan kebudayaan (hiburan) tadi bermula pada tahun 1996 lagi.[27] Pada masa itu tanggungjawab ini diserahkan kepada Penasihat Undang-undang Negeri dan Persekutuan dan Majlis Perbandaran Kota Bharu untuk membuat draf pindaan enakmen. Draf pindaan (dalam bentuk rang undang-undang) telah dibentangkan dalam persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan pada tahun tersebut tetapi ditolak oleh ahli dewan kerana tidak lengkap terutama tentang status hiburan tradisional Kelantan pada pandangan Islam.[28] Kemudian usaha ini diserahkan pula kepada Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN) dan dipengerusikan oleh Exco Jawakankuasa Kebudayaan, Pelancongan, Belia dan Sukan Negeri Kelantan iaitu YB. Ustaz Abdullah Yaakub. Kemudian UPEN membentuk satu Jawatankuasa Teknikal Kebudayaan yang terdiri daripada pakar-pakar[29] budaya dan cendekiawan dari universiti tempatan bagi melakukan tugas penyelidikan tersebut.[30]

---

[25] Enakmen No.8 Tahun 1998 P.U Kn.619/Jld.1;SUK.(S)D.200/420/1/2/Jld.47. (Diluluskan oleh DUN Kelantan pada 29 Oktober 1998).

[26] Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dan Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Hiburan) di Negeri Kelantan 1998 adalah dilulus serentak dalam persidangan DUN Kelantan pada 29 Oktober 1998. Enakmen ini tidak membatalkan jenis-jenis hiburan sama ada tradisional atau moden. Ia meliputi kesemua jenis hiburan, permainan, pameran, pertunjukan, pesta dan pertandingan yang terdapat di negeri Kelantan (Jadual (Seksyen 1).

[27] Mohamamed Anuar Omar Din 'Menyuburkan Sosialbudaya' dalam Mohd Fadli Ghani (ed). (2011). *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan, hlm. 355.

[28] *Ibid.*

[29] Mereka terdiri daripada: (1) YB. Ustaz Hassan Mahmud, (2) En. Zulkiflie Ab. Rahman (Penolong Pengarah UPEN Kelantan, Bahagian Pelancongan). (3) Prof. Madya Dr. Kmarulzaman Yusoff (UKM). (4) En. Mohamed Anuar Omar Din (UKM). (5) En. Mohamad Ghazali Abdullah (Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia). (6) Tuan Haji Iran Erman (UKM). (7) Wan Nik Wan Yusoff (pada tahun 1999 menjadi YB Ahli Parlimen Bachok).

[30] Mohd Fadli Ghani (ed). (2011). *op.cit*., hlm. 355.

University of Malaya

Enakmen Kawalan Hiburan dan tempat-tempat Hiburan 1998 ini telah diluluskan dalam sidang Dewan Undangan Negeri Kelantan (DUN) pada 29 Oktober 1998[31] untuk menggantikan Enakmen Panggung Wayang dan Tempat Hiburan Awam 1936.[32] Sebelum tahun 1998 pihak berkuasa negeri Kelantan masih lagi menggunakan undang-undang kawalan hiburan yang diperkenalkan oleh penjajah terutamanya *Theatres and Place Of Public Amusement Enactment No. 47/1936* (Enakmen Panggung Wayang dan Tempat Hiburan Awam 1936 [N.M.B]. En 47/36. Walaupun selepas merdeka diwujudkan Peraturan Panggung wayang dan Tempat Penghiburan raya 1957, namun dari segi pelaksanaannya masih lagi mengikut *Theatres and Place Of Public Amusement Enactment No. 47/1936* (Enakmen Panggung Wayang dan Tempat Hiburan Awam 1936 [N.M.B]. En 47/36.[33]

Walaupun enakmen tersebut merupakan dokumen yang tertinggi dalam pengeluaran lesen, tetapi ia tidak mempunyai sebarang keterangan tentang jenis-jenis, sifat-sifat, ciri-ciri dan unsur dalam hiburan yang dibenarkan atau tidak dibenarkan. Sebaliknya ia hanya mengandungi peruntukan-peruntukan tentang lokasi tempat premis sesuatu persembahan dibenarkan, masa persembahan, pihak yang diberikan kuasa untuk meluluskan lesen bagi mengadakan hiburan, cukai, denda, keamanan dan keselamatan (awam, individu dan harta benda).[34]

Apabila terbatal *Theatres and Place Of Public Amusement Enactment No. 47/1936* (Enakmen Panggung Wayang dan Tempat Hiburan Awam 1936 [N.M.B].

---

[31] Berita Harian, 5 November 1998.

[32] Keabsahan dokumen tersebut ditandatangani dengan Mohor Kerajaan oleh Sultan Kelantan pada 8 Oktober 1998. Undang-undang tersebut diluluskan bersama-sama dengan dokumen-dokumen tambahan (annexational documents) yang memperincikan aspek-aspek hiburan dan kegiatan kebudayaan. Dokumen-dokumen tersebut menjadi penyuluh bagi pihak berkuasa, iaitu perlesenan dan penguatkuasaan, semasa menjalankan tugas mereka.

[33] Mohd Fadli Ghani (ed). (2011). *op.cit*., hlm. 346.

[34] *Ibid.*

University of Malaya

Enakmen 47/36 tadi, maka dokumen yang boleh dirujuk untuk mengetahui kriteria dan jenis hiburan atau kesenian yang dibenarkan ialah Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Hiburan) di negeri Kelantan 1998.[35]

Dengan terbatalnya Enakmen Panggung Wayang dan Tempat Hiburan Awam 1936 ini juga, maka ia memberi kuasa kepada kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)[36] untuk mengawal semua jenis hiburan.[37] Ini kerana hal-hal yang berkaitan dengan hiburan adalah bawah bidang kuasa kerajaan negeri[38] seperti yang dinyatakan dalam Butiran 5(f), Senarai 2, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.[39] Walau bagaimanapun pihak Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) masih mempunyai kuasa untuk mengawal dan menguatkuasa peraturan ke atas premis hiburan (jika perlu) melalui peruntukan berikut:[40]

1) Surat Pekeliling Jabatan Kerajaan Tempatan bil. (11) KPKT (02)(S)8/37 Kit. 2 bertarikh 19 Julai 1997. Larangan Kepada Orang Bawah Umur Memasuki Pusat Hiburan.
2) Surat pekeliling jabatan kerajaan tempatan bil. (70) KPKT (02)(S)8/37 kit. 5 bertarikh 26 September 2000. Arahan jemaah menteri mengenai penguatkuasaan PBT terhadap kegiatan yang tidak sihat di pusat-pusat hiburan.

---

[35] *Ibid*.

[36] Semua negeri di Semenanjung Malaysia berkuasa meluluskan lesen hiburan berada di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kecuali Johor kuasanya di bawah Pejabat Daerah.

[37] Jawapan lisan bagi soalan (52) oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan kepada Yb. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi, ahli parlimen Sungai Besar, Selangor pada 15 Mac 2017.

[38] Dalam Jadual Kesembilan (Perkara 74, 77, Senarai II [5f]) Perlembagaan Persekutuan Malaysia dinyatakan bahawa pelesen panggung, panggung wayang dan tempat hiburan awam adalah berada di bawah Senarai Negeri. Walau bagaimanpun, menurut Akta Perniagaan 1948 (di bawah Kerajaan Pusat), lesen perniagaan perjudian di seluruh negara adalah diproses dan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Pelesenan (Kerajaan Pusat) di bawah kuasa-kuasa dalam Akta Perlesenan tersebut. Pihak Berkuasa Pelesenan dalam hal ini ialah Presiden–presiden Majlis Perbandaran, Pegawai Daerah dan pegawai-pegawai yang dilantik oleh Menteri Persekutuan sebagai Pihak Berkuasa Pelesenan. Lihat: Mohd Fadli Ghani.*ed.* (2011). *op.cit*., hlm. 354.

[39] Perlembagaan Persekutuan.

[40] Jawapan lisan soalan (52) oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.

University of Malaya

3) Surat Pekeliling Jabatan Kerajaan Tempatan bil. (43) KPKT (02)799/6 Kit. 5 bertarikh 12 Julai 2003. Tindakan Penguatkuasaan oleh PBT Ke Atas Pusat-Pusat Hiburan.
4) Surat Pekeliling Jabatan Kerajaan Tempatan bil. (45) KPKT (02)(S)8/37 Kit. 6 bertarikh 23 Disember 2000. Garis Panduan Pusat Hiburan Keluarga;
5) Surat Pekeliling Jabatan Kerajaan Tempatan bil. (7 4) KPKT (02)799/6 Kit. 6 bertarikh 18 Februari 2005. Garis Panduan Pusat Hiburan Keluarga (Pindaan).

4.4. Mewujudkan Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Hiburan) Di Negeri Kelantan 1998.

Garis panduan persembahan kebudayaan (Hiburan) di Negeri Kelantan 1998 merupakan garis panduan utama bagi pegawai perlesenan, ketua-ketua jajahan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) membuat keputusan sama ada membenar atau menolak sesuatu permohonan untuk mengadakan persembahan kesenian.[41] Garis panduan ini banyak merujuk kepada fatwa tentang hiburan tradisional yang dikeluarkan oleh Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) pada tahun 1992.

Untuk memantapkan lagi pelaksanaan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998, maka kerajaan negeri Kelantan sekali lagi mengeluarkan satu Pekeliling Am Negeri Bil.4 Tahun 2003[42] tentang Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003. Pekeliling ini bertujuan untuk menjelaskan maksud, jenis dan kelas hiburan di bawah Kawalan Kerajaan Negeri berdasarkan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 sebagai panduan kepada pegawai pelesenan hiburan, agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang, penggiat hiburan dan orang awam. Ini kerana setiap persembahan yang melibatkan orang ramai atau majlis rasmi sama ada milik persendirian

[41] Lihat: Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Hiburan) di Negeri Kelantan 1998.
[42] Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan iaitu pada 23 Oktober 2003.

University of Malaya

atau peribadi ia adalah masih tertakluk dengan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998.[43] Dalam Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003 menjelaskan tentang perkara berikut:

4.4.1.Hiburan Yang Dilarang

Dalam Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003 dijelaskan tentang jenis-jenis hiburan yang dilarang. Antaraya ialah makyung, menora, wayang kulit (tradisional), main puteri, dan pelaga binatang. Larangan ini meliputi semua peringkat persembahan yang mempunyai unsur-unsur atau hiburan tersebut. Bagi tinju siam (tomoi) pada mulanya ia diharamkan oleh kerajaan negeri Kelantan tetapi terpaksa dibatalkan pengharamannya kerana kerajaan pusat mengisytiharkannya sebagai aktiviti sukan.

4.4.2.Hiburan Dikawal Selia

Semua jenis dan kelas hiburan lain dipersembahkan kepada khalayak ramai sama ada secara tradisional atau moden perlu dikawal selia terlebih dahulu supaya ia sesuai dan menepati dengan ciri-ciri dan syarat-syarat yang ditetapkan. Antaranya :

1) Tidak melibatkan perempuan (cukup umur),[44] lelaki menyerupai perempuan atau sebaliknya.

[43]Diluluskan bersama Enakmen No.8 Tahun 1998 P.U.Kn 619/.1;SUK.(S)D.200/420/1/2/Jld.47. Diluluskan oleh DUN pada 29 Oktober 1998. Dikemukakan Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kelantan.

[44] Cukup umur di sini ialah melebihi 12 tahun. Mana-mana persembahan hiburan yag melibatkan kaum wanita hendaklah berumur kurang dari 12 tahun.

University of Malaya

2) Tidak dipertunjukkan oleh lelaki bersama perempuan yang bercampur aduk tanpa batas syarie atau dipertunjukkan oleh perempuan yang mendedahkan aurat.[45]

3) Tidak mengandungi kepercayaan, ucapan, bacaan dan perbuatan yang berunsur syirik, kufur, keji, lucah, mencela, memaki, fitnah, maksiat dan sebagainya yang bercanggah dengan akidah, syariah dan tatasusila Islam.

4) Tidak mengandungi unsur-unsur menyalahi syarak seperti pemujaan roh, semangat, hantu syaitan, jin dan tempat yang dianggap keramat seperti kubur dan sebagainya.

5) Tidak mengandungi unsur-unsur penghinaan, celaan, cacian, perkelahian, pergaduhan dan memecah belah perpaduan ummah.

6) Tidak merosak nyawa, akal, keturunan, kemudaratan tubuh badan dan harta benda individu dan awam.

7) Tidak mengandungi unsur-unsur perjudian atau pertaruhan yang melibatkan untung rugi.

8) Tidak mengganggu ketenteraman rumah ibadat Islam dan masyarakat awam.

9) Tidak mengandungi unsur-unsur penyiksaan kepada binatang-binatang atau memusnahkan tumbuh-tumbuhan kecuali yang dihalal oleh syariat Islam.

10) Tidak mendorong kepada perbuatan syirik, kufur, mungkar, maksiat, pergaduhan dan memusnahkan harta benda serta kemudahan awam.

[45] Mengikut Undang–undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut (Majlis Perbandaran Kota Bharu) (Pindaan) 2003, aurat ertinya seluruh tubuh badan wanita kecuali muka dan kedua-dua tapak tangan.

University of Malaya

11) Tidak melalaikan daripada melaksana tanggungjawab atau kewajipan terhadap Allah, diri sendiri, keluarga, masyarakat dan umum.
12) Tidak mengandungi unsur-unsur sihir dan penipuan.

4.4.3. Perlesenan

Antara kepentingan perlesenan dalam permohonan hiburan di Kelantan ialah:

1) Sesuatu hiburan tidak boleh diadakan tanpa kebenaran daripada pegawai pelesenan yang dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri.
2) Lesen hanya boleh dikeluarkan bagi jenis hiburan yang dikawal selia sahaja dan tertakluk kepada budi bicara pegawai pelesenan dengan syarat tempat hiburan daripada pihak berkuasa tempatan berkaitan dengan tempoh yang ditetapkan.
3) Pegawai pelesenan boleh membuat apa-apa urusan pentadbiran tambahan sebelum menimbang dan melulus sesuatu permohonan seperti mendapat pandangan dan maklumat tertentu.

4.4.4. Tempat Pengecualian Dan Taraf Eksklusif

Kerajaan Kelantan mempunyai kuasa penuh dalam memberi kebenaran untuk mengadakan hiburan di Kelantan. Kerajaan negeri juga boleh mengecualikan atau memberi taraf eksklusif kepada mana-mana jenis hiburan

University of Malaya

dan mana-mana tempat hiburan daripada peruntukan Enakmen Hiburan 1998. Antara tempat hiburan yang boleh dikategori sebagai eksklusif ialah:[46]

1) Diadakan di tempat tertentu dan khusus untuk tujuan adat dan agama untuk penganut agama lain selain Islam.
2) Di Gelanggang Seni dan tempat-tempat awam tertentu untuk acara rasmi kesenian dan pelancongan negeri.

4.5. Penguatkuasaan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 Terhadap Penggiat Seni di Kelantan

Apabila PAS memerintah Kelantan, maka banyaklah dasar, enakmen dan surat-surat pekeliling pentadbiran diwujudkan supaya cita-cita politiknya untuk menjadikan Islam sebagai *ad-Din* tercapai. Kerajaan PAS Kelantan juga melaksanakan apa yang diluluskan sama ada di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN), EXCO dan Pihak Berkuasa Tempatan. Antara usaha utama kerajaan negeri untuk mencapai hasratnya ialah dengan melakukan perubahan terhadap bidang kesenian di Kelantan. Perubahan yang dilakukan ialah;

4.5.1. Wayang Kulit

Kerajaan Kelantan tidak membenarkan pertunjukan wayang kulit pada tahun 1994 kerana sifat persembahannya bercanggah dengan syariat Islam dan mempunyai unsur-unsur khayal terutama kepercayaan, ucapan, bacaan dan perbuatan yang berunsur syirik.[47] Sekitar tahun 1996 pihak Majlis Kebudayaan Negeri dan Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan telah mengaturkan satu pertemuan antara pihak kerajaan negeri Kelantan dengan tok

[46] Temuramah dengan Encik Nordin Bin Hussin, Pengurus Gelanggang Seni Kota Bharu pada 22/12/ 2014.
[47] R.Puedjosoborto. (t.t). *Wayang: Lambang Ajaran Islam*, Jakarta: P.T Pradnya Pararnita, hlm. 17

University of Malaya

dalang. Hasil dari perjumpaan ini, tok dalang diminta menyediakan patung-patung yang tidak cukup sifatnya (tidak sempurna) sebagai patung dan bermain dengan cerita-cerita benar atau cerita nyata yang boleh mengajak masyarakat ke arah kebaikan melalui hasil seni ini, di samping menjauhi unsur-unsur syirik dan khurafat.[48]

Walaupun berlaku perbincangan dengan kerajaan Kelantan, tetapi kebanyakan tok dalang mahu mengekalkan persembahan dalam bentuk asalnya. Sebagai contoh tok dalang Hamzah mahu mengekalkan upacara ritual[49] yang terdapat dalam persembahannya. Walaupun ritual dikatakan bertentangan dengan agama Islam tetapi dalang Hamzah ingin meneruskannya juga kerana dia tahu apa yang dilakukannya ketika persembahan tersebut dan tidak berniat untuk melanggar syariat Islam. Bagi beliau ritual perlu dilakukan terutama apabila mengadakan persembahan secara terbuka dan merata-rata kerana ia sebagai meminta izin dari penghuni atau penunggu di suatu tempat.[50]

Isu patung sepatutnya tidak berbangkit kerana jika sifat dan corak yang dipertikaikan, bagaimana pula dengan filem-filem karton yang boleh bercakap, bergerak dan berkelakuan seperti manusia, bukankah ia lebih dekat menyerupai manusia? Sedangkan perkara tersebut tidak terdapat pun dalam wayang kulit.

---

[48] Mengikut Abdullah Mohamed (Nakula) sekitar tahun 1928 iaitu semasa pemerintahan Sultan Ismail 1 wayang kulit telah diajar di Akademi Seni. Oleh kerana ramai penonton lupa mengingati Allah iaitu mari awal dan balik lewat malam, terus tidur tanpa solat Maghrib, Isyak dan Subuh. Maka Tengku Temenggung sebagaai orang yang bertanggungjawab berasa malu dengan peristiwa itu, lalu mengarahkan Wan Maulud membuat beberapa perubahan terhadap wayang kulit supaya ia menjadi suatu dakwah. Beliau telah menukarkan perkataan dewa kepada wali-wali, nama-nama dalam bahasa Sanskrit dan Melayu Kuno digantikan dengan nama-nama Arab seperti syeikh. Lihat: Abdullah Mohamed (Nakula). (1991). "Akademi Seni Tengku Temenggung: Satu Aspek dari Sejarah Sosial Kelantan, 1879-1935", dalam Dato' Nik Mohamed Nik Mohd. Salleh, *Warisan Kelantan X*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, hlm. 91-92.

[49] Firth, Raymond (1967). *"Ritual and Drama in Malay Spirit Mediumship". Comparative Studies in Society and History*, IX, 190–207.

[50] Ghulan Sarwar Yousof. (t.t). *Angin Wayang: Bibloigrafi Wayang Kulit Yang Unggul Hamzah Awang* Amat. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, hlm. 88.

University of Malaya

Tok Dalang Hamzah menyatakan semua patungnya tidak menggambarkan rupa bentuk sebenar. Ia hanya imaginasi dan tak ada seorang pun di muka bumi ini yang serupa dengan patungnya dan tiada seorang pun yang dapat mengesahkan bahawa watak-watak tersebut penah wujud ataupun tidak. Watak pada patungnya juga tidak bercantum anggotanya seperti manusia. Kesemua patung yang dibuat dalam bentuk dua demensi dan tidak boleh disamakan dengan manusia. Beliau kemudian mempersoalkan kenapa karton tidak pula ditentang atau dilarang oleh kerajaan negeri? Hamzah yakin tindakannya tidak melanggar ajaran Islam kerana dia juga belajar[51] sedikit sebanyak tentang ilmu agama.[52]

Oleh kerana masih wujud unsur-unsur Hindu tadi, maka ia mendorong Dato' Nik Aziz mengharamkan wayang kulit walaupun persembahan ini sangat popular dalam kalangan masyarakat Kelantan sebagaimana katanya:

> *"Sebab itu walaupun wayang kulit menjadi benda yang paling diberahi (disukai)oleh masyarakat Kelantan tetapi sebab benda ini tidak betul, kita kejam (pejam) mata rapat (nekad) Bismillahirahmanirahim aku hendak beritahu kepada rakyat Kelantan, bo (cukup/ berhenti) wayang kulit. Kerana benda ini tidak ada untung sedikitpun bagi orang Melayu dan bagi orang Islam, hanya tambahkan khaya".l*[53]

Pada 28-30 Jun 1994 pihak Jabatan Kebudayaan dan Pelancongan negeri Kelantan telah mengadakan satu seminar wayang kulit di Kem Kijang Kota Bharu.[54] Seminar ini bertujuan untuk menjelaskan wayang kulit itu tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Dalam seminar ini tiga kertas kerja dibentang

---

[51] Hamzah juga mempelajari ilmu agama terutama ilmu tasawwuf dengan membaca buku-buku dalam tulisan jawi kerana beliau kurang mahir membaca tulisan rumi. Ilmu ini telah pun diamalkan dalam persembahan main puteri.

[52] *Ibid*.

[53] Nik Abdul Aziz Nik Mat. (1995). *Islam Boleh*. Nilam Puri: Maahad ad-Dakwah Wal–Imamah, hlm. 44

[54] Laporan *Seminar Wayang Kulit Negeri Kelantan* anjuran Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan 1994.

University of Malaya

oleh pakar sejarah dan ahli akademik iaitu Abdullah Mohamed[55] (Nakula), Profesor Hashim Yaacob[56] dan Dr. Ghulan Sarwar[57] tanpa seorang wakil pun dari pihak kerajaan Kelantan. Seminar ini tidak memberi kesan sedikit pun terhadap keputusan kerajaaan Kelantan kerana tiada sebarang tindakan susulan daripada pihak berkenaan. Walau bagaimanapun ia merupakan usaha berani daripada pihak Jabatan Kebudayaan dan Pelancongan yang patut dipuji kerana cuba memberi penjelasan kepada pihak berkuasa.

Kerajaan Kelantan mengharamkan pertunjukan wayang kulit kerana ia mengikut kaedah lama.[58] Dato'Nik Abdul Aziz mencadangkan supaya seni wayang kulit lama diadakan dalam bentuk versi baru yang mengisahkan pahlawan Melayu atau tokoh-tokoh agama yang banyak terdapat di negara ini seperti Tok Kenali, Tok Janggut dan Pahlawan Mat Kilau. Menurut Dato' Nik Abdul Aziz penampilan watak-watak seperti itu boleh diterima dan dapat menambahkan ilmu sejarah kepada penonton berbanding penampilan watak cerita-cerita dongeng sebelum ini.

Hasrat Dato' Nik Abdul Aziz ini telah pun dicuba oleh tok dalang Hamzah dan Ghulan Sarwar di Universiti Sains Malaysia (USM). Beberapa jenis pantung baru telah direka menceritakan tentang Hikayat Raja Muda, Gul

---

[55] Abdullah b. Mohamad (Nakula). (1994). "Wayang Kulit Sejarah Dan Falsafahnya", (Kertas kerja Seminar Wayang Kulit Negeri Kelantan". Anjuran Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan bertempat di Kem Kijang Jalan PCB, Kota Bharu, Kelantan, pada 28-30 Jun 1994).

[56] Hashim Yaacob. (1994). "Wayang Kulit Dalam Perspektif Islam". (Kertas kerja Seminar Wayang Kulit Negeri Kelantan, anjuran Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan bertempat di Kem Kijang, Jalan PCB, Kota Bharu, Kelantan, 28–30 Jun 1994).

[57] Ghulan Sarwar Yousof "Persembahan Berjamu Dalam Wayang Kulit Siam Di Kelantan". (Kertas kerja Seminar Wayang Kulit Negeri Kelantan, anjuran Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan bertempat di Kem Kijang, Jalan PCB, Kota Bharu, Kelantan, 28–30 Jun 1994).

[58] Persembahan wayang kulit cara lama menampilkan watak seperti Hanuman Kera Putih dan Raja Serama adalah cerita dongeng yang tidak membawa faedah dan tidak masuk akal. Lihat: al-Ahkam.net, *Nik Aziz Cadang Wayang Kulit Tonjol Pahlawan Melayu*, 23 Mac 2010.

University of Malaya

Bakawali, Dewa Monyet dan sebagainya. Pada mulanya ia berjaya dan dapat menarik minat pelajar tetapi ia tidak dapat diteruskan kerana memerlukan kos yang besar.[59] Ekoran dari itu, Hamzah pun akur bahawa wayang kulit perlu berubah untuk kekal sebagai warisan akan datang.[60] Pada 29 Mac 2003,[61] Kerajaan Kelantan membenarkan pertunjukkan wayang kulit versi baru[62] yang tidak melibatkan unsur-unsur pemujaan, patung menyerupai benda bernyawa dan jalan cerita yang karut marut. Wayang kulit versi baru ini telah diubahsuai oleh Dewan Bahasa Dan Pustaka Wilayah Timur dinamakan sebagai Wayang Dewan.[63] Wayang kulit Kelantan versi baru[64] ini juga dikenali sebagai Wayang Kulit Alaf Baru (WKAB).[65]

Pada tahun 2010 terdapat beberapa orang penggiat seni merayu kepada kerajaan negeri supaya menarik balik larangan persembahan makyung di Kelantan.[66] Mengikut Dato' Takiyuddin kerajaan negeri bersedia mengadakan perbincangan dan mendengar hujah-hujah daripada tokoh budaya berhubung perkara itu sebelum ia dibenarkan semula.[67] Selain daripada penggiat seni, kerajaan negeri juga menerima desakan daripada Karima Bennoune, wakil khas dari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB). Beliau berharap larangan terhadap kesenian tradisional di Kelantan ditarik balik supaya dapat

---

[59] Ghulan Sarwar Yousof. (t.t). *op.cit*., hlm. 84.
[60] *Ibid*.
[61] Buletin UPKN, bil ke-12, Muharam-Safar 1424/April 2003.
[62] Lihat: Pekeliling Am Negeri Bilangan 5 Tahun 2003, *Garis Panduan Persembahan Wayang Kulit*; Persembahan wayang kulit yang tidak mempunyai unsur-unsur yang bercanggah dengan syariat Islam melalui cerita-cerita bukan khayalan yang dapat memberi pengajaran dan manfaat kepada masyarakat dibenarkan dengan dikawal selia.
[63] Buletin UPKN, Bil ke12, Muharam-Safar 1424 /April 2003.
[64] Antara tok dalang Wayang Kulit Alaf Baru ialah Abdullah bin Ibrahim (Dollah Baju Merah), Hashim@Nik Mat Bin Ludin, Abdullah bin Mamat (Dollah Rainbow) dan Eyo Hock Seng.
[65] Muhammad Dain bin Othman. (2011), *op.cit,* hlm. 206.
[66] Antaranya Puan Rohani Mohd Zain. Beliau sanggup berjumpa dengan Dato' Nik Abdul Aziz untuk menjelaskan tentang persembahan makyung sekarang. Mengikut beliau makyung sekarang tidak lagi terlibat dengan pemujaan seperti mana yang dilakukan oleh tok-tok dalang terdahulu.
[67] http://www.mstar.com.my/berita/berita-semasa/2010/06/07/penggiat-seni-diminta-buktikan-makyong-tiada-unsur-khurafat/. Dipetik pada 30/1/2018.

University of Malaya

dikembangkan semula kepada generasi akan datang. Walau bagaimanapun, menurut Dato' Mohd Amar Nik Abdullah Timbalan Menteri Besar Kelantan, kerajaan negeri masih lagi bertegas dengan pengharaman wayang kulit, makyung, menora dan main puteri sehingga terbukti ia tidak mengandungi unsur-unsur syirik.

Datuk Haji Md. Alwi Haji Che Ahmad selaku Adun Kok Lanas bersetuju[68] dengan tindakan kerajaan Kelantan melarang persembahan wayang kulit dan lain-lain yang mengandungi 'upacara buka panggung'. Beliau yakin usaha kerajaan Kelantan untuk menyelamatkan akidah umat Islam dari percaya kepada perkara khurafat dan tahyul kerana cerita–cerita yang dibawa berdasarkan kitab *Ramayana* dan *Mahabrata.* Ghulan Sarwar Yousof sendiri mengakui segala cerita yang berkaitan dengan *Hikayat Panji* dan *Hikayat Ramayana*[69]berkaitan dengan agama Hindu.[70] Oleh itu, memang patutlah kerajaan Kelantan mengambil tindakan mengharamkannya.

Selain kuatkuasa Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dan Garis Panduan Kawalan Hiburan, pihak kerajaan negeri Kelantan telah mengeluarkan garis panduan khas tentang wayang kulit supaya tidak bercanggah dengan agama Islam. Wayang kulit edisi baharu ini disebut sebagai wayang kulit dikawal selia.[71] Antara syarat-syarat yang dikenakan terhadap wayang kulit ini ialah:[72]

---

[68] Temu bual dengan Yb. Datuk Sri. Haji Md. Alwi Bin Haji Che Ahmad pada 10 Oktober 2017 di Ibu Pejabat KADA, Lembaga Kemajuan Kemudu, Jalan Lundang, Kota Bharu, Kelantan.
[69] Ghulan Sarwar Yousof. (t.t). *op.cit*.,hlm. 84.
[70] Tok Dalang Hamzah terkejut setelah mengetahui bahawa asal usul *Ramayana* adalah dari India. Beliau berpendapat *Hikayat Ramayana* merupakan hikayat yang menarik dan diperturunkan dari dalang ke dalang mengikut generasi.
[71] Lihat lampiran 2.
[72] Pekeliling Am Negeri Bilangan 4 Tahun 2003, *Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003*.

University of Malaya

1) Sebelum memulakan persembahan wayang kulit pihak berkenaan mestilah melakukan perkara berikut:

   a) Membuka (memula) dan menutup persembahan (panggung) dengan memberi salam[73] kepada para penonton dan ucapan @ pohon selamat serta keberkatan dan terima kasih.

   b) Memulakan persembahan selepas solat isyak (kira-kira jam 9.00 malam) dan tamat sebelum jam 12.00 malam.

2) Penyampaian dalam persembahan wayang kulit mestilah:

   a) Pengucapan tidak mengandungi unsur-unsur lucah, mencela, memaki, fitnah, cacian dan yang mendorong berlaku perkelahian, pergaduhan, dan memecah belah perpaduan ummah.

   b) Semasa persembahan tidak ada ucapan, bacaan dan perbuatan yang berunsur syirik dan kafir seperti pemujaan semangat, roh, dan hantu syaitan.

   c) Menggunakan bahasa Melayu loghat Kelantan yang boleh diselit dengan loghat-loghat lain dan bahasa asing mengikut kesesuaian dan kemampuan pencerita.

   d) Replika atau patung wayang hendaklah tidak berbentuk jasad manusia atau haiwan bernyawa yang sempurna sifatnya.

   e) Cerita-cerita pula hendaklah berkaitan dengan kehidupan masyarakat dan bukan mitos atau khayalan. Selain dari itu, cerita juga hendaklah yang boleh memberi pengajaran dan mesej kebaikan seperti berkaitan dengan isu semasa atau sejarah.

   f) Watak-watak yang sesuai dengan jalan cerita. Panggilan dan gelaran yang berkaitan dengan agama dan kepercayaan lain

[73] Dalam ucapacara buka panggung wayang kulit, makyung dan main puteri tok dalang akan membaca *Bismilahirahmanirahim* kemudian diikuti dengan jampi serapah.

University of Malaya

(selain Islam) seperti agama Hindu dan kepercayaan animesma hendaklah dibuang.

g) Nyanyian dan penggunaan alat muzik hendaklah tidak menimbulkan keghairahan, khayalan dan keasyikan.

Kerajaan negeri perlu menggunakan wayang kulit sebagai medium dakwah.[74] Wayang kulit telah digunakan oleh Wali Sembilan[75] atau dikenali sebagai Wali Songo[76] untuk mengembangkan ajaran Islam di Kepulauan Jawa pada abad ke-14.[77] Usaha ini bermula di daerah Demak dimulai oleh Sunan Bonang.[78] Beliau berdakwah melalui kesenian untuk menarik masyarakat Jawa supaya memeluk Islam. Beliau berdakwah melalui kesenian seperti membuat lirik lagu Wijil dan Tombo Ati yang dipopularkan oleh Opick.[79] Kemudian keadah dakwah ini dilakukan oleh muridnya Susan Kalijaga dengan menggunakan kesenian wayang kulit dan tembang suluk sebagai kaedah berdakwah.[80] Beliau telah memasukkan cerita-cerita Islam dalam wayang kulit bagi menggantikan

---

[74] Roff, W. R. (1974). *Kelantan; religion, society, and politics in a Malay state*. Oxford University Press, USA. Lihat: Ghulan Sarwar Yousof. (2010). Islamic Elements In Traditional Indonesian And Malay Theatre. *Kajian Malaysia*: *Journal of Malaysian Studies*, 28(1). Lihat: Agus Sunyoto. (1990). *Sejarah perjuangan Sunan Ampel: taktik dan strategi dakwah Islam di Jawa abad 14-15*. LPLI-Sunan Ampel. Lihat: Sidek Fadzil. (1999). *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: UKM. hlm.137

[75] Mereka terdiri daripada sembilan orang ulama: 1. Maulana Malik Ibrahim 2. Sunan Ampel 3. Sunan Giri 4. Sunan Bonang 5. Sunan Drajat 6. Sunan Kalijaga 7. Sunan Kudus 8. Sunan Muria 9. Sunan Gunung Jati.

[76] Djoko Suryo. (2000). *Tradisi Santri dalam Historiografi Jawa: Pengaruh Islam di Jawa*. Seminar Pengaruh Islam terhadap Budaya Jawa.

[77] Byard-Jones, T. (2001). Developments in performance practice, The Creation Of New Genres And Social Transformations in Yogyakarta Wayang Kulit. *Contemporary Theatre Review*, 11(1), 43-54. Lihat: *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*. Hj. Saleh Hj.Md@Hj.Ahmad, Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, hlm 230. Ghulan Sarwar Yousof. (t.t).*op.cit*,. 83. Lihat: Woro Zulaela. (2013). Peranan Wayang Kulit Dalam Pengembangan Budaya Islam. *DIMENSI*, 1(1).

[78] Sunan Bonang adalah putra dari Sunan Ampel. wafat pada tahun 1525 dan dimakamkan di daerah Tuban, Jawa Timur.

[79] Tru. Pujiyanto. (2014). Peranan Kesenian Rebana Walisongo Sragen Dalam Strategi Dakwah Kh.Ma'ruf Islamuddin. *Jurnal Candi - Jurnal Pendidikan dan Penelitian Sejarah, 4*.

[80] Sunan Kalijaga atau Raden Said merupakan anak dari Adipati Tuban bernama Tumenggung Wilatikta atau Raden Sahur. Beliau mempelajari agama dan kaedah berdakwah menggunakan kesenian dan kebudayaan dengan dari Sunan Bonang. Lihat dalam: Tru. Pujiyanto. (2014). *op.cit*

University of Malaya

hikayat Hindu yang diwarisi daripada nenek moyang mereka.[81] Malah para Wali Songo seperti Sunan Giri pernah melakukan perubahan[82] yang sama supaya ia bersesuaian dengan ajaran Islam.[83]

Usaha pembaharuan ini turut dilakukan oleh Raden Patah, Sultan Demak yang pertama dan para wali serta ulama ketika itu.[84] Mereka menyedari wayang yang terdiri dari arca-arca kecil yang menyerupai manusia dan mengandungi cerita-cerita dewa boleh membawa seseorang kepada syirik malah ceritanya juga tiada unsur dakwah. Semasa membuat perubahan itu mereka berusaha mewujudkan inisiatif lain supaya jiwa rakyat yang minat dengan wayang tersebut tidak memberontak.[85] Malah dalam proses pengislaman penduduk Jawa, para pendakwah Islam terpaksa menggunakan konsep agama Hindu-Jawa yang estetik untuk memperkenalkan Islam kepada masyarakat yang telah lama hidup dalam suasana estetik.[86]

Di Indonesia pada hari ini, wayang kulit telah berkembang subur sebagai persembahan tradisional kerana usaha perubahan dilakukan oleh ulama mereka.[87] Sebagai contoh wayang kulit *Syahadat* dan wayang kulit *Golek* masih digunakan lagi terutama untuk pembelajaran dan pendedahan kepada cerita-

---

[81] Frits A.Wagner. (1959). *Indonesia: The Arts Of An Island Group*, Methuen: London, hlm.145-160.

[82]Sebagai contoh Hikayat Pendewa Lima dianggap sebagai simbol kepada rukun Islam yang lima. Wayang kulit yang asalnya bersifat ritual semakin berkembang dengan munculnya Kerajaan Panjang.

[83] Abdul Rahman Hj. Abdullah. (1989). *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd, hlm. 141-142.

[84] R.Puedjosoborto, *Wayang: Lambang Ajaran Islam*, Jakarta: P.T Pradnya Pararnita, hlm. 17

[85]Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1972). *Islam Dalam Sejarah Kebudayaan Melayu: Satu Mukadimmah Mengenai Peranan Islam Dalam Peradaban Sejarah Melayu-Indonesia dan Kesannya Dalam sejarah Pemikiran,* Bahasa dan Kesusteraan Melayu. Kuala Lumpur: UKM, hlm. 39-40.

[86] Saleh Hj.Md@Hj.Ahmad. (2011). *op. cit.*, hlm 231.

[87]Perubahan yang berlaku termasuklah mengubah cerita-cerita dewa di dalamnya dan diisi dengan fahaman lain yang mengandungi jiwa Islam, tokoh-tokoh dan kejadian ditafsirkan mengikut kesesuaian dengan ajaran Islam. Memberi makna yang sesuai dengan dakwah Islam termasuklah seluruh unsur-unsur seni wayang, seperti alat-alat dan muziknya. Lihat: R.Puedjosoborto. (t.t). *op-cit.*, hlm. 17-18

University of Malaya

cerita Islam. Selain itu, Indonesia juga menggunakan wayang kulit untuk memahami Pancaindera mereka.[88]

4.5.2. Main Puteri

Oleh kerana upacara ini melibatkan kepercayaan animisme dan bercanggah dengan Islam[89], maka kerajaan Kelantan bertindak menghalang ia dari dipertontonkan kepada orang ramai. Walau bagaimanapun pihak kerajaan tidak menghalang upacara ini diamalkan sekiranya ia dilakukan di premis milik peribadi.[90] Main puteri kurang popular berbanding dengan kesenian lain kerana ia merupakan perubatan tradisional orang dahulu.[91] Mengikut En. Nordin Hussin pertunjukan main puteri juga masih diadakan di Gelanggang Seni Kota Bharu khususnya pada musim ketibaan pelancong dari luar seperti bulan Jun.[92] Tok dalang Hamzah juga berpendapat seseorang yang terkena penyakit akibat makluk halus, maka dia hanya boleh diubati oleh bomoh sahaja iaitu dengan mengadakan main puteri. Dalam persembahan tersebut, bomoh akan berperanan sebagai laluan bagi makhluk halus untuk berhubung dengan manusia atau pesakit. Bomoh juga akan menggunakan proses 'menurun'. Kemudian bomoh akan menghalau sebarang gangguan dari makhluk ini.

Menurut Hamzah juga mentera perlu dibaca sebagai meminta izin atau untuk menghalau makhluk halus yang tinggal di sesuatu tempat. Oleh kerana

---

[88] Ghulan Sarwar Yousof. (t.t).*op.cit*,. 83.

[89]Hashim Awang dan Zaleha Abu Hassan. (1985). "Main Peteri: Suatu Teknik Etnopsikoterapi Masyarakat Melayu Kelantan" dalam Kelantan Dalam *Perspektif Sosio-Budaya Kumpulan Esei*, Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir Yusuf (peny), Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.hlm. 173.

[90]Mohd Fadli Ghani.(2011). *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam.* Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.hlm. 374

[91] Dinsmen. (2013). *Kelantan 22 Tahun Bukti Kejayaan*. Selangor: Kaab Enterprise, hlm.124.

[92] Temubual dengan En. Nordin Hussin, Pengurus Gelanggang Seni Kota Bharu pada 21 /12/2014.

University of Malaya

makhluk ini ingin terus makan dam hidup, maka beberapa jamuan perlu diadakan. Jamuan ini hanya syarat sahaja bukan jamuan yang sebenar kerana makhluk ini berada di alam ghaib. Beliau tetap menegaskan upacara itu tidak haram kerana tidak ada sebarang pemujaan ke atas semangat makhluk halus dan tidak ada sebarang permohonan pun dari makhluk-makhluk halus ini.

4.5.3. Makyung

Kerajaan PAS Kelantan mengharamkan seni tari ini oleh kerana wujudnya unsur-unsur yang bertentangan dengan akidah yang diamalkan melalui seni ini. Dalamnya terdapat unsur-unsur pemujaan contohnya Lagu Mengadap Rebab,[93] lagu yang mengiringi tarian pembukaan dalam sebarang pertunjukan makyung yang dikatakan mempunyai unsur pemujaan terhadap alam dan gejala alam.[94] Pengharamannya dibuat atas alasan mahu memelihara akidah umat Islam bukan kerana politik atau mempunyai niat jahat. Malah kalau ditinjau laman web Akademi Seni Kebangsaan jelas unsur-unsur mistik hadir dalam persembahan seni ini iaitu:

> *The word makyung is believed to be derived from mak hiang (spirit of the paddy) and the makyung performance is said to be connected to rituals concerning the spirit of the paddy.*

Menurut Encik Nordin Hussin selaku Pengurus Gelanggang Seni Kota Bharu, persembahan makyung masih tidak dibenarkan walaupun di tempat Eksklusif kerana pelakon utamanya seorang lelaki (Pak Yung) berlakon sebagai

[93] Hardwick, P. A. (2013). *Embodying the divine and the body politic: Makyung performance in rural Kelantan, Malaysia*. In Performance, popular culture, and piety in Muslim Southeast Asia. US: Palgrave Macmillan. (p. 77–103).

[94] Rahimidin, Sutung Umar *et al*. (2011). *Makyung: The Mystical Heritage of Malaysia*. Institut Terjemahan Negara, hlm. 4-15.

University of Malaya

perempuan[95] dan sangat tidak sesuai untuk dipertontonkan kepada orang ramai. Walau bagaimanapun hiburan makyung ini masih diadakan di wat-wat Siam di negeri Kelantan.[96]

Mengikut Puan Rohani Mohd Zain iaitu jurulatih utama bagi kumpulan Seri Temenggong, upacara berjamu dan buka panggung dan tutup panggung tidak lagi diamalkan dalam persembahan makyung hari ini.[97] Upacara tersebut hanya dilakukan tok-tok dalang pada zaman dahulu. Pelakon-pelakon makyung bawah seliaan beliau pun hanya terdiri daripada remaja lelaki. Persembahan makyung ini terpaksa dibuat setiap tahun kerana ia di bawah *UNESCO*. Kebiasaannnya latihan makyung dibuat di Kelantan tetapi pertunjukan dibuat di negeri lain seperti Kuala Lumpur kerana larangan kerajaan Kelantan. Beliau berasa kesal kerana semasa pertunjukan makyung tidak seorang pun wakil daripada pihak kerajaan negeri datang melihat persembahan tersebut.[98] Beliau pernah menawarkan diri untuk bagi penjelasan kepada Dato' Nik Abdul Aziz tentang perkara ini beberapa tahun lalu.

4.5.4. Menora

Jemaah Ulama MAIK telah memfatwakan bahawa permainan menora yang dipersembahkan pada masa ini haram.[99] Mengikut Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pelancongan dan Kebudayaan Dato' Takiyuddin Hassan kerajaan terpaksa menghentikan sementara beberapa jenis acara kesenian seperti

---

[95] Disnmen. (2013). *op.cit*, hlm.126.
[96]Temubual dengan En.Nordin Bin Hussin, Pengurus Gelanggang Seni pada 22/12/2014 di Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan.
[97] Temubual dengan Puan Rohani Mohd Zain pada 1/12/2017.
[98] *Ibid.*
[99] Lihat: Garis panduan Persembahan kebudayaan (hiburan) di negeri Kelantan 1998.

University of Malaya

wayang kulit, menora, makyung dan main puteri atas nasihat tokoh agama kerana terdapat aspek-aspek tertentu dalam persembahannya yang dianggap bercanggah dengan akidah dan syariat.

Bagaimanapun selepas dibuat kajian dan diadakan pengubahsuaian melalui perbincangan dengan tokoh-tokoh berkenaan, hanya wayang kulit dibenarkan semula di mana kerana tiada lagi jampi mentera dan pemujaan selain jalan cerita juga ditukar kepada kehidupan realiti. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri tetap mempertahankan seni budaya sebagai satu amanah warisan dan hanya membuang perkara yang bercanggah sahaja sebelum ia dipersembahkan di hadapan khalayak ramai.[100] Kerajaan Kelantan boleh melonggarkan syarat-syarat pertunjukan hiburan dan kesenian tradisional jika diubahsuai mengikut enakmen hiburan dan tidak bercanggah dengan syariat Islam. Bagaimanapun katanya, persembahan makyung dan menora tetap diharamkan kerana watak lakonan dalam persembahan itu melibatkan percampuran antara lelaki dengan wanita dan kisahnya tidak boleh diubahsuai.[101] Kesemua hiburan tersebut di atas tadi boleh diberi kelonggaran oleh Kerajaan Negeri Kelantan apabila bertaraf hiburan eksklusif dan diadakan di tempat yang dikhaskan sebagaimana berikut:[102]

1) Diadakan di tempat tertentu dan khusus untuk tujuan adat dan agama untuk penganut agama lain selain Islam.
2) Di Gelanggang Seni dan tempat-tempat awam tertentu untuk acara rasmi kebudayaan dan pelancongan negeri.

[100]Ucapan YB. Dato' Takiyuddin Hassan sempena sambutan rombongan Majlis Kebudayaan Negeri Kedah pada1dan 2 Februari 2010 di Pusat Penerangan Pelancongan, Kota Bharu, Kelantan.
[101] *al-Ahkam.net*, Nik Aziz Cadang Wayang Kulit Tonjol Pahlawan Melayu, 23 Mac 2010.
[102] Pekeliling Am Negeri Bilangan 4 Tahun 2003, *Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003*.

University of Malaya

3) Acara-acara hiburan tertentu yang akan ditentukan dari semasa ke semasa.

Kerajaan PAS Kelantan sejak tahun 1991 juga turut menyusun semula acara kesenian dan hiburan di negeri ini melibatkan persembahan-persembahan hiburan tradisional seperti dikir barat, makyung, menora, main puteri, dan wayang kulit agar tidak bercanggah dengan Islam. Berikutan dengan dasar ini persembahan-persembahan tersebut dilarang kerana kesemuanya didapati dalam keadaan yang sediakala iaitu mengandungi ciri-ciri, cara persembahan dan persekitaran yang bertentangan dengan Islam. Antara kesenian yang dilarang pada peringkat awal kemudian dibenarkan semula kerana berlaku perubahan dalam persembahan dan perubahan polisi kerajaan ialah:

1) Dikir Barat

Dikir barat dilarang dimainkan pada awal pemerintahan PAS dari tahun 1990 hingga 1993 kerana tidak mengikut arahan dan syarat yang ditetapkan pihak kerajaan negeri. Mengikut Menteri Besar Kelantan, Dato' Haji Nik Abdul Aziz bin Nik Mat pembekuan izin persembahan dikir barat dibuat kerana ia telah disalahgunakan oleh pihak tertentu seperti mengandungi unsur tidak sihat[103] seperti lagu-lagu lucah[104] dan berlaku percampuran antara lelaki dan perempuan semasa persembahan.[105] Antara lagu-lagu lucah termasuk:[106]

a) Apam bakar
b) Mek kena belaki
c) Jenab punggung besar

[103] Brennan, C. (2001). Religion, Cultural Identity and Kelantan's Dikir Barat. *The Australian journal of anthropology*, 12(3), 302–311. Lihat: Ucapan YAB. Menteri Besar Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat Berucap merasmikan Pesta Wau Antarabangsa di Seri Tujuh 1993.
[104] Temubual dengan Encik Mohd Zain Ismail (Jean Andoro) , *op-cit.*
[105] Azmi Mohd Nasir (2011). "Aspek Nasihat dalam Dikir Barat", dalam Abdullah Zakaria Ghazali. (Ed.). *Warisan Kelantan XXV*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, hlm. 153.
[106] Muhamad bin Ibrahim. (1977). *Dikir Barat*, Jabatan Pengajian Bahasa Melayu, Universiti Malaya, Latihan Ilmiah. hlm 161.

University of Malaya

d) Kesah seorang wanita nafsu besar

e) Dadah

Walau bagaimanapun pada tahun 1994 dikir barat diberi kelonggaran untuk dipersembahkan di khalayak ramai setelah pihak berkenaan bersedia untuk mengubah bentuk persembahan dan akan mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan negeri. Menurut Encik Nazli Wahab banyak kumpulan dikir barat wujud di Kelantan dan boleh dikatakan wujud di setiap daerah tetapi ia tidak didaftarkan dengan JKKN.[107] Menurut Encik Nazli Wahab kebanyakan kumpulan dikir barat ini berdaftar dengan persatuan Pendikir,[108] Koperasi Dikir Barat dan Perlima.[109] Persatuan Pendikir yang diketuai oleh Noor Jaafar merupakan persatuan paling aktif.[110] Persatuan ini berperanan sebagai penaung, penasihat dan penjaga kebajikan untuk ahli-ahli dikir barat.[111]

Walaupun nampak tegas dan anti-hiburan, tetapi hasrat Kerajaan Kelantan mendapat sambutan dari pihak Badan Pencegah Rasuah (BPR). Ia telah menubuhkan pasukan dikir barat sendiri untuk kempen mencegah amalan rasuah dalam kalangan masyarakat semasa Karnival Kebudayaan Kelantan pada 15 Ogos 1996. Selain dari itu, pihak MPKB-BRI juga mempunyai kumpulan dikir barat sendiri.

---

[107] Berita Harian, 25 Februari 2017 melaporkan 300 orang lebih pendikir dari 14 kawasan parlimen hadir ke Konvensyen Dikir Barat di Hotel Sutera Inn. Ini menunjukkan jumlah pendikir sangat ramai di Kelantan.

[108] Persatuan ini dipengerusikan oleh Datuk Dr. Zulkepli Mohamad. Persatuan berperanan dalam mengadakan pertandingan tilawah al-Qur'an yang disertai pendikir. Pada tahun 2015 seramai 10 orang pendikir barat menyertai kelas mengaji taranum anjuran Koperasi Dikir Barat Kelantan Berhad. Kelas ini bertujuan membaiki bacaan sebelum tilawah sebenar. Mereka belajar al-Qur'an pada setiap malam Jumaat dipimpin oleh bekas juara tilawah peringkat kebangsaan iaitu Yahya Daud.

[109] Persatuan ini dipengerusikan oleh Halim Yazid. Mengikut Encik Nazli Wahab persatuan ini kurang aktif.

[110] Temubual Encik Nazli Wahab, Pegawai Kebudayaan Unit penyelidikan dan Pembangunan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Kelantan pada 23/1/2018.

[111] Berita Harian, 25 Februari 2017.

University of Malaya

2) Tomoi Siam

Pada mulanya Tomoi Siam juga dilarang untuk dipertontonkan di khalayak ramai kerana mempunyai unsur kepercayaan dan jampi serapah sebagaimana silat.[112] Larangan tomoi juga sama dengan larangan pada seni silat kerana ada jampi-jampi tertentu. Oleh kerana guru silat dan tomoi sanggup meninggalkan acara jampinya di samping mendapat kebenaran pihak perubatan, mengikut garis panduan dan syarat pertandingan, maka tomoi itu dibenarkan untuk dipertontonkan kepada khalayak ramai.[113] Menteri Besar Kelantan, Dato' Nik Abdul Aziz juga pernah menjelaskan tentang kedudukan silat dan tomoi ini semasa Majlis Perasmian Penutup Seminar Silat dan Tomoi 2007:[114]

> *Semua jenis silat ini dihalalkan oleh Islam, asalkan silat tersebut tidak terlibat dengan amalan jampi mentera yang bercanggah dengan akidah dan hukum Islam. Seperti perbuatan menyembelih ayam untuk menjamu/ di sekitar kawasan gelanggang silat atau tomoi itu, tidak memberi makan darah ayam berkenaan kepada jin tanah. Dengan harapan dan permintaan atau dengan menyebut ucapan tertentu yang meminta supaya mana-mana jin tanah yang berada di sekitar gelanggang silat atau tomoi, tidak mengamuk dan tidak membuat gangguan yang tertentu.*

Menurut Timbalan Pengarah Urusetia Pembangunan Insan, Belia, Sukan dan NGO Negeri Mohd Ridza Mohd Zain, kerajaan Kelantan telah meletakkan syarat bagi tomoi seperti berikut:[115]

a) Peserta pertandingan diwajibkan memakai baju

b) Peserta tidak dibenarkan memakai seluar pendek,

c) Tidak memakai tangkal (azimat) atau tatu di badan.

d) Setiap peserta sukan mestilah menjalani pemeriksaan air kencing.

---

[112] Abd. Rahman Ismail. (2009). *Seni Silat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 90.

[113] Temubual dengan Datuk Mohd. Amar Nik Abdullah, Timbalan Menteri Besar Kelantan pada 30/9/2015.

[114] *Koleksi Ucapan Rasmi lll.* (2008). Kelantan: Kota Bharu, Pustaka Dian Darul Naim Sdn.Bhd. hlm.558

[115] http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/kelantan-perketat-syarat-sukan-tomoi,dipetik pada 12.12.2004.

University of Malaya

Menurut Encik Mohd Radzi, persatuan tomoi telah diletakkan di bawah pengawasan kerajaan negeri dan sebarang permohonan lesen bagi mengadakan sebarang pertunjukan atau pertandingan perlu dibuat melalui persatuan itu.[116] Pada tahun 2010 ditambah lagi syarat baru iaitu semua peserta disyaratkan memakai seluar sehingga melepasi paras lutut dan berbaju T. Mengikut Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Belia, Sukan dan NGO negeri, Abdul Fatah Mahmood peraturan baru ini melibatkan semua peserta sama ada orang Islam dan bukan Islam.[117]

3) Snuker/ Billiard

Satu keputusan yang dibuat oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Yang bersidang pada 7 Oktober 1992, semua jenis lesen permainan video dan snuker/billiard di seluruh negeri Kelantan tidak lagi diperbaharui lesennya selepas lesen tersebut tamat tempoh pada 31 Disember 1993. Bahkan semua permohonan baru untuk lesen permainan video dan snuker / billiard di seluruh negeri ini dibekukan. Langkah ini juga melibatkan permainan video dan snuker /billiard yang dimiliki oleh kelab-kelab atau persatuan-persatuan.[118] Pada 1/1/1993, MPKB telah membatalkan semua lesen premis pusat permainan video dan snuker. Pusat permainan ini dibatalkan kerana terdapat kegiatan perjudian dan maksiat. Tindakan ini selaras dengan keputusan jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Alam Sekitar Bil.4/9 pada 22/6/1992. Di samping itu, pusat ini juga telah dikenalpasti menjadi tumpuan pelajar-pelajar yang ponteng sekolah dan meningkatkan lagi gejala sosial.[119]

---

[116] *Ibid.*
[117] Utusan Malaysia, 23 September 2010.
[118] Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan. (2000). *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam*. Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan. hlm.118.
[119] Berita Harian, Sabtu 2.4.1994.

University of Malaya

Walau bagaimanapun, permainan snuker telah dibenarkan sekali lagi oleh Kerajaan Kelantan 14 Ogos 2007, dengan syarat tidak ada perjudian dan minuman keras. Perkara ini juga selaras dengan hasrat kerajaan Pusat yang tidak lagi mengkategorikan snuker sebagai hiburan, sebaliknya sebagai sebahagian daripada acara sukan.[120] Berita ini telah jelaskan dalam Harakah pada 16 Ogos 2007:

> *KOTA BHARU, 14 Ogos (Hrkh) - Seramai 64 peserta dari seluruh negara akan berentak pada kejohanan Snuker Terbuka Kelantan 2007 yang akan dirasmikan Menteri Besar, Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat.Biar pun ia agak pelik, namun inilah realiti yang berlaku sekarang. Selepas diharamkan hampir 17 tahun lalu, kini sukan snuker sudah dibenarkan di Kelantan. Ini selaras dengan tindakan kerajaan Pusat tidak lagi mengkategorikan snuker sebagai hiburan, sebaliknya sebagai sebahagian daripada acara sukan. Kejohanan itu akan berlangsung selama lima hari bermula 18 Ogos ini. Ia akan diadakan di Pusat Snuker KB Mall, yang julungkali diadakan di Kelantan.*

Sepanjang pemerhatian penulis terhadap kesenian di Kelantan, banyak lagi hiburan yang dibenarkan oleh Kerajaan negeri. Manakala hiburan yang dilarang hanyalah wayang kulit yang tidak diselia, makyung, main puteri, menora dan pelaga binatang. Hal ini menunjukkan Kerajaan Kelantan tidak melarang hiburan tradisional atau moden kecuali yang bercanggah dengan syariat seperti yang melibatkan unsur syirik dan mempunyai unsur-unsur judi. Antara aktiviti kesenian yang dibenarkan kerajaan Kelantan untuk dipertontonkan kepada orang ramai sebagaimana dalam jadual 4.1 manakala kesenian yang dilarang pula dalam jadual 4.2.

[120] Harakah, 16 Ogos 2007

University of Malaya

Jadual 4.1: Senarai Hiburan Yang Dibenarkan Kerajaan Kelantan

Bil	Jenis Hiburan
1.	Dikir Barat
2.	Nyanyian di tempat tertutup
3.	Silat cantik
4.	Pertunjukan tatu
5.	Tomoi
6.	Silap mata topeng (Cina)
7.	Pertunjukan binatang
8.	Pertunjukan fesyen kanak-kanak
9.	Pertunjukan kebudayaan cina tertutup
10.	Pertunjukan kebudayaan Thai tertutup
11.	Persembahaan tarian singa (Cina)
12.	Tarian tradisional kanak-kanak bawah 12 tahun (Cina)
13.	Nasyid
14.	Tayangan gambar
15.	Keron
16.	Perayaan tokong (Cina)
17.	Wayang kulit versi baru
18.	Uji bakat / pertandingan nyanyian Cina (dewan)
19.	Persembahan temu puisi
20.	Persembahan muzik pendidikan khas
21.	Persembahan karaoke lelaki sempena hari keluarga
22.	Pertunjukan pakaian Cheong Sam
23.	Persembahan tarian belly kanak-kanak perempuan sahaja
24.	Persembahan nasyid lelaki sahaja

Sumber: *Bahagian Perlesenan MPKB-BRI*

Jadual 4.2: Hiburan Yang Dilarang Di Kelantan

Bil	Jenis hiburan
1	Wayang Kulit Tradisional
2	Makyung
3	Menora
4	Main Puteri
5	Pelaga binatang

Sumber : *Bahagian Perlesenan MPKB-BRI*

University of Malaya

4.6. Penguatkuasaan Enakmen Kawalan Hiburan & Tempat Hiburan 1998 Dalam Daerah Kota Bharu

Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) merupakan salah satu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terbesar dan terpenting. Ia juga merupakan organisasi yang melaksanakan dasar-dasar dan falsafah kerajaan negeri Kelantan.[121] MPKB-BRI juga banyak terlibat dalam melaksanakan Dasar Kesenian yang diperkenalkan kerajaan negeri. Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam (MPKB-BRI) telah menetapkan beberapa syarat kepada pemohon atau agensi yang ingin mengadakan sesuatu persembahan kesenian atau hiburan dalam kawasannya. Semua jenis hiburan yang hendak diadakan itu mestilah mendapat kebenaran daripada pegawai pelesen iaitu Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam[122]. Lesen pula hanya dibenarkan kepada hiburan yang telah dikawal selia sahaja.[123] Setiap pemohon yang ingin mengadakan hiburan di sesuatu tempat hendaklah terlebih dahulu mendapatkan dua lesen berikut:[124]

(a) Lesen untuk mengadakan sesuatu hiburan

(b) Lesen untuk mengadakan hiburan di sesuatu tempat itu.[125]

Sekiranya seseorang atau pihak berkenaan melanggar perkara (a) dan (b) tadi, ia dianggap sebagai melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak

---

[121] Ucapan Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan, sempena Seminar Ahli-Ahli Majlis Daerah dan Penguasa Tempatan di Kota Darul Naim, 21 Februari 1993.

[122] Kedua-dua lesen ini dilulus secara serentak iaitu menggunakan satu borang permohonan sahaja. Sila lihat Lampiran 3, contoh maklumat permohonan lesen dan kelulusan dari MPKB-BRI.

[123] Garis Panduan Persembahan Hiburan Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam.

[124] Enakmen Kawalan Hiburan & Tempat-tempat Hiburan 1998.

[125] Mengikut Enakmen Kawalan Hiburan & Tempat-tempat Hiburan 1998, Tempat hiburan ertinya mana-mana tempat yang di atasnya ada apa-apa binaan atau struktur, apa-apa premis atau bangunan sama ada sementara atau kekal atau apa-apa perahu di air atau mana-mana tempat lain yang di dalamnya atau di situ sesuatu hiburan diadakan atau dicadang hendak diadakan dan yang ke situ orang ramai boleh mendapat ekses dengan atau tanpa bayaran, dan termasuklah sesuatu taman hiburan.

University of Malaya

melebihi dua puluh ribu ringgit (RM20.000) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi (6) tahun atau kedua-dua sekali. Bagi negeri lain seperti Pulau Pinang dikenakan denda tidak melebihi RM20,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali[126] manakala di Johor pula dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM10,000 dan penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya sekali.[127] Bagi negeri Pahang pula boleh dikenakan denda tidak kurang RM10,000 dan tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih dari lima tahun atau kedua-duanya.[128] Ini menunjukkan kadar denda yang dikenakan terhadap pesalah perkara (a) dan (b) adalah bergantung kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kerana mereka diberi kuasa oleh Perlembagaan Malaysia untuk berbuat demikan.

Apabila seseorang atau agensi yang ingin mendapat kedua-dua lesen tersebut, mereka hendaklah memenuhi prosedur atau syarat-syarat yang ditetapkan oleh MPKB-BRI sebagaimana berikut:

1) Borang permohonan lesen hiburan hendaklah dikemukan dalam tempoh dua minggu sebelum dari tarikh pertunjukan yang hendak diadakan.
2) Pihak pemohon mestilah membayar wang cagaran minima apabila permohonannya diluluskan sebagaimana berikut:[129]
    a) Cagaran minima hiburan pertunjukan/permainan tradisional dikenakan sebanyak RM 300.00.[130]
    b) Cagaran minima hiburan pertunjukan/permainan moden di tempat tertutup (hotel dan dewan) dan terbuka (stadium) dikenakan RM 1,000.00.[131]

[126] Seksyen 6 (1) (a) Enakmen Hiburan dan Tempat Hiburan 1998 Pulau Pinang.
[127] Seksyen 11(2) Enakmen Hiburan Negeri Johor.
[128] Seksyen 4(1)(b) Enakmen Hiburan Negeri Pahang 1993.
[129] *Ibid.*
[130] Garis Panduan Lesen Pulau Pinang menetapkan sebanyak RM 250.00.
[131] Bayaran lesen ini bergantung kepada jenis hiburan. Sebagai contoh kelulusan lesen *Persembahan Tarian Perba Thai* pada 3.5.2016 di Dataran Stadium Sultan Mohamed ke IV telah dikenakan sebagaimana

University of Malaya

3) Setiap pemohon juga mestilah mendapatkan pandangan atau kebenaran daripada pihak polis kawasan, penggawa / penghulu dan Ketua Polis Kota Bharu sebelum menghantar borang permohonan lesen hiburan.
4) Bagi permainan / pertunjukan bertiket, pemonon hendaklah membayar cukai hiburan kepada Jabatan Perbendaharaan Negeri Kelantan, sebelum mendapat lesen.
5) Bagi pertunjukan pentas, satu aturcara dan senarai peserta yang dicadangkan hendaklah disertakan.
6) Bagi pertunjukan Wayang Gambar, nama filem dan sensus no. hendaklah disertakan / dibuktikan.
7) Bagi maksud mempertimbangkan permohonan, pemohon hendaklah memberi (jika diminta) apa jua maklumat tambahan kepada Pegawai Lesen.
8) Pemohon juga dikehendaki menyatakan nama dan alamat Rakan Kongsi, Penganjur, Pengurus dan Pengendalian.
9) Nama dan alamat sekarang dan alamat lima tahun yang lepas bagi peserta yang mengambil bahagian bagi tiap-tiap pertunjukan hendaklah disertakan.
10) Peserta-peserta luar negara hendaklah menyatakan surat Imigresen.

Apabila permohonan lesen telah diluluskan, maka seseorang atau agensi itu mestilah membayar wang cagaran sebanyak RM 300/RM 1,000 / RM 20,000 sebelum persembahan diadakan dalam bentuk bank draf sahaja. Sekiranya pemohon didapati melanggar syarat kelulusan yang ditetapkan itu, wang cagaran akan dirampas dan akan dijadikan hasil Majlis Perbandaran Kota Bharu. Antara sebab-sebab dipotong duit deposit persembahan ialah:[132]

---

berikut: pendaftaran (RM50.00), Lesen Premis (RM 50.00), Lesen Hiburan (RM1,200), Deposit (tunai) (RM5,000), dan Bayaran Perkhidmatan yang lain (RM100).

[132]Temuramah dengan Hj. Shamsuddin Mamat, Pengarah Bahagian Perlesenan, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) pada 4/4/2015.

University of Malaya

1) Iklan tentang hiburan berkenaan tidak diturunkan walaupun sudah tamat tempoh persembahan.
2) Peserta yang ada dalam senarai sahaja yang dibenarkan untuk membuat persembahan. Jika berlaku sebaliknya tindakan akan diambil dan didenda.
3) Kawasan persembahan dibiarkan kotor tanpa dibersihkan.
4) Langgar syarat-syarat kelulusan lesen hiburan seperti terdapat kata-kata lucah.
5) Borang permohonan lesen hiburan mestilah diserah kepada Majlis Perbandaran Kota Bharu selewat-lewatnya dua minggu sebelum persembahan / pertunjukan hendak dimulakan. Sekiranya lewat akan didenda sebanyak RM 50 sehari.

Setelah mendapat kelulusan lesen hiburan, maka pihak penganjur mestilah menjaga syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam. Antara syarat-syarat tersebut termasuklah:

1) Tidak dibenarkan sebarang aktiviti hiburan diadakan pada hari Khamis (malam Jumaat) daripada jam 6.00 petang hingga 6.00 petang Jumaat.
2) Program hendaklah bermula jam 8.00 pagi hingga jam 6.00 petang dan tidak mengganggu kepada perjalanan ibadat solat bagi umat Islam yang berhampiran.
3) Program hiburan hendaklah diberhentikan setiap kali masuknya waktu solat.
4) Persembahan hiburan lain tidak dibenarkan kecuali program yang dinyatakan sahaja.
5) Program hiburan pada sebelah malam hendaklah bermula selepas Isyak.
6) Penganjur hendaklah mengemukakan “public Liability insurance”
7) Tidak ada unsur perjudian atau yang berunsur judi hendaklah dibuang.

University of Malaya

8) Penampilan peserta yang mengambil bahagian hendaklah menutup aurat[133] bagi orang Islam dan berpakaian sopan bagi yang bukan beragama Islam.
9) Hanya nama yang tercatat dalam permohonan sahaja yang dibenarkan mengambil bahagian dalam persembahan.
10) Sebarang pertunjukan dan bunyi-bunyi muzik hendaklah tidak terlalu kuat dan tidak mengganggu ketenteraman kawasan sekitar.
11) Tempat duduk penonton hendaklah dibuat berasingan di antara lelaki dan perempuan.
12) Menjaga kebersihan di dalam dan di luar kawasan persembahan.
13) Hendaklah membuat kawalan lalu lintas supaya tidak menimbulkan gangguan kepada orang ramai.
14) Penganjur bertanggungjawab ke atas keselamatan peserta dan penonton yang menyaksikan persembahan.
15) Mematuhi arahan yang ditetapkan oleh pihak polis dan pegawai MPKB-BRI.
16) Majlis boleh membatalkan kelulusan ini tanpa memberikan apa-apa sebab pembatalan itu.
17) Majlis berhak menambah atau membatalkan syarat-syarat di atas.

4.6.1. Perbezaan Antara Enakmen Kawalan Hiburan dan Garis Panduan Hiburan Kelantan Dengan Negeri Lain

Sepanjang penelitian terhadap enakmen kawalan dan garis panduan hiburan Negeri Kelantan, penulis mendapati ada beberapa perbezaan dengan enakmen dan

[133] Mengikut Undang–undang Kecil Kedai Gunting Rambut dan Pendandan Rambut (Majlis Perbandaran Kota Bharu) (Pindaan) 2003, "pakaian menutup aurat" ertinya pakaian wanita Islam yang menutupi seluruh tubuh badan kecuali muka dan kedua-dua tangan dan pakaian berkenaan hendaklah tidak ketat atau sempit atau nipis sehingga menampakkan bentuk tubuh badan.

University of Malaya

garis panduan Pihak Berkuasa Tempatan di negeri lain seperti Seberang Perai[134] Pulau Pinang, Maran Pahang[135] dan Batu Pahat, Johor.[136] Antara perbezaannya ialah:

1) Perbezaan Dari Segi Punca Kuasa.

Penggubalan utama Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dan garis panduan persembahan kebudayaan (Hiburan) di negeri Kelantan 1998 adalah berdasarkan fatwa MAIK tahun 1992 tentang kesenian dan hiburan. Enakmen dan garis panduan yang digubal oleh kerajaan Kelantan adalah sebagai melaksanakan kehendak fatwa tersebut kerana MAIK tidak mempunyai kuasa. Manakala bagi negeri-negeri lain, kewujudan garis panduan hiburan berasas kepada peruntukan Perlembagaan Persekutuan dalam Jadual Kesembilan (Perkara 74 dan 77). Sebagai contoh kebenaran panggung wayang. Ia sudah dijelaskan bahawa lesen panggung wayang dan tempat hiburan awam berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

2) Perbezaan Dari Segi Skop Kawalan.

Antara peraturan utama dalam Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dan garis panduan persembahan kebudayaan (Hiburan) di negeri Kelantan 1998 adalah untuk mengelak atau mencegah dari berlaku pergaulan bebas, tidak menutup aurat yang boleh membawa kepada maksiat dan menghapuskan amalan syirik dan khurafat dalam persembahan. Manakala garis panduan negeri lain berbentuk larangan

[134] Garis Panduan Lesen Hiburan Awam Majlis Perbandaran Seberang Perai. Versi 1: Telah Diluluskan Oleh Majlis Penuh Ke-509 Bil.11/2016 Pada 29 November 2016. Versi 2: Semakan Semula Pada 06 Februari 2017

[135] Warta Kerajaan, Jil.49, Phg.P.U.34, Enakmen Hiburan 1993-Kaedah-kaedah Hiburan 1996.

[136] Syarat-Syarat Lesen Hiburan Daerah Batu Pahat, Johor.

University of Malaya

umum dan tiada unsur pencegahan awal seperti dalam Garis Panduan Lesen Hiburan Awam Majlis Perbandaran Seberang Perai, Pulau Pinang.

Antara akitiviti Hiburan Yang Tidak Dibenarkan

a) Aktiviti hiburan yang terdapat di dalamnya menawarkan perkhidmatan pelacuran, pornografi, lucah dan ganas kepada pelanggan.

b) Aktiviti hiburan yang melibatkan permainan mesin simulator atau lain-lain mesin berbentuk aktiviti perjudian dan tidak disyorkan oleh PDRM.

c) Aktiviti hiburan yang tidak mempunyai kebenaran bertulis daripada Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Peraturan ini juga tidak menyatakan larangan terhadap perkara yang boleh merosakkan akidah seperti ramalan nasib. Ia mirip kepada hiburan moden dan penglibatan masyarakat berbilang kaum berbanding dengan enakmen dan garis panduan persembahan kebudayaan di negeri Kelantan yang lebih cenderung untuk mengawal penglibatan orang Islam sahaja seperti wayang kulit, main puteri dan makyung.

Garis panduan hiburan di Kelantan melarang sebarang iklan yang mempamerkan wanita yang tidak menutup aurat dan iklan hendaklah dituliskan dengan tulisan jawi (lebih besar) di bahagian atas manakala tulisan lain di bawahnya. Manakala iklan di negeri lain kebanyakannya menggunakan gambar wanita tidak menutup aurat dan tanpa tulisan jawi.

University of Malaya

3) Perbezaan Dari Segi Menghormati Hari-Hari Kebesaran Islam.

Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Hiburan) Kelantan lebih mengambil berat tentang waktu persembahan dan hari kebesaran Islam seperti malam Jumaat, Hari Maulud Nabi, Hari Israk Mi'raj dan Hari Nuzul al-Quran.[137]Sebagai contoh tidak dibenarkan sebarang persembahan pada hari Khamis (malam Jumaat) dari jam 6.00 petang hingga jam 6.00 petang Jumaat. Semua persembahan juga hendaklah dihentikan sekejap sebagai menghormati waktu solat. Bagi persembahan hiburan waktu malam pula hendaklah dimulai selepas solat Isyak. Selain itu, Kerajaan Kelantan juga melarang sebarang persembahan hiburan sepanjang bulan Ramadhan kerana menghormati bulan tersebut. Manakala negeri Pulau Pinang kebenaran persembahan bermula jam 2.00 petang sehingga jam 3.00 pagi[138], Batu Pahat johor pula bermula jam 10.00 pagi hingga jam12.00 malam tanpa mengira hari-hari kebesaran Islam, masuk waktu solat dan bulan Ramadhan.

4) Perbezaan Dari Segi Had Umur.

Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dan garis panduan persembahan kebudayaan (Hiburan) di negeri Kelantan 1998 hanya memberi kebenaran kepada kanak-kanak perempaun yang berumur 12 ke bawah sahaja untuk membuat persembahan di hadapan orang awam. Manakala di negeri-negeri lain mereka bebas untuk membuat persembahan di khalayak ramai tanpa terikat dengan had umur. Adapun larangan kepada pelajar yang berpakaian seragam sekolah ke pusat-pusat hiburan seperti permainan video, karoeke, snuker, billboard, simulator,

[137] Lihat *Jadual 5.1*: Hari Kebesaran Islam dan Waktu Dibenarkan Berhibur.
[138] Garis Panduan Lesen Hiburan Awam Majlis Perbandaran Seberang Perai.

University of Malaya

mesin hadiah dan *kiddle rides* adalah sama sahaja di semua negeri. Mereka yang berumur bawah 18 tahun hendaklah ditemani oleh ibu bapa mereka.[139]

Jika diperhatikan kepada perbezaan tadi, maka jelaslah negeri Kelantan lebih mengambil berat dalam menjaga masyarakat dari gejala sosial, pergaulan bebas, aurat, syirik dan khurafat. Pada masa yang sama berusaha menjaga syiar Islam dan memuliakan bulan Ramadhan. Tindakan tersebut merupakan satu maslahah kerana berusaha untuk melakukan *amar makruf dan nahi mungkar* yang berlaku dalam masyarakat terutama dalam bidang kesenian dan hiburan. Di samping menjadikan kesenian sebagai *wasilah* untuk mendekatkan manusia kepada mengingati Allah.

4.6.2. Kelemahan Pelaksanaan Enakmen Kawalan Hiburan Kelantan

Sepanjang membuat kajian ini penulis mendapati beberapa kelemahan dan halangan dalam pelaksanaan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 di negeri Kelantan. Antara kelemahan yang penulis dapati ialah:

1) Ada seketika[140] kerajaan Kelantan pimpinan Parti PAS tidak mampu menguatkuasakan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 walaupun ia diluluskan oleh kerajaan negeri. Sebagai contoh program anjuran Anjung Tulus Corporation Sdn Bhd dengan kerjasama Sekretariat Misi Cakna Palestin[141] dan kerajaan negeri pada 31 Disember 2010 iaitu sambutan malam tahun baru di Stadium Sultan Mohamed Ke-IV yang turut

[139] Seksyen 6 (1) (a) Enakmen Hiburan dan Tempat Hiburan 1998 Pulau Pinang.
[140] Maksud penulis di sini bukan semua program yang dianjurkan oleh kerajaan Kelantan gagal mengawal kelakuan penonton kecuali pada malam sambutan merdeka tahun 2010 sahaja. Banyak lagi program berjaya mendidik penonton dan pengunjung sehingga dijadikan contoh kepada pihak lain seperti program lautan kasih, jom heboh dan lain-lain.
[141] Program ini bertujuan mencari dana untuk membantu rakyat Palestin.

University of Malaya

dihadiri oleh Timbalan Menteri Besar, Datuk Ahmad Yaakob. Pihak penganjuran telah menjemput kumpulan penyanyi popular Wali Band dari Indonesia. Dalam program ini berlaku aksi melampau seperti penonton membuka baju dan bercampur lelaki serta perempuan walaupun telah ditetapkan tempat duduk mengikut jantina.

Bagi Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri, Datuk Seri Mustapa Mohamed kejadian demikian menunjukkan Kerajaan PAS Kelantan bersifat 'hangat-hangat tahi ayam' kerana mengamalkan dasar yang berubah-ubah semata-mata untuk mencapai kepentingan politik.[142] Datuk Seri Mustapa Mohamed menyifatkan kerajaan Kelantan sekarang seperti berikut:[143]

> *"Ini menunjukkan dasar yang tidak konsisten oleh kerajaan negeri. Satu masa dahulu konsert haram 100 peratus, lepas itu dilonggarkan, lepas itu longgar terus, hari ini 'paip' dibuka seluas-luasnya, hari itu tidak boleh percampuran lelaki dan perempuan, tidak boleh buka baju, tidak boleh tunjuk gelagat yang keterlaluan, sekarang ini semua sudah dihalalkan.*
>
> *"Jadi ini kita panggil 'hangat-hangat tahi ayam' dan kalau kita laksanakan hukum Islam tidak boleh hangat tahi ayam. Kita rasa ini satu dasar yang tidak konsisten, kita rasa amat dukacita dan ini berlaku di Kelantan yang mendakwa dia Islam dan lebih Islam daripada mana-mana dalam dunia ini,"*

Datuk Seri Mustapa Mohamed menyifatkan Kerajaan PAS yang ada sekarang sudah terkeluar daripada perjuangan asal PAS untuk menegakkan Islam. Ketika PAS memerintah pada 1990 banyak janji yang dibuat kepada rakyat Kelantan bukan saja hudud tetapi juga mengenai pergaulan lelaki dan

[142] Utusan Malaysia, 21 Ogos 2011.
[143] http://sejarahmelayu.blogspot.my/2011/01/puak-pas-pertahan-konsert-wali-band.html. 8/2/2018.

University of Malaya

perempuan, menutup panggung wayang dan aurat tetapi hari ini tiada penguatkuasaan pun. Dasar baru ini begitu terbuka dan ia tidak selari dengan apa yang diperjuangkan oleh PAS ketika berkuasa pada tahun 1990 yang nampak begitu ketat tetapi sekarang sudah longgar, ini menunjukkan kerajaan yang ada pada hari ini tidak konsisten dari segi dasarnya.[144]

Ustz Ahmad Fadli Shaari, Ketua Penerangan Pemuda PAS mengakui program yang telah berlangsung ada kelemahan kerana sukar untuk mengawal peminat-peminat ketika persembahan tetapi para pengkritik sepatutnya melihat kepada objektif program bukannya hanya melihat kepada kelemahan yang berlaku pada program tersebut. Menurut Ahmad Fadhli juga setiap persembahan hiburan di Kelantan perlu mematuhi Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998. Di dalam Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998, sudah disenaraikan bentuk-bentuk larangan yang dikenakan terhadap semua aktiviti persembahan hiburan di Kelantan. Persembahan konsert Wali Band langsung tidak melanggar Enakmen tersebut manakala penganjur konsert tersebut, Anjung Tulus Corporation Sdn. Bhd. telah diberikan syarat agar memastikan tidak berlakunya percampuran di antara penonton lelaki dan perempuan bukan mahram sepanjang persembahan berlangsung. [145]

Menurut En. Mohd Halimie Md. Salleh[146] Penolong Pegawai Penguatkuasa MPKB-BRI setiap program walaupun melibatkan kerajaan

---

[144] *Ibid.*

[145] http://pasbandarsungaibuaya.blogspot.my/2011/01/azan-berkumandang-selepas-konsert-wali.html. 15/3/2018.

[146] Temubual En. Mohd Halimie Md. Salleh pada 7/3/ 2018.

University of Malaya

negeri akan dikenakan deposit RM5000.00. Jika berlaku perlanggaran syarat atau peraturan, maka pihak MPKB-BRI akan potong deposit tersebut.

2) Tiada kerjasama yang erat antara kerajaan negeri dengan Jabatan Kesenian Negara (JKKN) yang ditadbir oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia. Kerjasama antara dua pihak sangat penting agar semua perkara yang berkaitan dengan kesenian di Kelantan dapat diselaraskan. Tanpa kerjasama Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dan garis panduan persembahan tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Sebagai contoh unsur-unsur yang dilarang dalam persembahan wayang kulit, makyung, pergaulan bebas antara lelaki dengan perempuan semasa persembahan tidak titikberatkan oleh JKKN kerana ia bukan dasar yang perlu dilaksanakan oleh mereka walaupun dasar kesenian Kelantan, enakmen kawalan hiburan dan garis panduan hiburan tersebut berdasarkan *maqasid shariah*. Ini menjadikan kerajaan Kelantan bersendirian dalam melaksanakan *amar ma'ruf dan nahi mungkar* dalam bidang kesenian di Kelantan.

Tanpa kerjasama antara dua pihak juga akan menyebabkan kesenian yang positif sukar untuk disebarkan kepada masyarakat luar Kelantan. Sebagai contoh kumpulan Dikir Sri Halaqat yang telah mendapat sambutan masyarakat Thailand sepatutnya dikembangkan lagi ke seluruh daerah di Kelantan tetapi sekarang ia hanya dipersembahkan pada majlis tertentu sahaja.

University of Malaya

3) Kekurangan kakitangan penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga merupakan salah satu faktor kelemahan pelaksanaan enakmen dan garis panduan hiburan di Kelantan. Menurut Ybrs. Haji Rofein Hassan, Pengarah Pembangunan Islam, Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam (MPKB-BRI) kadang-kadang petugas MPKB-BRI pun diugut pihak tertentu supaya tidak mengganggu kegiatan mereka. Selain itu, menurut Ustazah Rohani Mohd Noor, Pegawai Pendakwaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) kebocoran maklumat tentang operasi juga berlaku, terutama ketika operasi bersama dengan pihak MPKB-BRI. Dengan faktor demikian menyebabkan pihak berkuasa tempatan susah untuk mengatasi gejala sosial di Kelantan.

4) Enakmen dan peraturan yang digubal kerajaan tidak dihormati oleh pihak tertentu. Contohnya tindakan UMNO Bahagian Kota Bharu menjemput Dato' Siti Nuhaliza membuat persembahan pada 14 Julai 2014 sempena Jamuan Perdana Perayaan Hari Guru peringkat Kota Bharu[147]. Acara ini dikawal ketat oleh pengawal-pengawal keselamatan. Tindakan ini disifatkan sebagai mencabar Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 yang diluluskan oleh kerajaan Kelantan. Ekoran itu, pihak kerajaan Kelantan memberi amaran keras dan akan mengambil tindakan tegas sekiranya ada lagi penganjuran seumpama itu[148]. Tindakan pihak yang sengaja melanggar peraturan ini jelas sekali tidak mahu menghormati dasar dan peraturan yang dibuat oleh kerajaan Kelantan.

[147] http://www.ammboi.com/2012/08/02/penjelasan-dato-siti-nurhaliza-berkenaan-kontroversi-persembahan-di-kelantan/ dipetik pada 7/3/2018.
[148] *Ibid.*

University of Malaya

4.7. Bentuk-bentuk Pelaksanaan Dasar Kesenian oleh Kerajaan Kelantan

Antara bentuk tindakan yang dilakukan kerajaan Kelantan dalam melaksanakan dasar kesenaian ialah:[149]:

4.7.1. Membebaskan Aktiviti Kesenian Tradisional Dari Unsur Syirik

Kerajaan Kelantan mengarahkan supaya mengawal dan menghapuskan amalan-amalan yang bertentangan dengan Islam dalam hiburan tradisional seperti main puteri, makyung dan wayang kulit. Antara unsur syirik ialah memuja roh, jin dan khurafat. Pihak kerajaan Kelantan juga mengesyorkan supaya persembahan tradisional tersebut diganti dengan amalan yang sesuai dengan kehendak agama Islam seumpama melakonkan watak-watak pahlawan Melayu dan Islam yang lain.

Kerajaan Kelantan telah mengharamkan makyung, menora dan main puteri kerana berunsurkan fahaman Hindu malah aktor utamanya juga terdiri daripada perempuan yang menjadi tontonan umum. Persembahan wayang kulit juga pada awalnya diharamkan kerana berunsurkan fahaman Hindu, mitos dan khayalan. Namun akhirnya ia dibenarkan juga kerana Tok Dalang sanggup dan bersetuju untuk mengubah senikata yang berbentuk nasihat dan mendokong dasar-dasar yang diperjuangkan oleh kerajaan negeri. Begitu yang berlaku kepada dikir barat, kelonggarannya berdasarkan kepada kepatuhan Enakmen Kawalan Hiburan 1998.

Kelonggaran yang diberikan kepada penggiat-penggiat seni menunjukkan kerajaan Kelantan masih terbuka terhadap hiburan tradisional. Apa yang perlu dijelaskan di sini ialah mana-mana hiburan yang tidak melalaikan (dari mengingati

[149] Mohd Fadli Ghani. (2011). , *op.cit.*, hlm. 218.

University of Malaya

Allah), tidak mempunyai unsur syirik dan tidak melibatkan artis wanita akan dipertimbangkan oleh kerajaan negeri.

4.7.2. Memperkenalkan Kesenian Yang Mempunyai Nilai Positif Menurut Islam

Kerajaan Kelantan dengan kerjasama Unit Halaqat telah menubuhkan kumpulan dikir Sri Halaqat. Sebahagian besar ahlinya terdiri daripada imam, bilal dan pelajar pondok. Hasrat kerajaan Kelantan untuk menjadikan dikir barat ini sebagai medan dakwah telah terhasil pada 27 April 2010 apabila Unit Halaqat Negeri di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan telah menubuhkan kumpulan Dikir Sri Halaqat yang mempunyai ahli seramai 25 orang.

Menurut Haji Abdullah Abdul Razak, Dato' Nik Abdul Aziz telah memanggil beliau pada tahun 2008 bagi menyatakan hasratnya[150] untuk melihat sebuah kumpulan dikir barat yang dinyanyikan oleh para pendakwah dan tok guru pondok. Bagi Dato' Nik Abdul Aziz masyarakat Kelantan minat kepada syair-syair dalam Bahasa Arab tetapi mereka tidak faham maknanya. Jadi syair-syair Arab ini perlulah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu dalam bentuk pantun dinyanyikan melalui dikir barat. Dengan itu, beliau terus berusaha untuk menubuhkan kumpulan tersebut di bawah Unit Halaqat Negeri di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan dengan diberi nama sebagai Dikir Sri Halaqat.

[150] Temubual dengan Haji Abdullah Abdul Razak di pejabat Unit Halaqah, Lundang Kota Bharu pada 22/12/2014. Dato' Nik Aziz juga menjelaskan kepada beliau bahawa di Indonesia para wali telah menggunakan kesenian wayang kulit untuk menyebarkan dakwah kepada penduduk di sana. Dengan harapan yang besar untuk melihat tertubuhnya pasukan dikir barat ini, maka Dato' Nik Abdul Aziz telah mengeluarkan wang sakunya sendiri sebanyak RM1000 kepada beliau.

University of Malaya

Kumpulan ini terdiri daripada 25 orang dan dilatih oleh Zulkifli Muhammad atau dikenali sebagai Zul Wisma.[151] Lokasi latihannya di perkarangan rumah bekas penghulu Mukim Seterpa iaitu Wan Mat Wan Setapa. Menurut Haji Abdullah bin Abdul Razak[152] juga kumpulan dikir ini mengadakan latihan sebanyak dua kali seminggu dan mendapat kerjasama daripada Imam Mukim Kampung Parit Ismail Muhammad (Tok Imam Pa). Tok Imam Pa diberi amanah sebagai pemberi tazkirah kepada ahli kumpulan dikir barat ini selama sepuluh minit sebelum memulakan sesi latihan. Kumpulan dikir ini terdiri daripada seorang Imam Mukim iaitu Ismail Muhammad dan disertai oleh beberapa imam mukim lain, bilal, penghafal al-Qur'an, penghulu dan pelajar pondok.

Antara lagu-lagu yang dinyanyikan berbentuk nasihat dan kesedaran kepada penonton. Sehingga kini Sri Halaqat telah berjaya menghasilkan empat buah lagu bagi Tukang Syair (Tukang Juara) iaitu *Ku Mulai Dengan Nama Allah, Kelantan Serambi Mekah, Sedarlah Tiba Masa Berjuang dan Rukun Islam*. Setiap lagu ini disemak terlebih dahulu oleh mereka yang pakar dalam bidang agama dan Bahasa Arab antaranya Hj. Muhammad Daud Iraqi sebelum ia dinyanyikan di hadapan khalayak ramai untuk mengelak sebarang fitnah dan untuk mempastikan ia boleh memberi manfaat kepada penonton. Kumpulan Sri Halaqat juga berjaya menghasilkan lapan lagu berunsurkan dakwah dan selalu dinyanyikan semasa persembahan iaitu:[153]

1) Cakna Sembahyang

2) Keselamatan Jalanraya

3) Bertani Satu Ibadah

[151] Zulkifli Muhammad atau dikenali sebagai Zul Wisma merupakan pengurus kepada Dikir Sri Halaqat.
[152] Temubual dengan Haji Abdullah Bin Abdul Razak.
[153] *Ibid.*

University of Malaya

4) Kenang Jasa Ibu Bapa

5) Kacang Lupakan Kulit

6) Dunia Pinjaman

7) Menghormati Orang Tua

8) Kenang Jasa Guru.

Dengan bantuan dan sokongan mereka yang terkenal dalam bidang dikir barat seperti Daud Bukit Abal[154] dan Muhammad Harun (Pak Su Mat Pondok), telah berjaya menjadikan dikir barat sebagai medan dakwah seperti mana hasrat Menteri Besar Kelantan. Pasukan Sri Halaqat ini telah membuat persembahan di seluruh negara seperti Pahang, Perak, Melaka dan lain-lain. Malah pernah dijemput untuk membuat persembahan di Bangkok dan di Kampung Tamu, Narathiwat, Thailand.[155] Antara contoh seni kata lagu Dikir Sri Halaqat:

Insaflah – Zul Wisma

badan mu yang sihat
kulit mu yang terik
kerja rajin buat
harta banyak mu boleh milik
jangan sangat sedap
jangan sangat ralit
jangan kita buat kacang lupa kulit } 2x
Hidup 1000 tahun
harta mu bertimbung
nama mu disanjung naik
tinggi ke pangkat lambung
masa tubuh sihat
rupa tengah cantik
adakah kamu boleh royak } 2x
masa mana tuhan nak tarik } 2x

bila masa sampai
kita mesti tinggal
bawa papan sekeping
kain puteh sehelai
Di atas keranda waris duk usung
berlinang air mata orang kampung
pangkat mu hak tinggi
tuhan dah buang
harta dimiliki
kepunyaan dah hak orang lain
bini mu hak lawa
saing mu hak kasih
akhirnya kamu tinggal
tak lih lagi nak kelih

[154] Mat Daud Cik Mat atau dikenali dengan Daud Bukit Abal merupakan tokoh dikir barat dan penggiat seni yang tersohor di Kelantan. Mula bergiat dalam kesenian dikir barat sebagai Tok Juara pada 1961, ketika berusia 21 tahun. Bermula dengan hanya suka-suka bersama kawan-kawan yang akhirnya menjadi penggiat seni yang popular dan kini dikenali ramai di dalam dan luar negeri. Tokoh besar dalam kesenian dikir barat ini mempunyai ramai anak murid yang mengikuti jejak beliau untuk mengangkat kesenian dikir barat ke peringkat lebih tinggi. Beliau pernah terpilih menerima anugerah Tokoh Dikir Barat 2006 dari Kerajaan Negeri Kelantan. Beliau yang berasal dari Pasir Puteh, Kelantan meninggalkan sembilan orang anak dari dua isteri dan 14 cucu. Sepanjang hidup beliau menyara kehidupan keluarga dengan dikir barat. Lihat: https://sejarahkelantan.wordpress.com/2012/10/30.

[155] Temubual dengan Hj. Abdullah Abd.Razak pada 22/12/2014.

University of Malaya

4.7.3. Memberi Nilai Baru Terhadap Kesenian Yang Bersifat Neutral

Di Kelantan banyak sosio budaya yang bersifat neutral agama iaitu dari satu sisi tidak bercanggah dengan Islam tetapi dari segi yang lain tidak pula jelas mempunyai nilai, hala tuju dan matlamat. Antara contohnya ialah dikir barat, tarik selampit, permainan wau, gasing, kraf dan batik. Kesemua permainan ini tidak bertentangan dengan Islam. Dengan itu kerajaan Kelantan berusaha menjadikannya sebagai kesenian Islam dan ruangan untuk menyampaikan dakwah. Sebagaimana yang dilakukan terhadap dikir barat dengan menubuhkan Dikir Sri Halaqat. Dikir barat ini dijadikan saluran untuk menyampai dakwah kepada masyarakat Kelantan. Ia juga sering dijemput untuk membuat persembahan di negeri-negeri lain.

4.7.4.Menangguhkan Lesen Persembahan Bagi Kesenian Yang Belum Diubahsuai

Sesetengah kesenian di Kelantan mempunyai unsur-unsur syirik seperti makyung. Sebelum pertunjukan makyung biasanya diadakan upacara mengadap rebab dan menurun. Watak utama dalam makyung ialah seorang wanita dan disertai dengan kumpulan penari dari kalangan kaum wanita. Oleh kerana belum ada undang-undang (enakmen) atau peraturan khusus di bawah kerajaan Kelantan atau Majlis Agama Islam Kelantan yang melarang hal tersebut, maka kerajaan mengambil langkah menangguhkan dahulu lesen persembahan hiburan tersebut sehingga unsur-unsur negatifnya diubahsuai dan dipersucikan terlebih dahulu. Dalam peraturan kawalan ada menyebut:

> *"jenis persembahan masih belum dibolehkan diberikan lesen sehingga unsur-unsur bertentangan Islam diharamkan".*

University of Malaya

Kerajaan Kelantan di bawah kepimpinan ulama pun tidak pernah meninggalkan kesenian ini ketika mereka mengadakan sesuatu majlis. Malah Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) pun mempunyai kumpulan dikir baratnya sendiri.[156]

4.8.Kesan Pelaksanaan Enakmen Kawalan Dan Tempat-tempat Hiburan 1998 Terhadap Penggiat Seni Kelantan

Penulis mendapati apabila kerajaan Kelantan melaksanakan Enakmen Kawalan Dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dan Garis Panduan Persembahan (Hiburan) 1998 ini membuatkan para penggiat seni tradisional sukar untuk mencari makan di Kelantan. Tok Dalang Hamzah Awang Amat yang dianugerahkan Seniman Negara tidak membuat pertunjukan wayang kulit di Kelantan tetapi beliau bernasib baik kerana mendapat peluang berbakti dengan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Begitu juga dengan Primadona makyung, Khatijah Awang.[157] Beliau telah berhijrah ke Kuala Lumpur pada tahun 1997 dan tinggal di Keramat Permai, Kuala Lumpur. Dalam tempoh penghijrahan itu beliau ditawarkan sebagai pensyarah tetapi di Akademi Seni Kebangsaan (ASK),[158] di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.[159]

---

[156] Dinsman (Shamsudin Othman). (2013). *op.cit*., hlm.125.

[157] Khatijah Awang pernah berkata: "Sebagai seni yang paling saya sayangi, saya tidak mahu melihat permainan mak yung tidak diwarisi oleh generasi muda sekarang. Saya menaruh harapan kepada mereka (anak-anaknya dan anak didikannya) untuk meneruskan perjuangan bagi mengembangkan permainan mak yong bagi mempertahankan kesenian dan kebudayaan yang sangat terkenal pada zaman dahulu dan masa kini". Utusan Malaysia 8 Febuari1988.

[158] Zakaria Farok. (2011). Khatijah Awang dan Seri Temenggong: satu kajian kes terhadap keusahawanan seni.

[159] Akademi Seni Kebangsaan kini dikenali sebagai Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA). Berkuatkuasa pada 1 Ogos 2006 melalui AKTA Akademi Budaya dan Warisan Kebangsaan 2006 (AKTA 653).

University of Malaya

Selain daripada mereka berdua, Mak Nab binti Awang hilang punca pendapatan dan terpaksa mencari rezeki di tempat lain.[160] Mariam Mat Saman pula bekerja sebagai peniaga kuli muih di pasar Kampung Cabang Empat, Tumpat, Kelantan.[161] Manakala Abdullah bin Ibrahim dikenali dengan Dollah Baju Merah dan awak-awaknya terpaksa pergi ke Singapura dan bekerja sebagai buruh kerja besi.[162] Mereka berpindah ke negeri lain untuk meneruskan perjuangan seni dan mencari pandapatan untuk menyara keluarga mereka. Walaupun masih ramai lagi ahli seni menetap di Kelantan, tetapi mereka sebenarnya sedang menghabiskan sisa hidup dengan bertani, menjadi nelayan atau menanam tembakau dan sebagainya.

Pelaksanaan enakmen hiburan tersebut bukan sahaja memberi kesan kepada penggiat seni tradisional tetapi ia turut melibatkan penghibur bidang lain juga. Antaranya kumpulan Kapilla iaitu kumpulan pop rock yang popular dengan lagu rakyat yang dinamakan Dikir Rambung. Kumpulan ini berjaya menghasilkan album berjudul Che Awe Donde dengan jualan mencecah 10,000 unit. Kumpulan Kapilla merupakan pelarian seni yang mencipta nama di luar Kelantan. Di Kuala Lumpur mereka bernasib baik kerana diberi ruang untuk membuat persembahan di Panggung Eksperimen, Matic, Auditorium Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sehingga ruang legar kompleks membeli belah dan hotel.[163] Penulis berpendapat mereka lebih mudah membuat persembahan di luar Kelantan mungkin kerana tiada tekanan dengan penguatkuasaan Akta 493 (Akta Hiburan Wilayah Persekutuan 1992) dan setiap persembahan akan mendapat kerjasama

---

[160]Penggiat seni di Kelantan `tersepit' oleh Mokhtar Alias pada 29/9/1999 dalam : http://library.perdana.org.my/Digital_Content/Prominent_Leaders/Mahathir/News_1968-2004/1999-2000/1999pz/penggiat%20seni%2 dipetik pada 12/8/2018.

[161] A.S, Hardy Shafii. (2004). Pengurusan Pementasan Teater Komersil Mak Yong di Kelantan, 1950-an dan 1960-an. *Wacana Seni (Journal of Arts Discourse)*, 3, 31-60.

[162] Dewan Budaya, Oktober 1994. *Wayang Kulit: Marahkan Pijat Bakar Kelambu*. hlm.47.

[163] http://library.perdana.org.my/Digital_Content/Prominent_Leaders/Mahathir/News_1968-2004/1999-2000/1999pz/penggiat%20seni%2 dipetik pada 12/8/2018.

University of Malaya

daripada pelbagai pihak berbanding dengan membuat persembahan di Kelantan yang dikelilingi dengan perbagai syarat dan peraturan.

Pada Februari 2006 Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) telah menghalang satu persembahan makyung oleh Kumpulan Warisan Seni Temenggung II pimpinan Saari Abdullah. Persembahan itu diadakan secara tersembunyi kerana dilarang pihak MPKB-BRI. Persembahan ini sebenarnya untuk sekumpulan pelajar Sekolah Media dan Persembahan, Kolej Universiti Sunway yang berhasrat menonton makyung untuk menyiapkan kerja kursus mereka. MPKB-BRI telah mengarahkan supaya persembahan tersebut dibatalkan kerana telah melanggar peraturan hiburan di negeri Kelantan. Penulis pandangan tindakan pihak berkuasa ini telah menjejaskan sedikit minit pelajar untuk mempelajari tentang asal usul makyung. Sepatutnya pihak MPKB-BRI memberi nasihat atau cadangan kepada pelajar tersebut supaya mengadakan persembahan di Gelanggang Seni Kota Bharu kerana ia adalah tempat yang dikhaskan untuk penyelidikan dan pelancong bukannya bertindak mengeluarkan arahan supaya membatalkan persembahan tersebut.

Bagi Penggiat seni dikir barat pula, walaupun dibenarkan membuat persembahan di Kelantan tetapi mereka menghadapi proses birokrasi atau kerenah di pejabat jajahan. Untuk mengadakan hiburan mereka hendaklah mengisi borong permohonan untuk mendapatkan lesen hiburan di bawah Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998.[164] Mereka juga perlu mendapatkan kebenaran bertulis daripada pihak premis yang dipilih sebagai tempat untuk mengadakan persembahan. Pemohon juga perlu mendapatkan kebenaran daripada ibu pejabat polis daerah serta memaklumkan kepada penghulu kampung berkenaan. Bagi permohonan lesen dikir barat, mereka perlu menyerahkan sinopsis persembahan dan aturcara program. Mereka juga perlu nyatakan

[164] Lihat: Lampiran 4

University of Malaya

nama kumpulan dikir barat, juara tukang karut dan ahli kumpulannya. Peserta yang tiada dalam senarai tersebut dilarang sama sekali membuat persembahan. Selain itu, mereka juga perlu menyediakan lirik lagu yang akan dipersembahkan nanti.[165] Penganjur juga mestilah mengasingkan tempat duduk antara penonton lelaki dan perempuan. Artis daripada perempuan juga dilarang membuat persembahan.[166] Iklan untuk persembahan juga dilihat agak menyusahkan penganjur persembahan kerana perlu mengikut beberapa syarat tertentu.[167] Bagi penulis, begitu banyak sekali syarat lesen persembahan dan syarat untuk iklan persembahan yang perlu dipatuhi oleh pihak penganjur dikir barat. Maka tidak hairanlah mereka memilih untuk tidak membuat persembahan di Kelantan kerana banyak perkara yang perlu dipatuhi.

Pada tahun 2016 terdapat sebuah syarikat swasta ingin membuka panggung di Kelantan tetapi terpaksa membatalkannya kerana tidak sanggup dengan syarat-syarat yang ditetapkan Majlis Perbandaran Kota Bahru-Bandaraya Islam. Antara syarat-syarat yang ditetapkan ialah pengasingan tempat duduk untuk penonton lelaki dan perempuan, dan larangan tayangan semasa waktu Maghrib, malam Jumaat dan ketika bulan Ramadan. Hasrat syarikat ini mendapat bantahan daripada Pemuda PAS Kelantan. Mereka mengemukakan memorandum terhadap percubaan untuk membuka semula pawagam di negeri Kelantan. Memorandum itu antaranya menggesa supaya operasi pawagam di Kelantan dilaksanakan dengan syarat-syarat ketat bagi mencegah maksiat.[168] Bagi penulis sekiranya syarikat tersebut dapat mematuhi peraturan dan tidak bertentangan dengan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998 ia patut dibenarkan kerana peraturan itu sudah ketat dan mungkin dapat menghindari perkara yang tidak diingini daripada berlaku.

---

[165] Lihat: Lampiran 5
[166] Lihat syarat-syarat kelulusan lesen hiburan dalam Lampiran 3
[167] Lihat: Lampiran 6
[168] http://www.astroawani.com/berita-malaysia/syarikat-cadang-buka-panggung-wayang-di-kelantan-tidak-mahu-teruskan-112715. Dipertik pada 6 September 2018.

University of Malaya

Memandangkan kepentingan memilihara kesenian Kelantan pada masa sekarang, maka pada 20 November 2017, telah diadakan satu perjumpaan kalangan penggiat seni dan aktivis seni di Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Kota Bharu. Perjumpaan yang dihadiri oleh 200 penggiat seni dan aktivis seni tujuan untuk menyuarakan pandangan dan pengalaman dalam lapangan seni. Antara barisan yang hadir ialah Majlis Seni Rakyat Kelantan, Persatuan Seni Lukis (PESENI), Persatuan Layang Layang Kelantan (PELAYANG), Pertubuhan Kebudayaan Kesenian Dan Warisan Kelantan, Pertubuhan Seni Silat Pusaka Gayung, Persatuan Seni Fotografi dan Persatuan Dikir Barat Kelantan (PENDIKIR). Turut hadir Persatuan Penulis-Penulis Tumpat (PESISIR), Gabungan Penulis Muda Kelantan (GEMA), Majlis Teater Kelantan (TEMA) dan Penyair Kelantan.[169]

Pada majlis itu, Penasihat Sosio-budaya Kerajaan, Tan Sri Dato Seri Utama Dr. Rais Yatim menghulurkan dana bernilai RM100,000 kepada Universiti Malaysia Kelantan supaya menjadi pemangkin dalam menyuarakan pandangan dan ilmu yang berkaitan dengan kebudayaan. Ini penting kerana Kelantan merupakan tempat asal bagi dikir barat, wayang kulit, seni lukis, silat dan lain-lain. Beliau ingin membantu UMK supaya menjadi pemangkin kepada pemulihan dan kebangkitan semula kebudayaan dan kesenian di Kelantan.[170] Penulis melihat ini merupakan usaha yang baik daripada pihak penggiat dan aktivis seni serta kerajaan Pusat untuk membantu mengembalikan kesenian di Kelantan yang semakin lenyap dan kurang mendapat sambutan daripada generasi muda pada hari ini. Sudah tiba masanya para cendekiawan Kelantan sama ada yang tinggal di Kelantan atau di pusat-pusat pengajian tinggi bersatu untuk mengembalikan kegemilangan Kelantan dalam bidang kesenian.

---

[169] https://www.umk.edu.my/index.php/ms/penerbitan/berita-terkini/4-latest-news/30-200-penggiat-dan-aktivitis- seni-kelantan-berhimpun-di-umk-kampus-kota. Dipetik pada 12/8/2018.
[170] *Ibid*.

University of Malaya

Karima Bennoune Pelapor Khas Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB) dalam bidang hak berbudaya telah meminta kerajaan Kelantan supaya menarik balik sekatan ke atas kesenian tradisional seperti wayang kulit, main puteri dan dikir barat. Beliau berpendapat bahawa rakyat berhak menikmati persembahannya dan ia perlu dihargai sebagai salah satu seni persembahan tertua di dunia. Pihak berwajib juga sepatutnya memberi penjelasan dan pemahaman terhadap makna amalan seni makyung yang mempunyai sejarah panjang di Malaysia.[171] Mengikut Timbalan Menteri Besar Datuk Mohd Amar Nik Abdullah kerajaan Kelantan tidak akan menarik balik larangan persembahan tarian makyung di negeri itu kerana ia merupakan dasar kerajaan negeri,[172] walaupun ada desakan daripada wakil PBB. Ini menunjukkan bahawa kerajan Kelantan masih lagi beranggapan cara persembahan wayang kulit dan makyung tidak berubah, iaitu ada lagi unsur-unsur ritual dan pemujaan.

Selain daripada masalah yang dihadapi oleh penggiat seni, pendapatan penduduk Kelantan juga terjejas disebabkan kekurangan kemasukan para pelancong ke negeri Kelantan. Sebagai contoh pada tahun 2017 jumlah kemasukan pelancong hanya seramai 819966 orang.[173] Kemerosotan itu dapat dilihat melalui penjualan bilik hotel selain perniagaan produk pelancongan yang turut merudum. Faktor utama kekurangan kemasukan pelancong ke Kelantan ialah kerana kurangnya promosi daripada kerajaan negeri.[174]

Mengikut Setiausaha Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Hanafi Mamat berpunca daripada kegagalan kerajaan negeri Kelantan memanfaatkan kawasan yang

---

[171] http://ww1.kosmo.com.my/kosmo/content.asp?y=2017&dt=0922&pub=Kosmo&sec=Terkini&pg=bt_02 htm dipetik pada 12/8/2018

[172] https://m.malaysiakini.com/hiburan/395996 dipetik pada 13/8/2018.

[173] http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset?tags=pelancong+mengikut+negara.Dipetik pada 8 September 2018.

[174] https://sokmo.net/2016/10/11/gagal-manfaat-kawasan-berpotensi-punca-pelancong-asing-semakin-merosot-ke- kelantan/.

University of Malaya

berpotensi untuk kemajuan industri dan tempat pelancongan. Kerajaan negeri seharusnya mengkaji perkara itu dalam usaha membangunkan negeri dari sudut pelancongan. Kerajaan negeri juga tidak berusaha menaik taraf prasarana pelancongan menjadikan Kelantan hanya menjadi tempat transit bagi pelancong yang hendak ke negeri atau negara jiran. Beliau mencadangkan agar kerajaan negeri membuat kajian, dengan mengambil pakar untuk merangka model pelancongan negeri.[175]

Perkara itu turut diakui Exco Kebudayaan, Pelancongan dan Warisan Kelantan, Datuk Mohd. Anizam Abdul Rahman.Bagaimanapun, kerajaan negeri sentiasa merancang bagi memajukan industri tersebut di Kelantan. Menurut beliau kerajaan Kelantan sedang berusaha untuk memajukan sektor pelancongan dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Tourisme Malaysia,Tourisme Kelantan dan pakar pelancongan serta kerjasama NGO.[176]

4.9. Kesimpulan

Dasar "Membangun Bersama Islam" yang menjadi penaung kepada dasar-dasar lain terutama dasar kesenian memberi kesan yang sangat besar terhadap bidang sosial dan kesenian Islam di Kelantan. Dua bidang ini merupakan aspek yang penting dalam kehidupan rakyat Kelantan. Ini menunjukkan bahawa dasar "Membangun Bersama Islam" sendiri mengandungi unsur-unsur *siasah syar'iyyah* iaitu melakukan kebaikan untuk rakyat di samping mencegah mereka daripada perkara mungkar. Dasar Kesenian ini secara tidak langsung berjaya menyerapkan persekitaran sosial dan budaya Islam dalam kalangan masyarakat di Kelantan. Oleh kerana kesenian sangat berkait rapat dengan kehidupan manusia, maka tidak hairanlah kerajaan Kelantan mengadakan

[175] *Ibid.*
[176] *Ibid.*

University of Malaya

beberapa peraturan terhadap aktiviti kesenian supaya ia tidak terkeluar dari kehendak Islam. Tindakan kerajaan Kelantan ini dilihat sebagai melaksanakan amanah Allah iaitu menyelamat akidah umat Islam dari perkara syirik dan khurafat. Ia dikenali sebagai menjaga *maqasid shariah*.

Walaupun pelbagai syarat dan peraturan dikenakan untuk mengadakan sesuatu hiburan di Kelantan, bukanlah bermakna kerajaan Kelantan anti kepada hiburan masa ada moden atau tradisional. Malah tindakan kerajaan ini merupakan langkah untuk menggalakkan lagi hiburan tradisional di Kelantan kerana ia sudah bersih dari unsur-unsur yang bertentangan dengan agama Islam malah persembahannya juga diubah supaya mengikut perkembangan semasa. Penulis yakin usaha kerajaan Kelantan ini boleh menggalakkan lagi minat rakyat Kelantan kepada hiburan tradisional seperti wayang kulit dan dikir barat apabila disesuaikan dengan perkembangan dunia pada hari ini.

University of Malaya

BAB 5: ANALISIS *SIASAH SYAR'IYYAH* DALAM PELAKSANAAN DASAR KESENIAN NEGERI KELANTAN

5.1. Pengenalan

Apabila memenangi Pilihan Raya Umum tahun 1990, pemimpin kerajaan Kelantan terutama dari Parti PAS memikul suatu tanggungjawab besar untuk menunaikan hasrat parti mereka dalam melaksanakan hukum syarak diamanahkan Allah S.W.T. Ini kerana kuasa politik merupakan amanah Allah yang akan dipertanggungjawabkan di akhirat nanti. Menurut Imam al-Mawardi menjaga agama merupakan salah satu daripada tanggungjawab seorang pemimpin negara/negeri umat Islam supaya tidak dicemari oleh unsur-unsur yang boleh merosakkan kesucian agama Islam[1]. Oleh itu, semua pemimpim Kelantan akan bertanggungjawab untuk melaksanakan amanah Allah dan matlamat parti PAS seperti melaksanakan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar*[2] serta melaksanakan undang-undang Islam di negeri Kelantan. Mereka juga bertanggungjawab untuk membuat kebajikan, kemaslahatan, kemudahan dan pembangunan untuk rakyat Kelantan.

Apabila Dato' Nik Abdul Aziz menjadikan al-Qur'an dan al-Sunnah sebagai panduan utama dalam pentadbirannya, maka setiap perubahan telah dan akan dilakukan mestilah berdasarkan sumber tersebut. Jika timbul permasalahan baharu dan tidak dijelaskan dalam al-Qur'an dan al-Sunnah mereka akan menggunakan kaedah ijtihad untuk menyelesaikannya. Dengan itu, tindakan kerajaan Kelantan memperkenalkan Dasar Kesenian Kelantan, Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998, Garis Panduan Persembahan (Hiburan) 1998 dan Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003 merupakan tindakan *siasah syar'iyyah* kerana ia suatu langkah mendekatkan rakyat Kelantan kepada hiburan yang berasaskan nilai-nilai Islam dan

---

[1] Abu al-Hasan 'Ali Ibnu Muhammad Ibnu Habib al-Mawardi. (1989) *ahkam al-Sultaniah w'al-Wilayat al-Diniyyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiah, hlm.32

[2] Perlembagaan Parti Islam Semalaysia PAS, Pasal 6 (1).

University of Malaya

menjauhkan manusia dari pergaulan bebas, khalwat dan unsur-unsur syirik. Jelaslah penggubalan dasar tersebut untuk kemaslahatan dan kebaikan rakyat Kelantan.

5.2. Pembentukan Dasar Kesenian Kelantan Selaras Dengan *Maqasid Syariah*

Jika dilihat kepada objektif dan matlamat dasar kesenian Kelantan yang diubahsuai dari Dasar Kebudayaan Kebangsaan 1971 lebih mengutamakan *maqasid syariah*. Kenyataan ini berdasarkan kepada langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan Kelantan dan hasil dari pelaksanaan dasar tersebut.

5.2.1. Menjaga Agama

Ketika melaksanakan dasar kesenian, kerajaan Kelantan berusaha menjaga kesucian agama Islam daripada anasir-anasir yang boleh memesongkan akidah umat Islam dengan menguatkuasakan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dan Garis Panduan Persembahan (Hiburan) 1998. Dengan itu dapat membendung persembahan kesenian yang mengandungi unsur-unsur lucah, syirik dan khurafat terutama sekali dalam kesenian tradisional Kelantan seperti wayang kulit, makyung dan main puteri. Selain mengadakan peraturan, kerajaan negeri juga memberi penerangan melalui ceramah-ceramah dan seminar kepada masyarakat sama ada dalam atau luar Kelantan tentang larangan terhadap wayang kulit, makyung dan main puteri.

Di samping menjaga akidah umat Islam supaya tidak terlibat atau percaya dengan cerita-cerita rekaan/dongeng dalam kesenian tradisional tersebut, kerajaan negeri juga mewujudkan program Bulan Sembahyang, sebagai usaha untuk menyedarkan masyarakat tentang kewajipan mendirikan solat lima waktu kerana ia boleh mencegah seseorang daripada melakukan perkara mungkar dalam

University of Malaya

kehidupannya. Kerajaan Kelantan juga memperkasakan pendidikan Islam terutama sekali di sekolah-sekolah agama bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan (YIK) dan mewujudkan lebih banyak pusat tahfiz. Antaranya Maahad Tahiz Sains Nurul Aman Kok Lanas, Maahad Sains Tok Guru di Pengkalan Chepa dan Maahad Tahfiz Sains Bustanul Arifin, Tumpat serta mengaktifkan semula pondok-pondok di Kelantan sebagai benteng untuk mempertahankan agama.

5.2.2.Menjaga Nyawa

Kerajaan Kelantan melarang mana-mana kesenian yang boleh mendatangkan bahaya kepada seseorang seperti tomoi. Kemudian dibenarkan semula apabila pihak penganjur sanggup mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh kerajaan negeri sebagaimana dibincangkan dalam bab sebelum ini. Selain itu, Kerajaan Kelantan juga mengadakan kempen keselamatan jalan raya dengan kerjasama kumpulan dikir barat dalam memberi kesedaran kepada orang ramai tentang betapa pentingnya menjaga keselamatan dan nyawa dalam Islam.

5.2.3. Menjaga Akal

Kerajaan Kelantan juga mengambil berat tentang kepentingan menjaga akal fikiran manusia daripada anasir-anasir yang boleh merosakkannya sama ada secara zahir seperti dadah, arak dan pil kuda atau batin seperti kepercayaan kepada makhluk halus. Antara langkah yang dilaksanakan menghadkan lesen premis menjual minuman keras iaitu lesen hanya dibenarkan kepada kedai-kedai orang bukan Islam dan dalam kawasan tertentu serta menguatkuasakan syarat kelulusan permit hiburan dan tempat-tempat untuk mengadakan sesuatu hiburan tanpa melibatkan minuman keras dan perjudian. Dengan penguatkuasaan

University of Malaya

enakmen dan garis panduan hiburan dapat menyelamatkan akal dan akidah seseorang Islam dari anasir-anasir judi, syirik dan khurafat. Kerajaan Kelantan juga menggunakan kesenian dikir barat untuk kempen mencegah najis dadah, pil kuda, lumba haram dalam kalangan remaja. Dikir barat juga dijadikan daya penarik dalam kempen penggunaan ubat berdaftar dan keselamatan jalan raya di Kelantan.

5.2.4. Menjaga Keturunan.

Untuk menjaga keturunan umat Islam, kerajaan Kelantan bertindak dengan menutup tempat-tempat hiburan seperti kelab malam, pusat karaoke dan rumah urut yang menjadi punca kepada gejala sosial dan maksiat di Kelantan. Sebelum pemerintah PAS di Kelantan kedai-kedai runcit dan pasaraya bebas menjual arak tanpa had dan kawalan, malah ia boleh dijual kepada orang Islam secara terbuka. Dengan kata lain tiada penguatkuasaan ataupun larangan penjualan arak secara terbuka di Kelantan sebelum tahun 1990. Apabila parti PAS memerintah Kelatan, maka lesen premis menjual arak dihadkan dan hanya dibenarkan kepada bukan Islam sahaja.

Tindakan ini untuk mengawal dan menjaga keturunan umat Islam kerana dengan meminum arak tadi boleh menjerumuskan seseorang kepada zina dan rogol. Selain itu, kerajaan Kelantan menyediakan rumah tiga bilik atau mengarahkan pemaju perumahan di Kelantan agar membina rumah yang mengandungi tiga bilik. Satu bilik hendaklah khas untuk ibu bapa, satu bilik untuk anak lelaki dan satu bilik lagi untuk anak perempuan. Ia merupakan langkah untuk mencegah dari berlaku maksiat, pendedahan aurat, pergaulan bebas dan sumbang mahram yang boleh merosakkan keturunan manusia. Untuk menjaga keturunan,

University of Malaya

kerajaan Kelantan mewajibkan pasangan yang ingin berkahwin menjalani ujian saringan HIV. Peraturan ini bertujuan untuk menyelamatkan keturunan dan melahirkan masyarakat yang bebas daripada penyakit yang merbahaya seperti AIDS, Hepatitis B, Hepatitis C dan sifilis. Kerajaan negeri juga memberi bantuan kewangan untuk remaja yang ingin melangsungkan perkahwinan sebanyak RM 1500 sebagai menggalakkan mereka berkahwin kerana dengan perkahwinan dapat mengurangkan gejala sosial dalam masyarakat pada hari ini.

5.2.5. Menjaga Harta

Untuk menjaga harta rakyat daripada terlibat dengan perkara haram dan bertentangan nilai Islam. maka kerajaan negeri mengambil langkah menutup pusat judi dan toto. Kerajaan Kelantan juga berpandangan judi dan toto menghabiskan duit rakyat dan boleh membawa mereka kepada kemiskinan. Kerajaan negeri juga memperkenalkan sistem pajak gadai Islam untuk menyelamatkan masyarakat Islam dari unsur riba dan membebaskan golongan miskin daripada menjadi mangsa sistem pajak gadai konvensional di samping mengamalkan langkah berjimat cermat dalam menguruskan kewangan negeri Kelantan.

Jika dilihat kepada dasar kesenian Kelantan ia sangat berbeza berbanding dengan dasar-dasar kesenian di negara lain seperti Mesir, Turki, India dan Indonesia sepertimana dibincangkan dalam bab sebelum ini. Dasar kesenian Kelantan sangat mengambil berat dengan *maqasid shariah* dalam pelaksanaannya. Bagi penulis, Kelantan merupakan negeri pertama di Malaysia mempunyai dasar kesenian berdasarkan kepada prinsip Islam berbanding dengan negeri-negeri lain. Malah dasar-dasar lain juga digubal atau dipinda supaya selari dengan kehendak Islam seperti Dasar Pelancongan, Dasar Wanita, Dasar Pendidikan Negeri dan Dasar Perundangan dan

University of Malaya

Kehakiman. Dasar Kesenian Kelantan merupakan suatu pembaharuan untuk memartabatkan kesenian supaya tidak bertentangan dengan Islam dan menyelamatkan kaum wanita daripada terlibat dengan pergaulan bebas, pelancuran dan gejala sosial sebagaimana dinyatakan dalan kajian Haryati Hassan (2003)[3] dan Salahuddin Abdullah. (2010).[4]

5.3. Penggubalan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan Serta Garis Panduan Hiburan 1998 Berdasarkan Nas-nas Syarak

Tindakan kerajaan Kelantan menggubal Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dan Garis Panduan Persembahan Hiburan 1998 merupakan satu langkah berani dalam melaksanakan amanah Allah kerana ia ditentang oleh pencinta-pencinta kesenian tradisional. Tujuan enakmen dan garis panduan tersebut adalah untuk menyelamatkan akidah umat Islam daripada perkara yang bertentangan dengan Islam seperti melibatkan amalan syirik, khurafat, perjudian dan pergaulan bebas. Penulis mendapati kerajaan Kelantan menggubal dasar kesenian adalah berdasarkan kepada perintah Allah S.W.T:

Pertama:

كُنتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ

Maksudnya*: Kamu (wahai Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi umat manusia, kerana kamu menyuruh kepada kebaikan dan melarang dari segala yang buruk dan kamu juga beriman kepada Allah*

Surah al-'Imran: (4):110

Kedua:

[3] Haryati Hassan. (2003). "Wanita Kelantan dan Pelacuran Satu Kes Kajian di Kota Bharu 1950an – 1970". (Tesis Phd Jabatan Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

[4] Salahuddin Bin Abdullah. (2010). Sejarah Pas Kelantan (1959-1978) Langkah-langkah Menuju Mardhatillah. Badan Perhubungan Pas Negeri Kelantan, Kota Bharu: Percetakan Zulrahim Sdn. Bhd.

University of Malaya

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوٓاْ إِنَّمَا ٱلۡخَمۡرُ وَٱلۡمَيۡسِرُ وَٱلۡأَنصَابُ وَٱلۡأَزۡلَٰمُ رِجۡسٞ مِّنۡ عَمَلِ ٱلشَّيۡطَٰنِ فَٱجۡتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمۡ تُفۡلِحُونَ ٩٠

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, Sesungguhnya (meminum) khamar, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah adalah termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan.*

Surah al-Maidah (5): 90

Berdasarkan ayat dari *surah al-'Imran* di atas, maka hendaklah ada sekumpulan daripada kalangan umat Islam melakukan *amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* dalam masyarakat. Manakala surah al-Maidah pula menjelaskan jenis-jenis amalan yang bertentangan dengan Islam dan boleh merosakkan akidah umat Islam. *Amar ma'ruf* dan *nahi mungkar* merupakan salah satu peranan kerajaan Islam dan tugas ini telah pun dilaksanakan oleh kerajaan PAS Kelantan pada tahun 1959.

Selain itu, penggubalan enakmen dan garis panduan tersebut juga berpandukan kepada fatwa yang dikeluarkan Jemaah Ulama Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Kelantan (MAIK) pada tahun 1992. Ini bermakna perubahan dalam bidang kesenian dan hiburan bukan semata-mata lahir daripada pandangan para pemimpin kerajaan Kelantan pada masa itu tetapi berdasarkan fatwa ulama MAIK. Bahkan pihak JAKIM juga turut mengeluarkan fatwa tentang makyung pada tahun 1994. Berpandukan kepada Dasar Kesenian Kelantan, Garis Panduan Persembahan (Hiburan) 1998 dan Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003, jelaslah semua peraturan berdasarkan kepada kehendak nas syarak dan ia dinamakan sebagai *maslahah al-Mutabarah* sebagaimana dibincangkan sebelum ini.

University of Malaya

Walaupun dasar kesenian Kelantan digubal berdasar *maslahah al-Mutabarah* tetapi para mufti yang mengeluarkan fatwa dan pemimpin yang berijtihad mereka perlu memahami dengan keadaan semasa dan urf (amalan kebiasaan di suatu tempat). Hal ini telah pun ditegaskan oleh Ibnu Najim:

وفى الأمور التّى من شأنها ألا تبقى على وجه واحد بل تتغير وتتبدل لتغير الظروف الأحوال والأزمان والأمكنة والمصالح

Maksudnya*: Dalam perkara yang sifatnya tidak kekal dengan kedudukan yang satu bahkan berubah-ubah mengikut perubahan tempat, keadaan, zaman dan kepentingan.*

Ibnu Khaldun melalui kitabnya *al-Muqadimmah Ibnu Khaldun* menegaskan bahawa perkembangan sosio-ekonomi masyarakat dan alam sekitar boleh mempengaruhi kebudayaan dan kesenian bagi sesebuah negara.[5] Menurut Mahmud Zuhdi Abdul Majid (2010)[6] pula keadaan Malaysia dan negara-negara Islam pada hari ini sudah maju dan dipengaruhi oleh perkembangan sains dan teknologi. Hukum yang diputuskan oleh ulama terdahulu perlu dinilai semula kerana rakyat Malaysia pada hari ini sudah berpendidikan tinggi dan mengikut arus perkembangan sains dan teknologi. Kemajuan dalam pelbagai bidang hari ini telah mengubah cara dan gaya hidup masyarakat dunia hari ini. Kemajuan ini telah menyerap masuk pelbagai budaya asing ke dalam masyarakat terutama dalam bidang kesenian seperti hiburan. Hal ini dapat dilihat apabila anak muda berpakaian ala Barat, lagu-lagu asing dan penggunaan alat muzik.

Kemasukan unsur-unsur luar ini sedikit sebanyak mengubah kesenian asli di Malaysia seperti dikir barat, nasyid dan lain-lain. Bagi persembahan wayang kulit dan makyung juga ia telah pun mengalami perubahan. Pada hari ini tiada lagi upacara 'buka

[5] 'Abd. al-Rahman Ibu. Khaldun, (t.t). *al-Muqadimmah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
[6] Mahmood Zuhdi Abdul Majid. (2010). *Transformasi Fikah Semasa*, Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.

University of Malaya

panggung dan tutup panggung' sebagaimana yang diamalkan sebelum ini. Malah persembahannya juga diadakan secara komersial. Dengan itu, keputusan yang diambil oleh kerajaan Kelantan terhadap kedua-dua kesenian ini perlu dinilai balik kerana ia telah mengalamai perubahan.

5.4. Menonjolkan Konsep *Siasah Syar'iyyah* Dalam Program Kesenian

Di sini penulis akan menjelaskan beberapa unsur penting untuk membuktikan wujudnya unsur-unsur *siasah syar'iyyah* dalam pelaksanaan dasar kesenian di Kelantan. Antara unsur utama ialah:

5.4.1. Mewujudkan Hiburan Alternatif Berasaskan Nilai-nilai Keislaman

Oleh kerana penguatkuasaan enakmen dan garis panduan hiburan yang diperkenalkan kerajaan Kelantan menghalang pertunjukan kesenian tradisional seperti wayang kulit, makyung dan menora daripada dipertonton secara terbuka, maka kerajaan Kelantan berusaha mewujudkan hiburan alternatif untuk menggantikan hiburan yang dilarang.

5.4.1.1 Konsert Tautan Kasih

Kerajaan Kelantan telah mengadakan konsep '*Tautan Kasih'* di Padang Perdana pada 30 September 2005. Program hiburan ini membabitkan persembahan nyanyian oleh bintang Akademi Fantasia 3 (AF3), Asmawi Ani atau Mawi sempena perisytiharan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) 1 Oktober 2005. Program tersebut turut melibatkan artis-artis lain termasuk Akil Hayy Rawa, kumpulan nasyid Mestika dan Ustaz Abdul Aziz Che Min. Mawi juga telah

dilantik menjadi bilal melaungkan azan untuk sembahyang Isyak berjemaah sebelum persembahan dijalankan.

Program ini pada mulanya dibantah Dewan Ulama PAS Pusat. Datuk Harun Taib membantah tindakan Kerajaan Kelantan menjemput Mawi mengadakan persembahan di negeri itu dengan menyatakan Mawi bukan seorang penyanyi hiburan Islam sebenar, sebaliknya hasil rancangan realiti televisyen yang menyimpang daripada ajaran agama. Walau bagaimanapun Dewan Ulama PAS kembali menyokong program ini selepas meneliti dan melihat garis panduan yang ditetapkan seperti majlis sembahyang jemaah sebelum pertunjukan diadakan, menghindar pergaulan bebas yang bercanggah dengan Islam serta syarat lain yang boleh menjamin majlis itu diadakan sebaik-baiknya. Haji Abdul Hadi Awang berpendapat Dewan Ulama Pas sebelum ini membantah majlis itu kerana bimbang majlis itu dilaksanakan dengan cara bercanggah dengan Islam. Tetapi dengan adanya garis panduan yang disediakan menepati hukum Islam, perkara yang dibimbangkan itu dapat diselesaikan dan diterima oleh Dewan Ulama.

5.4.1.2 Konsert Jom Heboh Di Kelantan

Konsert Jom Heboh di Stadium Sultan Muhammad Ke–IV, pada 26 dan 27 Mac 2010 merupakan Konsert Jom Heboh yang pertama kali dalam sejarah TV3 kerana dapat mengadakan konsert tersebut di Kelantan. Pihak penganjur telah memberi jaminan akan mematuhi segala peraturan yang ditetapkan kerajaan negeri. Antara peraturan yang ditetapkan kerajaan negeri mengasingkan penonton lelaki dan perempuan dan tiada penyanyi wanita dibenarkan buat persembahan. Artis yang terlibat dalam

University of Malaya

persembahan pada karnival tersebut ialah Kumpulan Raihan, Yassin (bekas ahli kumpulan nasyid Brothers), Jamal Abdillah, Jay Jay dan artis dikir barat tersohor di negeri Kelantan iaitu Megat Nordin. Konsert ini juga telah memenuhi segala kriteria yang ditetapkan oleh kerajaan Kelantan seperti mengambil kira batasan susila, adat istiadat, dan ajaran agama Islam. Di samping itu, pihak penganjur juga menyediakan sebuah khemah besar yang dinamakan sebagai Kota Ilmu untuk dijadikan tempat solat dan pameran Program Jejak Rasul.

Jom Heboh ini dianggap oleh pelbagai pihak sebagai tidak bercorak ekspo tetapi berupa aktiviti kekeluargaan serta kesukanan yang lebih mengutamakan unsur kerohanian seperti penonton diasingkan mengikut tiga kategori iaitu kekeluargaan, lelaki dan wanita, menyediakan kemudahan tempat solat. Di samping itu, diadakan juga rakaman Al-Kuliyyah yang dihadiri oleh (ketika itu) Pemangku Raja Kelantan, Tengku Muhammad Faris Petra Sultan Ismail Petra. Melalui konsert ini kerajaan Kelantan telah mengambil kesempatan untuk melakukan beberapa aktiviti dakwah kepada rakyat di negeri ini seperti Menteri Besar dan anggota EXCO diberi peluang untuk mengisi program Talk Show. Pihak TV3 juga sangat berpuas hati dengan sambutan yang menggalakan dan luar biasa dari tempat-tempat lain.

5.4.1.3 Konsert Hiburan Alternatif DUN

Konsert ini dianjurkan oleh Urusetia Penerangan Kerajaan Kelantan (UPKN). Sebagai contoh Konsert Hiburan Alternatif DUN Jelawat 2009, pihak penganjur telah menjemput Pendikir Jen Endoro, Jen K.l, penyanyi Renggo dan bekas juara Akademi Nasyid Azhan Atan. Walaupun ia

University of Malaya

berbentuk hiburan tetapi mengandungi coloteh-coloteh berunsurkan dakwah.

5.4.2. Menutup Pusat Hiburan Yang Menjadi Sarang Maksiat dan Gejala Sosial

Kerajaan Kelantan juga bertindak menutup atau tidak meluluskan lesen kepada premis hiburan yang boleh menjerumuskan muda mudi kepada perkara yang berlawanan dengan akhlak Islam, nilai-nilai masyarakat setempat dan boleh mendorong orang ramai melakukan perkara yang bertentangan syariat Islam seperti pergaulan bebas, zina, minum arak dan judi. Antaranya:

1) Menutup kelab-kelab malam dan pusat karaoke yang menjadi punca kepada gejala sosial dalam kalangan remaja. Dengan penutupan kelab malam dan pusat karaoke ini dapat mengawal pelajar-pelajar sekolah dari bersiar-siar pada pada waktu malam.

2) Menutup panggung wayang atau mengenakan syarat-syarat yang ketat terhadap pengusaha hiburan ini seperti dilarang membuat sebarang tayangan filem sepanjang bulan Ramadhan, mengasingkan tempat duduk antara lelaki dan perempuan serta bilik tayangan dalam keadaan terang/ bercahaya.

Pada pandangan penulis, sesetengah program hiburan alternatif yang diwujudkan kerajaan Kelantan kurang menarik minat muda mudi di Kelantan. Mereka lebih suka kepada hiburan yang terbuka kepada orang awam terutama

University of Malaya

pada malam minggu kerana mereka berpeluang untuk berniaga kepada orang ramai. Selain itu, berniaga merupakan hobi bagi anak-anak muda Kelantan, maka kerajaan telah menyediakan tempat untuk mereka berniaga walaupun di bahu-bahu jalan seperti sekitar Dataran Rehal, Bazar Buluh Kubu dan pasar besar Siti Khadijah, Kota Bharu. Penulis mendapati ramai pemuda dan pemudi dari Kelantan pergi ke Vietnam, China, Bangkok dan Indonesia untuk membeli barang-barang perniagaan untuk berniaga di Kelantan.

Sekiranya cadangan seperti ini dilaksanakan, maka secara tidak langsung kerajaan Kelantan mewujudkan hiburan baru bagi muda-mudi di Kelantan. Sekaligus dapat mencegah muda-mudi dari terlibat dengan bahan-bahan terlarang seperti pin kuda, ubat batuk, dadah, lumba haram dan lain-lain yang semakin meningkat di Kelantan. Penulis berpandangan masalah gejala sosial di Kelantan berpunca daripada tiada peluang pekerjaan untuk muda-mudi, jadi mereka mudah terjebak dengan pil kuda, dadah dan ganja. Peningkatan kadar jenayah tersebut dapat dilihat berdasarkan statistik yang dikeluarkan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sebagaimana Jadual 5.1.

Jadual 5.1: Jumlah Penagih Dadah Di Kelantan

University of Malaya



Sumber: Agensi Antidadah Kebangsaan 2017.

5.4.3. Mengawal Kesenian Tradisional Supaya Tidak Bertentangan Dengan Islam

Walaupun kerajaan negeri melarang persembahan tradisional seperti wayang kulit, makyung, menora dan main puteri tetapi ia masih lagi dibenarkan untuk tujuan penyelidikan dan pertunjukan khas di Gelanggang Seni, Kota Bharu. Hasil daripada kawalan ini, maka wujudlah wayang kulit versi baharu yang diperkenalkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur. Ia dibenarkan untuk dipertontonkan kepada masyarakat umum tanpa khuatir mengandungi unsur-unsur syirik dan khurafat. Maksud mengawal di sini ialah tidak meluluskan lesen persembahan untuk kesenian tersebut kerana masih lagi mengandungi unsur-unsur syirik dan khurafat serta berlawanan dengan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 serta Garis Panduan Persembahan (Hiburan) 1998.

University of Malaya

Berdasarkan kepada tindakan tadi, maka jelaslah kerajaan Kelantan berusaha menyelamatkan rakyat dari perkara mungkar dan maksiat serta mendekatkan mereka dengan nilai dan akhlak Islam. Dalam masa yang sama ia mengambil berat tentang *maqasid shariah* iaitu menjaga agama, akal fikiran, nyawa, harta dan keturunan. Di sini juga menunjukkan kerajaan negeri menggunakan kaedah ijtihad, *saddu al-Zara'i* (سد الذرائع), iaitu menutup pintu atau ruang yang boleh mendorong seseorang melakukan maksiat dan perkara bertentangan dengan akhlak Islam. Tindakan kerajaan negeri mencegah perkara mungkar dalam kesenian dan membuat garis panduan persembahan hiburan merupakan suatu kemaslahatan untuk rakyat Kelantan. Ia menepati dengan konsep *siasah syari'yyah* yang dikemukakan oleh Ibnu 'Aqil, Ibnu Najim, Ibnu Khaldun dan 'Abd al-Wahab Khallaf sebagaimana yang dibincang sebelum ini.

5.5. Menjadikan Aktiviti Kesenian Sebagai Medan Dakwah

Bidang kesenian di Kelantan mengalami perubahan besar sebaik sahaja PAS memerintah Kelantan. Semenjak dari tahun 1990 hingga sekarang Kerajaan Kelantan telah dan sedang berusaha mengubah amalan kesenian yang diamalkan pada masa ini supaya tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Malah ingin menjadikannya sebagai lapangan untuk menyebarkan dakwah. Begitu jugalah pada zaman sekarang, umat Islam patut mengambil peluang yang ada dalam bidang kesenian dan hiburan untuk menyampaikan mesej tentang Islam. Dato'Nik Abdul Aziz telah mencadangkan agar para pendakwah turut meneroka kaedah-kaedah lain dalam menyampaikan mesej dakwah. Selain masjid dan madrasah yang menjadi lokasi biasa para pendakwah, tempat-tempat awam seperti kedai-kedai kopi, padang permainan, pusat membeli-belah dan sebagainya seharusnya menjadi sasaran pendakwah untuk menyampaikan risalah

University of Malaya

Islam. Dalam ucapan Cikgu Abdul Aziz Kadir, Adun Jelawat, sempena Konsert Hiburan Alternatif Dun Jelawat 2009, beliau menegaskan tentang hiburan sebagaimana berikut:[7]

> *Selain hiburan, apa sahaja program atau aktiviti yang tidak bercanggah dengan Islam adalah diharuskan, lebih-lebih lagi sekiranya ia berunsurkan kesenian dan dakwah. Program ini tidak salah, cuma cara bawaan dan pendekatan oleh pihak tertentu yang cuba mengelirukan masyarakat, dan kita seharusnya menerima medium seperti ini sebagai pembaharuan selaras dengan Dasar Membangun Bersama Islam yang menjadi dasar kerajaan.*

Berdakwah melalui kesenian sebenarnya pernah dilakukan oleh Parti PAS sebelum ini. PAS pernah menjemput kumpulan Orkestra al-Wijaya untuk meraikan para perwakilan selepas tamat Kongres PAS ke XIII pada petang 20hb. April 1965 dalam satu majlis makan malam di halaman kediaman Menteri Besar Kelantan, No.10 JKR, Kg. Sireh Kota Bharu[8]. Orkestra ini dipimpin oleh Encik Abdullah Bukhari. Selepas itu PAS Kelantan sekali lagi menjemput kumpulan orkestra dari Indonesia untuk membuat persembahan di Kelantan sekitar tahun 1970 an sebagai usaha dakwah. Pada masa itu terdapat dua kumpulan muzik yang termasyhur di Indonesia yang diberi nama sebagai Orkestra al-Suraya dan al-Watan.[9] Kerajaan Kelantan telah berusaha menjadikan bidang kesenian sebagai ruang untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat contohnya melalui dikir barat Sri Halaqat.

Kumpulan dikir ini amat berlainan dengan kumpulan lain kerana semua unsur yang diadakan adalah berkonsepkan dakwah serta lagu yang dinyanyikan adalah memberi kesedaran dan berbentuk nasihat kepada penonton. Pendekatan tazkirah diadakan sebelum latihan amat berkesan dan setakat ini ramai ibu bapa yang berminat untuk membenarkan anak-anak mereka menyertai kumpulan ini. Kewujudan kumpulan

[7] Buletin UPKN, Tahun ke 19, ISSN 133-6891, Bil 82, 1-15 Ogos 2009/ Syaban 1430H, hlm.18.
[8] Salahuddin Bin Abdullah. (2010). *op.cit,* hlm.101.
[9] *Ibid.* hlm 102.

University of Malaya

dikir ini adalah hasrat murni Dato'Nik Abdul Aziz untuk melihat dikir barat sebagai suatu kaedah dalam menyampaikan dakwah kepada orang ramai kerana melalui dikir barat. Orang ramai secara langsung dapat menghayati nasihat dan mudah untuk disampaikan kepada generasi muda.

Ahli kumpulan dikir ini dilatih supaya berdisiplin melakukan solat berjemaah terlebih dahulu sebelum sesi latihan bermula. Selepas itu mereka juga perlu mengikuti satu majlis tazkirah dalam masa lebih kurang sepuluh minit. Selain dari itu, mereka diminta supaya memakai jubah dan kopiah. Ini merupakan suatu disiplin yang amat baik sekali kepada pendakwah supaya apa yang hendak disampaikan diterima oleh masyarakat. Persembahan ini dimulai dengan bacaan al-Qur'an, marhaban, zikir dan disudahi dengan selawat. Tukang karut juga ditukar menjadi Tukang Pantun dan Tukang Juara ditukar menjadi Tukang Syair.

Namun pada hari ini penulis mendapati kumpulan dikir Halaqat ini tidak lagi aktif setelah Haji Abdullah Abdul Razak tidak lagi menjadi penasihat dan bersara dari dari Unit Halaqat negeri Kelantan. Haji Abdullah sendiri pun tidak pasti apa yang berlaku kepada kumpulan dikir Halaqat ini kerana uzur. Berdasarkan pemerhatian penulis, kini tiada langsung persembahan dari Sri Halaqat di khalayak ramai apabila diadakan sambutan atau majlis tertentu. Malah nama kumpulan pun tiada kedengaran lagi. Situasi begini berlaku kerana tiada kesungguhan daripada pegawai-pegawai lain untuk meneruskan usaha murni ini. Hal ini menimbulkan pandangan negatif sebahagian masyarakat kepada kerajaan negeri kerana ia hanya diadakan pada masa pemerintahan Dato' Nik Abdul Aziz sahaja, tiada lagi pada pemerintahan sekarang.

University of Malaya

Berdasarkan kepada situasi tadi penulis bersetuju pandangan Muhammad Syukri Salleh (1997)[10] sebagaimana dijelaskan dalam kajiannya bahawa kerajaan Kelantan telah banyak melaksanakan perubahan dan kebajikan kepada rakyat tetapi kebanyakan daripada program yang diperkenalkan tidak sampai ke pengetahuan rakyat. Sebagai contoh 'Dasar Membangun Bersama Islam' ia hanya dapat dirasai dan difahami oleh masyarakat yang tinggal dalam Daerah Kota Baharu sahaja. Manakala di kampung-kampung masih belum memahami tentang pelaksanaan dasar tersebut. Ini menunjukkan kegagalan kerajaan negeri dalam merakyatkan dasar tersebut. Begitu juga dengan nasib kumpulan Dikir Sri Halaqat seolah-oleh kerajaan negeri atau pihak berkenaan tidak mempunyai perancangan langsung untuk terus mempromosikan dikir tersebut supaya ia dapat meneruskan aktiviti dakwahnya.

Hasil perbincangan tadi, penulis melihat kerajaan Kelantan sudah berusaha menjadikan bidang kesenian di Kelantan supaya tidak bercanggah dengan syariat Islam di samping melahirkan rakyat yang bertaqwa kepada Allah melalui kesenian sebagai wadah perantaraan. Dalam masa yang sama langkah ini boleh membangunkan ummah yang cintakan seni dan budaya bangsa yang tidak bercanggah dengan Islam. Sikap keterbukaan kerajaan negeri terhadap hiburan terutama yang tidak bertentangan dengan syariat Islam sama ada datang dari dalam atau luar negeri boleh diamalkan kerana ia merupakan faktor yang menarik pelancong untuk datang ke Kelantan.

Selain itu, kerajaan Kelantan juga patut melihat dan mengkaji kaedah dakwah yang dilaksanakan pendakwah-pendakwah dari Indonesia dan negara-negara lain kerana mengikut kajian Abdullah Yusof dan Awerman Bidin (2008) dalam bab sebelum ini

[10] Muhammad Syukri Salleh dan Osman Md.Yusoff. (1997). "The Poor People's Perception Of Poverty And Its Implication On The Realization Of Islamic Development In Kelantan, Malaysia", *Humanomics*, Vol. 13 Issue:3, pp.215-244.

University of Malaya

mendapati masyarakat Nusantara berminat kepada kesenian. Jadi metodologi dakwah ini telah dicontohi oleh Wali Songo dengan menggunakan wayang kulit yang diubahsuai dari unsur-unsur Hindu dan Buddha kepada ciri-ciri yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam.

Dalam kajian Tri. Pujiyanto pula, Kh.Ma'ruf Islamuddin iaitu seorang pemimpin pesantren Walisongo Sragen juga menggunakan kesenian rebana wali songo dalam menyebarkan dakwah di Indonesia.[11]Malah di Malaysia sendiri pun pada masa ini sudah ramai penyanyi dan artis terkenal seperti Mawi, Ramli Sarip dan M.Nasir menggunakan nyanyian sebagai dakwah mereka. Manakala kumpulan nasyid berdakwah dengan lagu-lagu dakwah mereka seperti kumpulan nasyid In team, Rabani, Raihan dan lain-lain. Dengan itu, Kerajaan Kelantan perlu bijak untuk mengambil kesempatan daripada populariti mereka untuk kegiatan dakwah. Sekarang juga sudah ramai artis berhijrah daripada dunia hiburan kepada bidang dakwah antaranya Nurzul Suphia'an,[12]Iwan Shahman Wan Yunus[13], Shan Kamikazi,[14]dan Nora Ariffin[15].

5.6. Pelaksanaan Dasar Kesenian Meningkatkan Syiar Islam Di Kelantan

Melalui Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI), kerajaan Kelantan telah menetapkan waktu untuk mengadakan hiburan ialah bermula 6.00 petang hingga 11.30 malam pada hari Jumaat dan jam 7.00 pagi hingga 11.30 malam pada hari Sabtu. Di samping tidak mengganggu ibadat solat bagi umat Islam

---

[11] Tri. Pujiyanto. (2014). Peranan kesenian rebana walisongo sragen dalam strategi dakwah kh.ma'ruf islamuddin. *Jurnal Candi*, 4.

[12] Dikenali dengan Zul, beliau merupakan bekas vokalis kumpulan Handy Black.

[13]Nama sebenarnya Wan Shahman Wan Yunus. Beliau dikenali dengan Raja Dangdut Malaysia merupakan seorang penerbit, penulis lagu dan penyanyi yang bergiat aktif di dalam lapangan muzik Malaysia dan Indonesia. Beliau kini masih memperjuangkan muzik dangdut, tetapi dalam genre nasyid sejak tahun 2009 dengan nama komersil Iwan Syahman.

[14] Nama sebenarnya Shamril Mohd Salleh. Beliau merupakan bekas gitaris bagi kumpulan Kamikazi.

[15] Nama sebenarnya Wan Norafizah Ariffin. Beliau merupakan seorang penyanyi wanita Malaysia yang mula mencipta nama pada tahun 1994 dengan album pertama yang berjudul Sandiwara yang memuatkan lagu hits "Di Persimpangan Dilema" ciptaan Adnan Abu Hassan. Beliau berasal dari Kampung Dewan Beta, Kota Bharu, Kelantan.

University of Malaya

yang berdekatan, persembahan juga hendaklah dihentikan setiap kali waktu azan. Penentuan hari-hari yang dilarang mengadakan hiburan sebagaimana dalam jadual 5.2.

Jadual 5.2: Hari Kebesaran Islam Dan Waktu Dibenarkan Berhibur

Bil	Hari Kebesaran Islam	Waktu
1	Khamis	dari pukul 6.00 petang hari Khamis hingga 6.00 petang Hari Jumaat.
2	Hari Maulud Nabi	dari pukul 6.00 petang hari sebelum hingga ke 6.00 petang hari tersebut.
3	Hari Israk Mi'raj	sama
4	Hari Nisfu Syaaban	-
5	Hari Raya Puasa (Pertama)	-
6	Hari Raya Haji (pertama)	-
7	Hari Nuzul al-Qur'an	-
8	Hari Awal Muharram	-
9	Bulan Puasa	Sepanjang bulan Puasa

Sumber: Bahagian Pembangunan Islam Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB-BRI) 2016

Berdasarkan kepada waktu larangan persembahan hiburan dan program yang dilaksanakan menunjukkan kerajaan Kelantan dan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) telah bekerjasama dalam memartabatkan syiar Islam di Kelantan. Peraturan dan program yang diperkenalkan kerajaan negeri tidak menjadi suatu bebanan kepada rakyat Kelantan untuk diikuti kerana kebanyakan rakyat Kelantan sudah memahami agama. Kenyataan ini disokong berdasarkan kajian William R. Roff (1974)[16], Manning Nash (1974)[17] dan Clive S. Kessler (1978)[18] sebelum ini bahawa

[16] William R.Roff (ed). (1974). *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford Universiti Press.

University of Malaya

orang Kelantan sangat mengambil berat tentang ajaran Islam dan kebanyakan mereka mempelajari ilmu agama daripada pondok-pondok di Kelantan sehingga Kelantan terkenal dengan gelaran 'Serambi Mekah'. Dengan asas Islam yang sudah ada dalam diri mereka, maka memudahkan lagi usaha kerajaan negeri untuk mengembalikan syiar Islam di Kelantan.

Pihak Majlis Perbandaan Kota Bharu (MPKB BRI) juga memperkenalkan peraturan solat berjemaah di pasar malam iaitu menghentikan sementara aktiviti perniagaan pasar malam apabila masuk waktu Maghrib kemudian disambung kembali urusan perniagaan setelah selesai menunaikan solat Maghrib berjamaah. Kerajaan negeri juga telah berusaha meningkatkan syiar Islam dengan mengadakan sambutan hari-hari kebesaran Islam sebagaimana berikut:

1) Israk Mikraj – 3 kali setiap DUN
2) Maulid Rasul – 3 kali bagi setiap DUN
3) Hijrah Rasul – 3 kali setia DUN

Jumlah keseluruhan untuk ceramah hari kebesaran Islam di negeri Kelantan ialah 405 kali setahun. Selain dari itu, kuliah-kuliah agama turut diadakan masjid-masjid/surau termasuklah di Masjid al-Bara'ah dan di pasar-pasar minggu. Ini merupakan suatu usaha yang bersungguh-sungguh dalam memartabatkan syiar Islam di Kelantan.

[17]Manning Nash. (1974). *Peasant citizens: politics, religion, and modernization in Kelantan, Malaysia* (No. 31-36). Ohio University, Center for International Studies.

[18] Clive S. Kessler. (1978). Islam and Politics in Malay State : Kelantan 1838-1969, Ithaca dan London: Cornell University Press.

University of Malaya

5.7 Menjaga Maruah Kaum Wanita Melalui Program Kesenian dan Hiburan

Antara punca utama keruntuhan akhlak dan gejala sosial dalam masyarakat pada hari ini berpunca daripada hiburan yang tidak terkawal terutama apabila melibatkan kaum wanita sebagai artis. Untuk mengatasi masalah ini dari terus berleluasa dalam masyarakat di Kelantan, kerajaan Kelantan telah mengadakan beberapa peraturan sebagaimana yang ditetapkan dalam Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998.

5.7.1. Kawalan Penglibatan Wanita Dalam Aktiviti Kesenian dan Hiburan

Kerajaan Kelantan telah melarang kaum wanita yang melebihi umur 12 tahun ke atas terlibat dalam persembahan hiburan seperti menyanyi, dikir barat dan nasyid secara terbuka di hadapan orang ramai. Ini bertujuan untuk mengelakkan daripada timbul fitnah dan monopoli ke atas wanita. Oleh kerana orang wanita juga minat dan ingin terlibat dengan dunia hiburan, maka kerajaan Kelantan telah mencadangkan kepada mereka supaya mengadakan persembahan hiburan tadi di tempat-tempat tertutup dan penontonnya terdiri daripada kaum wanita sahaja.

Walaupun ada larangan daripada kerajaan negeri tetapi dikir barat melibatkan wanita dalam bentuk cakera padat (CD) masih lagi wujud dan dijual di kedai-kedai atau pasar-pasar malam. Bagi penulis ia bukan lagi kuasa kerajaan negeri untuk menghalang penjualan CD tersebut tetapi ia di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDNKK). Dalam hal ini, bidangkuasa kerajaan Kelantan hanyalah melarang persembahan di khalayak ramai sahaja. Adapun di premis persendirian seperti

University of Malaya

rumah ia masih bebas dan tidak perlu mendapatkan kebenaran dari Pihak Berkuasa Tempatan. Dato' Nik Abdul Aziz sendiri dalam pembentangan Belanjawan 2003 telah bertegas untuk mempertahankan maruah wanita di Kelantan seperti mana berikut:

> *Kerajaan negeri tidak akan berkompromi dengan sebarang anasir untuk mengeksploitasi wanita. Hajat rakus pemodal yang tidak bertanggungjawab untuk memperdagangkan mereka semata-mata kerana tamakkan keuntungan akan ditentang oleh kerajaan habis-habisan. Kita tidak akan membenarkan ini semua untuk berlaku di sini. Mereka bukan komoditi tetapi insan bernyawa yang bermaruah dan perlukan pembelaan.*

Ini menunjukkan kerajaan negeri mengambil berat tentang keselamatan, hak dan maruah kaum wanita di Kelantan. Dalam masa yang sama kaum wanita masih dibenarkan untuk terlibat dalam aktiviti hiburan bahkan aktiviti-aktiviti lain tetapi dengan kawalan dan mengikut garis panduan yang ditetapkan.

Apabila diperhatikan kepada langkah-langkah penjagaan wanita dalam aktiviti hiburan yang dilaksanakan oleh kerajaan Kelantan, maka didapati ia banyak membantu dalam mengawal kaum wanita yang terlibat dengan aktiviti hiburan, khususnya tidak berlawanan dengan syariat Islam seperti menutup aurat, pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan dan menjaga akhlak sebagai seorang Islam. Tindakan kerajaan negeri Kelantan ini merupakan *Sad al-Zara'i* iaitu menutup pintu atau saluran yang membawa kepada keburukan dan kerosakan, walaupun saluran itu pada asalnya harus. Dalam hal ini tidak bermakna kerajaan Kelantan anti kepada hiburan sama ada secara tradisional atau moden tetapi apa yang dilaksanakan adalah untuk menjaga maruah kaum wanita dan akhlak sebagai seorang Islam. Walaupun dengan kuasa yang terhad kerajaan Kelantan mampu

memartabatkan kaum wanita dan dalam masa yang sama dapat mengurangkan masalah gejala sosial di Kelantan.

5.7.2 Konsert Khas Untuk Wanita

Kerajaan Kelantan melalui Urusetia Pembangunan Wanita, Keluarga, dan Kesihatan Negeri Kelantan telah mengadakan konsert khas untuk wanita iaitu "Got Talent". Program ini dimulakan dengan persembahan dari peserta-peserta dan diserikan dengan persembahan dikir wanita serta persembahan istimewa daripada Ainan Tasneem[19]. Antara kategori yang dipertandingkan ialah nyanyian solo dan berduet. Selain itu, diadakan juga program "*Ladies Nite 2012*". Program ini dimulakan dengan alunan zikir oleh para jemputan, diikuti dengan persembahan penyanyi tempatan Siti Nurdiana dan Ainan Tasneem. Program ini dikawal sepenuhnya oleh golongan wanita termasuklah dari segi keselamatan, kawalan pembesar suara dan semua persiapan di belakang tabir. Kedua-dua program ini adalah untuk memberi peluang kepada kaum wanita untuk menunjukkan bakat masing-masing melalui saluran yang betul dan mengikut acuan Islam. Larangan penglibatan wanita dalam aktiviti kesenian dan hiburan sudah dijelaskan dalam Dasar Kesenian iaitu *Wanita dan lelaki hendaklah diasingkan dalam sebarang kegiatan kesenian. Wanita tidak boleh dijadikan sebagai alat tontonan lelaki.*

Berdasar pemerhatian penulis, memang wujud program-program hiburan yang dikhaskan untuk wanita. Namun ia hanya diadakan beberapa kali sahaja dalam setahun dan kadang-kadang bergantung kepada sesuatu program. Konsert khas ini biasanya diketahui oleh ahli parti sahaja atau peserta bagi suatu program.

[19] Nama sebenarnya Ainan Tasneem binti Redzuan. Beliau merupakan artis YouTube tempatan yang terkenal dengan lagu 'Aku Suka Dia'.

University of Malaya

Ia kurang diketahui oleh kaum wanita biasa yang tidak terlibat dengan parti atau program. Hal ini mungkin kerana iklan tidak meluas atau mereka tidak mahu melibatkan diri dengan agenda politik pihak tertentu. Bagi remaja (bukan ahli PAS) mungkin mereka berasa segan apabila konsert tersebut diadakan di premis milik parti PAS seperti Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (PUTIK) di Pengkalan Chepa atau hotel mewah. Sebagai contoh program *Muslimah Cultural Night* diadakan di Hotel Perdana Kota Bharu sempena Hari Saidatina Khadijah pada 14 hingga 17 Ogos 2016. Program ini hanya dikhaskan untuk tetamu khas, urusetia dan para peserta program tersebut sahaja. Faktor demikian menjadikan konsert tersebut hanya untuk pihak tertentu sahaja tanpa melibatkan para remaja atau orang awam yang jiwa mereka dahagakan kepada hiburan. Bagi penulis program seumpama ini sepatutnya diperluaskan kepada kaum wanita lain juga tetapi dalam kawalan pihak tertentu supaya tidak melanggar Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998.

5.7.3 Melarang Iklan Hiburan Menggunakan Wanita Tidak Menutup Aurat

Dalam menjaga kaum wanita dari dieksploitasi oleh pihak tidak bertanggungjawab, sama ada melibatkan hiburan, perniagaan atau iklan–iklan produk, maka kerajaan Kelantan melarang sebarang iklan yang menonjolkan wanita yang tidak menutup aurat. Ini bertujuan memartabatkan kaum wanita dari dijadikan bahan eksploitasi dalam perdagangan dan perniagaan. Tindakan ini secara tidak langsung dapat mengurangkan iklan-iklan yang melanggar syariat Islam. Penulis mendapati peraturan iklan sebegini merupakan yang pertama di Malaysia. Kenyataan ini berdasarkan kepada penelitian kepada Garis Panduan

Lesen Hiburan Awam Majlis Perbandaran Seberang Perai dan Syarat–syarat hiburan bawah Majlis Daerah Batu Pahat, Johor.

Kerajaan Kelantan juga telah memerintahkan supaya papan-papan iklan yang mempamerkan tubuh wanita diturunkan dari pandangan masyarakat. Langkah ini bertujuan untuk mengelak dari berlakunya eksploitasi terhadap wanita. Apa yang dititik beratkan oleh kerajaan negeri ialah iklan itu boleh mendatangkan satu unsur negatif terhadap pemikiran rakyat. Ini kerana kebanyakan papan iklan menjadikan wanita sebagai fokus utama dan tumpuan masyarakat bukannya barang-barang yang hendak dijual. Langkah ini dilakukan bukan bertujuan mengharamkan barang keluaran syarikat tersebut.

5.7.4 Suara Wanita Sebagai Aurat

Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat selaku Menteri Besar Kelantan telah melarang wanita daripada menyertai tilawah al-Qur'an dengan alasan bahawa suara wanita itu adalah aurat apabila diperelokkan untuk pertandingan seperti musabaqah al-Qur'an. Tujuan membaca al-Qur'an adalah untuk ibadah dan ada peraturannya sendiri. Suara wanita dalam keadaan biasa tidak aurat tetapi apabila diperelokkan maka ia telah menjadi aurat. Sebab itu pada zaman Rasulullah SAW lagi wanita tidak ada yang menjadi *muazzin.* Suara wanita dalam pendidikan dan politik tidak aurat sebab tidak diperelokkan. Persoalan aurat wanita bukan suatu perkara yang remeh bagi kerajaan Kelantan tetapi ia suatu persoalan penting yang membezakan antara lelaki dan wanita.

Walaupun Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat melarang wanita memasuki pertandingan tilawah al-Qur'an kerana suara mereka adalah aurat, namun ada juga

University of Malaya

mereka yang masuk pertandingan tersebut secara individu. Antaranya Hajjah Faridah bt. Mat Saman, beliau tidak menghormati larangan Dato' Nik Abdul Aziz tersebut malah tetap menyertai pertandingan musabaqah al-Qur'an pada tahun tersebut. Larangan ini telah menjadi isu apabila beberapa orang ahli akademik dan ahli politik memprotes arahan tersebut dengan hujah suara wanita itu bukanlah aurat.

Pada tahun 2013 Dato' Nik Abdul Nik Mat sedia membenarkan semula peserta qariah wanita dari Kelantan untuk menyertai tilawah al-Qur'an peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Datuk Haji Md. Alwi mempersoalkan adakah perubahan ini kerana Datuk Sri Mohd Najib Tun Abd. Razak Perdana Menteri Malaysia memberi imbuhan bulanan RM 2,000 seumur hidup kepada johan qari dan qariah Tilawah Peringkat Antarabangsa? Ini menunjukkan bahawa kerajaan PAS tidak mempunyai pendirian yang tetap dalam perjuangan mereka.

Mengikut Dato' Nik Aziz larangan tersebut hanyalah sementara sebagaimana larangan menziarah kubur pada zaman Rasulullah SAW. Mengikut Dato' Haji Mohamad Bin Daud al-Iraqi, Dato' Nik Aziz sudah tahu bahawa suara wanita itu bukan aurat dan ia merupakan perkara khilaf dalam kalangan ulama tetapi beliau mengambil pendapat yang menyatakan suara wanita sebagai aurat kerana menghormati ulama-ulama pondok yang masih berpegang suara wanita adalah haram. Maka di sana terlaksanalah kaedah usul feqh yang berbunyi (حكم الحاكم يرفع الخلاف) iaitu tindakan pemimpin itu boleh menghapuskan perkara yang khilaf dalam kalangan ulama. Tindakan ini merupakan *sad al-Zara'i* iaitu untuk

University of Malaya

mengelak dari berlaku fitnah dalam masyarakat. Bagi penulis, suara wanita sebagai aurat merupakan pendapat peribadi Dato' Nik Abdul Aziz sendiri sebab hukum sebenar suara wanita bukan aurat sebagaimana telah dibincangkan dalam bab kedua kajian ini.

5.8. Membuktikan Keadilan Islam Kepada Golongan Bukan Islam Dalam Bidang Kesenian dan Hiburan

Kerajaan negeri Kelantan tidak pernah menghalang mana-mana kaum dan agama mengamalkan kebudayaan mereka selagi tidak bercanggah dengan dasar-dasar kerajaan negeri. Malah kerajaan negeri sentiasa menghormati kebudayaan dan kesenian yang dimiliki kaum lain di negeri ini. Kerajaan negeri juga tidak pernah menghalang penduduk bukan Islam mengamalkan kebudayaan mereka selagi ia tidak menjejaskan sensitiviti agama lain. Sebagai contoh pihak kerajaan Kelantan sendiri telah menganjurkan Pesta Kebudayaan dan Kesenian Cina Negeri Kelantan pada 2001 di Jalan Kebun Sultan. Program ini mengandungi ceramah perubatan tradisi Cina, pameran seni foto, kaligrafi Cina, ceramah melukis dakwah Cina, pesta tanglong dan pameran peranakan Cina Kelantan.

Pada pandangan penulis, tindakan yang diambil oleh kerajaan Kelantan adalah selari dengan matlamat parti PAS sebagaimana yang telah dijelaskan melalui manifestonya ketika Pilihan Raya Umum 1990 sebagaimana berikut:

> ***13.2. Kebebasan Dalam Adat Dan Tradisi***
> *Orang bukan Islam diberi kebebasan untuk mengamalkan segala adat istiadat dan adat tradisi mereka dan undang-undang kekeluargaan sebagaimana yang mereka warisi.*
>
> ***13.5. Hak mengamalkan Kebudayaan dan Bahasa***
> *PAS akan terus membenarkan orang bukan Islam mengamalkan semua upacara kebudayaan masing-masing dan tidak ada sebarang paksaan mereka meninggalkan kebudayaan tersebut.*

University of Malaya

Selain daripada melaksanakan dasar parti PAS tadi, pihak kerajaan Kelantan juga berusaha memberi kelonggaran kepada bukan Islam untuk mengamalkan kebudayaan dan kesenian mereka. Sebagai contoh Majlis Mesyuarat Kerajaan dalam Mesyuarat Kali Ke-4/94 pada 16 Februari 1994 memutuskan bahawa "Majlis Mesyuarat Kerajaan membuat keputusan supaya Garis Panduan kebudayaan ini diangkat untuk perhatian Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK) untuk mendapat nasihat bagi memperkemaskan lagi garis panduan berhubung persembahan kebudayaan (hiburan) di negeri Kelantan".

Berikutan itu satu kajian khusus telah dijalankan untuk mengadakan satu kawasan (Zon Eksklusif) sebagai tempat pertunjukan atau persembahan kebudayaan mengikut tradisi atau kepercayaan agama orang bukan Islam. Menurut keputusan itu, larangan atau sekatan terhadap jenis hiburan adalah diberi kelonggaran kepada panganut-penganut bukan Islam jika hiburan itu adalah bermaksud untuk mengikut tradisi budaya atau agama mereka. Malah hiburan itu juga hendaklah diadakan dalam kawasan tempat ibadat mereka serta peserta adalah terdiri daripada penganut-penganut mereka.[20]Ini merupakan tindakan yang berasaskan *siasah syar'iyyah* yang memberi keadilan dan hak asasi kepada umat bukan Islam. Kebebasan yang diberikan melalui *siasah syar'iyyah* ini meliputi kebebasan beragama, jaminan keselamatan, keadilan ekonomi, kebebasan mengamalkan cara hidup mengikut budaya dan adat resam sendiri.[21]

Di sini penulis bersetuju dengan kajian Muhamad Shukri Salleh (1996)[22] bahawa parti PAS berusaha untuk memberi keadilan kepada masyarakat di Malaysia

[20] *Ibid.*
[21] Wan Nik Wan Yusof (peny).(2011). *Perspektif Tok Guru.Kelantan* : Pusat Kajian Strategik, hlm.140.
[22] Muhammad Syukri Salleh. (1996). *Establishing an Islamic state: Ideals and realities in Kelantan, Malaysia*.

University of Malaya

termasuk masyarakat bukan Islam dengan memberi hak untuk mengamalkan kebudayaan dan kesenian mereka. Ini merupakan usaha untuk mendedahkan masyarakat bukan Islam tentang keadilan pemerintahan Islam. Begitu juga dengan kajian Jan Stark (2004)[23] yang mengatakan PAS perlu mewujudkan pendekatan baharu bagi menarik masyarakat Islam dan bukan Islam untuk menyokong perjuangan mereka. Tanpa sokongan mereka matlamat PAS untuk menjadikan Malaysia sebagai negara Islam tidak akan berjaya.

5.9. Pengunaan Kaedah Ijtihad Dalam Pelaksanaan Dasar Kesenian Di Kelantan

Melalui slogan tersebut, maka Dasar Kesenian negeri Kelantan dibentuk supaya membantu cita-cita untuk membentuk dan membangunkan manusia ke arah kebenaran dan kemakmuran yang berasaskan kepada prinsip al-Qur'an dan al-Sunnah. Dengan demikian, Kerajaan negeri telah menyediakan beberapa garis panduan khas kepada rakyat Kelantan berhubung dengan kesenian supaya tidak melanggar syariat Islam. Dalam usaha memberi kemanfaatan dan kebajikan kepada rakyat Kelantan khasnya, dan rakyat Malaysia amnya kerajaan negeri menggunakan beberapa kaedah ijihad. Antara kaedah ijtihad yang sering digunakan pada peringkat pentadbiran ialah *istislah* dan *sad al-Zara'i.*

5.9.1. *Istislah*

Sepanjang kajian ini penulis mendapati banyak kaedah *istislah* yang diamalkan oleh kerajaan negeri dalam memberi kebaikan dan kebajikan untuk rakyat Kelantan. Mengikut Syeikh al-Zarqa dalam bukunya *al-Istislah* bahawa pembangunan yang berdasar kepada kaedah *istislah* adalah selaras dengan

[23] Jan Stark. (2004). Constructing an Islamic model in two Malaysian states: PAS rule in Kelantan and Terengganu. *SOJOURN: Journal of Social Issues in Southeast Asia*, *19*(1), 51-75.

University of Malaya

maqasid shariah iaitu untuk kebaikan dan kebajikan rakyat.[24] Antara contoh *istislah* yang dilakukan kerajaan Kelantan ialah seperti mewujudkan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998, Garis Panduan Persembahan (hiburan) 1998, Dikir Sri Halaqat dan Undang-undang Kecil Iklan Tabung Serambi Mekah, Pusat Rawatan al-Nisa, membuka sekolah-sekolah tahfiz dan lading rakyat. Kesemua ini adalah untuk kepentingan dan kebajikan rakyat Kelantan.

Kerajaan negeri juga menggalak dan menguatkuatkuasakan etika pakaian Islam iaitu menutup aurat bagi kakitangan awam wanita yang beragama Islam, manakala bagi kaum wanita bukan Islam pula digalakkan berpakaian sopan ketika menjalankan tugas. Peraturan dijadikan sebagai syarat pengeluaran lesen premis perniagaan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Dalam masa yang sama memberi kesedaran tentang tanggungjawab menutup aurat dalam kalangan kaum muslimat dan peniaga. Penguatkuasaan peraturan ini akan menyelamatkan kaum wanita daripada menjadi mangsa rogol dan serangan sexsual di samping menurut perintah Allah Ta'ala.

5.9.2. *Sad al-Zara'i*

Pada tahun 1993 pihak berkuasa negeri Kelantan menerusi MPKB-BRI tidak lagi memberi lesen kepada pengusaha-pengusaha kelab malam. Antara sebab-sebab mengapa Lesen Hiburan Kelab Malam tidak diberikan lagi ialah kerana pada keseluruhannya perniagaan kelab malam yang diusahakan itu melanggar syarat-syarat persembahan seperti tempatnya gelap, penonton turut sama dalam tari menari di samping pelanggan perempuan dan penyanyinya

[24] al-Zarqa. (1988). *al-Istislah wa Masalih al-Mursalah wa Usul Fuqaha*, Damsq: Dar al-Qalam, hlm.270

University of Malaya

berpakaian seksi serta ia beroperasi hingga melebihi pukul 12.00 malam. Selain dari itu, kelab-kelab malam juga biasanya mengandungi aktiviti minum arak, tari menari, bercampur gaul antara lelaki dengan perempuan terlalu bebas dan tiada batasan. Semua kegiatan ini adalah merosakkan akhlak masyarakat, khususnya muda mudi. Kebanyakan kelab malam berada di Jalan Hamzah dan rumah-rumah pelacuran pula di Kampung Limau Manis, iaitu belakang KB Mall yang ada sekarang. Menurut Ustaz Ropein Hassan, Pengarah Bahagian Pembangunan Islam Majlis Perbadaran Kota Bharu (MPKB-BRI), pihak penguatkuasa dan kakitangannya selalu mendapat ancaman daripada pihak tertentu terutama apabila ingin membuat operasi maksiat dalam bandar Kota Bharu.[25]

Kesan dari menutup pusat-pusat hiburan, maka tiada lagi remaja yang kelihatan melepak depan pusat-pusat hiburan, pasar raya dan lain-lain. Ini memberi mereka lebih banyak masa berada bersama keluarga dan menumpukan perhatian kepada pelajaran di rumah. Bagi menggantikan penutupan pusat-pusat hiburan ini kerajaan telah menggantikan hiburan tersebut dengan program Minggu Sembahyang. Program ini telah diadakan sejak tahun 1995 dan diletak bawah tanggungjawab Unit Halaqat dan Bahagian Dakwah. Program ini bermatlamat memberi kesedaran tentang solat dan falsafah yang ada padanya.

[25] Temuramah dengan Ybrs Ropein Hasan, Pengarah Di Bahagian Pembangunan Islam Majlis Perbadaran Kota Bharu (MPKB-BRI) pada 4/4/2015.

University of Malaya

5.10. Program Kesenian di Kelantan Menurut Perspektif *Maqasid Shariah*

Berdasarkan perbincangan dalam bab empat sebelum ini, penulis mendapati banyak pembaharuan yang dilaksanakan kerajaan Kelantan berdasarkan hasil ijtihad daripada pemimpin negeri Kelantan. Di sini penulis akan membincangkan tentang perkaitan bidang kesenian di Kelantan dengan teori *maqasid shariah.*

5.10.1. *al-Dharuriyyah*

Menurut Imam al-Syatibi *al-Dharuriyyat* merupakan suatu kemestian bagi seseorang. Sekiranya tidak berlaku demikian, maka akan berlaku kerosakan dan kacau bilau serta hilangnya nilai kehidupan di dunia dan akan terseksa di akhirat kelak. *Al-Dharuriyyah* juga berkait rapat dengan kesenian dan hiburan kerana ia telah menjadi darah daging setiap manusia. Sekiranya kesenian dan hiburan disekat tanpa diganti dengan sebarang alternatif, maka sudah tentu jiwa manusia akan memberontak. Oleh kerana ia suatu keperluan, maka pemimpin negeri mesti menguruskannya dengan sebaik mungkin dan menjauhkannya daripada unsur-unsur yang berlawanan dengan perintah Allah seperti pergaulan bebas, judi dan minum arak.

Untuk mengelak dari berlaku kemusnahan dalam kehidupan manusia, maka *maqasid syariah* iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta perlulah diutamakan dalam mengawal aktiviti kesenian dan hiburan. Penggubalan Dasar Kesenian Kelantan yang berpandukan syariat Islam merupakan langkah yang terbaik untuk mengawal kesenian dan hiburan yang sebati menjadi dengan kehidupan manusia ke arah mendekatkan diri kepada Allah dan melakukan *amar maa'ruf* dan *nahi mungkar* dalam masyarakat. Apabila dasar ini berasaskan

University of Malaya

kepada syariat Islam, maka kerajaan negeri Kelantan dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tidak boleh berkompromi dengan penggiat seni yang tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan kerajaan negeri.

5.10.2. *al-Hajiyyat*

Penulis mendapati Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998, Garis Panduan Persembahan (Hiburan)1998 dan Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003 merupakan suatu keperluan kepada kerajaan Kelantan dalam mengawal hiburan supaya tidak melanggar syariat Islamiah. Tanpa Enakmen tersebut, maka amat sukar bagi kerajaan Kelantan untuk mengawal persembahan kesenian seperti wayang kulit, makyung, menora dan gejala sosial seperti pelacuran, khalwat, judi dan minum arak.

Dengan kuasa yang ada pada kerajaan negeri ia dapat mengawal dan menghapuskan perkara yang melanggar dan berlawanan dengan syariat Islamiah. Ini menunjukkan enakmen kawalan dan garis panduan hiburan sangat diperlukan bagi kerajaan Kelantan bahkan mana-mana kerajaan negeri di Malaysia untuk menjaga rakyatnya supaya tidak terlibat dalam perkara yang dilarang oleh Allah seperti amalan syirik dan gejala sosial.

Pelaksanaan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 adalah berasaskan *maqasid shariah* kerana menjaga akidah umat Islam di samping mengelakkan masyarakat dari terjerumus ke dalam perjudian yang sudah tentu boleh merosakkan masyarakat dan negara serta memporak perandakan masyarakat. Kewujudan enakmen ini merupakan langkah *Sadd al-Zara'i* iaitu untuk mencegah daripada berlaku perkara yang tidak diingini seperti perbalahan

University of Malaya

dan pergaulan bebas. Penulis mendapati enakmen kawalan dan garis panduan persembahan ini dapat memenuhi *maqasid shariah* sepertimana yang disepakati oleh ulama.

5.10.3. *Tahsiniyyat*

Antara contoh *tahsiniyyat* ialah kerajaan Kelantan telah memperkenal "adab Islam" ketika membukaan dan menutup majlis seperti memulakan sesuatu majlis dengan membaca *al-Fatihah* dan mengakhirinya dengan surah *al-Asr* dan *Tasbih Kafarah*. Selain itu, kerajaan juga mengarahkan tempat duduk para tetamu lelaki dan perempuan diasingkan dalam sesuatu majlis. Jamuan bagi majlis rasmi juga hendaklah diselaraskan dengan waktu solat. Kalau sebelum ini jamuan diadakan sekitar jam dua hingga empat petang, kini diubah kepada selepas solat Asar dan ditamatkan sebelum Maghrib. Tujuan adab ini diperkenalkan adalah untuk menjadikan semua aktiviti pentadbiran sebagai ibadat yang berguna dan serta mendapat keberkatan dari Allah Ta'ala.[26] Ini menunjukkan bahawa dasar yang digubal oleh Kerajaan Kelantan mengutamakan *kemaslahatan ummah* dengan menjadikan kesenian ini sebagai perantaraan untuk mendekatkan diri manusia kepada Allah dan menjauhi amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti syirik dalam main puteri.

5.11. Kesan Pelaksanaan *Siasah Syar'iyyah* Kepada Masyarakat Kelantan

Perkembangan dan sambutan masyarakat terhadap wayang kulit semakin berkurang. Ini menunjukkan bahawa usaha kerajaan untuk menghapuskan amalan syirik dalam hiburan wayang kulit telah berjaya dan mendapat sokongan rakayat Kelantan. Jadual 5.3 ini menunjukkan berlaku susutan terhadap kumpulan/persatuan wayang kulit

[26] *Qiadah*, Perbadanan Menteri Besar Kelantan, Muharam – Rabiul Awal 1435H, hlm.23.

University of Malaya

dari tahun 1982, tahun 1988 dan 1999. Pada tahun 1999 kumpulan/persatuan wayang kulit sudah berkurangan sekali iaitu hanya tinggal 11 kumpulan sahaja. Kenyataan ini dapat diperhatikan kepada Jadual 5.3 di bawah.

Jadual 5.3: Unjuran Taburan Kumpulan Wayang Kulit (Aktif)

BIL	DAERAH	1982	1988	1999
1.	Kota Bharu	9	6	4
2.	Tumpat	8	4	2
3.	Bachok	4	3	1
4.	Tanah Merah	2	1	-
5.	Machang	2	1	-
6.	Kuala Krai	1	-	-
7.	Gua Musang	1	-	1
8.	Jeli	0	2	-
9.	Pasir Puteh	4	2	1
10.	Pasir Mas	6	6	2
	JUMLAH	**37**	**25**	**11**

Sumber: Kajiselidik Jabatan Kebudayaan, Belia dan Sukan Kelantan 1982, Laporan Tahunan Pusat Kebudayaan dan Pelancongan Wilayah Timur 1998, Kajian Banci Persatuan 2 Mac 1999, Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan.

Berdasarkan kepada Jadual 5.3 di atas, penulis mendapati kerajaan Kelantan telah melaksanakan matlamat utama dasar kesenian iaitu *Amalan kesenian yang bercanggah dengan syariat perlu dihapuskan.* Usaha kerajaan Kelantan untuk menjaga akidah umat Islam melalui penguatkuasaan Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 dan dakwah telah berjaya mengurangkan perkara syirik dan khurafat dalam masyarakat di Kelantan. Dalam masa yang sama menunjukkan usaha kerajaan Kelantan dalam memberi kefahaman agama kepada rakyatnya mendapat perhatian pelbagai pihak terutama para penggiat seni negara.

Usaha kerajaan Kelantan dalam kesenian telah diterima baik pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Mereka telah mengadakan wayang kulit versi baharu dengan melakukan beberapa perubahan dan tidak lagi mengandungi unsur-unsur syirik sebagaimana

University of Malaya

sebelum ini. Menurut Puan Rohani Mohd Zain yang merupakan Primadona dalam persembahan makyung selepas era Allahyarham Khadijah Awang, pada hari ini sudah ada kumpulan persembahan makyung yang tidak mengamalkan pemujaan.

Puan Rohani juga menjelaskan, mereka memulakan persembahan makyung dengan membaca doa selamat dan tiada lagi unsur pemujaan seperti dulu tetapi artis masih lagi terdiri daripada lelaki dan perempuan kerana ada watak-watak tertentu dan pemuziknya juga adalah lelaki.[27] Beliau berasa kesal apabila pihak kerajaan negeri berterusan mendakwa makyung itu mengandungi unsur-unsur khurafat sedangkan mereka tidak datang apabila dijemput menyaksikan persembahan yang dibuat.

Pihak JKKN juga telah berusaha untuk membuktikan wayang kulit sekarang tidak mengandungi unsur-unsur khurafat. Menurut En. Ismail bin Yusoff (Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negera, Negeri Kelantan), semua kumpulan wayang kulit diberi tanggungjawab untuk membuat pementasan wayang kulit secara lintas langsung di hadapan al-Sultan Kelantan, Menteri Besar Kelantan dan orang kenamaan negeri Kelantan tetapi mereka gagal untuk berbuat demikian.[28]

5.12. Kesimpulan

Jika dilihat kepada perkembangan hiburan dan kesenian pada hari ini, maka akan nampak betapa jauhnya umat Islam daripada konsep tauhid dan akhlak. Hal ini dapat disaksikan apabila banyak berlaku gejala sosial dalam masyarakat. Antara punca utama

[27] Berita Harian (6 Jun 2010) di bawah tajuk "Aktivis Makyung minta Kelantan kaji semula larangan persembahan".

[28] Intisari temubual oleh Moniza Abdullah, Rozana Yaoh dan Wan Salwa Wan Sulaiman pada dengan En.Ismail bin Yusoff, Pengarah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negera, Negeri Kelantan tahun 2008.

University of Malaya

kepada gejala sosial seperti khalwat, maksiat dan sumbang mahram dalam masyarakat pada hari ini ialah pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan terutama dalam program-program hiburan sama ada berbentuk moden atau tradisional. Malah dalam hiburan tradisional juga banyak terdapat unsur-unsur syirik, khurafat, judi dan maksiat. Tindakan kerajaan Kelantan yang mengorak langkah dengan mengamalkan *siasah syar'iyyah* untuk mengembalikan matlamat asal kesenian dengan berpandukan kepada objektif *maqasid shariah* terutama dengan menggubalkan Dasar Kesenian Negeri Kelantan pada tahun 1998 amat tepat sekali.

Tindakan ini merupakan *siasah syariyyah* kerana ingin menutup perkara yang boleh mendatangkan kerosakan kepada masyarakat, agama dan akhlak. Tindakan Kerajaan PAS ini amat berbeza sekali dengan kerajaan Kelantan semasa pimpinan UMNO dahulu. Penulis mendapati Kerajaan PAS lebih bersungguh untuk menjaga *maqasid shariah* dan *maslahah ummah* berbanding dengan kerajaan sebelumnya. Ini juga menunjukkan Kerajaan Kelantan berpegang kepada kaedah fekah (*qawaid fiqhiyyah)* iaitu mengelak kemudaratan umum lebih utama daripada yang khusus. Dasar yang diamalkan juga adalah selari dengan pemerintahan Islam sebelum ini yang mengharamkan aktiviti judi kerana ia boleh merosakkan fikiran dan membunuh aktiviti ekonomi rakyat.

Di sini juga menunjukkan bahawa kuasa pemerintahan sangat penting dalam sesebuah negeri atau negara. Tanpa kuasa maka setiap arahan atau larangan tidak berhasil. Sebagai contoh larangan berjudi dan minum arak sudah lama dibantah oleh pemimpin-pemimpin politik dan ahli agama tetapi tidak berhasil sedikit pun. Dengan kuasa yang ada maka semua arahan dan larangan dapat dilaksanakan dengan mudah, malah dipatuhi oleh setiap lapisan masyarakat dan organisasi.

University of Malaya

Sepanjang lebih 20 tahun Parti PAS memerintah Kelantan tidak ada satu pun aspek sosio-budaya yang diharamkan sebagaimana yang dihebohkan oleh pihak tertentu. Malah Kelantan merupakan negeri yang mempertahankan amalan-amalan kesenian masyarakatnya yang positif. Kerajaan Kelantan mempertahankan gelaran Serambi Mekah dengan menyemarakkan pusat perkembangan pengajian pondok, sekolah agama, masjid dan surau. Dalam masa yang sama kerajaan Kelantan juga menghalang amalan yang bercanggah dengan Islam seperti maksiat, judi dan perkara yang melalaikan. Sepanjang membuat kajian ini, penulis mendapati kerajaan Kelantan telah mengamalkan *siasah syar'iyyah* dalam melaksanakan Dasar Kesenian di Kelantan.

Bagi penulis usaha kerajaan menggubal Dasar Kesenian memang tepat sekali pada masa sekarang kerana amalan kesenian dan hiburan masyarakat sudah lari dari landasan Islam. Tindakan positif ini sepatutnya menjadi ikutan kepada Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dan pemimpin kerajaan negeri-negeri di Malaysia kerana ia mematuhi *maqasid shariah* dan dapat menjamin masa depan sesuatu kesenian. Dalam masa yang sama ia dapat mengatasi masalah gejala sosial di Malaysia.

Dari tahun 1990 sehingga 2015 telah banyak bidang kesenian yang dibangunkan selaras dengan kehendak Dasar Membangun Bersama Islam. Sehingga kini ia telah dijadikan contoh kepada negeri-negeri lain dalam mengawal kegiatan kesenian. Kenyataan ini disokong dengan beberapa dokumen rasmi seperti dasar kesenian, enakmen, surat pekeliling SUK, peraturan, etika dan analisis serta laporan dari pelbagai agensi sebagaimana yang telah dibincangkan sebelum ini.

University of Malaya

Bidang kesenian merupakan bidang yang paling sinonim sekali dengan manusia. Keindahan yang lahir dari kesenian adalah menepati dengan *sunatullah* kerana Allah suka kepada yang indah. Maka setiap hasil dari ciptaan manusia dalam bentuk kesenian sepatutnya mencerminkan kebesaran Allah. Dengan itu, budaya dan kesenian adalah tidak bercanggah dengan Islam. Apa yang berlaku manusia tidak menjadikan Allah dan syariatNya sebagai petunjuk dalam kehidupannya akan menjadikan kesenian itu bercanggah dengan Islam. Persepsi dan manifestasi yang salah inilah yang ingin diperbetulkan oleh Kerajaan Kelantan dengan menjadikan matlamat melahirkan insan yang bertaqwa kepada Allah melalui kebudayaan sebagai pengantaraan.

University of Malaya

BAB ENAM: RUMUSAN DAN CADANGAN

6.1 Rumusan

Kajian tentang pelaksanaan dasar kesenian di negeri Kelantan dari tahun 1990 hingga 2015 mendapati *siasah syar'iyyah* merupakan kaedah pemerintahan bagi sesebuah negara Islam. Malah ia dibenarkan kepada pemimpin negara untuk melaksanakannya dalam pentadbiran mereka tetapi dengan mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh syarak. Di sini dijelaskan beberapa rumusan daripada kajian yang dilakukan terhadap pentadbiran kerajaan Kelantan dalam melaksanakan dasar kesenian, antaranya;

6.1.2. *Siasah Syar'iyyah* Digunakan Sebagai Kaedah Pentadbiran

Siasah syar'iyyah diamalkan oleh kerajaan Kelantan dalam melaksanakan dasar-dasar kerajaan termasuk juga program-program kesenian. Pembaharuan yang dilakukan kerajaan Kelantan dalam bidang kesenian seperti menggubal dasar kesenian Kelantan, mewujudkan Garis Panduan Persembahan (hiburan) 1998, melarang persembahan wayang kulit, makyung dan main puteri kerana ada unsur pemujaan kepada hantu, menutup kelab-kelab malam dan panggung wayang merupakan amalan *siasah syar'iyyah* kerana ia merupakan suatu tindakan untuk kemaslahatan ummah iaitu mencegah mereka daripada melakukan perkara maksiat. Selain itu, pimpinan Kelantan juga melakukan ijtihad kecil terlebih dahulu sebelum melancarkan sesuatu program atau pembaharuan supaya memberi manfaat, kemudahan, kesenangan dan keselesaan kepada rakyat Kelantan. Tindakan mereka bertepatan dengan kaedah *fiqhiyyah* yang berhubungkait dengan *siasah syar'iyyah* iaitu:

University of Malaya

تصرف الامام على الرعية منوط بالمصلحة

Maksudnya: *Tindakan pemerintah terhadap rakyat hendaklah berdasarkan maslahah*

درء المفاسد مقدم على جلب المصالح

Maksudnya: *Menolak kerosakan diutamakan daripada menarik kebaikan.*

Berlandaskan kepada kaedah tadi, maka setiap pembaharuan di Kelantan adalah untuk kemaslahatan ummah dan memartabatkan kesucian agama Islam. Dengan demikian, dapat disimpulkan semua pembaharuan dalam bidang kesenian di Kelantan adalah berasaskan kepada *siasah syar'iyyah*. Kerajaan negeri mengambil peluang dengan kuasa yang ada untuk mendekatkan ummah kepada Allah. Perkara ini bertepatan sekali dengan pandangan Imam al-Mawardi yang menyatakan tugas kepimpinan (*al-imamah*) ialah (اقامة الدين وسياسة الدنيا به) menjaga agama dan mengurus pentadbiran (*siasah*) dunia dengannya.

Konsep *siasah syar'iyyah* telah diaplikasikan dalam pentadbiran kerajaan negeri Kelantan bermula dari tahun 1990 lagi hingga sekarang. Malah pelaksanaannya bukan sahaja meliputi bidang kesenian tetapi termasuk juga bidang-bidang lain. Segala tindakan dan bentuk pembaharuan kerajaan Kelantan membuktikan pemimpin Kelantan menggunakan *siasah syar'iyyah* sebagai kaedah pentadbiran negeri. Amalan *siasah syar'iyyah* bukan setakat peringkat pentadbiran sahaja tetapi ia merangkumi program dan pembaharuan dalam bidang kesenian seperti menubuhkan pasukan dikir Sri Halaqat sebagai salah satu cara menyampaikan dakwah kepada masyarakat Islam pada hari ini.

University of Malaya

Walaupun Kerajaan Kelantan mempunyai kuasa yang terhad dalam melaksanakan sesuatu undang-undang atau dasar seperti Kanun Jenayah Syariah (II) tetapi berpandukan *siasah syar'iyyah* ia berjaya melaksanakan beberapa peraturan yang bercorak undang-undang seperti Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998, Dasar Pelancongan Negeri 1998, Dasar Pencegahan Gejala Sosial dan memperkemaskan lagi Enakmen Keluarga-Keluarga Islam Kelantan 1993 (Pindaan 1999). Ini menunjukkan para pemimpin Kelantan menggunakan ruang yang ada untuk melaksanakan amanah Allah dan mencari kemaslahatan untuk ummah. Tugas utama seorang pemimpin negara Islam ialah melaksanakan amanah Allah. Sebagaimana yang firmanNya yang bermaksud:

> *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu menyampaikan amanat kepada yang berhak menerimanya, dan (menyuruh kamu) apabila menetapkan hukum di antara manusia supaya kamu menetapkan dengan adil. Sesungguhnya Allah memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepadamu. Sesungguhnya Allah adalah Maha mendengar lagi Maha Melihat.*
>
> *Surah al-Nissa' (4):58.*

Untuk memastikan amanah dan syariat Allah ini terlaksana Kelantan, Dato' Nik Abdul Aziz menggunakan strategi berikut:

Pertama: Memastikan setiap dasar yang digubal atau dipinda di Kelantan menepati dengan prinsip Islam terutama *maqasid shariah* seperti Dasar Kesenian, Dasar Pelancongan dan Dasar Wanita.

Kedua: Melaksanakan program dan aktiviti bersifat sokongan terhadap dasar Islam secara mutlak atau alternatif. Antaranya memastikan wang

University of Malaya

kerajaan atau agensi disimpan di Bank Islam atau bank yang berasaskan sistem Islam untuk mengelak dari riba.

6.1.2. Penggubalan Garis Panduan Kebudayaan (hiburan) Berdasarkan *Maslahah al- Mu'tabarah*

Penggubalan Dasar Kesenian adalah berdasarkan kepada *maslahah mu'tabarah* kerana semua tindakan kerajaan Kelantan dalam menggubal dan melaksanakan dasar kesenian serta Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 adalah berdasarkan dalil-dalil yang jelas melarang kesenian dan hiburan yang mengandungi unsur-unsur perjudian, pemujaan, khurafat dan syirik. Antara dalil yang boleh dijadikan panduan dalam pelaksanaan dasar dalil tersebut:

Pertama:

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman, Sesungguhnya (meminum) khamar, berjudi, (berkorban untuk) berhala, mengundi nasib dengan panah adalah termasuk perbuatan syaitan. Maka jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan.*

Surah al-Maidah (5): 90

Kedua:



Maksudnya: *Dan janganlah kamu mendekati zina; Sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji. dan satu jalan jahat (yang membawa kepada kerosakan).*

Melalui ayat di atas maka jelaslah Allah Ta'ala melarang orang Islam dari terlibat dengan arak, judi dan pusat-pusat maksiat. Allah juga melarang perbuatan zina dan aktiviti-aktiviti yang mendorong seseorang melakukan perbuatan zina

University of Malaya

seperti khalwat iaitu tinggal berdua-duaan antara lelaki dan perempuan yang bukan suami isteri. Maka langkah pencegahan ialah dengan menutup pusat-pusat hiburan yang beroperasi pada waktu seperti kelab malam. Kerajaan Kelantan juga mengawal semua kesenian tradisional terutamanya seperti wayang kulit, makyung, main puteri dan dikir barat supaya rakyat tidak terpengaruh dengan cerita-cerita dongeng atau khayal. Jika diperhatikan kepada matlamat, prinsip dan garis panduan kesenian dengan dalil-dalil yang disebut di atas tadi, maka ia membuktikan dasar kesenian di Kelantan digubal berdasarkan kepada *maslahah al-mu'tabarah.*

Bagi perkara yang tidak dinyatakan al-Qur'an dan al-Sunnah secara langsung, maka kepimpinan Kelantan akan menggunakan kaedah ijtihad untuk menyelesaikan perkara tersebut. Kemahiran dan kepakaran mereka dalam bidang ijtihad digunakan sepenuhnya untuk menjadikan urusan pentadbiran menepati dengan kehendak Islam. Kebanyakan pembaharuan yang dilakukan di Kelantan berdasarkan kepada kaedah ijtihad. Dengan tujuan untuk memberi kebajikan kepada rakyat Kelantan dan mencegah mereka dari perkara mungkar. Konsep kepimpinan ulama yang menggabungkan kepakaran dalam pelbagai bidang keilmuan Islam dengan bidang-bidang lain banyak membantu kerajaan negeri dalam usaha untuk membuat kebajikan kepada rakyat Kelantan.

Kerajaan Kelantan juga membenarkan amalan kesenian yang tidak bercanggah dengan syariat Islam. Malah mana-mana kesenian yang menepati dengan ciri-ciri Islam dipertahan dan dikembangkan kepada generasi muda pada hari ini seperti dikir barat. Ia dapat menarik minat orang ramai kerana tidak lagi menggunakan perkataan lucah, tidak sepertimana sebelum ini. Hiburan yang

University of Malaya

melanggar syariat Islam seperti wayang kulit dan makyung (belum diubahsuai) ditangguhkan permit persembahannya. Walaupun makyung dan wayang kulit diminati orang Kelantan, ia masih dilarang jika tok dalangnya masih tidak mahu mengubah bentuk persembahannya.

6.1.3. Memasukkan Unsur Kebaikan Dan Menolak Unsur Keburukan Dalam Kesenian Kelantan

Dengan pelaksanaan Dasar Kesenian, Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 serta Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (hiburan) 1998 telah memberi peluang kepada kerajaan Kelantan untuk mengaplikaskan kemaslahatan dalam kalangan rakyat Kelantan iaitu (ودرء المفاسد جلب المصالح) ataupun dikatakan juga sebagai *amar maa'ruf* dan *nahi mungkar*. Dalam usaha untuk melakukan *amar ma'ruf*, kerajaan negeri telah mewujudkan beberapa program kebajikan untuk rakyat seperti memperkenalkan adab membuka dan menutup majlis dengan doa, iaitu membukanya dengan membaca al-Fatihah dan menutupnya dengan membaca *Surah al-Asr dan Tasbih Kafarah,* kempen menutup aurat, Tabung Serambi Mekah, Takaful Kifalah untuk rakyat yang berumur 60 ke atas, pajak gadai Islam dan menambah cuti bersalin dari 40 hari kepada 60 hari kemudian menjadi 90 hari. Kesemua program pembaharuan ini merupakan usaha untuk memberi kebajikan dan manfaat kepada rakyat Kelantan khasnya dan Malaysia amnya.

Manakala tindakan yang berupa pencegahan atau *nahi mungkar* pula dengan mewujudkan peraturan persembahan dikir barat, wayang kulit, peraturan iklan, etika berpakaian, peraturan panggung wayang dan peraturan kedai gunting

University of Malaya

(berasingan antara lelaki dengan perempuan). Dengan pelaksanaan Dasar Kebudayaan, Enakmen Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998 serta Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Hiburan), maka sebahagian besar daripada gejala sosial seperti pergaulan bebas antara lelaki dan perempun, pelacuran dan khalwat dapat diatasi. Setiap operasi pencegahan juga melibatkan banyak pihak seperti polis, penguatkuasa dari Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) dan Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI). Jika diperhatikan kepada peraturan persembahan hiburan dan pelaksanaannya, ia merupakan *sadd al-zara'i* (سد الزرائع). Dengan melaksanakan peraturan ini sebahagian besar amalan yang bertentangan dengan Islam dan gejala sosial di Kelantan dapat dikawal oleh kerajaan negeri.

Amalan *siasah syar'iyyah* banyak memberi ruang dan peluang kepada kerajaan negeri untuk menyampaikan dakwah kepada rakyat Kelantan di samping memperbetulkan fahaman mereka tentang matlamat sebenar hiburan dalam Islam. Perkara ini dapat dilihat melalui dasar tersebut yang menyebut: *"Seni dalam Islam bertujuan untuk mencapai mesej dakwah bukan semata-mata untuk hiburan hingga boleh menghilangkan ingatan kepada Allah atau melalaikan hingga menggoyangkan jiwa manusia"*[1].

Langkah kerajaan Kelantan memperkenalkan dasar ini sangat tepat kerana berdakwah dalam Islam itu bukanlah dengan ceramah agama di masjid atau surau sahaja, tetapi ia merangkumi pelbagai kaedah antaranya melalui persembahan kesenian yang diselarikan dengan kehendak Islam. Sebagai contoh dikir barat

[1] Pusat Kajian Strategik.(2005). Dasar-dasar Kerajaan Negeri Kelantan. Kealantan: Pustarek Enterprise, hlm. 33.

University of Malaya

yang dahulunya banyak dimasukkan dengan unsur-unsur lucah atau mencarut tetapi kini sudah banyak berubah dengan dimasukkan pujian kepada Allah dan mengajak kepada kebaikan.

Menjaga agama Islam merupakan tanggungjawab seorang pemimpin Islam. Maka usaha untuk menghapuskan amalan khurafat dan syirik dalam amalan tradisional merupakan sebahagian daripada peranan dan tugas kerajaan negeri dalam menjaga agama. Pemimpin juga berperanan dalam mencari kemaslahatan kepada rakyat dan menyelamatkan mereka dari anasir-anasir yang boleh merosakkan akidah ummah dan Islam seperti "upacara pembukaan dan penutupan panggung" bagi wayang kulit kulit, makyung dan main puteri. Tindakan ini berdasarkan kepada hadis Rasulullah s.a.w. yang berbunyi:

من راي منكم منكرا فليغيره بيده فان لم يستطع فبلسانه وان لم
يستطع فبقلبه وذلك اضعف الايمان

(رواه مسلم)[2]

Maksudnya*: Sesiapa yang melihat kemungkaran dari kalangan kamu maka dia hendaklah dia mencegahnya dengan tangan (kuasa) sekiranya tidak mampu (dengan kuasa) maka hendaklah mencegahnya dengan lidah (nasihat) dan sekiranya tidak mampu juga (nasihat) maka hendaklah dia mencegahnya dengan hati. Demikian itu adalah selemah-lemah imam*

Selain dari sebagai instrumen dakwah, bidang kesenian juga boleh dijadikan sebagai alat untuk mengatasi keruntuhan gejala sosial dalam masyarakat di Kelantan. Ini menunjukkan kesenian boleh digunakan untuk kebaikan masyarakat seperti dinyatakan dalam dasar kesenian Kelantan *"membantu perkembangan kesenian yang boleh membantu penyelesaan masalah sosial melalui kegiatan*

[2] Mustafa Abdul Rahman.(2009). Hadis 40. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 369.

University of Malaya

kesenian seperti ceramah budaya, pendidikan dan dakwah, kerja gotong-royong dan perjumpaan muhibah antara kaum". Berdasarkan konsep *amar ma'ruf dan nahi mungkar* ini kerajaan Kelantan mengambil pendekatan dengan mengembangkan, melindungi dan mencegah kesenian yang diamalkan. Ini merupakan usaha supaya amalan kesenian di Kelantan ini dapat patuh kepada *maqasid syariah* dan membetulkan persepsi masyarakat terhadap kesenian.

6.1.4. Program-program Kesenian di Kelantan Berasaskan *Maqasid Syariah*

Apabila mengkaji tentang pembaharuan yang dilaksanakan di Kelantan seperti menutup kelab malam, rumah-rumah urut adalah untuk menjaga masyarakat Kelantan dari terlibat dengan maksiat. Begitu juga dengan peraturan-peraturan yang baharu diperkenalkan seperti garis panduan persembahan (hiburan) 1998, peraturan dikir barat dan peraturan wayang kulit, bertujuan untuk menjaga maslahah umat Islam iaitu menjaga agama, akal, nyawa, keturunan dan harta. Berdasarkan kepada program yang dijalankan dan peraturan yang dikuatkuasakan, maka jelaslah kerajaan negeri menggunakan *siasah syar'iyyah* untuk mengurus bidang kesenian dan ia bertujuan untuk memberi kemaslahatan kepada rakyat Kelantan. Dengan ini jelas *siasah syar'iyyah* menjadi jalan untuk melaksanakan maqasid syariah di Kelantan.

6.1.5. Pelaksanaan Dasar Kesenian Meningkatkan Kerjasama Antara Agensi Kerajaan Negeri

Dengan adanya Dasar Kesenian, dapat membantu Kerajaan Kelantan dalam mengawal aktiviti sosial di Kelantan melalui dua agensi utama iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK) dan Majlis Perbandaran Kota Bharu

University of Malaya

Bandaraya Islam (MPKB-BRI). Kedua–dua jabatan ini sering bekerjasama dalam melaksanakan dasar kerajaan Kelantan. Antara bidang kerjasama yang sering diamalkan ialah operasi mencegah maksiat, khalwat dan perbuatan tidak sopan. Manakala operasi menutup aurat dilakukan oleh MPKB-BRI sahaja kerana diberi kuasa melalui Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian MPKB 1989. Biasanya operasi maksiat dan perjudian akan melibatkan banyak pihak seperti polis, kastam, Penguatkuasa Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKB-BRI) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEIK).

6.1.6.Pelaksanaan *Siasah syar'iyyah* Dalam Bidang Kesenian Dapat Memperbetulkan persepsi Masyarakat Terhadap Kesenian

Untuk memartabatkan amalan Islam dalam bidang kesenian, kerajaan Kelantan berusaha memurnikan institusi yang tercemar dengan budaya Barat. Misalnya industri pelancongan dan imej hotel dalam kalangan masyarakat. Menurut Dato' Nik Abdul Aziz, industri pelancongan itu sendiri mestilah didedahkan untuk memerhati kebesaran Allah dan tanda-tanda kekuasaan-Nya sama ada dalam bentuk keindahan alam, perbezaan muka bumi dan iklim mahupun kelainan budaya rakyat. Dato' Nik Abdul Aziz cuba menghapuskan imej negatif ini di Kelantan apabila beliau mahu menjadikan hotel sebagai tempat yang harmoni dan aman damai bagi mereka yang memerlukannya. Oleh itu hotel hendaklah bebas daripada segala maksiat dan cara hidup orang yang tidak beriman.

Hasrat Dato'Nik Abdul Aziz ialah menjadikannya hotel sebagai pengganti kepada rumah sendiri di waktu bermusafir. Matlamatnya ialah supaya pengurusan hotel tidak dapat lari dari terikat dengan perintah dan amanah Allah. Untuk

University of Malaya

membuktikan bahawa sesebuah hotel boleh maju walaupun tanpa maksiat, maka Kerajaan Kelantan melalui Permodalan Kelantan Berhad (PKB) telah menubuhkan Hotel Ansar. Hotel ini disediakan dengan bilik yang dilengkapi arah kiblat, sejadah solat dan al-Quran serta musalla.

Walaupun pentadbiran PAS Kelantan banyak kelemahan seperti kurang mampu untuk menarik pelabur asing, pengurusan sampah tidak terurus dan bekalan air bersih masih berlarutan sehingga ke hari ini tetapi sudah berusaha melaksanakan *siasah syar'iyyah* dalam pentadbirannya. Malah Kelantan merupakan negeri yang pertama mempunyai dasar kesenian dan garis panduan persembahan hiburan yang mengikuti kehendak Islam. Beberapa kelemahan dalam pengursan itu tidak boleh menafikan amalan *siasah syar'iyyah* diamalkan dalam pendabiran kerajaan Kelantan.

Kerajaan Kelantan juga telah berusaha mempertingkatkan pengurusan dan pentadbirannya dari setahun ke setahun. Pada tahun 2017 Jabatan Audit Negara memberi markah (99.0 peratus) Prestasi Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti 2016 kepada Pejabat Menteri Besar Kelantan dan Setiausaha Kerajaan Negeri. Ini menunjukkan bahawa pengurusan dan pentadbiran negeri Kelantan lebih baik daripada negeri-negeri lain. Pada tahun tersebut negeri-negeri lain seperti Selangor mendapat (96.20 peratus), Pulau Pinang (96.16 peratus), Terengganu (94.50 peratus), Johor (91.30 peratus) dan Kedah (90.01 peratus). Selain itu, para pentadbir kerajaan Kelantan juga masih bebas dari tuduhan rasuah dan salah guna kuasa oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

University of Malaya

6.1.7.Pengaruh Luar dan Penggunaan Alat Muzik Dalam Kesenian Di Kelantan

Kajian ini mendapati bidang kesenian tradisional terutama hiburan banyak menerima pengaruh dari Negara luar seperti Mesir, Turki, India dan Indonesia. Kesan pengaruh luar pada kesenian ini dapat dilihat melalui bentuk persembahan dan peralatan yang digunakan semasa persembahan kesenian tersebut. Antaranya wayang kulit, main puteri dan makyung. Muzik juga memainkan peranan penting dalam sesuatu persembahan kerana ia mengiringi upacara yang dijalankan oleh bomoh terutama dalam main puteri. Selain itu, ia juga berperanan dalam upacara keagamaan seperti ketika hadrah, marhaban dan dalam upacara-upacara sosial seperti majlis perkahwinan dan khatam. Antara peralatan muzik yang digunakan dan ia berasal dari Negara lain ialah rebana, anak gendang anak, gendang ibu, rebab, tetawak dan serunai.

Rakyat Malaysia juga berminat kepada lagu-lagu dari Hindustan walaupun mereka tidak memahami tentang isi kandungan dalam suatu nyanyian. Hal ini mungkin mereka tertarik dengan bunyi alat-alat muzik yang digunakan dalam nyanyian tersebut. Tidak terlepas juga dengan persembahan dikir barat di Kelantan kerana ada dalam kalangan juara dan tukang karut dikir barat pandai dan berminat menyanyikan lagu-lagu Hindustan dalam persembahan mereka. Kecenderungan kepada lagu-lagu Hindustan ini mungkin kerana alat-alat muzik yang digunakan dalam nyanyian tersebut hampir sama adalah alat-alat yang digunakan dalam persembahan dikir barat.

University of Malaya

6.2 Cadangan

Di sini dikemukakan beberapa cadangan berdasarkan kajian yang telah dijalankan supaya dapat manfaat bagi pihak kerajaan Kelantan, pengkaji-pengkaji dan mana-mana pihak yang berkenaan.

1. Pihak kerajaan negeri perlu berkerjasama atau menjalinkan hubungan yang erat dengan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN). Dengan adanya kerjasama tadi kerajaan Kelantan dapat menyalurkan hasratnya dalam kesenian. Sebagai menyampaikan pendirian kerajaan negeri terhadap kesenian tradisional, malah pihak JKKN juga tiada panduan khusus untuk mengawal kesenian mereka hanya berpandukan kepada Dasar Kebudayaan Kebangsaan. Kerjasama yang berlaku sekarang masih dalam peringkat kecil lagi seperti mengambil artis-artis budaya untuk buat persembahan sempena sambutan Tahun Melayat Kelantan. Sekiranya berlaku kerjasama yang kuat antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri akan memudahkan lagi usaha untuk menyelamatkan kesenian tradisional dari kepupusan di negeri ini.

2. Kerjasama antara kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri Kelantan juga penting terutama dalam penguatkuasaan undang-undang atau enakmen kerajaan negeri dan Undang-undang Kecil Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Sekiranya tanpa kerjasama daripada pihak Pusat yang melibatkan jabatan-jabatan seperti kehakiman, polis dan penjara, maka usaha kerajaan negeri meluluskan undang-undang atau enakmen akan menjadi sia-sia sahaja sebagaimana yang berlaku kepada Kanun Jenayah Syariah (II) walaupun sudah diluluskkan di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) dan diperkenankan oleh Sultan Kelantan.

University of Malaya

3. Kerajaan negeri juga perlu menyediakan tempat-tempat aktiviti untuk remaja bagi mengelak mereka dari terlibat dengan unsur-unsur negatif seperti penyalahgunaan najis dadah, merempit dan pil kuda. Hiburan alternatif juga perlu diadakan sebagai ganti kepada hiburan yang dilarang seperti makyng, menora dan konsert atau hiburan yang menonjolkan artis-artis yang tidak sopan. Ketiadaan hiburan alternatif untuk remaja akan menyebabkan mereka terjebak ke dalam gejala sosial yang parah seperti menagih dadah yang semakin meningkat di Kelantan. Kerajaan Kelantan juga perlu berusaha menyediakan peluang pekerjaan kepada muda mudi di Kelantan sebagai salah satu cara untuk mengelakkan mereka daripada terlibat dengan gejala sosial.

4. Kerajaan Kelantan perlu membangun dan mengembangkan permainan rakyat dan seni warisan yang serasi dengan agama. Dalam masa yang sama kerajaan Kelantan atau badan yang berkenaan perlu mengkomersialkan seni warisan Kelantan yang mempunyai nilai tinggi pada pandangan masyarakat terutama yang kesenian yang tidak bercanggah dengan syariah. Usaha mengkomersilkan Seni Warisan Kelantan adalah suatu agenda strategik yang boleh membantu pendapatan kerajaan negeri dan ahli-ahli kesenian. Kesenian merupakan suatu yang sebati dengan kehidupan manusia, ia patut dijadikan sebagai *wasilah* untuk dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat di Malaysia. Pada hari ini masyarakat sangat berminat dengan hiburan, jadi kesenian patut digunakan sebaik mungkin kerana ia dapat menarik minat orang ramai untuk mengikuti program-program dakwah.

5. Pengharaman wayang kulit dan makyung perlu dinilai semula oleh kerajaan Kelantan kerana ada beberapa perkembangan terbaharu selain diiktiraf oleh

University of Malaya

6. UNESCO sebagai warisan dunia. Para cendikiawan, pensyarah dan aktivis seni daripada Pantai Timur patut menjelaskan kedudukan sebenar wayang kulit dan makyung ini kepada kerajaan dan masyarakat Kelantan supaya nilai kesenian yang bersejarah ini tidak luput dan malah kekal tetapi dalam versi yang baharu. Kerajaan Kelantan juga perlu mengadakan satu perbincangan khusus berkenaan kesenian tersebut supaya isu larangan ini dapat diselesaikan dengan baik. Penulis yakin pihak kerajaan negeri akan mendapat beberapa maklumat baharu berkenaan wayang kulit dan makyung kerana pada zaman sains dan teknologi suasana masyarakat sekarang sudah banyak berubah. Antara faktor yang perlu diambil kira ialah:

Pertama: Wayang kulit merupakan antara bidang kesenian yang masih berpengaruh untuk menyampaikan dakwah dan maklumat kepada masyarakat Malaysia.

Kedua: Pada zaman sains dan teknologi seperti hari ini kesenian tersebut telah berubah kepada berbentuk teater komersial. Kebanyakan wayang kulit yang ada pada hari ini berbentuk hiburan semata-mata dan tiada lagi amalan'buka panggung dan tutup panggung' seperti yang diamalkan oleh mereka terdahulu.

Ketiga: Terdapat kajian dan pengakuan daripada penggiat seni dan jurulatih seperti Puan Rohani Mohd Zain (tenaga pengajar kumpulan Seri Temenggong) bahawa wayang kulit dan makyung tiada lagi unsur pemujaan sebagaimana diamalkan sebelum ini.

University of Malaya

6.3. Kesimpulan

Sepanjang kajian tentang amalan *siasah syar'iyyah* di Kelantan, didapati pelaksanaan Dasar Kesenian telah mencorak gaya hidup dan cara berhibur rakyat Kelantan telah berubah. Rakyat Kelantan sudah mula menjauhi dan meninggalkan amalan yang bertentangan dengan Islam dan dalam masa yang sama cuba untuk melaksanakan kesenian dan hiburan yang berteraskan Islam. Ini kerana penghayatan cara hidup dan akidah Islam yang dipimpin oleh Dato' Nik Abdul Aziz telah berjaya mempengaruhi corak pemikiran dan gaya hidup rakyat Kelantan. Prinsip dan ketegasan kerajaan negeri dengan landasan Islam ini menjadikan kesenian dan kehidupan rakyat Kelantan ke arah yang lebih serasi dengan akidah dan sahsiah Islamiah.

Pentadbiran berdasarkan *siasah syar'iyyah* sudah pun berlaku dalam pentadbiran negeri Kelantan walaupun dalam keadaan kuasa yang terhad dan terikat dengan kuasa Kerajaan Persekutuan. Konsep *siasah syar'iyyah* ini hanya difahami oleh para pemimpin kerajaan negeri yang terdedah dengan ilmu pentadbiran Islam, para penyelidik dan penceramah-penceramah agama sahaja adapun orang awam sukar untuk memahaminya. Konsep pentadbiran berasaskan *siasah syar'iyyah* ini tidak disedari oleh orang awam kerana tidak faham maksud perkataan tersebut atau tidak pernah dengar kerana jarang sekali disebut oleh pemimpin atau penceramah sebelum ini.

Dalam kajian ini jelas bahawa pelaksanaan Dasar Kesenian Kelantan dan Enakman Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998 menepati dengan konsep *siasah syar'iyyah* kerana mengutamakan kemaslahatan untuk umat Islam dan menjaga akidah mereka daripada terpengaruh dengan perkara khurafat dan syirik. Pengkuatkuasaan dasar, enakmen dan garis panduan persembahan hiburan juga mengambil kira prinsip maqasid shariah.

University of Malaya

Dasar Kesenian Kelantan dan pelaksanaan Enakman Kawalan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan 1998 turut menjaga maruah kaum wanita daripada dieksploitasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan ia juga memberi hak kepada kaum bukan Islam untuk mengadakan kebudayaan dan kesenian mereka. Secara tidak langsung Dasar Kesenian Kelantan ini dapat menggambarkan keadilan kerajaan Islam kepada orang bukan Islam walaupun mereka golongan minoriti di Kelantan.

Ini menunjukkan bahawa usaha kerajaan untuk membentuk masyarakat Kelantan menghayati Islam melalui kesenian semakin berjaya walaupun dalam keadaan kuasa yang terhad, menghadapi masalah kewangan dan kurang mendapat kerjasama daripada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan. Kelantan boleh menjadi ikon kepada negeri-negeri lain dan kerajaan persekutuan terutama dalam mengurus bidang kesenian dan amalan *siasah syar'iyyah*. Walaupun kerajaan Kelantan nampak tegas terhadap persembahan tradisional di Kelantan, namun masih terbuka untuk berbincang dengan penggiat-penggiat seni tentang syarat-syarat hiburan yang ditetapkan. Dengan ini menafikan pandangan yang mengatakan kerajaan Kelantan anti kepada kesenian dan cuba untuk menghapuskan kesenian tradisional di Kelantan. Maka rakyat dan pengiat seni tidak perlu bimbang dengan masa depan kesenian di negeri Kelantan kerana dasar tersebut dengan jelas sekali tidak menghalang mana-mana hiburan, kesenian yang tidak bercanggah dengan nilai-nilai Islam. Ianya boleh diterima dan diamalkan dalam masyarakat malahan dalam masa yang sama kerajaan Kelantan berhasrat untuk mengekalkan hiburan dan kesenian yang tidak bertentangan tadi dari kepupusan dan hilang dari bumi Kelantan.

University of Malaya

BIBLIOGRAFI

BAHASA MELAYU

al-Quran (Tafsir pimpinan al-Rahman). (1983). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Kuala Lumpur: Dar Fikri.

A. Aziz Deraman. (2010). *Wacana Peradaban Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abdullah @Alwi Hj. Hassan. (1996). Permasalahan Intektual Dalam Pembinaan Hukum Islam Semasa Di Malaysia. dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun.* Kuala Lumpur : Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Abdullah al-Qari Haji Salleh. (1967). *Sejarah Hidup Tok Kenali.* Kelantan: Kota Bharu, Pustaka Aman Press.

Abdullah Munsyi. (1966). *Kisah Pelayaran Abdullah*. Kuala Lumpur : Pustaka Antara.

Abdullah Zakaria Ghazali. (Ed.). *Warisan Kelantan XXV*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Abdul Hadi Awang. (2007). *Islam dan Demokrasi*. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributor Sdn.Bhd.

Abdul Halim Ahmad. (1982). Pendidikan Islam Di Kelantan. dalam Khoo Kay Kim(ed*), Beberapa Aspek Warisan Kelantan.* Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Abdul Karim Ali dan Raihanah Azahari (ed). (1999). *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Yang Membangun.* Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Abdul Rahman Hj. Abdullah. (1989). *Islam Dalam Sejarah Asia Tenggara Tradisional*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena Sdn. Bhd.

_____. (1990). *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara: Sejarah dan Perkembangannya Hingga Abad Ke-19*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. (2006). *Sejarah Dan Kebudayaan Asia Tenggara Tradisional.* Kuala Lumpur: Karisma Publications.

Abdul Rahman Haji Ismail. (2005). *Malaysia: Sejarah Kenegaraan dan Politik.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Abdul Razak Mahmud. (2010). *MAIK Peranannya Dalam Bidang Keagamaan, Persekolahan dan Penerbitan Di Kelantan Sehingga 1990*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abd. Rahman Ismail. (2009). *Seni Silat Melayu.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Abu Talib Ahmad. (2005). *Tamadun Jepun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Ahmad Kamal Abdullah. (1990). *Kesenian Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Atory Hussin. (2008). *Pembentukan Polisi Awam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications Sdn Bhd.

Alias Mohamad. (1984). *Gerakan Sosial Dan Politik Kelantan*. Kuala Lumpur, Insular Pulishing House.

_____. (1977).*Intelijensia Melayu Kelantan*. Kota Bharu, Kelantan: Publisher.

Anuar Din. (2008). *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu.* Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Agus Sunyoto. (1990). *Sejarah perjuangan Sunan Ampel: taktik dan strategi dakwah Islam di Jawa abad 14-15.* LPLI-Sunan Ampel.

Azharudin Mohd Dali. (2004). *Tamadun India*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Azmi Mohd Nasir. (2011). Aspek Nasihat dalam Dikir Barat, dalam Abdullah Zakaria Ghazali. (Ed.). *Warisan Kelantan XXV*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Brian Harrison. (1966). *Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan. (2010). *Sejarah PAS Kelantan* (1959-1978) *Langkah-Langkah Menuju Mardhatillah.* Kota Bharu: Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan.

Che Abdullah bin Che Nawi (Dato' HJ). (2013). *Judi Atau Royalti: Hadiah PRU 13 Untuk Rakyat Kelantan.* Kelantan: ABE Publishing.

Disman (Shamsudin Othman).(2013). *Kelantan 22 Tahun Bukti Kejayaan*. Kuala Lumpur: Kaab Enterprise.

Faisal Othman. (1997). *Islam dan Perkembangan Masyarakat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Gouri Mirpuri. (1993). *Budaya Serata Dunia*, Selangor: Times Books Internasional.

Ghulan Sarwar Yousof. (1999). *Angin Wayang: Bibliografi Dalang Wayang Kulit Yang Unggul*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

University of Malaya

Haron Bin Taib (YB Datuk).(2000). *Konsep Kepimpinan Dalam Parti Islam SeMalaysia.* Kuala Lumpur: Publisher

_____(2000). *Model Kerajaan Islam*. Selangor: Dewan Ulama PAS Pusat.

Hamidah binti Yaacob.(1998*). Hiburan Tradisional Kelantan* Dalam *Warisan Kelantan*. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

_____.(1998).*Beberapa Aspek Warisan Kelantan.* Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Hashim Awang AR dan Zaleha Abu Hassan. (1985). Main Puteri: Satu Teknik Etnopsikoterapi Masyarakat Melayu Di Kelantan, dalam Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir (ed). *Kelantan Dalam Perspektif Sosiobudaya*: Satu Kumpulan Esesi. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Hassan Othman.(2004).*Wayang Gedek Warisan Kesenian Melayu*. Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia.

Hassan Harun.(1997). *Rakyat Dinamik, Negeri Semakin Ketinggalan*, DD. Mediaconsult Sdn. Bhd.

Ismail Abdullah. (2009). *Seni Budaya Media dan Konflik Jati Diri*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ishak Saat. (2006). *Sejarah Sosiobudaya Melayu*. Selangor: Karisma Publications.

Ismail Hamid. (1985). *Peradaban Melayu dan Islam*. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ismail Said. (2011). *Menegak Agama Membela Bangsa: Perjuangan PAS 1951-1970.* (TTP) : (TP).

Jamal Mohd Lokman Sulaiman. (1999). *Biografi Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz.* Selangor: SULFA Human Resources & Development.

Jasser Auda. (2014). *Memahami Maqasid Syariah.* (Pentj), Mawran Bukhari A. Hamid, Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Jayaudin Jamaudin. (2006). *China: Rahsia Di Sebalik Kewujudan Tamadun China*. Selangor: Alaf Sanjung Sdn.Bhd.

Kamaruzzaman Yusuf dan Wan Abdul Rahman Wan Ab. Latif. (2011). Memartabatkan Syariah dalam *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik.

Lotfi Ismail. (1991). *Serambi Mekah Di bawah Pimpinan Ulama*. Kota Bharu: Walijah.

Lukman Thaib. (1998). *Politik Menurut Perspektif Islam*. Selangor: Synergymate Sdn. Bhd.

University of Malaya

Mahmood Zuhdi Abdul Majid. (2010). *Transformasi Fikah Semasa*, Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.

Mana Sikana. (1996). *Falsafah Dan Seni Kreatif Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Aizat Mohd Salleh. (2015). *Pemikiran Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat*, Selangor: PTS Islamika Sdn. Bhd.

Mohd Amin Yaakub. (2001). *Sejarah Pemerintahan PAS Kelantan 1959-1990.* Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Tingkat 1, Blok Kota Darulnaim.

Mohd Fadli Ghani. (2011). *Dua Dekad Kelantan Membangun Bersama Islam.* Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik Negeri Kelantan.

Mohd Johari Ab. Hamid dan Hamzah Lasa. (2013). *Estetika Seni Visual*. Perak: Penerbit Universiti Sultan Idris, Tanjung Malim.

Mohd Noor Deris. (2000). "Keterikatan Maslahah Sebagai Sumber Hukum Dengan Kepentingan Semasa Dan Setempat Di Malaysia". dalam *Fiqh Malaysia Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Mohamed Ghouse Nasuruddin. (1993). *Kesenian dan Drama Theater*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

_____. (1994). *Tarian Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Morohaini Mohd Yusoff. (2013). *Penyelidikan Kualitatif: Pengalaman Kerja Lapangan Kajian,* Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Muhamad Husain. (1996). *Perubahan dan Cabaran Kerajaan Angkatan Di Kelantan*. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan.

Muhammad Shukeri bin Muhammad. (1993). *Himpunan fatwa-fatwa Mufti Kerajaan Negeri Kelantan*, Majlis Agama Islam Kelantan dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, Kota Bharu: Pustaka Aman Press.

Mustafa Abdul Rahman.(2009). *Hadis 40.* Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nik Abdul Aziz bin Nik Hassan.(1977). *Sejarah Perkembangan Ulama' Kelantan,Sejarah Gerakan dan Perkembangan Alam Pemikiran Islam di Jajahan Kota Bharu 1900-1940.* Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn.Bhd.

Nik Abdul Aziz bin Nik Mat. (1995). *Asas Pentadbiran Islam*. Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik.

_____. (1995). *Islam Boleh*, Nilam Puri: Maahad ad-Dakwah Wal–Imamah.

University of Malaya

Nik Mohamed Bin Mohd Salleh. (1985). *Warisan Kelantan* IV, Kota Bharu, Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, United Selangor Press Sdn.Bhd.

Norliza Rofli dan Eddin Khoo. (2009). *Kebudayaan Malaysia: Satu Pengenalan*, Kuala Lumpur: Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara.

_____. (1983). *Islam Di Kelantan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Omar Farouk Bajunid. (1989). *Warisan Kesenian Kelantan*. Kuala Lumpur: Asrama Za'ba, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Othman Lebar . (2009). Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metod. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Othman Mohamed. (2001). *Penulisan Tesis Dalam Bidang Sains Sosial Terapan*, Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Panel Pengkaji Sejarah Pusat Penyelidikan PAS. (1999). *PAS Dalam Arus Perjuangan Kemerdekaan*, Selangor: Angkatan Edaran Ent Sdn Bhd.

Perbadanan Menteri Besar. (2013). *20 Tahun Pentadbiran Membangun Bersama Islam Kerajaan Negeri Kelantan*. Kota Bharu : Perbadanan Menteri Besar Kelantan.

Pusat Kajian Strategik Negeri. (2000). *Sepuluh Tahun Membangun Bersama Islam*. Kelantan: Pusat Kajian Strategik

Pusat Kajian Strategik. (2008). *Koleksi Ucapan Rasmi lll.* Kelantan: Kota Bharu, Pustaka Dian Darul Naim.Sdn.Bhd.

Raja Zulkarnain Mohd Yusof. (2013). *Oud: Warisan Seni Dari Timur Tengah*, Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara.

Richard Courtney. (1991). *Lakon, Drama dan Pemikiran Latar Belakang Intelektual Drama Dalam Pendidikan.* Rahman Bujang (terj) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

R.Puedjosoborto. (1978). *Wayang: Lambang Ajaran Islam*. Jakarta: P.T Pradnya Pararnita.

R.Raja Krishnan dan M. Rajantheran. (1994). *Pengantar Tamadun India*. Fajar Bakti Sdn. Bhd.

S.H Nasr. (1989). *Falsafah Kesusteraan Dan Seni Halus.* (Penterj) Baharudin Ahmad, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Saad Shukri bin Haji Muda. (1971). *Detik-detik Sejarah Kelantan*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.

Salahuddin Bin Abdullah. (2010). *Sejarah Pas Kelantan (1959-1978) Langkah-langkah Menuju Mardhatillah.* Badan Perhubungan Pas Negeri Kelantan, Kota Bharu: Percetakan Zulrahim Sdn. Bhd.

University of Malaya

Saleh Hj.Md@Hj.Ahmad. (2011). *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*. Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh dan Human Resources & Development.

Shukeri Mohamad. (1999). *Siasah Syar'iyyah dan Kedudukannya Sebagai Metod Penentuan Hukum* dalam *Hukum Islam Semasa Bagi Masyarakat Malaysia Yang Membangun*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

_____. (2006). *Nilai–nilai Budaya Tempatan Sebagai Asas Pembinaan Siasah Syar'iyyah* dalam *Hukum Islam dan Budaya Tempatan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Sidi Gazalba.(1993). *Islam dan Perubahan Sosiobudaya: Kajian Islam Tentang Perubahan Masyarakat.* Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.

_____.(1986). *Masyarakat Islam: Pengantar Sosiologi dan Sosiografi*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.

Sidik Fadhil. (1992). *Minda Melayu Baru*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Dasar.

_____. (1999). *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: UKM

Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, teori dan Praktis* Selangor: Penerbit Universiti Malaysia.

Siti Uzairiah Mohd Tobi. (2017). *Kajian Kualitatif Dan Analisis Temubual*. Kuala Lumpur: Aras publisher.

Siti Zainon Ismail. (1998). *Percikan Seni*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Sivachandralingam Sundara Raja dan Ayadurai Letchumanan. (2005). *Tamadun Dunia*, Selangor: Penerbit Fajar Bakti.

Solehah Ishak. (2008). Seni Teater dalam Anuar Din, Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1972). *Islam Dalam Sejarah Kebudayaan Melayu: Satu Mukadimmah Mengenai Peranan Islam Dalam Peradaban Sejarah Melayu-Indonesia dan Kesannya Dalam Sejarah Pemikiran, Bahasa dan Kesusteraan Melayu*. Kuala Lumpur: UKM.

Syed Omar Syed Agil dan Salina Haji Zainal (peny). (1994). *Islam dan Cabaran Era Baru.* Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).

Tarmizi Mohd Jam. (1991). *Kelantan: Harapan, Cabaran dan Visi Mampukah Ulama Mentadbir?*, Kuala Lumpur: GG Edar.

Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kelantan. (2000). *Pelan Strategik Pembangunan Negeri Kelantan*. Selangaor: Pusat Pembangunan Perniagaan, Universiti Putera Malaysia.

Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan. (1995). *Kelantan Universiti Politik Terbuka.* Kuala Lumpur: IDID Supply & Servies.

University of Malaya

Wan Azmi Ramli. (1993). *Dasar Awam Di Malaysia.* Kuala Lumpur: Golden Centre Sdn. Bhd.

Wan Ismail bin Wan Jusoh. (1999). *Koleksi Ucapan Rasmi YAB Tuan Guru Dato'Haji Nik Ab dul Aziz bin Nik Mat Menteri Besar Kelantan*. Kota Bharu: Dian Darulnaim Sdn. Bhd.

Wan Liz Wan Umar. (1990). *Pengurusan Islam Abad 21: Resolusi Pengurusan Untuk Keunggulan Sektor Awam Dan Korporat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributers Sdb Bhd.

Wan Nik Wan Yussof (peny).(2011). *Perspektif Tok Guru*. Kota Bharu, Kelantan: Pusat Kajian Strategik.

_____.(2008). *Koleksi Ucapan Rasmi lll*, Kota Bharu: Kelantan, Pustaka Dian Darul Naim Sdn.Bhd.

_____. (2015). *Legasi Tok Guru*: *Politik dan Dakwah*, Kota Bharu: Pusat Kajian Strategik.

Wan Norhasniah Wan Husin.(2012). *Peradaban dan Perkauman Di Malaysia*: *Hubungan Etnik Melayu-Cina*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Wan Zahidi Wan Teh. (2002). *Pelaksanaan Siasah Syar'iyyah dalam Pentadbiran Kerajaan.* Kuala Lumpur: JAKIM.

William R.Roff (2005). *Nasionalisme Melayu* (perj) Ahmad Boestamam, Kuala Kumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Yahya Ismail. (1978). *Bulan Purnama Gerhana Di Kelantan Satu Analisis Politik Kelantan*. Kuala Lumpur: Dinamika Kreatif.

Yusri Yusof. (1995). *Kelantan Penentu Agenda Politik Malaysia*. Kuala Lumpur: Daisi Communications.

Yusuf al-Qardhawi (Dr). (1994). *Fatwa-fatwa Semasa*. Sulaiman Ibrahim (Terj), Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn Bhd.

_____. (2014). *Fiqh Hiburan dan Rekreasi*. Selangor: PTS Islamika Sdn.Bhd.

Zainal Abidin Ahmad. (1977). *Ilmu Politik Islam*. Jakarta: Bulan Bintang.

Zainal Kling. (1988). Kebudayaan Pribumi di Malaysia. *Syarahan Tun Seri Lanang*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan Malaysia.

Zulkiflee Haron. (*et al*.). (2011). *Tamadun Islam dan Tamadun Asia*, Johor: Penerbit UTM Press.

University of Malaya

BAHASA ARAB

‘Abd.al-Rahman Taj. (1415H). *al-Siyasah al-Syar‘iyyah wa al-Fiqh al-Islami,* Kaherah : Dar al- Salam.

‘Abd. Allah Muhammad Muhammad al-Qadhi. (1990). *Siyasah As-Syar’iyah baina Al-Nadariyah wa al-Tadbiq.* Dar al-Kutub al-Jam’iyah al-hadits.

‘Abbas, Shihabuddin Abu al- (t.t). *Hasyiah Qalyubi wa ‘Umairah*, Kaherah: Dar Ihya al-Kutub al-‘Arabiyyah, Jld. I.

Abi Syaibah, Abu Bakr ‘Abd Allah b. Muhammad Bin Ibrahim. (2004). *Al-Musannaf li Ibn Abi Syaibah*, *Bab al-Hajj*, jld 22. Beirut: Dar Qurtubah.

Abu al-Hasan ‘Ali Ibnu Muhammad Ibnu Habib al-Mawardi. (t.t) *ahkam al-Sultaniah w'*al-*Wilayat* al-*Diniyyah*, Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah

Abu Sannah. (1949). *al-‘Urf wa al-‘Adah Fi Ra’y al-Fuqaha’*. Kaherah: Dar al-Salam.

Ahmad,‘Abd al-‘Ali. (1993). ‘*Utwah, al-Madkhal ‘ila al-Siyasah al-Syar’iyyah*. Riyadh : Jami‘at al-Imam Muhammad bin Sa’ud al-Islamiyyah.

Ambari, Khalid ‘Ali Muhammad al-. (2004). *Fiqh al-Siasah al-Syar’iyyah Fi Dhau’ al-Qur’an wal al-Sunnah wa Aqwal salaf al-Ummah,* Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

‘Atwah, ‘Abd al-. (1993). *al-Madkhal ‘ila al-Siyasah al-Syar`iyyah***,** Riyadh: Maktabah al-Haramain.

Bujairimi, Sulaiman Ibn Omar Ibn Muhammad, al-. (1956). *Hasyiah al-Bujairimi ‘ala al- Manhaj al- Musammah al-Tajrid linaf`i al-‘Ibad ala Syarh Minhaj al-Tullab,* Kaherah: Matbaah Mustafa al-Babi wa Auladih, Juz 2.

Bukhari, Muhammad b, Isma’il Abu ‘Abd Allah al-. (1400H) *Sahih al-Bukhari.* Kaherah: Dar al-Salafi. Cetakan pertama.

Buti, Muhammad Sa‘id Ramadan al-. (1966). *Dawabit al-Maslahah fi al-Shari‘ah al-Islamiyyah.* Damsyiq : Dar al-Fikr.

Burhani, Muhammad Hisyam al- (Dr). (1985). *Sadd al-Zara‘i fi al-Syariah al-Islamiah*, Beirut: Dar al-Fikr.

Bustani, Fuad Irfan al-. (1956). *Munjid al-Thulab.* Cairo: Dar al-Falah. Beirut: Dar al-Bashir al-Islamiyyah.

Duraini, Fathi al-. (1987). *Khasa’is al-Tasyri’ al-Islami Fi al-Siasah wa al-Hukm*. Beirut : Dar al-Bashir al-Islamiyyah.

Fadani al-, (1996M/ 1417 H). *al-Fawa’id al-Janiyyah*. Beirut: Dar al-Bashir al-Islamiyyah. Cetakan kedua, Juz.2.

University of Malaya

Ghazali, Abu Hamid Muhammad al-. (1993). *al-Mustasfa,* Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi, Juz.1.

_____ . (1996). *Al-Sunnah al-Nabawiyyah Baina Ahl al-Fiqh wa ahl al-Hadis*. Kaherah: Dar al-Shuruq. Edisi 11.

Ibn 'Abidin.(1996*). Hasyiah Radd al-Muhtar `Ala al-Durr al-Mukhtar.* Beirut: Dar al-Fikr, juz 4.

Ibn al-Qayyim, 'Abu Abdullah Muhammad Ibn Abi Bakr. (1995). *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al- Siyasah al-Syar`yyah.* Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Ibn al-Taymiyyah, Taqiuddin Ibn Ahmad. (1988). *al-Siyasah al-Syar`iyyah fi Islah al-Ra`i wa al-Ra`iyyah.* Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.

Ibn'Ashur. (1998) . *Maqasid al-Shari'ah al-Islamiyyah,* (Sunt). Muhammad al-Tahir al-Misawi, al-Bashir li al-Intaj al-'Ilmi, Beirut: Dar al- Salam, Cetakan Pertama.

Ibn Farhun, Ibrahim Syamsuddin. (1301H). *Tabsirah al-Hukkam fi Usul al-'Aqdiah wa al-Ahkam,* Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Juz 2.

Ibn Manzur, Muhammad b. Jalal al-Din, (1967). *Lisan al-'Arab,* Jld.6. Beirut: Dar al-Fikr.

Ibn Nujaim, Zainuddin Ibn Nujaim. (t.t). *al-Bahr al-Ra'iq Syarh Kanz al-Daqa'iq,* Beirut: Dar al-Kutub al-Islamiyah, juz 5.

Jaburi, 'Abd Malik 'Abd Mujid Bakr al-. (2008). *al- 'alaqah Bina al-Siasah al-Syar'iyyah wa maqasid al-Syariah* dalam *Majalah Jamiah Takrik lil 'ulum al-Islamiyyah*. Bil. 6.

Khaldun, 'Abd. al-Rahman Ibu. (t.t). *al-Muqadimmah*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Khallaf, 'Abd al-Wahab al-. (1987). *As-Siyasah al-Syar'iyyah wa Nizam al-Daulah al-Islamiyyah fi al-Syu'un al-Dustuniyyah wa al-Kharijiyyah wa al-Maliyyah,* Beirut: Muassasah al-Risalah.

Mohd Kurdi 'Ali Muhammad Amin. (1946). *Aqwaluna Wa Af'aluna*. Kaherah: Dar al-Mukhtar al-Islami.

Muhmud Shaltut. (1960). *al-Fatawa*. Kaherah: Dar al-Syuruk.

Muslim, Abu Husain b. al-Hajjaj al-Naisaburi, (1981), *Sahih Muslim*. Istambul: Cagri Yayinlari.

Najar, 'Abd. al-Wahb al- . (t.t). *al-Khulafa al-Rasyidun*, Kaherah: Dar al-Thurath

Numan Jughaim. (2002*). Turuq al-Kashf 'an Maqasid al-Syari'*, Universiti Antarabanggsa Malaysia, *Dar an-Nafa'is Right.* New York: Human Right Publishing Group.

Qaradhawi, Yusof al- (2011). *al-Siasah al-Syar'iyyah Fi Dau Nusus al-Syari'ah wa Maqasiduh.* Kaherah: Maktabah Wahbah.

_____. (1992), *al-Din wa al-Siasah*. Damsyik: Dar al-Syuruk.

_____. (2007). *Dirasah fi fiqh Maqasid al-Syariah Baina al-Maqasid al-Kuliah wa al-Nusus al-Juziyyah*. Beirut: Dar al-Fikr,

_____. (2011) *Fiqh al-Ghina' wal al-Mausiqi fi al-Dau al-Qur'an wal al-Sunnah*, Kaherah: Maktabah Wahbah.

_____. (1977). *Khasa'is 'Ammah al-Islam*. Kaherah: Maktabah Wahbah.

_____ . (1999). *Kaif Nata'amal ma'a al-Qur'an al-Azim*, Kaherah: Dar al-Shoruq.

Qurasyi, 'Abd al-Ghalib 'Abd al-Kafi al-. (1983). *Awwaliyyat al-Faroq al-Siyasiyyah*, Riyad: Maktabah al-Haramain.

Qasimi, 'Abd al-Ilah al-. (2010). *Madhal 'Am Lidirasah Maqasid al-Syari'ah*, Dar al-Kalimah lil Nasry wal al-Tauzie'.

Qayyim, Abu 'Abd Allah Muhammad Ibn Abi Bakr, Ibn al-. (1995). *al-Turuq al-Hukmiyyah fi al-Siasah al-Syar`yyah.* Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

Raisumi Ahmad al-. (2010). *Madhal 'ila Maqasid al Syariah*. Kaherah: Dar al-Kalimah Lil Nasry wal al-Tauzie'.

_____. (1987) *al- Manhaj al-Musammah al-Tajrid linaf`i al-'Ibad 'ala Syarh Minhaj al-Tullab,* Kaherah: Matbaah Mustafa al-Babi wa Auladih, juz 2.

_____ (1992). *Nazariyyat al-Maqasid I'nda al-Imam al-Syatibi,* Beirut: al-Maahad al-'Alami li al-Fikr al-Islami.

Razi, Muhammad Ibn Abi Bakr al-, (1992), *Mukhtar al-Sihah*, Beirut: Maktabah Lubnan.

Redha, Mohammad Rashid. (t.t). *al-Wahy al-Muhammadi: Thubut al-Nubuwwah bi al-Qur'an*, Kaherah: Muassasah Izz al-din.

Rizq al-Zalbani (Dr). (t.t). *Mudhakkirah fi al-Siyasah al-Syar`iyyah***,** Jami`ah al-Azhar: Matba'ah al-Syarq.

Shalabi, Muhammad Mustafa. (1981). *Ta'lil al-Ahkam*, Beirut: Dar al-Nahdah al-'Arabiah , Cet.2.

Subhi Mahmasani. (1971). *Falsafah al-Tasyri fi al-Islam*, Beirut: Dar al-Fikr.

University of Malaya

Syatibi, Abu Ishak al- .(1988). *al-I'tisam.* Beirut : Dar-al-Ma'rifah.

_____. (1999). *al-Muwafaqat Fi Usul al-Syari'ah*, Beirut : Dar-al-Ma'rifah Jil.1.

Tarablusi, Abu al-Hassan Óli Ibn Khalil al-. (t.t). *Mu`in al-Hukkam fima Yataraddad Baina al-Khasmain min al-Ahkam,* Beirut: Dar al-Fikr.

Taymiyyah, Taqi al-din Ibn Ahmad, Ibn al-. (1988). *al-Siyasah al-Syar`iyyah fi Islah al-Ra`i wa al-Ra`iyya.* Beirut: Dar al-Afaq al-Jadidah.

Thabari, Imam al- (1976), *Tarikh al-Thabari*, Kaherah: Dar al-Fikr, Jld.5.

Tufi, Najm al-din Sulaiman al-. (1993). *Risalah fi Ri'ayah al-Maslahah*. Kaherah: Maktabah al-Bananiyah.

Zabidi, Muradha al-. (t.t). *Taj al-'Arus*, jilid 4.(t.t.p): (t.p).

Zalbani, Rizq al-. (t.t) *Muzhakkirah fi al-Siyasah al-Syar`iyyah.* Jami`ah al-Azhar: Matbaah al-Syarq.

Zarqa al-. (1996). *Sharh al-Qawa'id al-Fiqhiyyah*, Dar al-Qalam, Damshiq : Cetakan keempat.

Zuhayli, Wahbah al-. (1986). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Jld.1, Beirut : Dar al-Fikr.

BAHASA INGGERIS

Abdul Aziz Sa'id. (1980). *The Use and Abuse of Democracy in Islam.* dalam *International Human.* (t.t.p): (t.p).

Abul A'la Mawdudi. (2008). *Fundamentals Of Islam,* Kuala Lumpur: Dar al-Wahi Publication.

Abdullah Alwi Haji Hassan. (1996). *The Administration of Law In Kelantan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Amin Sweeney. (1994). *Malay Word Music A Celebration of Oral Creativiti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Amran Kasimin. (1991). *Religion and Society Among The Indigenous People Of Malay Peninsula,* Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka

A.S.Shafii. (2009). *Management Of Commercial Makyung Kelantan*. (t.t.p): (t.p).

Auda, J. (2008). *Maqasid al-Shariah as philosophy of Islamic law: A Systems Approach*. International Institute of Islamic Thought (IIIT). London: Methuen.

University of Malaya

Braddel, R. (1940). *An introduction to study of ancient times in the Malay Peninsula and the Straits of Malacca* JMBRAS.17(1).

Brennan,C.(2001). Religion, cultural identity and Kelantan's Dikir Barat. *The Australian Journal of Anthropology*, 12(3).

Ghulam Sarwar Yousof.(1983).*"Feasting Of The Spirit: The Berjamu Ritual Performance in the Kelantanese Wayang Siam Shadow Play"*. (ttp) : (tp) Kajian Malaysia Vol.1.Jun.

_____. (1994). *Dictionary of Traditional South East Asian Theatre*. England: Oxford University Press.

_____. (1976*). "The Kelantan Mak Yong" Dance Theatre A Study of Performance Structure.* Michigan : University Microfilm International.

Hardwick, P. A. (2013). *Embodying the divine and the body politic: Mak Yong performance in rural Kelantan, Malaysia*. In Performance, popular culture, and piety in Muslim Southeast Asia. US: Palgrave Macmillan.

Joginder Singh Jessy.(1985). *History South–East Asia (1824-1965)*. Kedah: Penerbitan Darulaman.

Malcolm D. Kennedy. (1963). *A History Of Japan*. Britain: Bristol.

Malm, William. (1971). *Malaysia: Music of the Ma'yong Theatrical Music from Kelantan.* Tokyo: C.E. Tuttle.

Mohamed Ghose Nasaruddin. (1992*). The Malay Traditional Music*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohammad Hashim Kamali. (1991). *Principles Of Islamic Jurisprudence*. Selangor: Ilmiah Publishers Sdn. Bhd.

Mohammed Syed al-Hawa. (1982). *Punishment In Islamic Law*. Indianapolis: American Trust Publications.

Muhammad Dain Othman. (2011). *The Kelantan Malay Traditional Shadow*, Selangor: Publisher Mahmanis Enterprise.

Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti. (1961). *Islamic Law Its Scope and Equity*. (terj). London: (tp).

Nash, M. (1974). *Peasant citizens: politics, religion, and modernization in Kelantan, Malaysia* (No. 31-36). Ohio University, Center for International Studies.

Rahimidin, Sutung Umar et al. (2011). *Makyung: The Mystical Heritage of Malaysia*. Institut Terjemahan Negara.

University of Malaya

Robert L. Winzeler .(1985). *Ethnic Relations In Kelantan: A Study OF The Chinese and Thai as Ethnic Minorities In a Kelantan State.* Singapore: Oxford Universiti Press.

Roff, William R. (ed). (1974). *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*. Kuala Lumpur: Oxford Universiti Press.

Tylor, E.B. (1958). *Religion in Primitive Culture* Watson, G.Llewellyn. (1982). Social Theory and Critical Understanding. New York: Harper Torchbook

Teew, A. and Wyatt D.K. (1970). "The Story of Patani". *Bibliotheca Indonesia*, Vol.5, The Hague: Martinus Nijhoft.

Wagner, Frits A. (1959). *Indonesia: The Arts Of An Island Group*, London: Methuen.

TESIS / PENYELIDIKAN

Abdul Aziz Bin Ahmad (1996), "Kota Bharu Kota Budaya: Peranan Kerajaan Negeri Kelantan Dalam Merealisasikannya". (Ijazah Sarjana Muda Jabatan Persuratan Melayu, Fakulti Sains dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia).

Ab. Rahman Ismail. (1995). "Reformasi Pentadbiran Dan Politik: Perspektif Pegawai Kerajaan Terhadap Kerajaan Baru Kelantan". (Tesis MA, Fakulti Ekonomi, Universiti Malaya).

_____. (1999). "Pembentukan Polisi Awam Dan Perkembangan Politik Di Kelantan : Satu Kajian Terhadap Persepsi UMNO Dan PAS" (Tesis Phd, Fakulti Ekonomi, Universiti Malaya).

Fernando, J.S. (1996). "Lagu Menghadap Rebab In The Mak Yong Theatre Of Kelantan and South Thailand: an interpretive musical analysis" (Doctoral dissertation, Universiti Malaya).

Haryati Hassan. (2003). "Wanita Kelantan dan Pelacuran Satu Kes Kajian di Kota Bharu 1950an – 1970". (Tesis Phd Jabatan Sains Sosial dan Kemasyarakatan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ismail Yusoff. (2009). "Pemikiran dan Perjuangan Islam dan Politik Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat 1964-2004". (Tesis Phd Jabatan Sejarah Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

Mohamed Ghouse Nasuruddin. (2009). *Traditional Malay Theatre*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Azhar Abdullah. (2012). "Peruntukan Dan Penguatkuasaan Terhadap Kesalahan Kesusilaan Di Bawah Bidangkuasa Kerajaan Tempatan: Kajian Menurut Undang-Undang Kecil, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam". (Tesis Phd Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Universiti Malaya).

Moniza Abdullah, Rozana Raoh dan Wan Salwana Wan Sulaiman. (2008). *Kajian Mengenai Sejauh mana Penerimaan Masyarakat Kelantan Terhadap Pementasan*

University of Malaya

Seni Wayang Kulit Sebagai Suatu Bentuk Hiburan. Institut Penyelidikan Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor.

Muhamad bin Ibrahim. (1977). "Dikir Barat". (Latihan Ilmiah Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya).

Raja Iskandar Raja Halid. (2015). *The Malay Nobat: A History Of Encounters, Accommodation And Development* (Doctoral dissertation, King's College London).

Shukeri Mohamad. (2009). "Penerimaan Maasyarakat Terhadap Pelaksanaan Siasah Syar`iyyah Di Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 hingga 2000: Kajian Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan" (Tesis Ph.D, Jabatan Siasah Syar`iyyah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1972). "Islam Dalam Sejarah Kebudayaan Melayu: Satu Mukadimmah Mengenai Peranan Islam Dalam Peradaban Sejarah Melayu-Indonesia dan Kesannya Dalam sejarah Pemikiran, Bahasa dan Kesusteraan Melayu". (Latihan Ilmiah Jabatan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

JURNAL

Abdullah Yusof dan Awerman Bidin. (2008). Perkembangan Seni Muzik Dalam Peradaban Islam di Nusantara. *Journal of Al-Tamaddun*, 3, 48-67.

A.S.Hardy Shafii. (2004). Pengurusan Pementasan Teater Komersil Mak Yong di Kelantan, 1950 an dan 1960 an. Dalam *Wacana Seni: Journal of Arts Discourse*, Jil. Vol.3.

Asyraf Wajdi Dusuki dan Nurdianawati Irwani Abdullah. (2007). Maqasid al-Shari'ah, Maslahah and Corporate Social Responsibility. *The American Journal of Islamic Social Sciences (AJISS)*, *24*(1), 25-45.

Brennan, C. (2001). Religion, Cultural Identity and Kelantan's Dikir Barat. *The Australian Journal Of Anthropology*, 12(3), 302–311.

Byard-Jones, T. (2001). Developments in performance practice, The Creation Of New Genres And Social Transformations in Yogyakarta Wayang Kulit. *Contemporary Theatre Review*, 11(1), 43-54

Firth, Raymond. (1967). "Ritual and Drama in Malay Spirit Mediumship", *Comparative Studies in Society and History*, IX, 190-207.

Ghulan Sarwar Yousof. (2010). Islamic Elements In Traditional Indonesian And Malay Theatre. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies, 28(1).*

Hardwick, P. A. (2013). *Embodying the divine and the body politic: Mak Yong performance in rural Kelantan, Malaysia*. In Performance, popular culture, and piety in Muslim Southeast Asia (pp. 77-103). Palgrave Macmillan US.

University of Malaya

Haryati Hasan. (2014). Kegiatan Ekonomi Di Kelantan 1950-An Hingga 1970-an. *Jurnal Perspektif*, 6(3), 98-110.

Mohamad, A. D., Nasir, B. M., Yusof, K. M., Muhamad, N. H. N., Safar, A. J., Aziz, Y. A., ... & Rahim, R. A. A. (2014). Da'wah Resurgence And Political Islam In Malaysia. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 140, 361-366.

Mohd Azhar Abdullah dan Raihanah Abdullah "Peruntukan Undang-undang Aurat Dan Pakaian Sopan Menurut Bidang Kuasa Majlis Perbandaran Kota Bharu-Bandaraya Islam: Satu Huraian", dalam *Jurnal Syariah*, Jil. 18, Bil. 2 (2010), hlm. 361–400.

Mohd Hassan. (1981). Konsep keindahan dalam Islam dan hubungannya dengan seni dan sastera: suatu pandangan umum. *Islamiyyat*, *3*(81), 39-50.

Muhammad Syukri Salleh dan Osman Md. Yusoff. (1997). "The Poor People's Perception Of Poverty And Its Implication On The Realization Of Islamic Development In Kelantan, Malaysia", *Humanomics*, Vol. 13 Issue: 3, pp.215-244.

Naziree Md.Yusof. (2006). "Tolerensi Beragama dan Kesesuian Hukum Murtad di Malaysia", dalam *Jurnal Kanun*, 18(1), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka

Raybeck, D. (1992). The Coconut-Shell Clock: Time And Cultural Identity. *Time & Society*, 1(3), 323-340.

Siti Norlizaiha Harun, Zuraini Md Ali and Rodiah Zawawi. (2011). "The Changing Image and Identity of Kota Bharu, Kelantan, Malaysia: From Cultural City to Islamic City". *International Journal of Social Planning and Development*, 1, 75-80.

Stark, J. (2004). Constructing an Islamic model in two Malaysian states: PAS rule in Kelantan and Terengganu. SOJOURN: *Journal of Social Issues in Southeast Asia*, 19(1), 51-75.

Tru. Pujiyanto. (2014). Peranan Kesenian Rebana Walisongo Sragen Dalam Strategi Dakwah Kh.Ma'ruf Islamuddin. *Jurnal Candi - Jurnal Pendidikan dan Penelitian Sejarah, 4.*

Woro Zulaela. (2013). Peranan Wayang Kulit Dalam Pengembangan Budaya Islam. *DIMENSI*, 1(1).

Zakaria Ideris. (2012). "Islam Dan Falsafahnya Dalam Kebudayaan Melayu (Islam and Its Philosophy in Malay Culture)". *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 91-108.

Zulham Wahyudani. (2015). "Perubahan Sosial Dan Kaitannya Dengan Pembagian Harta Warisan Dalam Perspektif Hukum Islam," dalam *Jurnal Ilmiah Islam Futura* Vol. 14. No. 2,166-189.

KERTAS KERJA / SEMINAR

University of Malaya

Abd. Jalil Borhan. (2013). "Konsep Siasah dan Pelaksanaannya Dalam Konteks Malaysia". (Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Pelaksanaan Siasah Syar'iyyah Daam Konteks Masa Kini: Isu dan Cabaran, Anjuran Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), di Auditorium Punjangga KUIM, Melaka, 21 February 2013).

Abdullah b. Mohamad (Nakula). (1994). "Wayang Kulit Sejarah Dan Falsafahnya", (Kertas kerja Seminar Wayang Kulit Negeri Kelantan". Anjuran Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan bertempat di Kem Kijang Jalan PCB, Kota Bharu, Kelantan, pada 28-30 Jun 1994).

Abdul Halim Abdul Rahman. (pada 23 Oktober 2000). "*Kelantan Membangun Bersama Islam"*, (Simposium Perdana Membangun Bersama Islam), Kota Bharu, Kelantan.

Azmi Mohd Nasir. (2011). "Aspek Nasihat dalam Dikir Barat" dalam Abdullah Zakaria Ghazali. (Ed.). Warisan Kelantan xxv. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Djoko Suryo. (2000). *Tradisi Santri dalam Historiografi Jawa: Pengaruh Islam di Jawa*. In Seminar on Pengaruh Islam terhadap Budaya Jawa.

Farok Zakaria. (2011). "Strengthening Islamic Cultural Heritage of the Malays in Malaysia in the Post-global Society". In: International Conference on South-East Asia: Art, Cultural Heritage And Artistic Relations With Europe/Poland, The Manggha Museum of Japanese Art And Technology 26, Konopnickiej St. Krakow, Poland, 29 Sept–01 Okt 2011.

Ghulan Sarwar Yousof "Persembahan Berjamu Dalam Wayang Kulit Siam Di Kelantan". (Kertas kerja Seminar Wayang Kulit Negeri Kelantan, anjuran Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan bertempat di Kem Kijang, Jalan PCB, Kota Bharu, Kelantan, 28–30 Jun 1994).

_____ (t.t). *Angin Wayang: Biografi Dalang Wayang Kulit Yang Unggul.* Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia.

Hashim Yaacob. (1994). "Wayang Kulit Dalam Perspektif Islam". (Kertas kerja Seminar Wayang Kulit Negeri Kelantan, anjuran Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan bertempat di Kem Kijang, Jalan PCB, Kota Bharu, Kelantan, 28–30 Jun 1994).

Kertas Analisa Ke Atas Cadangan Menyerahkan Pengurusan Pusat Penerangan Pelancongan Negeri Kelantan Kepada Pentadbiran Negeri Kelantan. (Unit Perancangan Ekonomi Negeri Kelantan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan).

Mohamad Idham bin Mohamad Hasnol. (2015)."Gerakan Seni Tari Mengadap Rebab Dalam Persembahan Makyong Di Negeri Kelantan", (Tesis Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan).

Moniza Abdullah, *et. al*. (2008). *Kajian Mengenai Sejauh mana Penerimaan Masyarakat Kelantan Terhadap Pementasan Seni Wayang Kulit Sebagai Suatu*

Bentuk Hiburan. Institut Penyelidikan Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor.

Seminar Menjelang 20 Tahun Kepimpinan Ulamak Membangun Bersama Islam, Dewan Konvensyen Kelantan Trade Centre Kota Bharu, (23 Zulhijjah 1430/ 10 Disember 2009).

Shukeri Mohammad. "Siyasah Syar`iyyah Dalam Membentuk Gagasan Fiqh Masyarakat Majmuk" (Simposium Fiqh Masyarakat Bukan Islam Dalam Negara Islam, (23–24 Disember 2009).

_____ "Analisis Penggunaan Ijtihad Dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan Dari Tahun 1990 Hingga 2010".

Van Den Aardweg and Marjolijn Ragnhild. (2006). "The Fading Shadow of Wayang Kulit, Versus the Noise of Dikir Barat Political Islam, Ethnicity and Cultural Environment in Kelantan, Malaysia." Persidangan Seni Budaya dan Warisan di Abad 21, 3–5.

UCAPAN RASMI

Ucapan Belanjawan 2003 oleh YAB. Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdil Aziz Bin Nik Mat, Menteri Besar Kelantan, Persidangan Kali Yang Ketiga (Belanjawan) Bagi Tempoh Penggal Yang Ketiga Dewan Undangan Negeri Kelantan Yang Ke-sepuluh.

Ucapan Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat, Menteri Besar Kelantan, sempena Seminar Ahli-Ahli Majlis Daerah dan Penguasa Tempatan di Kota Darul Naim, 21 Februari 1993.

Ucapan Menteri Besar Kelantan, Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat sempena Majlis Perasmian Pelancaran Tahun Melawat Kelantan 1998, pada 19 Jamadil Awal 1418 bersamaan 21 September 1997.

Ucapan YAB Menteri Besar Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat (Berucap Merasmikan Pesta Wau Antarabangsa Di Seri Tujuh tahun 1993).

Ucapan YB. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim di Festival Dikir Barat dan Gendang Perdana di Kota Bharu, Kelantan pada 5-6 Mei 2006.

Ucapan YB. Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim di Program Merakyatkan Seni dan Budaya, Kampung Bunuhan, Tumpat, Kelantan.

Ucapan YB Datuk Seri Panglima Hj. Anuar Hj. Musa, Pengerusi Majlis Kemajuan Kelantan (MKK) di Seminar Pembangunan dan Hari Kebudayaan Kelantan pada 21 Januari 2007 di DTC Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Ucapan YB. Dato' Takiyuddin Hassan Sempena Sambutan Rombongan Majlis Kebudayaan Negeri Kedah (Pada 1 dan 2 Februari 2010 Di Pusat Penerangan Pelancongan, Kota Bharu, Kelantan).

University of Malaya

AKHBAR

Berita Harian 6 Jun 2010

Berita Harian 11 Mei 2011.

Berita Harian 14 Julai 1998.

Berita Harian 15 September 2005.

Berita Harian 5 November 1998.

Berita Harian, 6 Oktober 1990.

Berita Harian, Sabtu 2.4.1994.

Berita Harian, 25 Februari 2017

Harakah Daily November 2009.

Harakah Daily November 2009.

Harakah Daily, 2 Oktober 2005.

Harakah, 16 Ogos 2007.

Sinar Harian, 28/10/2014.

Suara Islam 15 Mei 1957.

Utusan Malaysia , 16 Mei 1997.

Utusan Malaysia, 10 Mei 1997.

Utusan Malaysia, 6 Mei 1997

Utusan Malaysia, 9 April 1997.

Utusan Malaysia, 21 Ogos 2011.

BULETIN / MAJALAH

Buku Cenderamata Pengisytiharan Kota Bharu Kota Budaya.

University of Malaya

Buletin Darulnaim Bil.102 Nov-Dis 2010M / Zulhijjah 1431H/ Muharram1432H.

Buletin Darulnaim, 1-31 Julai 2012, Bil.131.

Buletin Keluaran Khas, 1991.

Buletin SUK, Edisi November – Disember 2010, Bil.5.

Buletin UPKN 01-15 Oktober 2009/ Syawal 1430H.

Buletin UPKN, Bil ke 12, Muharam-Safar 1424 / April 2003 Pada 29 Mac 2003,

Dewan Budaya, Oktober 1994

Dewan Sastera, Ogos 1972.

Jurnal Al-Tamaddun, Bil. 4 (2009).

Majalah Kelantan. Bil.10, 1993H bersamaan Oktober 1973.

Qiadah, Muharam-Rabiul Awal 1435H, Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK).

INTERNET

http://al-ahkam.net/ 23 Mac 2010.

http://www.ammboi.com/2012/08/02/penjelasan-dato-siti-nurhaliza-berkenaan-kontroversi-_persembahan-di-kelantan/ dipetik pada 7/3/2018.

http://epondok.tripod.com/pondok.htm.

Http://huluselangor.pas.org.my/13 Mei 2013.

http://kelantan.pas.org.my.

http://mahmoodzuhdi.com, 6 Oktober 2010.

http://pasbandarsungaibuaya.blogspot.my/2011/01/azan-berkumandang-selepas-konsert-wali.html. 15/3/2018.

http://paskelate.tripod.com/ dipetik pada 24/ 5/ 2014

http://rostam97.tripod.com/mei8298/mei829819.htm, 20/12/2014

http://www.utusan.com.my/ dipetik pada 22/ 6 /2014.

University of Malaya

https://sejarahkelantan.wordpress.com/2012/10/30.

http://sejarahmelayu.blogspot.my/2011/01/puak-pas-pertahan-konsert-wali-band.html.

http://www.astroawani.com/berita-politik/pas-kelantan-tidak-bertanggungjawab ibrahim -ali-152107.

http://ii.islam.gov.my/articles/seniislam/pengenalan.php

http://dicc-eac.blogspot.com/2012/02/hukum-hiburan-dalam-islam.html

UNDANG-UNDANG / WARTA KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) Seksyen 103.

Enakmen Kawalan Hiburan dan Tempat-tempat Hiburan 1998.

Garis Panduan Lesen Hiburan Awam Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Perlembagaan Parti Islam SeMalaysia (PAS),(Pindaan 2001), Cetakan Pertama 2002.

Syarat-Syarat Lesen Hiburan Daerah Batu Pahat, Johor.

Undang-Undang Kecil Iklan (MPKB-BRI) (Pindaan) 2007.

Undang-undang Kecil Iklan MPKB 1990.

Undang-undang Kecil Kedai Dobi MPKB 1990 (Pindaan) 2004

Undang-undang Kecil Kedai gunting Rambut dan Pendandan Rambut MPKB (Pindaan) 2003

Undang-undang Kecil Pasar MPKB (Pindaan) 2004

Undang-undang Kecil Pengawalan dan Penyeliaan Establishmen Makanan MPKB (Pindaan) 2003

Undang-undang Kecil Penjaja MPKB (Pindaan) 2003

Undang-undang Kecil Rumah Tumpangan MPKB 1989 (Pindaan) 2003

Undang-undang Kecil Taman MajlisPerbandaran Kota Bharu 1986

Undang-undang Kecil Tempat Letak Kereta Persendirian 1987 (Pindaan) 2004

Undang-undang Kecil Tred Perniagaan, Perniagaan dan Perindustrian MPKB (Pindaan) 2002

Warta Kerajaan Persekutuan, 12hb. Februari 1978, P.A (A) 46.

University of Malaya

Warta Kerajaan Persekutuan, 8hb.November 1977, P.U (A) 358.

PENYATA RASMI DAN MINIT MESYUARAT

Minit Jawatankuasa Sambutan " Kota Bharu Kota Budaya" MPKB: 22/90/(20).

Minit Mesyuarat Jemaah Pesuruhjaya Pas Kelantan pada 29hb. April 1978.

Penyata Pilihanraya Umum Dewan Undangan Negeri Kelantan 1978.

Penyata Rasmi Dewan Undangan Negeri Kelantan 1992.

Penyata Rasmi Persidangan Kali Yang Pertama Bagi Tempoh Penggal Yang Ketiga, Dewan Undangan Negeri Kelantan pada 13hb. April 1992.

Laporan Seminar Wayang Kulit Negeri Kelantan anjuran Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kelantan 1994.

PEKELILING KERAJAAN NEGERI KELANTAN

Pekeliling Am Bil.2 Tahun 2001, Kerajaan Negeri Kelantan, "Penggunaan Tulisan Jawi", Bertarikh 16 Syawal 1422/31 Disember 2001.

Pekeliling Am Negeri Bilangan 4 Tahun 2003, Garis Panduan Kawalan Hiburan 2003.

Pekeliling Am Negeri Bilangan 5 Tahun 2003, Garis Panduan Persembahan Wayang Kulit. Tarikh berkuatkuasa pada 23 Oktober 2003.

Pekeliling Pentadbiran Islamiah, Kerajaan Negeri Kelantan, Bil.1 Tahun 2000, *"Pemakaian Kalendar Hijrah Dalam Urusan Pentadbiran Kerajaan Negeri Kelantan",* Bertarikh: 14 Jamadi Akhir 1421/13 September 2000.

KERTAS DASAR DAN GARIS PANDUAN

Dasar Membangun Bersama Islam

Garis Panduan Persembahan Kebudayaan (Hiburan) di Negeri Kelantan 1998.

Garis Panduan Persembahan Hiburan Dalam Kawasan Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam.

University of Malaya